



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BANDAR DAN PEKAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI PERAK 1874-1940

NOR HISHAM BIN ZULKIFLEE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menfokuskan perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak dalam tempoh tahun 1874 sehinggalah tahun 1940. Adalah dianggarkan lebih kurang tiga puluh buah bandar dan pekan kecil di seluruh negeri Perak. Kajian ini dilaksana dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif yang menekankan penggunaan sumber primer seperti rekod-rekod kolonial British yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia seperti *Colonial Office Record*, Laporan Tahunan, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Daerah, surat-surat Residen British dan *Perak Government Gazette*. Kesemua dokumen ini dianalisis dan dibuat penilaian serta tafsiran secara *hermeneutic* bagi mengelakkan sebarang *bias*. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa kemunculan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak didapati bukan sahaja berpunca daripada kesan perlombongan bijih timah tetapi perkembangan tersebut turut dipengaruhi oleh pentadbiran kolonial British, impak Revolusi Perindustrian, peranan pegawai British dan pemimpin setempat, kewujudan sistem perhubungan moden dan pertanian komersil. Perkembangan bandar dan pekan bijih timah ini berterusan sehinggalah ia menjadi semakin kurang berfungsi akibat pengaruh persekitaran ekonomi pada masa penjajahan kolonial British yang mengalami kemerosotan. Walau bagaimanapun, bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak dianggap sebagai mercu tanda perbandaran pertama yang terancang di Tanah Melayu serta mampu diangkat menjadi warisan negara.





THE TIN MINING TOWNS IN PERAK 1874-1940

ABSTRACT

This research aims to study the development of tin mining towns in Perak in the period 1874 until 1940s. It is estimated these are more than thirty towns throughout the state. This study utilised qualitative approach which emphasize the use of primary sources such as records of the British colonial stored in the Malaysia National Archives as Colonial Office Records, Annual Reports, State Secretary Files, District Office, letters of the British Resident and Perak Government Gazette. These documents were analysed, evaluated and interpreted hermeneutic to avoid any bias. The results showed that the establishment of tin mining towns in Perak was not only due to the effect of tin mining, but the growth was also influenced by the British colonial administration, the impact of the Industrial Revolution, the role of British officials and local leaders, the availability of modern communications systems and agriculture commercial. The development of tin mining towns are sustained until it turned progressively less functional due to the economic environment at the time of British colonial rule diminished. However, tin mining towns in Perak is considered as a landmark of the first planned township in Malaya and could become a national heritage.





ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI LAMPIRAN	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
BAB 1 LATAR BELAKANG	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Skop Kajian	3
1.3 Tujuan	4
1.4 Permasalahan Kajian	4
1.5 Objektif	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Ulasan Kajian Terdahulu	7
1.8 Definisi Istilah	14
1.9 Metodologi Kajian	17
1.10 Pembahagian Bab	19
1.11 Kesimpulan	21
BAB 2 NEGERI PERAK DAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH	24
2.1 Latar Belakang Negeri Perak	24
2.2 Perkembangan Bandar Tradisional di Perak Sebelum Tahun 1874	28
2.3 Sejarah Perlombongan Bijih Timah di Perak	36
2.4 Kesimpulan	46





BAB 3 KEMUNCULAN BANDAR DAN PEKAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI PERAK	52
3.1 Daerah Larut	53
3.2 Daerah Kinta	67
3.3 Daerah Batang Padang	116
3.4 Kesimpulan	127
BAB 4 FAKTOR-FAKTOR PERKEMBANGAN BANDAR DAN PEKAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI PERAK	139
4.1 Pengaruh Perkembangan Industri Perlombongan Bijih Timah	140
4.2 Kewujudan Pentadbiran British	142
4.3 Pengaruh Revolusi Perindustrian di Britian	147
4.4 Peranan Pegawai-pegawai British	151
4.5 Peranan dan Pengaruh Pembesar Melayu Perak	157
4.6 Peranan Pelombong Cina	167
4.7 Kesan Pembinaan Sistem Pengangkutan dan Perhubungan	171
4.8 Kesan Pertanian Komersil	175
4.9 Kesimpulan	178
BAB 5 KEPENTINGAN BANDAR DAN PEKAN KECIL PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI NEGERI PERAK	184
5.1 Pemangkin Pembangunan Ekonomi Perak	185
5.2 Permulaan Perbandaran Ala Bandar British di England	189
5.3 Warisan Senibina Kolonial	194
5.4 Kemunculan Masyarakat Majmuk	199
5.5 Transit Gerakan Politik	207
5.6 Kesimpulan	214
BAB 6 : PENUTUP	219
BIBLIOGRAFI	225
LAMPIRAN	235





SENARAI LAMPIRAN

- 1 Surat *Commission For The Pacification of Larut* kepada Gabenor Sir Andrew Clarke dan Perjanjian Persempadanan Larut yang ditandatangani pada 20 Februari 1874.
- 2 Surat daripada Hugh Low kepada F.A. Swettenham atas perkhidmatan cemerlang sebagai Penolong Residen di Perak, 11 Januari 1886.
- 3 Surat asal peniaga-peniaga di Ipoh kepada Majistret Kinta.
- 4 Gambar-gambar bersejarah bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak.
- 5 Peta Negeri Perak pada tahun 1910





SENARAI SINGKATAN

ANM	Arkib Negara Malaysia
AR	<i>Annual Report</i>
hlm.	halaman.
INA	<i>Indian National Army</i>
JMBRAS	<i>Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society.</i>
JSBRAS	<i>Journal of the Straits Branch Asiatic Society.</i>
Km	kilometer
NNS	Negeri-Negeri Selat
PGG	<i>Perak Government Gazette</i>
RCPE, 1874	<i>Report of the Commissioners under Clause XIII of the "Perak Engagement" dated 20th January 1874.</i>
SBLD	<i>Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak for the year 1874.</i>
SPL	Suruhanjaya Perdamaian Larut
S.S	<i>Straits Settlements</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.</i>





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada akhir abad ke-19, negeri Perak memasuki fasa baharu dalam sejarah pembangunan moden di Negeri-negeri Melayu. Ia menyaksikan berlakunya interaksi antara masyarakat dan persekitaran yang bergabung dalam membentuk negeri Perak yang wujud pada hari ini. Perkembangan industri perlombongan bijih timah di negeri Perak menerusi penemuan bijih timah di Larut oleh Long Jaafar pada tahun 1840-an dan Perjanjian Pangkor¹ pada tahun 1874 menjadi satu titik tolak kepada sejarah moden negeri ini. Perkembangan tersebut mengubah landskap penempatan masyarakatnya daripada perkampungan di tebing sungai yang beratapkan nipah kepada pekan dan bandar yang memiliki bangunan konkrit. Hal yang demikian ini jelas dibuktikan dengan catatan Sir Hugh Low pada tahun 1881 yang menyatakan petempatan di Perak bukannya sebuah perkampungan kotor dengan pondok atap yang dilalui oleh lorong bengkok sempit, tetapi sebuah bandar baharu mengandungi blok bangunan batu yang memiliki penampilan kemas dan terbaik sama seperti di bandar-bandar Negeri-negeri Selat.²





Transformasi tersebut juga dirangsang dengan keutuhan kerjasama politik antara pihak kolonial British dan pemimpin tempatan dalam sistem pentadbiran.³ Perkembangan turut ini meningkatkan potensi ekonomi negeri Perak lalu membawa kepada kemasukan secara besar-besaran imigran Cina dan India ke negeri ini. Kehadiran golongan tersebut secara tidak langsung berfungsi sebagai sumber tenaga manusia yang menyumbang terhadap pertumbuhan pekan kecil dan bandar perlombongan bijih timah di negeri Perak. Selain itu, pembinaan landasan kereta api dan jalan raya turut memainkan peranan dalam perkembangan ini. Segala perubahan sosio-ekonomi ini sedikit sebanyak mempengaruhi bangun dan jatuhnya pekan dan bandar perlombongan bijih timah yang muncul di negeri Perak terutamanya selepas tahun 1874.

Bandar-bandar dan pekan kecil di negeri Perak yang masih wujud sehingga hari ini merupakan bekas peninggalan kolonial yang merakam segala perkembangan yang berlangsung di negeri Perak pada masa lampau. Bandar dan pekan kecil ini, atau lebih dikenali oleh masyarakat tempatan sebagai 'pekan lama' boleh diibaratkan sebagai sebuah buku yang memiliki bab-bab yang bukan sahaja memaparkan sejarah lampau lokasi tersebut tetapi juga kehidupan masyarakatnya secara keseluruhan. Bandar dan pekan kecil ini turut berfungsi sebagai mercu tanda dan warisan sejarah yang juga merupakan lambang ekonomi masyarakat negeri Perak terutamanya semasa zaman kegemilangan negeri ini sebagai pengeluar utama bijih timah dunia. Maka tidak hairanlah negeri ini mendapat jolokan sebagai '*Perak, the state that tin built*' atau dalam bahasa Melayu iaitu 'Perak, negeri yang dibina oleh bijih timah'.⁴





1.2 Skop Kajian

Kajian ini mengambil tempoh masa dari tahun 1874 hingga 1940. Pemilihan tempoh masa tersebut adalah kerana tempoh berkenaan merupakan era kegemilangan perlombongan bijih timah yang banyak mempengaruhi landskap perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Skop masa kajian bermula pada tahun 1874 kerana pada tahun tersebut merupakan permulaan kepada pentadbiran kolonial British di Perak menerusi Perjanjian Pangkor yang seterusnya merangsang kepada kemunculan bandar dan pekan perlombongan negeri tersebut. Tahun 1940 pula dipilih sebagai skop masa berakhir ekoran berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an dan Perang Dunia Kedua (1941-1945) yang mana secara tidak langsung menjejaskan perkembangan bandar dan pekan bijih timah di Perak.



Lokasi penyelidikan pula dibahagikan kepada lima zon yang dahulunya adalah daerah perlombongan bijih timah utama di Perak iaitu Larut Matang dan Selama, Kinta, Kampar, Batang Padang dan Muar. Pembahagian ini dilakukan berikutan kepentingan kawasan tersebut yang mempunyai bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah yang berkait rapat dengan penyelidikan ini kelak. Bandar dan pekan kecil yang terlibat dalam lokasi penyelidikan ini ialah Taiping, Kamunting, Matang, Tupai, Aulong, Ipoh, Ampang, Chemor, Tambun, Tanjung Rambutan, Lahat, Menglembu, Tronoh, Pusing, Papan, Batu Gajah, Sungai Raia, Gopeng, Kota Bahru, Kampar, Temoh, Chenderiang, Sungai Siput (Selatan), Tapah, Bidor, Sungkai, Slim River, Behrang dan Tanjong Malim.





1.3 Tujuan

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak dari sudut politik dan sosio-ekonomi sejak tahun 1874 hingga 1940. Penyelidikan ini menelusuri sejarah petempatan awal yang diterokai daripada kawasan hutan untuk dijadikan sebagai kawasan perlombongan bijih timah. Apabila petempatan-petempatan ini berperanan bagi membekalkan pelbagai bekalan kepada pelombong dan dibantu dengan pembinaan infrastruktur, ia telah merubah wajah kawasan tersebut sehingga lahirnya bandar dan pekan yang baru.



1.4 Permasalahan Kajian

Pada akhir abad ke-19, negeri Perak mengalami perkembangan dan kemunculan pesat bandar-bandar dan pekan-pekan yang lahir daripada aktiviti perlombongan bijih timah yang rancak berlangsung. Kemunculan ini merupakan senario baru terhadap perkembangan negeri Perak menjelang abad ke-20. Abdullah Zakaria Ghazali menjelaskan bahawa kawasan yang asalnya adalah hutan belantara telah diterokai sebagai kawasan perlombongan bijih timah dan menjadi petempatan para pelombong lalu berkembang sebagai sebuah bandar yang berfungsi menyokong aktiviti perlombongan tersebut.⁵ Menurut Gullick pula, bandar-bandar di negeri Perak terutama Taiping lebih maju dan terancang berbanding negeri Selangor pada tempoh 1874-1875.⁶ Menjelang tahun 1940-an, terdapat sebahagian pekan-pekan perlombongan bijih timah itu terus berkembang menjadi





bandar-bandar besar seperti Ipoh dan Taiping manakala sebahagian yang lain pula merosot hingga menjadi pekan mati.

Perlombongan bijih timah dan pentadbiran British di negeri Perak pada tahun 1874 didapati telah mencorak perkembangan dan kemunculan bandar dan pekan-pekan di negeri Perak. Ia juga bukan sahaja didiami oleh penduduk tempatan tetapi turut dibanjiri dengan kemasukan buruh-buruh Cina dan India yang kemudiannya membentuk kepada masyarakat majmuk di negeri Perak. Selain itu, perkembangan ini dirangsang dengan penyediaan kemudahan infrastruktur moden oleh kerajaan kolonial British seperti jaringan jalan raya, sistem pos dan perkhidmatan kereta api.



1. Mengkaji latar belakang petempatan awal di negeri Perak sebelum campur tangan British.
2. Mengkaji sejarah perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak semasa pentadbiran British.
3. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak.
4. Mengkaji kepentingan perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak terhadap sosio-ekonomi semasa era kolonial British.





1.6 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, penyelidikan mengenai perkembangan bandar-bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perakamat kurang dilakukan. Hamzah Sendut turut mengakui hal ini dalam tulisannya yang berjudul ‘*Urbanization*’ bahawa kajian berkenaan perkembangan bandar di Malaysia agak berkurangan.⁷ Wang Gungwu juga menyatakan bahawa kajian sejarah tempatan ini agak sukar kerana kebiasaannya sejarawan tempatan sahaja yang akan melakukan kajian dan bias untuk menaikkan tempatnya.⁸

Kebanyakan kajian lepas atau penyelidikan hanya menumpukan kepada beberapa bandar utama sahaja seperti Ipoh, Taiping dan Teluk Intan. Situasi ini mungkin disebabkan tidak ramai penyelidik menyedari kewujudan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah yang kebanyakannya tenggelam dalam arus pembangunan lalu menjadi pekan kecil atau pekan mati pada hari ini. Oleh itu, penyelidikan ini memenuhi kekurangan penyelidikan mengenai bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di Perak dan menambahkan maklumat berkaitan perkembangan serta sejarah negeri ini.

Kajian berkenaan sejarah bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak ini sekaligus dapat mengetengahkan kembali warisan sejarah kegemilangan bijih timah negeri Perak yang pada hari ini berhadapan dengan masalah keuzuran dan kemusnahan oleh arus pembangunan moden. Hasil kajian ini juga didapati boleh membantu kepada usaha-usaha untuk pendokumentasian dan pemuliharaan bandar dan pekan perlombongan bijih timah ini sebagai warisan sejarah serta mendapat pengiktirafan *United Nation Education, Science and Culture Organization* (UNESCO) sebagai ‘Bandar Warisan Bijih Timah Dunia’ di Malaysia selepas Melaka dan Georgetown diiktiraf sebagai ‘Kota-kota Bersejarah Selat Melaka’. Ia turut menjadi sumber bacaan serta panduan





kepada bakal penyelidik lain selepas ini yang berminat mengkaji berkaitan bandar-bandar dan pekan perlombongan bijih timah atau industri tersebut di negeri Perak.

1.7 Ulasan Kajian Terdahulu

Perlombongan bijih timah umpama nadi kepada perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak. Industri tersebut bukan sahaja melahirkan bandar dan pekan tersebut tetapi turut menwarnai kehidupan seharian warga penghuninya. Selain itu, kemunculan bandar dan pekan ini menggambarkan pencapaian bagi pembangunan negeri Perak semasa era kegemilangannya sebagai pengeluar utama bijih timah dunia. Isu ini telah menarik minat ramai penyelidik untuk melakukan kajian mengenai sejarah mengenai sosio-ekonomi negeri Perak semasa zaman kolonial British.

Hasil awal tinjauan terhadap kajian lepas yang telah dilakukan, kebanyakan kajian lebih menjurus kepada beberapa bandar dan pekan perlombongan bijih timah utama di negeri Perak seperti Taiping (Larut), Ipoh, Batu Gajah dan Kampar (Kinta). Namun begitu, tidak begitu banyak maklumat atau kajian yang membincangkan bandar-bandar lain seperti Papan, Pusing, Lahat, Tronoh, Sungai Raia, Temoh, Gopeng dan Bidor. Jika ada, kajian tersebut hanya menyentuhnya secara ringkas sahaja.

Sebenarnya tidak ada kajian yang dilakukan dalam bentuk disertasi atau tesis berkenaan sejarah bandar dan pekan di Perak. Malahan kajian peringkat ini untuk membincangkan sejarah perbandaran negara juga tidak begitu banyak. Antara yang kajian memiliki hubungkait dengan penyelidikan ini ialah ‘Sanitary Board Kuala Lumpur,





Peranan dan Pentadbiran 1890-1914⁹ oleh Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. Ia merupakan disertasi sarjana yang khusus membincangkan aspek sejarah perbandaran dan telah diubahsuai sebagai monograf. Kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu latar belakang Kuala Lumpur, pentadbiran Sanitary Board dan isu-isu berkaitan badan penguasa tempatan tersebut. Namun begitu berbeza dalam penyelidikan ini, penyelidik menghuraikan bahawa bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak juga mempunyai beberapa Sanitary Board yang turut menjadi salah satu daripada faktor penyumbang kepada perkembangan perbandaran negeri ini.¹⁰

Kajian terawal yang dikenal pasti menyentuh mengenai bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak ini ialah artikel 'About Kinta'¹¹ yang ditulis oleh H.W.C. Leech dalam *Journal of the Straits Branch Royal of the Asiatic Society (JSBRAS)* keluaran tahun 1879. Penulisan artikel ini lebih menfokuskan kepada ekspedisi yang dilakukan oleh Leech yang bermula dari Kuala Kangsar. Semasa berada di Kinta, Leech turut mencatatkan kaedah perlombongan bijih timah yang dijalankan di situ. Beliau juga mengunjungi Papan, Sungai Raya dan Gopeng yang dinyatakan sebagai kawasan perlombongan utama di Kinta. Meskipun tajuk artikel ini adalah Kinta tetapi ia turut membicarakan lokasi-lokasi lain seperti Lembah Sungai Plus, Chenderiang, Tapah, Bidor, Slim River dan Sungkai. Penulisan Leech ini hanya memberikan sedikit gambaran mengenai bandar dan pekan perlombongan yang wujud semasa lawatannya tersebut.

Seterusnya, artikel hasil tulisan J. Errington de La Cox dalam *JMBRAS* pada tahun 1880 yang bertajuk 'Some Accounts of the Mining District of Lower Perak'¹² juga merupakan sebahagian kajian awal yang pernah dilakukan mengenai sejarah perlombongan di negeri Perak. Sepertimana artikel Leech, de La Cox turut menerangkan latar belakang secara ringkas mengenai kawasan-kawasan perlombongan bijih timah yang terdapat di selatan negeri Perak iaitu Daerah Sungai Kinta, Daerah Sungai Batang Padang dan Daerah





Sungai Bidor. Namun begitu sebagai seorang jurutera lombong, beliau lebih membincangkan perlombongan bijih timah dalam artikel ini dari perspektif geologi daripada aspek petempatan perlombongan bijih timah yang wujud seperti dalam penyelidikan ini.

Kemudian, Khoo Kay Kim sebagai sejarawan tempatan pula menulis sebuah artikel bertajuk '*Taiping (Larut) : The Early History of a Mining Settlement*'¹³ dalam *JMBRAS* keluaran 1991 yang turut menjadi salah satu bahan rujukan penting dalam penyelidikan ini. Artikel ini banyak membincangkan mengenai perkembangan Taiping yang bermula daripada peristiwa penemuan bijih timah oleh Long Jaafar sehingga menjadi sebuah bandar terpenting di negeri Perak pada awal abad ke-20 dan turut menyentuh kemerosotan bandar tersebut. Walaupun lengkap membicarakan perkembangan Taiping, artikel ini kurang memberi tumpuan mengenai asal usul kemunculan, pembuka dan tokoh yang memajukan bandar ini. Penulis juga didapati lebih menumpukan perbincangan mengenai asal usul orang Cina di Taiping dan pertelingkahan pelombong Cina sahaja sehingga mengabaikan perbincangan berkaitan orang Melayu dan India di bandar itu.

Selain itu, Khoo Kay Kim turut menulis sebuah artikel rencana yang menarik mengenai sejarah perlombongan bijih timah di negeri Perak yang bertajuk '*Bijih Timah dalam Sejarah Perak*'¹⁴. Meskipun artikel tersebut ringkas, ianya secara tidak langsung banyak memberikan maklumat terhadap penyelidikan ini terutamanya dalam bab dua iaitu mengenai latar belakang sejarah perlombongan bijih timah di negeri Perak. Khoo Kay Kim juga memuatkan perbincangan ringkas mengenai impak industri bijih timah ini terhadap sosio-ekonomi negeri ini termasuklah perkembangan bandar dan pekan perlombongan. Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak akibat kemerosotan perlombongan bijih timah turut boleh didapati dalam





artikel ini. Walau bagaimanapun, kelemahan artikel ini adalah tidak menerangkan latar belakang bandar dan pekan perlombongan bijih timah yang terdapat di Perak.

Jika Khoo Kay Kim berkaitan Taiping dan Larut, artikel yang bertajuk 'Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi Sebuah Bandaraya'¹⁵ oleh Mohd Hairy Ibrahim, Jamaluddin Md. Jahi, Abdul Samad Hadi dan Khairi Ariffin pula mengetengahkan perkembangan bandar Ipoh dalam aspek perbandaran. Artikel ini secara keseluruhan memaparkan proses perkembangan bandar Ipoh yang bermula dengan bidang perlombongan bijih timah hingga perkembangan industri moden pada hari ini. Walau bagaimanapun, maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan ini hanya terdapat dalam tajuk kecil artikel ini iaitu 'Perkembangan Ipoh Sebelum Merdeka (1890-1956)' dan perbincangannya terlalu ringkas kerana lebih menekankan aspek geografi.

Seterusnya, sejarah perbandaran di Perak turut disentuh dalam kertas kerja Mohd.



Zamberi Abdul Malek yang bertajuk 'Taiping Ibu Kota Perak Sebelum Ipoh'¹⁶.

Perbincangan kertas kerja ini dimulakan dengan memerihalkan pembangunan dan perkembangan bandar Taiping oleh pihak pentadbir British. Penyediaan infrastruktur moden dan terawal di Negeri-negeri Melayu telah menjadi keistimewaan Taiping sebagai ibu kota Perak. Artikel ini turut memaparkan cadangan Taiping sebagai pusat pentadbiran Persekutuan pada tahun 1896 dan pemindahan ibu negeri Perak dari Taiping ke Ipoh. Secara umum, perbincangan artikel ini begitu baik namun terdapat kelemahan yang dikenalpasti dalam artikel ini ialah kurangnya penggunaan sumber primer. Bagi penyelidik, kertas kerja ini merupakan bahan penting dalam kajian terutamanya merujuk latar belakang Taiping dan pemindahan ibu negeri Perak.

Kemudian, Zabidin Ismail juga membincangkan sejarah Ipoh menerusi kertas kerjanya yang bertajuk 'Ipoh : Tinjauan Ringkas Sejarah Pembukaan dan Kemunculan





Akhbar Politik Pra Merdeka'.¹⁷ Perbincangan kertas kerja ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu pembukaan bandar Ipoh dan kemunculan akhbar politik pra merdeka. Berdasarkan sumber sekunder, artikel ini menjelaskan penerokaan Ipoh oleh Kulup Kinta yang seterusnya menjadi pekan bijih timah. Ia juga turut menyentuh asal usul nama Ipoh. Namun dalam bahagian kedua, kertas kerja ini kurang menekankan peranan Ipoh sebagai pusat kemunculan akhbar politik pra merdeka dan hanya memaparkan latar belakang akhbar-akhbar tersebut.

Di samping itu, terdapat juga artikel yang menyentuh tentang sejarah kemunculan bandar lain di luar negeri Perak. Misalnya, Zulkarnain Abdul Rahman menghasilkan satu kertas kerja bertajuk 'Perkembangan Kuala Lumpur Pada Abad ke-19'.¹⁸ Kertas kerja ini membicarakan mengenai sejarah awal Kuala Lumpur serta beberapa polemik sejarah bandar tersebut seperti asal usul, lokasi permulaan dan faktor perkembangan. Menurut artikel ini, kepesatan perlombongan bijih timah dan perpindahan pusat pentadbiran telah menjadi faktor perkembangan Kuala Lumpur. Secara tidak langsung, faktor yang sama turut mempengaruhi perkembangan bandar perlombongan bijih timah di Perak dan ditambah dengan beberapa faktor lain berdasarkan dapatan pengkaji dalam penyelidikan ini.

Satu lagi kertas kerja berkenaan perbandaran di Malaysia ialah 'Masyarakat dan Perubahan Alam Bina di Terengganu yang dihasilkan oleh Sulong Mohamad'.¹⁹ Uniknya kertas kerja ini adalah penggunaan istilah 'alam bina' yang menggantikan istilah perbandaran. Secara keseluruhan artikel ini menyorot kembali sejarah perubahan alam bina di Terengganu dari zaman pra-Kesultanan hingga sekarang. Namun berbeza dengan penyelidikan ini, perbandaran di Terengganu lebih kepada bandar pelabuhan dan perdagangan menjadi faktor utama perkembangan bandar di negeri tersebut terutamanya Kuala Terengganu.





Selain daripada artikel jurnal, buku-buku turut menjadi rujukan dalam penyelidikan ini. Antara buku utama yang menjadi rujukan ialah *'The Evolution Of The Urban System In Malaya'*²⁰ yang ditulis oleh Lim Heng Kow. Kepentingan buku ini terhadap penyelidikan ini adalah disebabkan kandungannya membincangkan evolusi sistem bandar di Tanah Melayu dari perspektif sejarah termasuklah perbandaran di Perak. Namun, perbincangan buku ini mengenai perbandaran di Perak hanya berfokus kepada perkembangan ringkas bandar-bandar berserta pengaruh perlombongan bijih timah dan dasar pentadbiran British terhadap perkembangan bandar-bandar tersebut.

Seterusnya, *'About Perak'*²¹ yang ditulis oleh Frank Swettenham pada tahun 1893 merupakan salah satu buku penting dalam penyelidikan ini. Buku ini menjelaskan mengenai setiap bandar dan pekan yang terdapat di negeri Perak dari daerah Kerian hingga ke Hilir Perak dari sudut pandang Swettenham sendiri yang terlibat dalam perkembangan perbandaran negeri tersebut. Keseluruhan penjelasan tersebut terkandung dalam satu bab yang bertajuk *'Agriculture and The Rise of Townships'*. Meskipun begitu, penulisan Swettenham ini hanya menyentuh secara umum mengenai bandar dan pekan yang terdapat di Perak sehingga tahun 1893 sahaja.

Penyelidikan ini turut menjadikan buku *Larut Daerah Terkaya*²² yang ditulis oleh Mohd. Zamberi A. Malek sebagai rujukan mutakhir dalam melihat perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di daerah tersebut. Buku ini menelusuri perkembangan daerah Larut terutamanya Taiping dari sudut politik, ekonomi dan sosial dari sejak zaman prasejarah sehingga zaman pasca merdeka. Ia menceritakan sejarah penting dalam perlombongan bijih timah di Perak itu sendiri dengan kisah penemuan galian tersebut dan usaha perlombongan yang dijalankan oleh Long Jaafar bersama anaknya, Menteri Ngah Ibrahim. Berbanding dengan penyelidikan yang dilakukan, buku





ini didapati lebih membincangkan perkembangan bandar Taiping sahaja dan kurang menyentuh perkembangan pekan-pekan perlombongan bijih timah lain di Larut.

Di samping itu, buku '*Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*'²³ yang ditulis oleh Khoo Salma Nasution dan Abdur Razzaq Lubis juga banyak memberikan maklumat kepada penyelidik mengenai perkembangan awal bandar-bandar di Kinta. Buku ini bukan sahaja mendedahkan perkara tersebut tetapi turut menceritakan asal usul nama sebahagian bandar-bandar di Kinta. Menurut kedua-dua orang penulis ini, kebanyakan bandar bersejarah di Kinta adalah bandar perlombongan bijih timah dan industri itu banyak mempengaruhi perkembangannya. Mereka berpendapat bahawa perkembangan ini bermula pada akhir abad ke-19 dan merosot selepas Perang Dunia Pertama. Latar belakang dan perkembangan kaedah perlombongan bijih timah di negeri Perak terutamanya Kinta juga dimuatkan dalam buku ini. Meskipun begitu, penulis buku ini hanya menceritakan latar belakang bandar-bandar tersebut tanpa memberikan hubungkaitnya seperti faktor kemunculan dan kesan perbandaran di Kinta dengan perlombongan bijih timah.

Kemudian, buku Ho Ming Tak yang berjudul '*Ipoh When Tin Was King*'²⁴ juga penting kepada penyelidik kerana ia bukan sahaja menjelaskan perkembangan sosio-ekonomi bandaraya Ipoh pada peringkat awal tetapi secara tidak langsung turut meliputi beberapa bandar lain di daerah Kinta seperti Batu Gajah dan Gopeng. Namun, perbincangan utama buku ini lebih kepada membicarakan perkembangan Ipoh sebagai sebuah kampung kepada bandar kedua terpenting di Tanah Melayu selepas Kuala Lumpur pada abad ke-20. Ho Ming Tak juga hanya menyentuh latar belakang pelombong-pelombong terutamanya Cina dan kurang memberi perhatian terhadap aspek lain dalam perkembangan bandar bijih timah seperti penyelidikan ini.





Selain di Perak, terdapat juga buku mengenai bandar dan pekan di negeri lain seperti ‘Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1920 : Peribumi dan Pemodenan’.²⁵ Buku ini asalnya adalah kajian yang dilakukan oleh penulis, Abdul Malek Munip. Secara umum, buku ini bukan sahaja membincangkan perkembangan bandar Muar tetapi membuktikan bahawa kepimpinan Melayu Johor berupaya membangunkan sendiri bandar tersebut dengan menyusun sistem pentadbiran dan sosioekonomi dengan jayanya. Berbeza dengan penyelidikan ini yang melihat bahawa perkembangan bandar dan pekan-pekan di Perak lebih dipengaruhi oleh kesan pentadbiran kolonial British.

1.8 Definisi Istilah



Perlombongan

Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan beberapa istilah penting yang memainkan peranan dalam memperjelaskan tajuk penyelidikan. Istilah-istilah tersebut ialah perlombongan, bandar dan pekan. Perlombongan pula mengikut pengertian yang diberikan dalam Kamus Dewan ialah kerja melombong. Definisi ini tidak begitu jelas seperti maksud perlombongan yang diberikan dalam *Ensiklopedia Britannica* iaitu penggalian bahan galian daripada dasar bumi seperti bijih timah, emas, bijih besi dan termasuk mineral organik iaitu arang batu dan petroleum.²⁶





Bandar dan Pekan

Istilah kota, bandar dan pekan sebenarnya memiliki maksud yang hampir sama. Menurut Kamus Dewan juga memberikan erti 'pekan' sebagai tempat perniagaan dan bandar manakala 'bandar' pula membawa maksud tempat dan pusat yang ramai penduduknya dan terdapat banyak urusan dan perniagaan yang dilakukan.²⁷ Definisi bandar ini adalah sama dengan pengertian yang terdapat dalam Ensiklopedia Malaysia tetapi diperjelaskan lagi bahawa bandar ini berbeza mengikut aspek umur, saiz, kepentingan dan fungsinya.²⁸ Menurut Ensiklopedia Dunia, bandar merupakan sebuah komuniti kediaman dan bangunan lain dalam kelompok yang berdekatan tempat manusia tinggal dan bekerja.²⁹

Dalam sejarah, bandar merupakan satu tahap perkembangan yang tertinggi atau terbesar dalam transformasi kehidupan manusia. Ia bermula dengan petempatan yang kecil yang mengalami evolusi selari perubahan sejarah manusia. Maka tidak hairanlah konsep bandar telah wujud sejak zaman awal ketamadunan dunia. Perkembangan ini jelas dibuktikan dalam sejarah tamadun awal dunia seperti Tamadun Mesopotamia memiliki bandar-bandarnya di sepanjang tebing Sungai Tigris dan Sungai Euphrates serta Tamadun Indus dengan bandar kotanya, Harappa di tebing Sungai Indus.

Di Malaysia, konsep bandar turut berkembang dalam corak yang sama. Menurut Badriyah Haji Salleh, perkembangan bandar di negeri-negeri Melayu terbahagi kepada dua iaitu sebelum dan selepas zaman pentadbiran kolonial.³⁰ Beliau menjelaskan bahawa sebelum kedatangan penjajah Barat, kebanyakan bandar terletak di muara sungai serta menfokuskan kepada aktiviti pentadbiran dan ekonomi sahaja. Bandar-bandar ini juga dikatakan wujud hasil daripada perdagangan antara India dengan Asia Tenggara.³¹ Contoh bandar-bandar tersebut ialah Melaka dan Kuala Kedah. Bandar-bandar ini bermula





daripada sebuah perkampungan nelayan dan berkembang menjadi pelabuhan entreport. Namun bentuk bandar awal ini tidak begitu jelas, hanya terdapat pembahagian kawasan iaitu kawasan pentadbiran dan kawasan awam.³²

Apabila wujudnya pentadbiran British, bandar-bandar baru telah dibina berhampiran dengan kawasan perlombongan bijih timah serta didiami oleh buruh-buruh luar dan orang Eropah. Penduduk tempatan iaitu orang Melayu yang tidak terlibat dengan aktiviti ekonomi komersial ini pula tidak terlibat dalam perkembangan tersebut.³³ Namun terdapat segelintir orang Melayu terutama golongan pembesar melibatkan diri dan memainkan peranan kecil dalam proses pembandaran di beberapa bandar yang telah wujud sebelum kedatangan British.³⁴ Contohnya ialah Larut, Klang dan Lukut tetapi pembinaan bandar baru oleh pihak British seperti Georgetown, Taiping dan Kuala Lumpur berjaya menenggelamkan kegemilangan bandar-bandar ini.



Daripada perspektif perbandaran menurut ilmu geografi pula, sebenarnya tiada definisi yang tepat dan jelas mengenai istilah bandar dan pekan ini. Malahan terdapat banyak sarjana yang memberikan penaksiran masing-masing mengenai maksud bandar dan pekan. Contohnya, Melvin dan Thomas memberi pengertian bahawa sesebuah bandar adalah meliputi keseluruhan elemen semulajadi, sosial dan buatan manusia yang terkelompok dalam kawasan yang mempunyai ramai penduduk yang mempunyai nilai budaya yang tinggi.³⁵ William Chirstoller pula berpendapat bahawa bandar ialah tempat terdapatnya elemen-elemen seperti perdagangan, pentadbiran dan perniagaan kecil.³⁶ Kemudiannya, Northam turut menjelaskan dengan lanjut tentang istilah bandar ini sebagai satu lokasi penempatan yang memiliki tiga ciri iaitu kepadatan adalah tinggi, penduduk tidak terikat dengan pertanian, lokasi memberikan perkhidmatan sebagai pusat pentadbiran dan ekonomi bagi wilayah.³⁷





Secara umum, bandar boleh dirumuskan sebagai petempatan yang lebih besar saiznya dari pekan dan pekan pula adalah satu petempatan yang lebih besar daripada kampung dan kedua-duanya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur. Sesebuah bandar dan pekan itu hanya dapat terbentuk dan dibezakan berdasarkan faktor pertambahan populasi penduduk dan perkembangan ekonomi yang berlangsung di kawasan tersebut.

1.9 Metodologi Kajian

Dalam menyiapkan penulisan ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif³⁸ dan analitikal³⁹. Menerusi pendekatan ini, pengkaji mengenal pasti dan menganalisis data-data maklumat secara kritis daripada sumber-sumber yang diperoleh. Analisis yang dilakukan ini digunakan bagi menjawab permasalahan kajian. Sumber sejarah tersebut adalah seperti rekod, tesis, kertas kerja dan buku-buku bacaan yang berkaitan sejarah bandar dan pekan awal di negeri Perak di Larut, Kinta dan Batang Padang, penjajahan British di Perak dan perlombongan bijih timah akan dikumpulkan oleh penyelidik.

Bagi mendapatkan sumber primer dan sumber sekunder, penyelidik melakukan penyelidikan di perpustakaan. Sumber-sumber ini diperoleh dari perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (Perpustakaan Tun Sri Lanang), Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia Cawangan Perak, Perpustakaan Jabatan Muzium Negara,





Perpustakaan Muzium Perak Taiping, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, Perpustakaan Tun Razak dan Perpustakaan Muzium Darul Ridzuan, Ipoh.

Pengkaji juga mendapatkan sumber-sumber primer seperti *Colonial Office, Perak Annual Report, Perak Government Gazette* dan *Perak Council Minute* berkaitan di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Majlis Bandaraya Ipoh, Muzium Darul Ridzuan Ipoh, Muzium Perlombongan Kampar, Muzium Gopeng, Rumah Warisan Gopeng, Galeri Mahkamah Batu Gajah, Han Chin Pet Soo (Galeri Kelab Hakka Ipoh) dan Galeria Pertama Taiping. Kemudian, pengkaji turut menemubual dengan mereka yang pernah mengkaji berkaitan sejarah Perak dan berkaitan sejarah bandar-bandar perlombongan bijih timah di negeri ini. Antara mereka ialah Encik Anuar Isa, Senior Kurator Galeria Pertama Taiping, Encik Mohd Zamberi A. Malek, sejarawan Taiping dan Encik Mohammad Taib, sejarawan Bandaraya Ipoh.



Di samping itu, pengkaji melakukan kerja lapangan untuk melawat bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak dan melakukan pemerhatian terhadap kesan sejarah tersebut. Kerja lapangan ini membolehkan pengkaji melihat tapak-tapak dan tinggalan sejarah seperti rumah kedai dan bangunan yang terdapat. Lokasi kesan sejarah yang berkaitan dengan tajuk kajian ialah Taiping, Kamunting, Matang, Ipoh, Ampang, Chemor, Tambun, Tanjung Rambutan, Lahat, Menglembu, Tronoh, Pusing, Papan, Batu Gajah, Sungai Raia, Gopeng, Kota Bahru, Kampar, Temoh, Chenderiang, Sungai Siput (Selatan), Tapah, Bidor, Teluk Intan, Sungkai, Slim River, Behrang dan Tanjong Malim.

Bagi menjadikan hasil penyelidikan ini lebih menarik dan berkualiti, penyelidik menghasilkan laporan kajian ini dengan menggunakan beberapa kaedah penulisan. Kaedah naratif⁴⁰ digunakan untuk menceritakan secara sistematik tentang perkembangan yang berlaku di negeri Perak yang bermula sejak Perjanjian Pangkor 1874 dan kepesatan perlombongan bijih timah sehingga munculnya bandar dan pekan perlombongan bijih





timah di negeri ini. Kaedah penulisan berbentuk diskriptif⁴¹ juga digunakan dalam penulisan ini. Kaedah ini penting untuk menghuraikan maklumat dengan lebih terperinci. Kaedah penulisan berbentuk analisis⁴² turut digunakan dalam penulisan ini kerana kaedah ini penting untuk untuk menjawab beberapa persoalan penting, menilai dan meneliti kepentingan perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak.

1.10 Pembahagian Bab

Penulisan ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama merupakan bahagian pengenalan yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dipilih dan diubahsuai daripada kertas cadangan



projek. Penelitian dalam membuat maklumat awal seperti tajuk kajian, permasalahan kajian,

objektif kajian, tujuan penyelidikan dan kaedah penulisan kajian diterangkan dalam bab ini. Ringkasan bab ini mengandungi bab pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam.

Bab kedua pula akan mengandungi sejarah awal dan latar belakang bandar dan pekan perlombongan bijih timah yang terdapat di negeri Perak. Ia penting sebagai gambaran awal kesinambungan kajian serta maklumat asas yang memberikan idea kepada penyelidik untuk bergerak mengkaji perkembangan kawasan perlombongan bijih timah yang kemudiannya menjadi bandar dan pekan yang besarsebelum berlakunya campur tangan British di Perak pada tahun 1874. Olan pada bab ini adalah secara menyeluruh merangkumi aspek kajian yang ingin dikaji sebelum tahun 1874 seperti pentadbiran, ekonomi dan sosial. Permasalahan kajian turut diselitkan dalam bab ini. Selain itu, latar





belakang dan kaedah aktiviti perlombongan bijih timah di negeri Perak juga diselitkan dalam bab ini.

Pada bab ketiga pula, pengkaji mengkaji perkembangan setiap bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Perkembangan ini dihuraikan mengikut pertumbuhan satu persatu bandar dan pekan perlombongan yang bermula pada tahun 1874 sejurus campur tangan British menerusi Perjanjian Pangkor. Secara tidak langsung ia melihat bagaimana penjajahan British turut serta bersama masyarakat setempat mempengaruhi perkembangan ini. Bab ini juga cuba memaparkan kesinambungan dan hubungan antara bandar dan pekan perlombongan bijih timah tersebut.

Dalam bab keempat, pengkaji melihat dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Bab ini menilai faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan tersebut

seperti kesan kepesatan industri perlombongan bijih timah, pengaruh desakan ekonomi dari Eropah, peranan yang dimainkan oleh golongan imigran terutama buruh Cina, dasar pentadbiran British dan kesan pembinaan sistem perhubungan yang berkesan. Pengkaji turut mendedahkan usaha-usaha yang dimainkan oleh para pemimpin seperti Menteri Ngah Ibrahim, Dato' Panglima Kinta, Raja Bilah dan penduduk tempatan dalam evolusi perbandaran ini kerana perkara ini kurang diberikan perhatian dalam penyelidikan yang lampau.

Pada bab kelima, penyelidik mengkaji kepentingan daripada perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak ini. Perkembangan bandar-bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak ini banyak memberi impaknya kepada bidang politik dan sosioekonomi negeri ini khususnya dan negara amnya. Antara kepentingan yang dapat dikenalpasti ialah pemangkin pembangunan ekonomi Perak,





permulaan perbandaran ala bandar British, warisan senibina kolonial, kemunculan masyarakat majmuk dan transit gerakan politik.

Akhir sekali adalah bab keenam. Pada bab terakhir ini, penyelidik membuat rumusan keseluruhan tentang perolehan kajian berkaitan perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Bab ini menilai ketepatan hipotesis awal penyelidik. Selain itu, ketepatan isi kandungan dengan tujuan kajian juga dinilai. Sebagai tambahan, penyelidik cuba mencadangkan untuk mengangkat bandar-bandar dan pekan perlombongan ini sebagai satu warisan sejarah yang mungkin berpotensi untuk dijadikan ‘Bandar Warisan Bijih Timah Dunia’ oleh UNESCO seperti Cornwall dan West Devon di Britian.



1.11 Kesimpulan

Meskipun era kegemilangan perlombongan bijih timah lama berlalu, bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak ini tidak wajar dilupakan dan dibiarkan luput ditelan zaman begitu sahaja. Bandar dan pekan ini sebenarnya begitu penting terhadap perkembangan sejarah negeri Perak khususnya dan negara amnya. Ia merupakan satu simbol kemakmuran dan kekayaan negara pada masa suatu ketika dahulu terutamanya pada ketika tanah air menjadi pengeluar utama bijih timah dunia. Kewujudan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak ini turut menjadi bukti kepada pemodenan awal tanah air yang terdapat sehingga hari ini. Hal yang demikian ini bersesuaian dengan kata-kata pujangga yang berbunyi ‘tiada dahulu, tiadalah sekarang’.





NotaHujung

¹ Salinan Perjanjian Pangkor (ANM2003/0008177W). Lihat juga, Khoo Kay Kim, *The Pangkor Treaty in Malay, Peninjau Sejarah Jilid I*, hlm. 51-60 dan *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, Kuala Lumpur, Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2009, hlm. 31-35.

² Annual Report of Perak 1881, hlm. 8.

³ Khoo Salma Nasution & Abdur Razaq Lubis, *Kinta Valley, The Pioneering The Malaysia's Modern Development*, Ipoh, Perak Academy, 2005, hlm. 14.

⁴ Slogan 'Perak, the state that tin built' telah dikemukakan oleh Perbadanan Menteri Besar Perak yang dihidupkan semula pada tahun 2012 sebagai satu entiti yang bertanggungjawab dan mewakili kerajaan Negeri Perak dalam pembangunan ekonomi seperti perlombongan bijih timah.

⁵ Abdullah Zakaria Ghazali, *Jejak Raja Abdullah, Sutan Puasa Dan Yap Ah Loy Dalam Sejarah Kuala Lumpur*, Majlis Polemik Sejarah Malaysia ke-28, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, 13 Disember 2012, hlm. 1.

⁶ Gullick, J.M., *Captain Speedy of Larut*, JMBRAS, 1953, hlm. 57.

⁷ Azmah, *Sejarah Sosio Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors, 2001, hlm. 45.

⁸ Khoo Salma Nasution & Abdur Razaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*. Ipoh, Perak Academy, 2003, hlm. ii.

⁹ Ahmad Kamal Mohd Rus, *Sanitary Board Kuala Lumpur : Peranan dan Pentadbiran 1890-1914*. Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia, 2001.

¹⁰ *Perak Government Gazette 1898*, hlm. 409.

¹¹ Leech, H.W.C, About Kinta, *JSBRAS*. Singapore, 1879.

¹² J. Errington de La Cox, Some accounts of the mining district of Lower Perak, *JSBRAS*. Singapore, 1880.

¹³ Khoo Kay Kim, Taiping (Larut) : The early history of a mining settlement, *JMBRAS*, Volume 64, 1991.

¹⁴ Khoo Kay Kim, Bijih timah dalam sejarah Perak, *Perak Dahulu & Sekarang*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia, 1988.

¹⁵ Mohd Hairry Ibrahim, Jamaluddin Md. Jahi etc, Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi Sebuah Bandaraya, *SARI- International Journal of the Malay World & Civilisation 29(2)*, Bangi, Universiti Kebangsaan, 2011.

¹⁶ Mohd. Zamberi Abdul Malek, Taiping Ibu Kota Perak Sebelum Ipoh, dalam Talib Samat & Zabidin Ismail, *Sejarah Pembukaan Bandar Raya Ipoh Perak*, Tanjung Malim, Penerbit Mentari, 2016.

¹⁷ Zabidin Ismail, Ipoh : Tinjauan Ringkas Sejarah Pembukaan dan Kemunculan Akhbar Politik Pra Merdekadalam Talib Samat & Zabidin Ismail, *Sejarah Pembukaan Bandar Raya Ipoh Perak*, Tanjung Malim, Penerbit Mentari, 2016.

¹⁸ Zulkarnain Abdul Rahman, *Perkembangan Kuala Lumpur Pada Abad ke-19*, Kuala Lumpur, Majlis Polemik Sejarah Malaysia, 13 Disember 2012.

¹⁹ Sulung Mohamad, Masyarakat dan Perubahan Alam Bina di Terengganu, *Terengganu Merentasi Tiga Abad : Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya*, Kuala Terengganu, Yayasan Sultan Mizan, 2012, hlm. 141-157.

²⁰ Lim Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1978.

²¹ Swettenham, F.A., *About Perak*. Singapore, Straits Times Press, 1893.

²² Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

²³ Khoo Salma Nasution & Abdur Razaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*. Ipoh, Perak Academy, 2003.

²⁴ Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*. Ipoh, Perak Academy, 2012.

²⁵ Abdul Malek Munip, *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1920 : Peribumi dan Pemodenan*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Negara, 1984.

²⁶ *The New Encyclopaedia Britannica Vol. 8*, Chicago, Encyclopaedia Britannica Incopration, 1988, hlm. 158. Lihat juga, *The Encyclopedia Americana Volume 19*, Danbury, Grolier Incorporated, 1997, hlm. 167.

²⁷ *Kamus Dewan Edisi Keempat*, hlm. 119.

²⁸ *Ensiklopedia Malaysia Edisi 1996 Jilid 2*, Kuala Lumpur, Anzagain Sdn. Bhd, 1996, hlm. 265.

²⁹ *Ensiklopedia Dunia Jilid 3*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 2003, hlm. 153.





³⁰Badriyah Haji Salleh, The development of urban centres, *The Encyclopedia of Malaysia : Early Modern History*, Kuala Lumpur, Archipelago Press, 2001, hlm. 116.

³¹S. Robert Aiken etc, Sulung Muhamad (Penterj.), *Pembangunan & persekitaran di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 1994, hlm. 247.

³²Kawasan pentadbiran ini kebiasaannya terdiri daripada istana dan masjid manakala kawasan awam pula meliputi rumah kediaman, gudang, pelabuhan dan pasar.

³³Badriyah Haji Salleh, The development of urban centres, *The encyclopedia of Malaysia : Early Modern History*, hlm. 116.

³⁴S. Robert Aiken etc, Sulung Muhamad (Penterj.), *Pembangunan & persekitaran di Semenanjung Malaysia*, hlm. 248.

³⁵Yahaya Ibrahim, *Pembangunan dan kejuruan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 1995, hlm. 8.

³⁶*Ibid.*,

³⁷*Ibid.*, hlm 8 & 9.

³⁸Pendekatan deskriptif adalah merupakan bentuk penulisan ilmiah yang menerangkan lebih lanjut daripada hanya mendedahkan sesuatu subjek. Lihat, Bilcher Bala, *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 112.

³⁹Pendekatan analitikal merupakan satu pendekatan sejarah yang bersifat kritis. Lihat, Bilcher Bala, *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*, hlm. 112.

⁴⁰Kaedah penulisan naratif lebih kepada penceritaan dan kaedah ini sering menggunakan kronologi dalam menceritakan semula peristiwa-peristiwa yang telah berlaku. kaedah ini memerlukan penulis mengingat kembali kejadian yang berlaku dan menceritakannya semula agar tersusun dan teratur. Memandangkan segala peristiwa disampaikan dalam bentuk kronologi menyebabkan berlaku percampuran antara peristiwa penting dan tidak penting membuatkan semua peristiwa itu kelihatan sama sahaja. Penulisan berbentuk naratif sangat sesuai untuk jenis penulisan seperti cerita pendek, autobiografi, biografi, diari, novel dan sebagainya. *Ibid.*, hlm. 111.

⁴¹Penulisan deskriptif menitikberatkan penghuraian yang teliti dan terperinci. Deskriptif bermaksud penerangan yang melibatkan lebih jauh daripada hanya memberitahu tentang sesuatu subjek. Kaedah ini dapat membantu menyingkap, memaparkan atau mendedahkan sesuatu perkara agar mudah difahami. *Ibid.*, hlm. 112.

⁴²Gaya penulisan analitikal dapat memberikan gambaran yang lebih kritis, detail dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah. Dengan menggunakan kaedah ini, penyelidik berupaya mengupas sesuatu peristiwa berdasarkan sumber yang ada. Melalui kaedah ini juga segala persoalan seperti mengapa, bila, bagaimana dan siapa dapat dijawab. *Ibid.*, hlm. 110.





BAB 2

NEGERI PERAK DAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH

2.1 Latar Belakang Negeri Perak

Perak Darul Ridzuan merupakan salah sebuah negeri daripada empat belas buah negeri yang terdapat di Malaysia. Negeri yang kedua terpanjang ini memiliki lipatan sejarah penting kepada negara sejak zaman prasejarah sehingga ke hari ini. Pembentukan sejarah negeri Perak ini sebenarnya banyak dipengaruhi oleh perkembangan industri perlombongan bijih timah dan kemudiannya diikuti dengan perladangan getah. Kedua-dua industri ekonomi ini berjaya meletakkan negeri Perak di peta-peta dunia pada suatu ketika dahulu. Dua sektor ini juga bukan sahaja menjadi sumber ekonomi utama kepada negeri ini tetapi turut menyumbang besar terhadap perkembangan ekonomi British Malaya (kini Malaysia) sehingga dianggap sebagai ‘Permata Empayar Kolonial British’.

Jika ditinjau dari sudut geografi, negeri Perak mempunyai keluasan kira-kira 21,005 km persegi dan memiliki jumlah penduduk sebanyak 2.35 juta orang.¹ Negeri ini bersempadan dengan negara Thailand di utara, negeri Kedah Darul Aman dan Pulau Pinang di barat laut, negeri Kelantan Darul Naim dan Pahang Darul Makmur di timur dan akhir sekali Selangor di selatannya. Selain itu, negeri Perak juga meliputi 12 buah daerah





yang terdiri daripada Kinta, Kampar, Batang Padang, Hilir Perak, Perak Tengah, Manjung, Kuala Kangsar, Larut Matang & Selama, Kerian, Hulu Perak, Muar dan Bagan Datuk.² Ibu negeri Perak pula adalah di Bandaraya Ipoh manakala Bandar Diraja di Kuala Kangsar.

Dalam aspek pentadbiran, pemerintahan negeri Perak terletak di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak dan dibantu oleh Menteri Besar. DYMM Sultan Perak yang memerintah negeri ini pada masa sekarang ialah DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibnu Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah manakala Menteri Besar pula ialah Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir. Dari segi politik, negeri Perak ini telah dibahagikan kepada 24 buah kawasan Parlimen³ dan 59 buah kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)⁴.

Negeri Perak diasaskan oleh Sultan Muzaffar Shah I (1528-1549), putera kepada Sultan Melayu yang terakhir pada tahun 1528.⁵ Meskipun begitu sebelum kewujudan Kesultanan Negeri Perak, beberapa kerajaan kecil telah wujud di sekitar negeri ini iaitu Konkonagara, Qastan Zarian, Gangga Negara, Manjung dan Beruas. Negeri Perak kemudiannya mulai terkenal sebagai pengeluar bijih timah semasa zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah I (1549-1577). Kegemilangan ini telah mengundang kepada penaklukan kuasa Aceh terhadap negeri Perak selama lebih kurang seratus tahun. Pengaruh Aceh terhadap negeri ini begitu kukuh terutamanya dalam aspek politik dengan kawalan kuasa tersebut dalam pertabalan beberapa orang Sultan Perak.

Walau bagaimanapun, cengkaman kuasa Aceh ini mulai merosot apabila Belanda berjaya menawan Kota Melaka daripada Portugis pada tahun 1641. Atas faktor kepentingan ekonomi, pihak Belanda juga cuba untuk memonopoli perdagangan bijih timah di negeri Perak. Tindakan pihak Belanda membina petempatan dan gudang bijih timah di sekitar muara Sungai Perak berjaya mengurangkan serta sekaligus menamatkan





penguasaan pihak Aceh terhadap negeri Perak. Nikmat keamanan yang dikecapi oleh pemerintahan Sultan Perak selepas tempoh masa itu membolehkan negeri bertuah ini mencapai era keemasan terutamanya semasa zaman pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain (1752-1765). Kegemilangan ini jelas dibuktikan menerusi penulisan sejarah dalam karya 'Misa Melayu' yang dikarang oleh Raja Muda Chulan.⁶

Sepanjang abad ke-19, negeri Perak kembali bergolak dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai ancaman dari luar mahupun dalam negeri. Negeri ini diancam oleh Kedah dan Siam di utara serta orang Bugis dari Selangor. Sebahagian dari wilayah di utara Perak iaitu Klian Intan dan Grik dikuasai oleh Kerajaan Reman yang berpusat selatan Siam (Thailand).⁷ Selain itu, perebutan takhta antara pembesar-pembesar Melayu turut menjejaskan kestabilan negeri Perak terutamanya dalam tahun 1870-an. Masalah ini bertambah buruk dengan kekacauan yang timbul ekoran persengketaan kongsi gelap Cina di Larut. Bagi mengukuhkan semula kestabilan negeri, Sultan-sultan Perak menjalin hubungan dengan pihak British menerusi Perjanjian Burney, Perjanjian Low pada tahun 1826 dan kemuncaknya ialah Perjanjian Pangkor pada tahun 1874.

Termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 meletakkan negeri Perak secara tidak langsung berada di bawah nasihat pentadbiran kolonial British. Sistem Residen British diperkenalkan dan masalah huru-hara yang berlaku di negeri Perak selama ini turut berjaya diselesaikan. Namun, kehadiran pihak British dalam pentadbiran negeri Perak menimbulkan konflik berdarah apabila James Wheeler Woodford Birch (J. W. W. Birch), Residen British yang pertama di negeri ini dibunuh dalam satu komplot oleh para pembesar Melayu Perak pada 2 November 1875.⁸ Pihak British bertindak balas dengan menggunakan kekuatan tentera dari India dan Hong Kong menyerang negeri Perak dan menghukum kesemua mereka yang terlibat dalam pembunuhan tersebut.





Keadaan negeri Perak kembali dipulihkan dan berkembang maju terutamanya industri perlombongan bijih timah. Kerjasama dan usaha daripada pelbagai pihak seperti pembesar Melayu, pihak British dan golongan imigran telah memastikan pembangunan pesat negeri ini berjalan lancar. Bandar-bandar baru tumbuh seperti ‘cendawan selepas hujan’ dan menjadi tumpuan masyarakat setempat mahupun antarabangsa untuk mendiaminya kerana dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas. Pembangunan yang berlaku di negeri Perak ini telah mendahului negeri-negeri Melayu yang lain menjelang awal abad ke-19 sehingga sebanyak 41 buah perkara pertama berlaku di negeri yang kaya dengan bijih timah ini.

Pada tahun 1895, negeri Perak bersatu dengan negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang bagi membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)⁹. Perkembangan sejarah negeri ini selepas itu adalah selari dengan negeri-negeri lain yang berada di bawah pentadbiran British sehingga terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 dan tercapainya kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957. Namun sekitar tahun 1980-an, negeri Perak mengalami era kemunduran berikutan kejatuhan industri bijih timah sehingga menjadi negeri yang termiskin di Malaysia.

Berkat kepimpinan kerajaan negeri dan usaha rakyatnya, kemakmuran negeri ini berjaya dipulihkan semula dalam tahun 1990-an. Sektor ekonomi negeri Perak telah beralih arah daripada perlombongan bijih timah yang menjadi nadi utama ekonominya selama ini kepada sektor perindustrian dan pertanian. Pada hari ini, negeri Perak sedang giat menuju ke taraf negeri maju serta mengalami pembangunan pesat sejajar dengan pelan kerajaan negeri iaitu ‘Perak Amanjaya’¹⁰.





2.2 Perkembangan Bandar Tradisional di Perak sebelum 1874

Di negeri Perak, kewujudan bandar-bandar boleh dikatakan bermula daripada petempatan-petempatan awal masyarakat negeri Perak iaitu kampung yang lebih tertumpu lokasinya di kawasan lembah-lembah sungai. Sebahagian besar daripadanya boleh ditemui di sekitar muara Sungai Dinding, sepanjang tebing Sungai Perak, Sungai Kinta dan Sungai Batang Padang. Berdasarkan potensi kedudukan yang strategik, kampung-kampung ini berkembang menjadi petempatan yang besar atau bandar tradisional. Malahan terdapat sebahagian besar daripada bandar-bandar tradisional ini menjadi ibu kota atau pusat pemerintahan kerajaan awal di negeri Perak.

Bandar tradisional didefinisikan sebagai petempatan-petempatan awal dan besar yang muncul sebelum campur tangan British di negeri-negeri Melayu berlaku pada pertengahan abad ke-19. Namun dalam kebanyakan catatan sejarah awal yang dilakukan oleh sejarawan barat, bandar tradisional ini lebih dikenali sebagai perkampungan. Tanggapan ini disebabkan oleh bentuk bandar tradisional tidak jauh berbeza dengan bentuk sebuah kampung.¹¹ Empat ciri utama dikenalpasti dalam definisi bandar tradisional ini iaitu :-

- a) Masih menggunakan sistem perhubungan tradisi iaitu jalan sungai dan laluan denai gajah.
- b) Perkembangannya berlaku pada kadar yang terlalu perlahan dan tidak begitu pesat.
- c) Kegiatan ekonomi adalah pertanian yang bersifat tradisional dan sara diri sahaja. Perdagangan turut dijalankan tetapi dalam kadar yang kecil.





d) Bandar awal Melayu kebiasaannya terletak di sekitar istana Sultan dan masjid yang menjadi pusat kegiatan budaya dan agama.

Di negeri Perak, ciri-ciri ini jelas dipaparkan dalam catatan J.F.A. McNair, '*Perak and The Malays*' pada tahun 1878 yang mana turut menyatakan perkara yang hampir sama terbentuk terhadap kampung-kampung di negeri tersebut. McNair menyatakan bahawa petempatan masyarakat di negeri Perak terdiri daripada kampung, iaitu sekelompok rumah buluh atau papan yang terletak bersama-sama dengan dusun buah-buahan dan kelapa. Beliau turut menambah bahawa sekiranya wujud peningkatan sesebuah kampung itu ialah terdapatnya masjid dan dilindungi sekitarnya dengan pos pemerhati yang diperbuat daripada buluh. Selain itu, McNair mencatatkan bahawa jalan perhubungan utama ialah sungai dengan menggunakan perahu meskipun terdapat jalan darat iaitu laluan denai.¹²

Selain itu, Lim Heng Kow dalam bukunya turut menyatakan ciri-ciri yang hampir sama berkenaan bandar tradisional ini. Namun beliau tidak mendefinisikannya sebagai bandar tradisional tetapi sebaliknya menganggap petempatan awal di negeri Perak ini sebagai petempatan tradisional dan kampung Melayu sahaja. Petempatan ini dianggap besar dan berkembang sekiranya terdapat masjid dan turut memiliki beberapa pekedai Cina.¹³ Pendapat ini hampir menyamai dengan kenyataan McNair dalam bukunya. Populasi penduduk bagi petempatan tradisional atau kampung yang terbesar di negeri Perak ini dianggarkan kira-kira 1000 orang. Lim Heng Kow juga berpendapat walaupun petempatan seperti ini besar tetapi ia tetap jauh daripada memenuhi ciri-ciri bandar yang sebenarnya.¹⁴

Semasa era Kesultanan Melayu Perak, bandar-bandar tradisional lebih tertumpu di Lembah Sungai Perak dari hulu hingga ke hilirnya. Perkembangan ini adalah selari mengikut pusat pemerintahan negeri semasa atau istilah hari ini 'Bandar Diraja' yang sentiasa berubah mengikut tempat persemayaman Sultan Perak. Sejak pengasasan





Kesultanan Melayu Perak oleh Sultan Muzaffar Shah I pada tahun 1528, terdapat lebih kurang 21 buah pusat pemerintahan Sultan Perak di sepanjang tebing Sungai Perak.¹⁵ Setelah campur tangan British di Perak, Bandar Diraja negeri ini ditetapkan di Kuala Kangsar oleh Sultan Perak ke-28, Sultan Idris Mursyidul Azzam Shah pada tahun 1887.¹⁶ Penetapan Bandar Diraja ini sebenarnya secara tidak langsung memudahkan pihak kolonial British untuk mengawal kuasa politik Sultan Perak dan pembesar Melayu dalam pentadbiran negeri Perak.

Dalam konteks bandar perlombongan bijih timah pula, bandar tradisional dan petempatan awal yang memiliki hubungkait dengan bidang perlombongan jelas terpapar di dalam sebuah peta yang bertarikh awal abad ke-19. Namun sebelum itu iaitu abad ke-16, Mimjam (Manjung) dikatakan muncul sebagai pengeluar bijih timah terbesar ketika itu berdasarkan catatan *Suma Oriental* oleh Tome Pires dalam tahun 1512 hingga 1515.¹⁷



Manjung merupakan sebuah kota kepada kerajaan Manjung yang wujud di tebing Sungai Dinding sebelum Kesultanan Melayu Perak diasaskan dan pernah berada di bawah wilayah jajahan Kesultanan Melayu Melaka. Atas faktor kepentingan Manjung tersebut, seorang pembesar bergelar Tun Aria Bijaya dilantik oleh Sultan Melaka untuk mentadbirnya.¹⁸ Catatan Tome Pires ini jelas menunjukkan bahawa menunjukkan bahawa Manjung merupakan kota atau bandar perlombongan bijih timah tradisional terawal yang terdapat di negeri Perak.

Mulai awal abad ke-19, kawasan perlombongan bijih timah yang besar mulai wujud dengan jumlah yang banyak. Kebanyakannya tertumpu di sekitar Hilir Perak dan Batang Padang serta sebahagian kecil terdapat di sekitar Kuala Kangsar. Menurut Lim Heng Kow, kegiatan perlombongan bijih timah ini secara tidak langsung didapati mempengaruhi serba sedikit asas ekonomi di petempatan-petempatan tersebut.¹⁹ Perkembangan ini dibuktikan dalam catatan Kapten James Low ke negeri Perak pada tahun 1850. Dalam catatannya,





James Low menemui beberapa petempatan yang berkaitan dengan perlombongan bijih timah seperti Bidor, Batang Padang, Chenderiang, Kampar, Sungai dan Bandar. Berikut adalah sebahagian daripada catatan beliau :-

“The chief mines are as follows. At Budara, Bukkan, Sayong, Chekoos (where gold is also procured) Soongkie Beedok, where tin is dug on the plain. Kampa, Patoong Padang (Batang Padang) where some gold-dust is also obtained. The country is represented as flat. Chandariang, the ore is bartered, and is afterwards smelted by the Chinese. The next place is Riah, where fine ore is dug out of the plain. Kampa, Kantar, where the ore is dug at the foot of the hills, but on the plain.”²⁰

Di selatan negeri Perak, Bidor merupakan kawasan perlombongan bijih timah yang utama di Perak. James Low dalam lawatannya mencatatkan bahawa Bidor pada ketika itu mempunyai bilangan pelombong bijih timah antara 300 hingga 400 orang dan kaya dengan bijih timah.²¹ Beliau juga menyatakan laluan utama untuk ke Bidor adalah dengan mudik melalui jalan sungai dari Kuala Bidor yang mengambil masa lima hingga enam hari.²²



Catatan James Low ini jelas memaparkan bahawa Bidor merupakan kawasan petempatan perlombongan bijih timah yang utama di negeri Perak pada awal abad ke-19.

Dari segi pentadbiran, Bidor diletakkan di bawah pentadbiran Raja Ngah²³ yang turut menetap di situ.²⁴ Raja Ngah ini juga diberikan surat kuasa oleh Sultan Perak untuk mengutip cukai bijih timah dari hulu hingga Kuala Sungai Bidor dan Sungai Batang Padang.²⁵ Kedua-dua batang sungai ini begitu penting semasa itu kerana ia merupakan laluan utama bagi membawa keluar hasil bijih timah dari lombong bijih timah yang terdapat di Bidor. Oleh itu, beliau membina tol pungutan cukai di Kuala Sungai Bidor. Kuala Bidor pada ketika itu pula merupakan sebuah pelabuhan penting bagi perdagangan bijih timah di Hilir Perak dan Batang Padang.²⁶ Menurut Khoo Kay Kim, nama Kuala Bidor ini kemudiannya beransur hilang dan digantikan dengan Durian Sebatang (kini Teluk Intan).²⁷





Selain Bidor, bandar perlombongan bijih timah awal yang wujud pada tahun 1820-an dan 1830-an ialah Bandar. Bandar ini turut terdapat dalam catatan James Low yang mana dikatakan sudah memiliki sebanyak 200 buah rumah dan 50 buah rumah daripada itu adalah kepunyaan orang Cina.²⁸ Kewujudan populasi orang Cina ini disebabkan oleh aktiviti perlombongan bijih timah yang dijalankan di sepanjang tiga batang sungai di Kinta. Perlombongan orang Cina ini bermula apabila mereka diberikan keizinan untuk melombong bijih timah oleh Sultan Alauddin pada tahun 1776.²⁹ Namun, pengeluaran bijih timah tersebut merosot sedikit dalam tahun 1795.³⁰ Kemosotan perlombongan bijih timah ini berpunca daripada ketidakstabilan politik negeri Perak semasa itu yang sedang menghadapi krisis perebutan takhta dan ancaman serangan orang Bugis dari Selangor. Akibatnya, ramai pelombong Cina ini berpindah meninggalkan Bandar, Kampar dan Bidor ke tempat lain.³¹



Pada tahun 1820-an dan 1830-an, para pelombong Cina kembali aktif dan tertumpu di Bandar sehingga wujud jawatan Kapitan Cina. Jumlah mereka ini dianggarkan seramai 400 orang iaitu 25% daripada penduduk Bandar.³² Tan Ah Hun, seorang Teochew dilantik sebagai Kapitan Cina yang pertama di negeri Perak.³³ Menjelang tahun 1860-an, Bandar mulai penting semula ekoran perkembangan aktiviti perlombongan di Kinta terutama di Gopeng mulai aktif.

Meskipun Bandar ini tidak mempunyai sebarang aktiviti perlombongan bijih timah tetapi ia menjadi pusat pengumpulan dan eksport bijih timah dari pedalaman Kinta ke pasaran luar. Bandar juga turut berperanan untuk membekalkan keperluan harian seperti makanan kepada para pelombong di pedalaman Kinta berikutan kedudukannya yang terletak di muara Sungai Kinta yang menjadi laluan utama keluar masuk ke Kinta. Menurut Malim Ghazali, Bandar dilengkapi dengan prasarana seperti jeti besar, kedai-kedai, surau-sarau dan masjid.³⁴





Dalam tahun 1840-an, kawasan perlombongan bijih timah yang baharu ditemui di Larut.³⁵ Penemuan bijih timah yang banyak ini di Klian Pauh³⁶ oleh Long Jaafar³⁷ pada tahun 1848 menyebabkan beliau membawa masuk seramai 20 orang pelombong Cina ke daerah ini.³⁸ Tindakan Long Jaafar ini disebabkan oleh kerana hanya terdapat tiga orang pelombong Cina yang mengusahakan lombong bijih timah milik Long Jaafar di Larut.³⁹ Tambahan pula, penduduk asal di Larut kebanyakannya ialah orang Melayu hanya menjadikan perlombongan sebagai aktiviti ekonomi sambil selepas selesai bertani.⁴⁰ Pembukaan lombong bijih timah di Klian Baru kemudiannya menyebabkan lebih ramai pekerja Cina dibawa masuk ke Larut oleh Long Jaafar dan saudagar-saudagar Cina dari Pulau Pinang.

Petempatan-petempatan di Larut seperti Klian Pauh, Klian Baru, Kota, Matang, Simpang dan Teluk Kertang mulai berkembang pesat dengan kedatangan buruh-buruh Cina ini. Pada tahun 1860-an, bilangan orang Cina di Klian Pauh dicatatkan berjumlah lebih kurang 4000 orang dan lebih kurang 2200 orang di Klian Baru. Suasana baru yang berlaku ini menjadikan kedua-dua penempatan tersebut yang dipenuhi dengan ribuan pelombong Cina ini menjadi kawasan penting di Larut. Klian Pauh dan Klian Baru dilengkapi dengan keperluan asas seperti rumah kediaman, kedai, rumah kongsi dan dewan perhimpunan.

Dalam aspek pentadbiran, Larut berada di bawah kekuasaan Dato' Panglima Bukit Gantang⁴¹ iaitu seorang Orang Besar Lapan Negeri Perak pada peringkat awalnya. Pada tahun 1840-an, Dato' Panglima Bukit Gantang Alang Alaidin meletakkan anak saudaranya, Long Jaafar untuk mengutip cukai di kawasan ini.⁴² Setelah kejayaan Long Jaafar membuka perlombongan bijih timah secara besar-besaran di Larut, beliau memperoleh kawasan pajakan di daerah ini dengan membayar sebanyak \$125.00 setahun kepada Dato' Panglima Bukit Gantang. Kedudukan Long Jaafar bertambah kukuh apabila Sultan Perak





iaitu Sultan Shahabudin Riayat Shah (1830-1851) berkenan untuk mengurniakan kuasa dan hak memerintah Larut kepada beliau pada 28 Februari 1850, diikuti dengan pengurniaan surat kuasa daerah Larut daripada Raja Muda Ngah Ali pada 6 November 1850 dan surat kurnia daripada Sultan Jaafar Muazzam Shah (1857-1865).⁴³

Pada tahun 1857, Long Jaafar meninggal dunia di Bukit Gantang dan pentadbiran Larut diserahkan sementara kepada Ngah Lamat. Perkembangan ini jelas dibuktikan dalam keratan akhbar *Penang Gazette* bertarikh 14 April 1860 yang berbunyi demikian :-

“Kawasan pedalamannya sangatlah kaya dengan bijih timah dan sejumlah besar pelombong Cina yang bekerja di situ datangnya dari Pulau Pinang, kedatangan mereka semakin bertambah ramai. Pintu masuk ke kawasan bijih timah yang utama ialah melalui Sungai Larut yang dikuasai oleh Che Ngah Lamat.”⁴⁴

Petikan akhbar *Penang Gazette* tersebut serba sedikit menjelaskan suasana di Larut pada awal tahun 1860-an. Ngah Lamat menjadikan Kota⁴⁵ yang terletak di antara Klian Pauh dan Pelabuhan Teluk Kertang sebagai pusat pentadbirannya. Pentadbiran di Larut semasa itu turut dibantu oleh Syeikh Muhammad Taib sebagai hakim, Pandak Leman sebagai bendahari dan Muhammad Hashim sebagai kerani. Selepas tamat Perang Larut I pada tahun 1861 dan perlantikan sebagai Orang Kaya Menteri Paduka Tuan oleh Sultan Jaafar pada 23 Oktober 1863, barulah Ngah Ibrahim⁴⁶ iaitu anak Long Jaafar berkuasa penuh dan memperkenalkan satu sistem pentadbiran yang moden di Larut.⁴⁷ Jawatan hakim yang disandang oleh Syeikh Muhammad Taib digantikan dengan Abdul Jabbar dan kerani pula digantikan oleh Che Karim.

Semasa pentadbiran Menteri Ngah Ibrahim, Larut berkembang dengan pesat daripada sebuah kawasan perlombongan bijih timah kepada sebuah bandar. Bandar utama yang dikenal pasti wujud ketika itu di Larut ialah Matang atau juga dikenali sebagai Larut dalam sesetengah rekod sejarah. Matang terletak di antara kawasan perlombongan bijih





timah seperti Klian Pauh dan Klian Baru dengan pelabuhan Teluk Kertang. Bandar ini menjadi penting setelah dijadikan sebagai pusat pentadbiran Larut oleh Menteri Ngah Ibrahim pada tahun 1860-an. Beberapa bangunan penting didirikan di sini seperti Kota Ngah Ibrahim, masjid, balai polis, mahkamah, rumah kedai, gudang dan pengkalan kecil. Selain itu, Kota dijadikan tempat gudang menyimpan bijih timah dan peleburan bijih timah. Menteri Ngah Ibrahim juga membina jalan raya dari Kota ke Bukit Gantang.

Perkembangan bandar perlombongan bijih timah di Larut ini turut dijelaskan dalam catatan Muhammad Ibrahim Munsyi semasa mengiringi C.R. Irving melawat Larut pada tahun 1872. Beliau mencatatkan bahawa Larut adalah tempat yang baik, terdapat banyak rumah dan jalan yang boleh dilalui oleh kereta. Dalam catatan itu juga, Larut didapati lebih baik daripada Klang meskipun hanya terdapat sebuah sahaja kereta dokat dan kereta kuda banyak ditemui.⁴⁸



Selain itu, Swettenham turut menggambarkan Larut sebelum 1874 dalam bukunya,

British Malaya. Berikut ialah catatan beliau tersebut :-

“Larut was the great tin-mining district of Perak. It contained a population of about twenty thousand Chinese and two or three thousand Malays. The mines lay at the foot of a great range of jungle-covered hills (rising, in their highest point, to over five thousand feet), and were distant from the navigable estuary of the Larut River about ten miles, with another ten miles to the open sea. Speaking broadly, there were two groups of mines (all open-surface workings), about two miles apart, worked respectively by the Go Kuans (the five tribes) and the Si Kuans (the four tribes). In the whole of Perak, at this time, there was only one road, about twelve miles long, passing from the Si Kuan mines, through the Go Kuan village, down to the landing-place on the river estuary. From the middle of this road there was a branch of six miles to the village and residence of the Malay chief of the Larut district This man was styled the Mantri, and he was one of the four high officers of State.”⁴⁹

Berdasarkan kepada perkembangan itu, Larut mencapai perkembangan yang pesat dengan populasi penduduknya yang ramai sehingga mencecah 35,000 hingga 40,000 orang





menjelang tahun 1870-an. Sebahagian besar daripada angka tersebut adalah jumlah pelombong Cina di Larut terus meningkat sehingga mencatat jumlah kira-kira 40, 000 orang pada tahun 1871.⁵⁰ Situasi ini turut dipengaruhi dengan faktor geografinya yang berdekatan dengan Pulau Pinang mempengaruhi pemerintah tempatan untuk membawa masuk elemen pemodenan dan unsur British dalam perkembangan di Larut.

Walau bagaimanapun, persengketaan kongsi gelap Cina dalam Perang Larut yang meletus dari tahun 1861 hingga tahun 1874 memusnahkan rupa bentuk bandar perlombongan bijih timah di daerah ini. Kemusnahan Larut ini tidak melenyapkan perbandaran di negeri Perak tetapi ia memberi ruang kepada pembentukan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah yang lebih terancang kelak.



2.4 Sejarah Perlombongan Bijih Timah di Perak

Aktiviti perlombongan bijih timah merupakan salah satu industri yang tertua di Malaysia. Malahan kegiatan ini pernah menjadi penyumbang utama ekonomi negara pada suatu ketika dahulu. Menurut Francis Loh Koh-Wah, sejarah perlombongan bijih timah di negeri-negeri Melayu terbahagi kepada tiga peringkat perkembangan iaitu fasa pertama (1800-1830-an), fasa kedua (1840-an) dan fasa ketiga (1880-an).⁵¹ Bagi negeri Perak, bijih timah sememangnya tidak boleh dipisahkan dengan negeri ini sejak zaman dahulu lagi kerana sebahagian besar daripada hasil bijih timah negara datang dari negeri Perak.

Perlombongan bijih timah di negeri-negeri Melayu didapati mulai wujud di kebanyakan dasar lembah-lembah sungai sejak awal abad ke-15.⁵² Menurut Khoo Kay





Kim, perlombongan bijih timah wujud lebih awal lagi iaitu sekitar abad ke-9 berdasarkan catatan pedagang Arab dan China.⁵³ Laksamana Cheng Ho yang membuat lawatan ke Melaka pada tahun 1405 turut mencatatkan bahawa bijih timah adalah sebahagian eksport utama di pelabuhan Melaka.⁵⁴ Anuar Isa turut menyatakan bahawa negeri-negeri Melayu ini termasuk negeri Perak tercatat dalam peta rangkaian perlombongan dunia seperti mana laluan rempah yang dikenali sebagai '*Tin Road of World*' sejak zaman awal lagi.⁵⁵ Maka tidak hairan daripada era perdagangan awal di Kepulauan Melayu sehingga era imperialisme British di Malaya, bijih timah di negeri-negeri Melayu terutama negeri Perak menjadi tumpuan masyarakat dunia.

Perusahaan ini dilakukan secara tradisional oleh masyarakat tempatan iaitu orang Melayu dan orang Asli.⁵⁶ Mereka hanya menjadikan kegiatan melombong bijih timah ini sebagai aktiviti ekonomi sampingan selain daripada pertanian dan perikanan. Mereka akan melombong bijih timah pada musim panas dan meleburkannya dalam musim hujan.⁵⁷

Aktiviti melombong bijih timah ini akan dijalankan daripada pukul 5 pagi hingga 10 pagi dan pukul 3 petang hingga 6 petang. Ia turut dilakukan oleh wanita dan semua peringkat umur.⁵⁸ Kaedah yang biasanya digunakan oleh pelombong Melayu ialah melanda atau lebih dikenali sebagai mendulang, melaman dan lombong Siam⁵⁹. Kemudian bijih timah ini akan dibawa ke pelabuhan menggunakan kerbau, gajah dan sampan.

Di negeri Perak, perlombongan bijih timah bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Bijih timah dari Beruas dan Manjung telah dipasarkan di pelabuhan Melaka. Malahan perkara ini dibuktikan menerusi catatan seorang sejarawan Portugis bernama Godinho de Eredia pada tahun 1597 hingga 1600. Dalam catatan tersebut, Eredia mencatatkan bahawa :-

“Perak seringkali dilawati dan ia merupakan pelabuhan utama untuk perdagangan bijih timah... Di sinilah telah terjumpa di banjaran gunung yg di bawah kewibawaannya lombong-lombong bijih timah yang begitu





besar sehingga tiap-tiap tahun lebih daripada tiga ratus bahara bijih timah telah dicabut untuk membekalkan loji Kapten Melaka dan perdagangan saudagar-saudagar dari India.”⁶⁰

Perkembangan pesat perlombongan bijih timah di negeri Perak ini turut mendorong pihak Belanda menerusi Kompeni Hindia Timur Belanda melakukan satu tinjauan pada tahun 1630-an. Hasi tinjauan tersebut dilaporkan seperti berikut :-

“Pelabuhan Perak adalah baik, sungainya dalam ; tempat itu banyak dilawati oleh saudagar-saudagar India, China, juga pedagang-pedagang dari Makasar, Mataram, Bentan, Jawa dan tempat-tempat lain dalam Gugusan Kepulauan Melayu. Mereka mengunjungi Perak untuk membeli bijih timah.”⁶¹

Pada tahun 1768, satu lagi tinjauan telah dilakukan oleh pihak Belanda di Perak. Hasilnya mereka mendapati bahawa aktiviti perlombongan bijih timah negeri ini tertumpu di sepanjang Sungai Perak serta sekitar daerah Kuala Kangsar dan Klian Intan.⁶² Laporan ini jelas memaparkan potensi negeri Perak sebagai pengeluar utama bijih timah di Semenanjung Negeri Melayu sejak sebelum kedatangan British. Malahan hasil bijih timah ini turut menyumbangkan kepada kelangsungan pelabuhan Melaka di bawah pemerintahan Portugis dan Belanda. Maka tidak hairanlah kuasa-kuasa besar di Selat Melaka seperti Aceh, Belanda dan juga Siam cuba menguasai negeri Perak untuk memonopoli perlombongan bijih timahnya.

Pada tahun 1746, Kompeni Hindia Timur Belanda membuat satu perjanjian dengan Sultan Muzaffar Shah II bagi memonopoli perdagangan bijih timah di negeri Perak.⁶³ Kemasukan pengaruh Belanda ini memberi satu signifikan baharu apabila mereka membawa masuk buruh-buruh Cina untuk melakukan aktiviti perlombongan bijih timah di negeri Perak buat pertama kali. Hal ini terjadi ekoran permintaan bijih timah yang tinggi daripada pihak Belanda tidak dapat dipenuhi melalui sistem kerah dalam masyarakat





Melayu. Oleh itu, pihak Belanda cuba mengambil contoh kejayaan hasil kerja buruh-buruh Cina di Bangka untuk diaplikasikan di negeri Perak.

Hasilnya, Sultan Alauddin berkenan untuk memberikan keizinan kepada orang-orang Cina untuk melombong bijih timah di sepanjang tiga batang sungai di Kinta pada awal tahun 1776.⁶⁴ Menurut Khoo Kay Kim, orang Cina mula mengerjakan lombong bijih timah di sekitar kawasan Kinta, Sungkai dan juga Larut sehingga tahun 1795.⁶⁵ Pengeluaran bijih timah juga amat meningkat dalam tempoh masa tersebut ekoran kestabilan politik dan hubungan baik kerajaan Perak dengan pihak Belanda di Melaka. Selepas tahun 1795, pengeluaran bijih timah mulai merosot ekoran krisis pewarisan takhta negeri Perak serta ancaman serangan Siam, Kedah dan Selangor. Buktinya, kadar pengeluaran bijih timah menurun kepada 6000 pikul setahun pada awal abad ke-19 daripada 9000 pikul setahun pada abad sebelumnya.⁶⁶ Situasi ini menjejaskan potensi



negeri Perak sebagai pengeluar bijih timah utama semasa itu dengan teruk dan ditambah dengan kehilangan beberapa kawasan perlombongan bijih timah yang kaya di Klian Intan dan Lembah Bernam kepada Siam dan Bugis di Selangor.

Penemuan bijih timah di Larut oleh Long Jaafar pada tahun 1848 berjaya memulihkan semula industri perlombongan bijih timah di negeri Perak. Pada peringkat awal, terdapat tiga orang Cina bekerja melombong bijih timah di Larut. Long Jaafar yang menemui bijih timah di Klian Pauh itu kemudiannya membawa masuk seramai 20 orang lagi pelombong Cina bagi mengusahakan lombong-lombongnya tersebut.⁶⁷ Tidak lama selepas itu, beliau menemui sebuah lagi kawasan lombong bijih timah yang kaya di Klian Baru. Penemuan bijih timah secara besar-besaran di Larut ini menarik minat pelabur-pelabur Cina dan kemasukan buruh-buruh Cina dari Pulau Pinang. Tambahan pula, Long Jaafar sememangnya memiliki hubungan baik dengan saudagar-saudagar Cina di Pulau Pinang.⁶⁸





Negeri Perak kembali menjadi tumpuan sebagai pengeluar bijih timah di negeri-negeri Melayu. Selain daripada dibawa masuk oleh Long Jaafar, ramai orang Cina yang bermigrasi sendiri ke Larut. Kebanyakan mereka ini berketurunan Hakka. Kumpulan pelombong Cina yang terawal tiba di Larut dan membuka lombong bijih timah di Klian Pauh ialah kumpulan yang diketuai oleh Law Ah Sam yang berkawan baik dengan Long Jaafar. Law Ah Sam ini dilantik sebagai agen bagi mengendalikan lombong-lombong bijih timah kepunyaan Long Jaafar di Larut. Dalam tahun 1850-an, jumlah orang Cina di Larut ini meningkat secara mendadak dan mencecah lebih kurang 4,000 orang di Klian Pauh manakala 2,200 orang lagi di Klian Baru.

Kemasukan ramai buruh Cina dalam perlombongan bijih timah pada ketika itu bukan sahaja merancakkan industri ekonomi tetapi juga membawa masuk kepakaran teknologi perlombongan dan modal. Kumpulan pelombong Cina yang terawal datang ke Negeri-negeri Melayu dikesan di kawasan Melaka pada tahun 1793. Apabila Negeri-negeri Selat ditubuhkan pada tahun 1826, lebih ramai buruh-buruh Cina ini bermigrasi dari China ke Negeri-negeri Melayu melalui pelabuhan negeri tersebut.⁶⁹ Kemasukan buruh-buruh Cina ini dijalankan menerusi satu sistem yang dikenali sebagai 'Sinkeh'. Menerusi sistem ini, buruh-buruh Cina akan dibawa masuk ke Negeri Selat dengan kos perjalanan mereka ditanggung oleh tauke lombong. Mereka seterusnya tinggal di kongsi-kongsi yang disediakan dan bekerja di lombong bijih timah sehingga hutang kos perjalanan selesai dibayar kepada tauke lombong.

Menurut Khoo Salma dan Abdur Razaq Lubis, orang Cina merupakan penggerak menjadikan Negeri-negeri Melayu sebagai pengeluar bijih timah dunia semasa itu.⁷⁰ Buruh-buruh Cina ini memiliki kepakaran dan pengalaman mengusahakan perlombongan bijih timah di negara asal mereka.⁷¹ Mereka memperbaiki kaedah melombong bijih timah di Larut dengan menggunakan cangkul dalam kerja pembersihan, menggunakan roda dan





pam air serta menambahbaik struktur palong bijih timah orang Melayu bagi mendapatkan lebih banyak hasil bijih timah.⁷² Bijih timah ini akan dipasarkan ke Pulau Pinang menerusi pelabuhan Teluk Kertang dan dikenali di pasaran Eropah sebagai ‘*Straits Tins*’ (Bijih Timah Negeri-negeri Selat).

Meskipun kemunculan orang Cina ini melonjakkan semula industri perlombongan bijih timah di negeri Perak, mereka ini juga menimbulkan kekacauan sehingga berlakunya Perang Larut (1861-1873). Peperangan ini teretus ekoran perebutan kawasan perlombongan bijih timah antara kongsi gelap Cina di Larut iaitu Hai San⁷³ dan Ghee Hin⁷⁴. Kongsi gelap Cina wujud awal lagi di Negeri-negeri Selat bagi menjaga kebajikan imigran Cina dan sering bermusuhan sesama mereka sejak di negara asal. Kongsi gelap juga tidak dapat dipisahkan dengan perlombongan bijih timah kerana mereka bertanggungjawab menguruskan tenaga buruh dalam sektor ini. Perang Larut yang berpanjangan selama lebih kurang 12 tahun telah menjejaskan pengeluaran bijih timah di Larut.

Kesan daripada Perang Larut, terdapat segelintir pelombong-pelombong Cina yang keluar dari Larut dan mulai menuju ke Lembah Kinta. Mereka dibawa ke Gopeng oleh Kulup Riau bagi mengusahakan perlombongannya. Kulup Riau ini mendapat keizinan daripada Sultan Jaafar untuk melombong bijih timah di Jelentoh dekat Gopeng pada tahun 1861.⁷⁵ Pada peringkat awal, beliau membawa ketua kongsi gelap Hai San di Larut iaitu Chung Ah Kwee bersama 14 hingga 15 orang Cina ke Gopeng untuk membuka lombong bijih timah. Dalam tahun 1872, terdapat hampir 300 orang pelombong Cina di bawah penguasaan Chung Ah Kwee di Gopeng. Selain itu, Kulup Riau turut membawa masuk lebih kurang 400 orang Mandailing untuk bekerja di lombong bijih timahnya di Gopeng.⁷⁶ Menjelang campur tangan British di negeri Perak pada tahun 1874, Gopeng mempunyai lima buah lombong besar yang diusahakan oleh 1000 orang. Perkembangan ini merupakan





satu permulaan kepada kebangkitan perlombongan bijih timah di Kinta kelak pada akhir abad ke-19.

Kekayaan bijih timah di Larut sebenarnya membawa kepada campur tangan British di negeri Perak yang hanya menggunakan alasan bagi menamatkan kekacauan yang berlaku di situ. Tambahan pula keperluan bijih timah amat tinggi bagi menyokong perkembangan Revolusi Perindustrian yang giat berlaku di Eropah. Hal yang demikian ini jelas dapat dilihat dalam laporan akhbar British di Negeri-negeri Selat sejak tahun 1860-an yang menunjukkan minat pihak British terutamanya para pemodal dan saudagar untuk menguasai kekayaan tersebut. Buktinya, akhbar *Penang Gazette* yang bertarikh 14 April 1860 membicarakan mengenai potensi ekonomi bijih timah di Larut. Berikut adalah petikannya :-



“Kawasan pedalamannya sangatlah kaya dengan bijih timah dan sejumlah besar pelombong Cina yang bekerja di situ datangnya dari Pulau Pinang, kedatangan mereka semakin bertambah ramai. Pintu masuk ke kawasan bijih timah yang utama ialah melalui Sungai Larut yang dikuasai oleh Che Ngah Lamat. Cukai tanah yang harus dibayar kepada Sultan Perak untuk seluruh kawasan itu (termasuk Kerian dan Bagan Tiang), menurut kuasa yang diberikan semasa Che Long Jaafar dan warisnya, hanyalah \$100 setahun. Sementara hasil yang mereka terima dari Larut sahaja ialah sebanyak antara \$5000 hingga \$6000 sebulan, iaitu \$4000 daripada cukai yang dikenakan ke atas sebahara bijih timah bernilai \$20. Bakinya antara \$1000 hingga \$2000 itu adalah daripada cukai candu yang dikenakan sebanyak \$120 sepeti. Cukai impot beras pula sebanyak \$2 sekoyan manakala selebihnya antara \$150 hingga \$200 adalah daripada hasil cukai perjudian.”⁷⁷

Selain itu, akhbar *Singapore Free Press* yang diterbitkan pada Ogos 1865 turut mengeluarkan desakan golongan ini terhadap kerajaan British di Negeri-negeri Selat untuk menguasai Larut seperti berikut:-

*“We despair of anything in the shape of effectual protection to life and prosperity or the permanent establishment peace in Perak until we see the British flag flying there.”*⁷⁸





Termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 berjaya menamatkan kekacauan di Larut dan perebutan takhta kerajaan negeri Perak serta sekaligus mengukuhkan pengaruh pihak British di negeri tersebut. Seorang Residen British iaitu J.W.W. Birch dan Penolong Residen iaitu Kapten T.C. Speedy dilantik bagi melaksanakan polisi British dalam pentadbiran negeri Perak termasuklah hal ehwal perlombongan bijih timah. Pada ketika ini, Birch cuba menentengahkan potensi perlombongan bijih timah di Kinta manakala Speedy pula meningkatkan lagi hasil pengeluaran bijih timah di Larut. Buat pertama kali, jawatan Merinyu Galian turut diperkenalkan oleh pihak pentadbir British bagi menguruskan segala urusan perlombongan bijih timah di Larut.⁷⁹ Perkembangan ini terganggu seketika akibat pembunuhan Birch di Pasir Salak pada 2 November 1875 dan meletusnya Perang Perak 1875-1876.

Selepas pihak British berjaya mengukuhkan kedudukan mereka di negeri Perak pada tahun 1877, perlombongan bijih timah di negeri ini kembali berkembang pesat.

Berdasarkan kestabilan politik yang kukuh ini, pelabur-pelabur Cina kembali yakin untuk mengusahakan semula perlombongan bijih timah dengan mengambil lebih ramai buruh dan mengimport jentera-jentera moden. Sir Hugh Low, Residen British di Perak yang ketiga turut merangsang industri ini dengan memperkenalkan kaedah baharu iaitu jentera pam dan lombong dedah bagi meningkatkan hasil perlombongan.⁸⁰

Pada tahun 1879, Patrick Doyle iaitu seorang pakar jurutera perlombongan melakukan kajian terhadap perlombongan bijih timah di Larut dan membandingkannya dengan lombong Cornwall dan Devon di England serta Pulau Bangka di Indonesia. Hasil kajian beliau tersebut diterbitkan dalam buku berjudul ‘*The Mining in Larut*’. Berikut adalah sebahagian daripada catatan Doyle mengenai perlombongan bijih timah di Larut :-

“The exports of tin from the Straits Settlements in 1877 was 195,483 piculs, which 53,639 piculs were from Singapore, and 141,844 piculs from Penang, there being hardly ever any shipped direct for export from Malacca. Penang receives all the Larut tin.”⁸¹





Dalam tahun 1880-an, Lembah Kinta pula mulai muncul sebagai sebuah kawasan perlombongan yang penting di negeri Perak. Beberapa pegawai British turut melakukan kajian di daerah baru ini seperti H.W.C. Leech, J. Errington de La Cox dan Abraham Hale. Mereka ini bukan sahaja menjelajah dan mencatatkan segala butiran mengenai perlombongan bijih timah di Lembah Kinta hingga ke daerah Batang Padang tetapi juga mendedahkan penemuan mereka kepada dunia luar menerusi penerbitan catatan tersebut bagi menarik minat pelabur asing datang menerokai industri ini di negeri Perak pada ketika itu.

Di samping itu, pelombong-pelombong Cina di Larut juga mulai berpindah secara beramai-ramai ke Kinta bagi mencari kawasan perlombongan yang baharu. Maka tidak hairanlah pada tahun 1889, perkembangan perlombongan bijih timah di Lembah Kinta berjaya mengatasi perlombongan bijih timah di Larut. Kawasan perlombongan bijih timah di Lembah Kinta yang baharu juga dibuka seperti Kampar, Kota Bharu, Batu Gajah, Ipoh, Tambun, Ampang dan Tanjung Rambutan.

Atas faktor permintaan bijih timah dunia yang tinggi, para pelombong Eropah menceburi perlombongan bijih timah di negeri Perak selepas kemerosotan industri perlombongan bijih timah di Cornwall, England pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Mereka ini turut membawa masuk pembaharuan seperti penggunaan mesin jentera. Khoo Kay Kim menamakan perubahan ini sebagai proses *mechanization*.⁸² Perubahan besar dalam perlombongan bijih timah ini memberi impak terhadap pelombong-pelombong Cina yang selama ini menguasai sektor ini.

Di negeri Perak, pelombong Eropah yang pertama melombong di Kinta ialah seorang Perancis yang bernama J. Errington de la Croix. Beliau menubuhkan syarikat perlombongan iaitu *Societe des Etains de Perak* serta melombong bijih timah di Lahat dan





Klian Lalang pada tahun 1883. Kemudian Jacques de Morgan, seorang lagi Perancis turut menubuhkan syarikat perlombongan bijih timah bernama *Societe des Etains de Kinta* (SEK).

Pada peringkat awal, pelombong-pelombong Perancis tidak berupaya memecahkan monopoli pelombong Cina di Negeri-negeri Melayu. Situasi ini terjadi kerana ketidaksesuaian teknik perlombongan yang digunakan. Pada tahun 1900, F. Douglas Osborne membawa masuk dua buah pam pemancut dan menggunakan kaedah *hydraulic sluicing*. Penggunaan teknik moden dan peralatan teknologi dalam aktiviti melombong mengukuhkan penguasaan pelombong Eropah. Ia turut diperkukuhkan pembentukan syarikat-syarikat perlombongan bijih timah yang besar seperti *Gopeng Tin Mining Company* dan *Osborne & Chappell Company*. Kemuncaknya ialah apabila Syarikat *Malayan Tin Dredging Ltd.* memperkenalkan penggunaan kapal korek di Batu Gajah pada



Berdasarkan teknologi yang tinggi dan modal yang besar digunakan oleh pelombong Eropah, pelombong Cina tidak dapat lagi memainkan peranan sebagai pengeluar utama bijih timah di negeri-negeri Melayu lagi.⁸³ Pelombong Cina juga cuba menggunakan kapal korek tetapi mereka tidak mampu kerana tidak mempunyai modal yang mencukupi. Selain itu, jumlah buruh Cina di lombong bijih timah juga semakin berkurang. Dari tahun 1928 hingga 1933, bilangan buruh Cina merosot daripada 119,550 orang kepada 51,980 orang. Pelombong-pelombong Eropah akhirnya berjaya memecahkan monopoli pelombong Cina dalam industri perlombongan bijih timah di negeri-negeri Melayu terutamanya negeri Perak.





Perkembangan aktiviti perlombongan dan kekayaan bijih timah ini di negeri Perak pada awal abad ke-20 dicatatkan dalam buku *'Twentieth Century Impressions of British Malaya'* terbitan tahun 1908 yang berbunyi demikian :-

"The revenue of the State in 1906 was 14,282,484 dollars, as compared 12,242,897 dollars in the preceding year.. The enormous wealth of the state is shown by fact that the value of the merchandise exported in 1906 was 41,290,778 dollars. The export included tin to the value of 37,234,126 dollars and sugar to the value of 1,044,504 dollars, the later sum being little short of the whole of the export in 1877... The cheif sources of revenue are the export duty on tin, which yielded 5,433,709 dollars, as compared with 1,541,442 dollars in 1896 and 140,292 dollars in 1877..."⁸⁴

Maklumat ini jelas menunjukkan bahawa negeri Perak bukan sahaja menjadi pengeluar utama bijih timah di Tanah Melayu tetapi pengeluar utama bijih timah dunia pada abad ke-20. Tambahan pula, satu pertiga bekalan bijih timah dunia datang dari Tanah Melayu. Maka tidak hairanlah, Tanah Melayu terutamanya negeri Perak dianggap sebagai 'Permata Kolonial Empayar British'. Perlombongan bijih timah di negeri Perak terus berkembang sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941-1945. Peperangan dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu serta diikuti dengan kebangkitan penganas Komunis Malaya dalam Darurat (1948-1960) menjejaskan serba sedikit industri ini.

2.5 Kesimpulan

Sesungguhnya, perlombongan bijih timah di negeri Perak begitu penting dalam sejarah negara kerana mempengaruhi sebahagian besar perkembangan sejarah negeri Perak khasnya dan Malaysia amnya sejak ribuan tahun dahulu lagi. Perlombongan bijih timah





juga didapati bukan sahaja mencorakkan perkembangan bandar dan pekan-pekan yang terdapat di Perak tetapi industri ini turut membentuk perkembangan negeri bertuah ini sejak sebelum kewujudan Kesultanan Melayu Perak sehingga menarik minat kehadiran kuasa-kuasa asing.

Selain itu, perkembangan petempatan masyarakat di negeri Perak sebelum terbentuknya bandar dan pekan-pekan baharu tidak mempunyai satu bentuk yang khusus. Kebanyakan petempatan awal masyarakat di Perak didapati terdiri daripada perkampungan tradisional yang tertumpu di tebing sungai sahaja. Bagi industri perlombongan bijih timah pula, hanya beberapa petempatan awal sahaja yang berkembang menjadi petempatan yang besar yang boleh dianggap sebagai bandar tradisional seperti Larut. Petempatan-petempatan ini seterusnya merintis kepada kemunculan bandar dan pekan baharu yang berlaku pesat semasa era pentadbiran kolonial British di negeri Perak.



Nota Hujung

¹*Buku Data Asas Negeri Perak 2008*, Ipoh, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, 2008, hlm. 9.

²*Ibid.*, Lihat juga, *Suara Perak*, Januari 2016, hlm. 1. Menurut *Revenue & Expenditure of Perak for the Year 1877*, negeri Perak hanya memiliki empat daerah sahaja iaitu Larut, Kerian, Kuala Kangsar dan Durian Sebatang.

³Kawasan Parlimen yang terdapat di negeri Perak ialah Gerik, Lenggong, Larut, Parit Buntar, Bagan Serai, Bukit Gantang, Taiping, Padang Rengas, Sungai Siput, Tambun, Ipoh Timur, Ipoh Barat, Batu Gajah, Kuala Kangsar, Beruas, Parit, Kampar, Gopeng, Tapah, Pasir Salak, Lumut, Bagan Datoh, Teluk Intan dan Tanjung Malim.

⁴Kawasan DUN di negeri Perak pula terdiri daripada Pengkalan Hulu, Temengor, Kota Tampan, Kenering, Selama, Kubu Gajah, Batu Kurau, Titi Serong, Kuala Kurau, Alor Pongsu, Selinsing, Gunung Semanggol, Trong, Kuala Sepetang, Changkat Jering, Kamunting, Pokok Assam, Aulong, Chenderoh, Lubuk Merbau, Lintang, Jalong, Manjoi, Hulu Kinta, Canning, Tebing Tinggi, Pasir Pinji, Bercham, Kepayang, Buntong, Jelapang, Menglembu, Tronoh, Bukit Chandan, Manong, Pengkalan Baru, Pantai Remis, Belanja, Bota, Malim Nawar, Keranji, Tualang Sekah, Sungai Rapat, Simpang Pulai, Teja, Chenderiang, Air Kuning, Sungai Manik, Kampung Gajah, Setiawan, Pasir Panjang, Pangkor, Rungkup, Hutan Melintang, Pasir Bedamar, Changkat Jong, Sungkai, Slim dan Behrang.

⁵Meskipun negeri ini telah wujud lebih awal daripada tahun 1528 tetapi nama 'Perak' didapati hanya diguna pakai setelah Sultan Muzaffar Shah I dari Melaka mengasaskan Kesultanan Negeri Perak. Berkenaan asal usul nana negeri Perak ini, dipercayai terdapat empat buah versi yang mengatakan nama Perak itu didapati daripada peristiwa ikan yang mengocak air sungai sehingga mengeluarkan warna seperti perak, bersempena nama Bendahara Tun Perak, diambil daripada nama sebatang sungai iaitu Sungai Perak dan juga dikaitkan dengan penemuan galian bijih timah yang disangkakan sebagai perak.

⁶Misa Melayu merupakan sebuah karya sejarah yang sarat dengan maklumat sosio politik istana Perak pada abad ke-18. Kebanyakan naskhah manuskrip persuratan dan sejarah awal negeri Perak termasuk Misa





Melayu ini disalin semula semasa pemerintahan British di negeri ini dan kini sebahagian besar daripadanya tersimpan di Perpustakaan *School of Oriental & African Studies (SOAS)* dan *Royal Asiatic Society (RAS)*, London. Manuskrip ini dikumpul oleh pegawai-pegawai British seperti W.E.Maxwell, R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt. Untuk mengetahui lanjut mengenai kajian manuskrip Melayu Perak, boleh dirujuk dalam buku terbitan Arkib Negara yang bertajuk ‘Umpama Sebuah Bahtera, Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak.

⁷Kawasan Klian Intan dan Grik di Hulu Perak ini diserahkan kembali kepada kerajaan Perak pada tahun 1909 menerusi Perjanjian Bangkok. Satu upacara menandakan sempadan baru diadakan pada 16 Julai 1909 di Klian Intan. Majlis ini dihadiri oleh Inspektor Simpson (Polis Perak), J.D. Kemp (Pengurus Besar Lombong Bijih Timah Reman), Hubert Berkeley (Pegawai Daerah Ulu Perak), E.W. Birch (Residen British Perak), A.S. Jelf (Pegawai Setiausaha Negeri Selat), Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Wan Muhammad Isa dan Orang Kaya Sri Adika Raja Wan Muhamad Salleh, I.S.O.

⁸Menurut Perjanjian Pangkor 1874, Residen British berperanan sebagai penasihat Sultan dalam semua hal ehwal negeri kecuali adat istiadat Melayu dan agama Islam. Ketiadaan garis panduan yang khusus dalam Sistem Residen yang dilaksanakan oleh pihak British telah menyebabkan J.W.W. Birch menjalankan tugasnya di negeri Perak dengan bebas termasuk beberapa isu yang merupakan adat istiadat Melayu seperti perhambaan dan pemungutan cukai. Perselisihan faham antara Birch dan pembesar Melayu telah menyebabkan semua pembesar Melayu termasuk Sultan Perak, Sultan Abdullah berkomplot untuk membunuh Birch dan menentang British. Birch telah dibunuh oleh pengikut-pengikut Dato’ Maharaja Lela semasa berada di Pasir Salak bagi mengedarkan surat pengisytiharan cukai.

⁹Negeri-negeri Melayu Bersekutu atau Persekutuan 1896 yang terdiri daripada negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang ditubuhkan pada 1 Julai 1896. Penyatuan negeri-negeri Melayu ini sebagai satu unit pentadbiran politik berjaya menyelaraskan sistem pentadbiran negeri-negeri Melayu yang terdapat ketika itu. Cadangan penubuhannya mula dicetuskan oleh Charles Prestwood Lucas, seorang pegawai Pejabat Tanah Jajahan di London pada Mac 1892. Idea penyatuan unit pentadbiran politik ini akhirnya menjadi asas kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia pada hari ini.

¹⁰Perak Amanjaya merupakan misi untuk memajukan Negeri Perak yang diilhamkan oleh Y.A.B. Dato Seri’ Dr Zambray Abd Kadir pada tahun 2010. Visi ini adalah untuk meningkatkan status sosio-ekonomi Negeri Perak dengan berlandaskan 3Q iaitu “*Quality Income*”, “*Quality Opportunity*” dan “*Quality Living*” khusus untuk semua rakyat Negeri Perak termasuklah golongan pekerja, peniaga, pelabur dan semua yang menetap atau berurusan di Negeri Perak tanpa mengira agama bangsa serta kedudukan demografik dan psikografik mereka.

¹¹Chen Voon Fee (Edit.), *The encyclopedia of Malaysia : Architecture*, Kuala Lumpur, Archipelago Press, 2001, hlm. 60.

¹²McNair, J.F.A, *Perak & The Malays*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1972, hlm. 5.

¹³Lim Heng Kow, *The Evolution Of the Urban System In Malaya*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1978, hlm. 32.

¹⁴*Ibid.*,

¹⁵Bandar-bandar Diraja Perak tersebut ialah Tanah Abang, Kota Lama, Julang, Geronggong, Semat, Bota, Air Mata, Brahmana Indera, Kuala Kangsar, Pulau Tiga, Pulau Cempaka Sari, Pasir Pulai, Rantau Panjang Indera Mulia, Bandar Baharu, Teluk Kepayang, Durian sebatang, Pasir Panjang, Sayong, Tanjong Blanja, Batak Rabbit dan Bukit Chandan.

¹⁶Fawzi Basri, *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh, Yayasan Perak, 1986, hlm. 107 & 110. Lihat juga, Malim Ghazali, Kampung-kampung Tersohor Di Sungai Perak pada halaman 20 yang mana menyatakan bahawa Hugh Low yang menetapkan Kuala Kangsar sebagai ibu kota Diraja Perak yang kekal.

¹⁷Fawzi Basri, *Cempaka Sari*, hlm. 13.

¹⁸*Ibid.*,

¹⁹Ling Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, hlm. 26.

²⁰L. Wray, Tin Mining In Perak, *Notes of Perak Museum*, hlm. 6. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley, Pioneering Malaysia’s Modern Development*, Ipoh, Perak Acedemy, 2005, hlm. 6 dan Ling Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, hlm. 26.

²¹*Ibid.*,

²²*Ibid.*,

²³Raja Ngah atau nama sebenarnya ialah Raja ‘Abd’l Jalil bin Raja Sabok adalah sepupu kepada Raja Ismail. Beliau telah dilantik sebagai Tengku Panglima Besar.

²⁴Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak 1875-1911*, Ipoh, Perak Acedemy, 2003, hlm. 235.

²⁵J. Gullick, The economy of Perak in the Mid-1870s, *JMBRAS Vol. 83*, 2010, hlm. 30.





²⁶Khoo Kay Kim, *Tanjong, Hilir Perak, Larut & Kinta The Penang-Perak Nexus in History*. Penang, The Penang Story –International Conference 2002, hlm. 1.

²⁷*Ibid.*, hlm. 5.

²⁸Lim Heng Kow, *The Evolution of The Urban System in Malaya*, hlm. 27.

²⁹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley, Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 5.

³⁰*Ibid.*,

³¹Khoo Kay Kim, Bijih timah dalam sejarah Perak, *Perak Dahulu & Sekarang*, hlm. 39. Lihat juga, Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, Tucson, 1965, hlm. 17 & 18.

³²*Ibid.*, Lihat juga, Khoo Kay Kim, *Tanjong, Hilir Perak, Larut & Kinta The Penang-Perak Nexus in History*, hlm. 6 dan Khoo Kay Kim, *The Western Malay States : The Effect of Commercial Development on Malay State*. Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1975, hlm. 33-35.

³³Lihat juga Khoo Kay Kim, *Tanjong, Hilir Perak, Larut & Kinta The Penang-Perak Nexus in History* ,hlm. 6.

³⁴Malim Ghazali, *Kampung-kampung Tersohor Di Sungai Perak*, Ipoh, Institut Darul Ridzuan, 2011, hlm. 118.

³⁵*Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak for the year 1874*, hlm 1.

³⁶Klian bermaksud galian iaitu bijih timah.

³⁷Long Jaafar adalah anak kepada Dato' Paduka Setia Long Abdul Latif dan menantu kepada Dato' Panglima Bukit Gantang Alang Alaidin. Keluarga beliau berasal dari Nyah Besahing dari Aceh. Pada usia remajanya, beliau dikenali sebagai Long Jaafar Pusing Langit kerana kelicikannya dan pernah berhijrah ke Teluk Belanga, Singapura. Sekembalinya dari Singapura, Long Jaafar telah bekerja sebagai pemungut hasil kepada Dato' Panglima Bukit Gantang di Kerian dan Kurau. Menurut cerita, Long Jaafar telah menemui bijih timah secara tidak sengaja ketika beliau sedang mandi di Sungai Larut (kawasan tersebut ialah di tapak Penjara Taiping sekarang) lalu menamakan tempat itu sebagai Klian Pauh.

³⁸*Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak for the year 1874*, hlm. 1.

³⁹Tiga orang pelombong Cina yang terawal melombong bijih timah di Larut ini ialah Cheng Keng Kwee bersama bapa dan abangnya. Namun tidak diketahui nama bapa dan abang Chung Keng Kwee tersebut.

⁴⁰Menurut Mohd. Zamberi A. Malek, penduduk awal di Larut, termasuk Klian Pauh kebanyakan terdiri daripada orang Melayu Perak dan orang Melayu yang berhijrah dari Kedah serta Patani. Selepas kejatuhan Kerajaan Patani ke tangan Siam pada November 1786, orang Melayu Patani telah membanjiri kawasan pedalaman Larut dan membuka petempatan mereka di sini. Buktinya, terdapat tiga orang panglima Patani iaitu Wan Jamal membuka Selama, Wan Darmula membuka Changkat Jering dan Wan Kasar Wan Abdullah pula membuka Batu Kurau. Namun, Buyong Adil turut ada menyatakan Larut pernah berada di bawah penguasaan Isma Yatim pada tahun 1818. Pandangan-pandangan ini jelas membuktikan orang Melayu sudah lama menetap di Larut sebelum kehadiran Long Jaafar.

⁴¹Dato Panglima Bukit Gantang atau gelaran penuhnya Orang Kaya-kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja merupakan pembesar yang berkuasa di kawasan pantai barat hingga ke utara Perak. Gelaran ini mula dikurniakan kepada keturunan Tun Belanak, anak kepada Tun Saban di Trong. Namun menurut Riwayat Negeri Perak, penyandang pertama gelaran ini ialah Alang Alaidin bin Tuk Paduka Setia Pandak Jamaludin. Kekuasaan Dato' Panglima Bukit Gantang telah merosot pada tahun 1871 dan hanya dihidupkan semula pada awal abad ke-20.

⁴²Gullick, J.M., Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, 1953, hlm. 3.

⁴³Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 30 & 33. Lihat juga, M. A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, hlm. 48 & 49 dan Buyong Adil, *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 1972, hlm. 54

⁴⁴Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873 : Kesan Perkembangan Dagangan Terhadap Politik Melayu*, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti, 1975, hlm. 87.

⁴⁵Menurut Mohd. Zamberi A. Malek, Kota ini bercantum dengan Klian Pauh membentuk bandar Taiping pada hari ini. Rujuk, Mohd. Zamberi A. Malek, *Kapitan Chung Keng Kwee Pahlawan Perang Larut*, Kuala Lumpur, Anjung Media Resource, 2013, hlm. 19.

⁴⁶Ngah Ibrahim merupakan anak kedua Long Jaafar dan telah dilahirkan pada tahun 1840. Menurut Swettenham dalam buku *British Malaya* pada halaman 123, beliau menyatakan bahawa Ngah Ibrahim sebagai "*The Mantri, as already stated, was the chief of the Larut district, and owing to the extent of the tin-mining industry in that province, he was far the richest and most powerful individual in Perak. The Mantri himself was not a pure Malay ; he was partly Indian, and the Indian blood gave him a shrewdness and business capacity foreign to Malays*". Kenyataan Swettenham ini dibantah oleh Abdullah Zakaria Ghazali yang menyatakan bahawa keturunan Ngah Ibrahim berasal dari Aceh. Selain itu, Wee Choon Siang pula





dalam latihan ilmiahnya, *Nгах Ibrahim in Larut 1858-1874* pada halaman 1 tercatat Raja Abdullah telah menyatakan bahawa Nгах Ibrahim berasal daripada keluarga hamba yang dibebaskan dengan bayaran \$1000.

⁴⁷Catatan sejarah sebelum ini seperti Khoo Kay Kim dan Abdullah Zakaria Ghazali telah menyatakan bahawa Nгах Ibrahim telah mengambil alih pentadbiran di Larut apabila Long Jaafar meninggal dunia pada tahun 1857. Namun perkara ini berbeza dengan rekod kerajaan British di Pulau Pinang yang menjelaskan pentadbiran Larut pernah berada di bawah kepimpinan Nгах Lamat, bapa saudara Nгах Ibrahim. Nгах Lamat hanya bersara selepas gagal menangani konflik Perang Larut I pada tahun 1861. Satu lagi polemik sejarah yang menjadi persoalan ialah faktor pewarisan kuasa pentadbiran Larut yang diserahkan kepada Nгах Ibrahim, bukan kepada abang sulungnya, Kulup Muhammad. Menurut Anuar Isa, perkara ini telah disebabkan oleh kewibawaan Nгах Ibrahim berbanding dengan abangnya. Malahan Nгах Ibrahim juga dikatakan telah dijadikan sebagai anak angkat Sultan Jaafar, sekaligus meletakkan beliau begitu istimewa dalam keluarganya.

⁴⁸Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 93.

⁴⁹Swettenham, F.A., *British Malaya*, London, 1948, hlm. 118.

⁵⁰Ling Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, hlm. 33.

⁵¹Francis Loh Koh-Wah, Chinese immigration & tin mining, *The Encyclopedia of Malaysia : Early Modern History*, Kuala Lumpur, Archipelago Press, 2001, hlm. 72.

⁵²Francis Loh Koh-Wah, Early Malay Tin Mining, *Early Modern History*, hlm. 20.

⁵³Khoo Kay Kim, Bijih timah dalam sejarah Perak, hlm. 35.

⁵⁴*Tin Story : Heritage of Malaysia*, hlm. 14.

⁵⁵Anuar Isa, *Ceramah Dari Larut ke Taiping 1874-2014*, Majlis Perbandaran Taiping, 27 Ogos 2014.

⁵⁶Hale, A, On mines & miners in Kinta, *JSBRAS*, Singapore, 1885, hlm. 304. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley, Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 60.

⁵⁷Fawzi Basri, *Cempaka Sari*, hlm. 58.

⁵⁸Khoo Kay Kim, *Sejarah pembentukan masyarakat majmuk di Taiping*, Muzium Perak Taiping, hlm. 1. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley, Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 6.

⁵⁹Lombong Siam merupakan kaedah perlombongan bijih timah tradisional yang dilakukan oleh orang Melayu. Menerusi kaedah, pelombong perlu menggali lubang seperti perigi untuk melombong bijih timah.

⁶⁰Khoo Kay Kim, Bijih timah dalam sejarah Perak, hlm. 36. Lihat juga, R. O. Winstedt & R. J. Wilkinson, *A history of Perak, JMBRAS*, 1974, hlm. 14.

⁶¹*Ibid.*, hlm. 37.

⁶²Francis Loh Koh-Wah, Early Malay tin mining, hlm. 20.

⁶³Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley, Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 5.

⁶⁴*Ibid.*,

⁶⁵Khoo Kay Kim, Bijih timah dalam sejarah Perak, hlm. 38.

⁶⁶*Ibid.*, hlm. 39.

⁶⁷*Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak for the year 1874*, hlm. 1.

⁶⁸Khoo Kay Kim, *Taiping, Ibu kota Perak*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Negara, 1981, hlm. 1.

⁶⁹*Tin Story : Heritage of Malaysia*, hlm. 16.

⁷⁰Suriati Ahmad, *The Important & Significance of Heritage Conservation of ex-tin Mining Landscape in Perak, Malaysia, the Abode of Grace*, The Asian Conference on Asian Studies 2013 Official Conference Proceedings 2013, Osaka, Japan, hlm. 43.

⁷¹Anuar Isa, *Ceramah Dari Larut ke Taiping 1874-2014*, Majlis Perbandaran Taiping, 27 Ogos 2014.

⁷²Khoo Kay Kim, Bijih timah dalam sejarah Perak, hlm. 40. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley : Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 68.

⁷³Kongsi gelap Hai San pula telah diasaskan di Pulau Pinang pada tahun 1820 dan bergabung menjadi Toh Peh Kong.

⁷⁴Kongsi gelap Ghee Hin telah ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1790 dan di Singapura pada tahun 1825.

⁷⁵*Perak Enquiry Paper, Vol. III*, 24 January 1877. Lihat juga, Khoo Salma Nasution, *Kinta Valley : Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 7.

⁷⁶Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley : Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 8.

⁷⁷Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, hlm. 87.

⁷⁸Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 55.

⁷⁹*Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak for the year 1874*, hlm. 23

⁸⁰Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 89.





⁸¹Patrick, Doyle, *The Mining in Larut*, London, 1879, hlm. 23.

⁸²Khoo Kay Kim, Bijih timah dalam sejarah Perak, hlm. 44.

⁸³*Ibid.*, hlm 45.

⁸⁴Wright, Arnold & Cartwright, H.A., *Twentieth Century Impressions of British Malaya*, London, Loyd's Greater Britain Publishing Company Ltd., 1908, hlm. 826.





BAB 3

KEMUNCULAN BANDAR DAN PEKAN KECIL PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI PERAK

Pada penghujung abad ke-19, Semenanjung Negeri-negeri Melayu berhadapan dengan anarki¹ yang membawa masuk gelombang campur tangan British. Kekacauan yang tercetus itu bukan sahaja merencatkan aktiviti ekonomi di Negeri-negeri Melayu tetapi ianya juga turut menjejaskan kepentingan ekonomi British di Negeri-negeri Selat. Bagi menyelamatkan keadaan, pihak British muncul sebagai ‘orang tengah’ atau pendamai kepada Negeri-negeri Melayu. Kemuncaknya adalah termeterainya Perjanjian Pangkor oleh para pembesar Melayu Perak yang diketuai oleh Sultan Abdullah dan Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Andrew Clarke² pada 20 Januari 1874. Perjanjian itu secara tidak langsung meletakkan negeri-negeri Melayu berada di bawah konsep naungan British (*Protected Malay States*) melalui sistem Residen.

Perkembangan politik ini memberi kesan positif kepada perkembangan sosioekonomi masyarakat di negeri-negeri Melayu seperti pertumbuhan bandar-bandar perlombongan bijih timah. Maka wujudlah bandar-bandar baru seperti Klang, Kuala Lumpur, Taiping dan Sungai Ujong yang dibangunkan di tengah-tengah kawasan perlombongan bijih timah. Negeri Perak pula sebagai negeri Melayu pertama menerima pengaruh British turut mengalami kesan positif ini dan secara tidak langsung menjadi





peneraju utama dalam pembangunan bercorak moden di Negeri-negeri Melayu. Hal yang sedemikian ini terbukti dengan kajian Lim Heng Kow yang mana menjelaskan bahawa kelahiran dan pertumbuhan bandar-bandar di negeri Perak berlaku dengan pesat dalam dua dekad pertama pentadbiran British di negeri tersebut (1874-1895).³ Selain itu, pertumbuhan ini mengukuhkan persempadanan dan pendaerahan di negeri Perak pada ketika itu.

3.1 DAERAH LARUT

3.1.1 Taiping



Pertumbuhan bandar perlombongan bijih timah di negeri Perak mulai tahun 1874 bermula di Larut dengan kemunculan dua bandar baharu iaitu Taiping dan Kamunting. Perang Larut yang berlaku kira-kira 10 tahun sebelum termeterainya Perjanjian Pangkor membinasakan sebahagian besar petempatan dan kawasan perlombongan bijih timah di Larut. Semasa kemuncak peperangan tersebut pada tahun 1872, hampir 3000 orang terbunuh, kampung dan rumah yang ditinggalkan dibakar serta lombong-lombong terpaksa ditutup.⁴ Perkara ini dirakam dalam catatan Swettenham yang melawat Larut pada awal Januari 1874 seperti berikut :-

“Thus in January, 1874, Larut was practically in the hands of two small parties of Chinese, the Si Kuans with a force of under 1000 men, and the Go Kuans with about double that number.. ..They had numerous stockades at intervals on the road, and the country then seemed to contain none but fighting men.. ..at the beginning of this disturbances 3000 men are said to have been killed in a day, every house in the country, except those at Bukit





Gantang and the Menteri's house at Matang, had been burnt down, and Larut was filled with nothing..”⁵

Sebuah suruhanjaya British iaitu Suruhanjaya Perdamaian Larut (*Commission For The Pacification of Larut*)⁶ ditubuhkan dalam Perjanjian Pangkor 1874 untuk memulihkan semula keamanan di Larut pada Januari 1874 turut merekodkan kemusnahan yang sama akibat peperangan tersebut dalam laporannya seperti berikut :-

“The oldest Mines, called ‘Galian Pow’, are nearest to Kota, and before the disturbances there was a large village there, of which not a vestige remains now except one or two charred stamps.”⁷

Menerusi hasil siasatan oleh Suruhanjaya Perdamaian Larut, keamanan di Larut berjaya dipulihkan dengan membahagikan dan menetapkan sempadan kawasan perlombongan bijih timah kepada dua bahagian mengikut kongsi gelap Cina masing-masing pada 23 Februari 1874. Petempatan kongsi gelap Hai San ditetapkan di Klian Pauh



dan Ghee Hin pula diletakkan di Klian Baru. Upacara penetapan sempadan ini dihadiri oleh Kapten Dunlop, William Pickering, Frank Swettenham, Kapten Speedy, Menteri Ngah Ibrahim, Chung Keng Kwee dan Chung Ah Yam.⁸ Berikut petikan mengenai penetapan persempadanan tersebut dalam Perjanjian Suruhanjaya Perdamaian Larut :-

“A living tree bearing from a fixed point, well defined, in Galian Bow, Larut, East by North ¼ North, and distant, on that point South South-west, and distant from that point, on the other side, [black] feet ; a fence joining these two trees to be the boundary between the Si-Quan and Goh-Quan Mines.”⁹

Penetapan sempadan kawasan ini sekaligus memudahkan Kapten T.C.S. Speedy¹⁰, Penolong Residen British di Larut untuk merancang pembangunan bercorak moden di situ terutamanya pembinaan dua buah bandar baru iaitu Taiping dan Kamunting. Bangunan-bangunan konkrit mulai didirikan di Larut seperti bangunan kerajaan dan rumah-rumah. Kota yang merupakan bandar utama di Larut dijadikan sebagai pusat pentadbiran British oleh Kapten Speedy manakala Teluk Kertang yang merupakan pintu keluar masuk utama





ke Larut masih dikekalkan sebagai pelabuhan utama. Pada Februari 1874, Kapten Speedy merancang pembinaan bandar baharu Taiping dan beliau menganggap pembukaan bandar ini adalah satu petanda gembira untuk masa hadapan.¹¹

Umum mengetahui bahawa asal usul nama bandar Taiping ini berasal daripada perkataan Cina yang bermaksud ‘kedamaian yang abadi’ berikutan tamatnya Perang Larut. Namun sebenarnya terdapat beberapa versi cerita mengenai asal usul nama Taiping ini. Menurut sumber lisan masyarakat Melayu di Larut, nama Taiping dikatakan berasal daripada nama sepasang suami isteri yang berniaga warung kopi di Klian Pauh pada zaman Long Jaafar iaitu Teh dan Ping (Arifin).¹² Warung mereka sangat terkenal sehingga menjadi sebutan masyarakat semasa zaman itu sehingga lahir sebutan ‘Teh Ping’ (Taiping).

Bagi masyarakat Cina pula, nama Taiping ini dikatakan mempunyai kaitan dengan pemberontakan Taiping yang berlaku di negara asal mereka selain daripada erti perkataan yang bermaksud ‘keamanan abadi’. Sesuatu yang menarik mengenai asal usul Taiping daripada perspektif orang Cina ialah nama Taiping ini sebenarnya merupakan satu kod nama rahsia yang digunakan oleh kongsi-kongsi gelap Cina. Schlegel menyatakan bahawa apabila tamatnya kekacauan di Larut, kongsi gelap Hai San mengabadikan kod nama rahsia tersebut pada petempatan baharu mereka ini sebagai Taiping.¹³ Asal usul nama bandar Taiping juga turut dikaitkan dengan nama Kapitan Chung Type Phin, iaitu anak lelaki Kapitan Chung Keng Kwee.¹⁴ Namun, pendapat ini tidak boleh diterima kerana Taiping telah wujud lebih awal daripada kelahiran Chung Type Phin iaitu pada tahun 1879 dan sebaliknya Chung Keng Kwee menamakan anak beliau itu bersempena kekayaannya di Taiping.





Meskipun asal usul nama Taiping dikaitkan dengan pelbagai perspektif masyarakat setempat, nama Taiping terbukti kukuh berasal daripada perkataan Cina. Nama Taiping ini juga diberikan oleh Kapten Speedy kepada bandar baharu yang diwujudkan oleh pihak British selepas tamat Suruhanjaya Perjanjian Pangkor pada Februari 1874. Perkara ini jelas dibuktikan menerusi laporan suruhanjaya tersebut yang mana tiada menyatakan nama atau bandar Taiping. Namun, nama dan bandar Taiping hanya muncul selepas Februari 1874 berdasarkan laporan tahunan Kapten Speedy.¹⁵

Selain itu, identiti bandar Taiping ini boleh dianggap sebagai satu polemik sejarah kerana terdapat perbezaan ejaan nama Taiping dalam rekod-rekod rasmi kerajaan British iaitu Tiping, Thaiping (1884), Thaipeng (1888), Taiping (1890) dan Taipeng (1902). Kekeliruan identiti ini hanya berlaku dalam ejaan oleh pihak British yang sentiasa bertukar, tidak seperti ejaan perkataan Cina yang kekal.¹⁶



Khoo Kay Kim dan Talib Samat mengemukakan bahawa Taiping dibuka oleh Long Jaafar yang asalnya dikenali sebagai Klian Pauh. Selain itu, C.S.Wong dan Ho Ming Tak pula berpendapat bahawa Taiping berasal dari Klian Pauh juga tetapi dibuka oleh Chung Keng Kwee.¹⁷ Walau bagaimanapun, Taiping dan Klian Pauh sebenarnya adalah dua lokasi yang berbeza. Klian Pauh yang dibuka oleh Long Jaafar terletak di pinggir bandar Taiping sekarang (tapak Penjara Taiping). Taiping pula didirikan oleh Kapten Speedy dengan persetujuan Menteri Ngah Ibrahim di atas lokasi neutral di antara Klian Pauh dan Kota bagi memudahkan beliau mengawal keamanan di Larut. Peredaran masa dan perkembangan pesat bandar Taiping menyebabkan Klian Pauh dan Kota beransur hilang dan termasuk dalam kawasan perbandaran Taiping.

Dalam fasa awal iaitu tahun 1874-1877, pembinaan bandar Taiping diterajui oleh Kapten Speedy. Beliau memulakan proses tersebut dengan pembinaan bangunan-bangunan





kerajaan seperti pejabat, balai polis, mahkamah, penjara, hospital dan jalan raya. Kapten Speedy turut mendirikan Residen iaitu rumah kediaman Penolong Residen di puncak Bukit Jelutong, Taiping.¹⁸ Proses pembinaan ini ditinjau dan dirakam oleh J.W.W. Birch dalam catatannya pada 13 hingga 18 Februari 1874.¹⁹ Birch menyatakan bahawa bandar Taiping mengalami perubahan besar pada ketika itu.²⁰ Dalam menjayakan semua rancangan pembangunan di Larut terutamanya Taiping, Kapten Speedy menggunakan hasil perlombongan bijih timah di Larut sendiri. Pada tahun 1874, peruntukan sebanyak \$100,000 digunakan untuk pembangunan di Larut dan bertambah sebanyak \$226,000 pada tahun berikutnya.²¹

Pada April 1874, bandar Taiping siap dibuka. Taiping semasa ini memiliki kira-kira 250 buah rumah dan penduduk seramai 5000 orang termasuk 1000 orang daripadanya ialah pekedai. Di sekitar Taiping pula, terdapat lebih kurang 90 buah lombong bijih timah dan meningkat kepada 139 buah lombong bijih timah pada tahun 1875. Kapten Speedy menempatkan beberapa jabatan kerajaan seperti bendahari, kehakiman, galian, jalan raya, kastam, perubatan dan perhutanan di Taiping.²² Perkembangan ini menjadikan Taiping sebagai pusat pentadbiran utama British di negeri Perak dan Negeri-negeri Melayu sebelum munculnya Kuala Lumpur, sekaligus meletakkan bandar ini sebagai ibu negeri Perak.

Bagi melicinkan pengurusan bandar ini, satu '*Municipal Rules*' diperkenalkan oleh pihak British. Dalam tahun 1892, sistem ini digantikan dengan '*Taiping Sanitary Board*'. Pembangunan awal bandar Taiping ini dirakam menerusi catatan oleh beberapa orang pegawai British yang melawatnya. McNair yang melawat bandar ini pada tahun 1875 menggambarkan Taiping sebagai "*a busy place, with thatched buildings by hundred*".²³ Sebelum itu Swettenham yang mengikuti lawatan J.W.W. Birch ke Taiping pada April 1874 menulis bahawa :-





*“Marvellously short time, there were all ready 250 houses in Taiping, and very nice looking house they are, too, all like, going up on both sides of what will shortly be a good street”.*²⁴

Perang Perak yang berlaku pada tahun 1875 hingga 1876 ekoran pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak tidak begitu menjejaskan perkembangan bandar Taiping yang baharu dibina. Tindakan pantas yang diambil oleh Kapten Speedy berjaya menyekat kebangkitan orang Melayu di Larut dengan mengenakan sekatan terhadap Menteri Larut Ngah Ibrahim di Kota.²⁵ Kapten Speedy melaporkan kepada Sir William Jervois yang merupakan Gabenor Negeri-negeri Selat bahawa:-

*“the Chinese are to a man favourably inclined to the the British rule and i am quite able to cope with any Malay force that may attempt to enter Larut”.*²⁶

Pada September 1877, Kapten Speedy meletak jawatan sebagai Penolong Residen di Larut. Berikutan itu, asas pembangunan yang dimulakan oleh Kapten Speedy diteruskan oleh Sir Hugh Low, Residen British di Perak yang ketiga (1877-1899) dan Frank Swettenham sebagai Pemangku Residen di Perak (1884-1886). Hasilnya pembangunan awal Taiping ini boleh dilihat pada catatan lawatan Isabella Bird, seorang pengembara wanita British pada Februari 1879 :-

“Taiping is a thriving, increasing place, of over six thousand inhabitants, solely Chinese, with the exception of a small Kling population, which keeps small shops, lends money, drives gharries and bullock-carts, and washes clothes. This place was the focus of the disturbances in 1873, and the Chinese seem still to need to be held in check, for they are not allowed to go out at night without passes and lanterns. They are miners, except those who keep the innumerable shops which supply the miners, and some of them are rich. Taiping is tolerably empty during the day, but at dusk, when the miners return, the streets and gambling dens are crowded, and the usual Babel of Chinese tongues begins. There are scarcely any Malays in the town.. .. this important Chinese town, with a street about a mile long, with large bazaars and shops making a fine appearance, being much decorated in Chinese style; halls of meeting for the different tribes, gambling houses, workshops, the Treasury (a substantial dark wood building), large detached barracks for the Sikh police, a hospital, a powder magazine, a parade ground, a Government storehouse, a large,





new jail, neat bungalows for the minor English officials, and on the top of a steep, isolated terraced hill, the British Residency."²⁷

Catatan Isabella Bird ini menunjukkan dengan jelas keadaan sosioekonomi Taiping pada ketika itu. Beliau bukan melihat kepada perkembangan infrastruktur dan kemudahan yang lengkap di Taiping tetapi turut merakam kehidupan seharian masyarakat di bandar tersebut. Meskipun berdasarkan catatan-catatan kolonial ini memperlihatkan Taiping sebagai sebuah bandar besar pada akhir tahun 1870-an, tetapi sebenarnya rupa bandar ini masih lagi terdiri daripada deretan rumah atap di sepanjang sebatang jalan utama seperti mana rupa bandar Larut yang musnah dalam Perang Larut.²⁸ Kawasan bandar Taiping pada ketika itu bermula dari kawasan Penjara Taiping di utara hingga ke kawasan Masjid India Taiping sekarang ini.

Kemuncak kepada perkembangan bandar Taiping hanya berlaku dalam fasa berikutnya, iaitu tahun 1880-1895 selepas tragedi kebakaran besar bandar Taiping. Walaupun kebakaran tersebut memusnahkan bandar Taiping yang asal didirikan oleh Kapten Speedy, tetapi ia memberi peluang yang baik kepada pihak British untuk menyediakan perancangan bandar yang baik seperti sistem perbandaran di Britain. 'Sistem Gridiron' diperkenalkan bagi memastikan rupa bandar Taiping berada dalam keadaan teratur, bersih dan selamat.²⁹ Menerusi sistem ini, sebanyak sebelas batang jalan silang (*Cross Streets*) telah wujud di bandar ini. Perkara ini turut tercatat dalam *Perak Annual Report 1881* yang menyatakan seperti berikut :-

"On re-laying out of the town of Thaipeng, which took place after the great fires in 1880, the main streets were widened to seventy feet and the the cross streets to sixty feet. Some of these were taken through abandoned mining land which necessitated great unforeseen expense in filling up the old pits, and the metalling of the larger streets cost more than had been anticipated, and is by no means yet completed. The result has been that, instead of a dirty village of attap huts traversed by narrow crooked lanes, the new town contains blocks of brick buildings of neat appearance equal to the best which are usually seen in the trading part of the towns of the Straits Settlements, and the sanitary regulations have become hopeful,





although it has not yet been possible to carry out the necessary drainage.”³⁰

Perkembangan Taiping dalam fasa kedua ini turut dilaporkan oleh Swettenham seperti berikut :-

“..Taiping, originally built in one long street of attap huts, again so rebuilt in 1874 to be twice burnt down and rebuilt, first in woods and then in brick.”³¹

Menurut Khoo Kay Kim, perkembangan di Taiping berlaku dengan pesat pada tahun 1883.³² Bangunan-bangunan kerajaan yang terdapat di bandar ini telah dibina semula dengan konkrit atau diperbesarkan seperti pasar, penjara, pejabat pos, balai polis dan pejabat perbendaharaan. Sementara itu, beberapa kemudahan baru turut diwujudkan seperti bekalan air, sekolah, kelab sosial, lampu elektrik, bank, padang lumba kuda, pusat perangan Bukit Maxwell, perpustakaan, taman rekreasi dan muzium. Sebahagian besar pembinaan infrastruktur ini dilakukan oleh banduan-banduan dari Penjara Taiping.



Kemuncak era kegemilangan bandar Taiping ialah siapnya pembinaan landasan kereta api dari Port Weld ke Taiping pada 1 Jun 1885. Landasan kereta api sepanjang 8 batu ini merupakan yang pertama terdapat di Negeri-negeri Melayu ketika itu. Perkhidmatan kereta api ini akan melintasi beberapa hentian di Port Weld, Matang, Simpang dan Taiping. Pada asalnya, stesen kereta api Taiping dibina di tapak padang Sekolah King Edward berdekatan Pejabat ‘Larut Railway’ dan rumah rehat tetapi dipindahkan ke Assam Kumbang (tapak sekarang) dalam tahun 1890.³³ Pembinaan ini memudahkan serta meningkatkan pengeluaran dan import bijih timah Larut ke pasaran dunia. Secara tidak langsung, ia meletakkan Taiping mendahului bandar-bandar lain di Negeri-negeri Melayu pada akhir abad ke-19.

Pada tahun 1895, Taiping mula mengalami era kemerosotannya apabila pihak British memindahkan pusat pentadbiran mereka di Negeri-negeri Melayu ke Kuala





Lumpur. Kemerosotan bandar ini turut dipengaruhi dengan kekurangan bijih timah di Larut dan kemunculan kawasan perlombongan bijih timah di Kinta pada akhir abad ke-19.³⁴ Selepas tahun 1937, kedudukan Taiping sebagai ibu negeri Perak pula beransur-ansur berkurangan ekoran berlakunya proses perpindahan pusat pentadbiran negeri ke Ipoh.

Pengenalan penanaman getah secara besar-besaran di Negeri-negeri Melayu oleh pihak British pada awal abad ke-20 berjaya mempertahankan kegemilangan bandar Taiping sehingga tahun 1930-an. Suasana bandar Taiping pada era ini digambarkan dalam catatan Cuthebert Woodville Harrison pada tahun 1911 seperti berikut :-

“The town of Taiping (Chinese word – everlasting peace) lies on the Larut alluvial mining field.. For nearly fifty years, this field has been turned over and over by tin miners.. With the possible exception of the centre of the town itself there is probably not a square yard which has not either been worked for tin or covered with overburden. Even in the town itself mining is still, by special permission, going on, and were the cricket-field between the two clubs to be put up to auction as a mining block it would find ready purchasers..”



The town itself is one of the most picturesque in Malaya. Its public offices are handsome and contain a fine State Council Chamber. The road from the railway station, a quarter of a mile down which is the rest house, is the boundary between the native and the English parts of the town. To the north lies the English quarter.. On the south of Station Road is the Chinese town, with broader streets than those in most Malaysian cities.. The streets are shaded by rows of the angsema tree..”³⁵

3.1.2 Kamunting

Kamunting merupakan bandar kedua terbesar di Larut yang wujud sejak tahun 1874. Kamunting berasal daripada petempatan pelombong Cina daripada kongsi gelap Ghee Hin iaitu Klian Bahru. Apabila Suruhanjaya Perdamaian Larut menetapkan persempadanan antara kawasan perlombongan bijih timah di Larut pada 23 Februari 1874, Klian Bahru ini





dinamakan sebagai Kamunting. Bandar ini mempunyai kira-kira 200 hingga 300 buah kedai dan 4000 orang penduduk.³⁶

Meskipun kedudukan Kamunting yang agak jauh ke pedalaman iaitu tiga atau empat batu dari Taiping dan dipisahkan dengan Lembah Gugup, bandar ini tetap dilengkapi dengan sebatang jalan raya dan landasan kereta api yang baik, balai polis, sekolah dan rumah-rumah kedai. Panoramanya turut dicatat oleh Isabella Bird yang berkesempatan melawat bandar ini pada tahun 1879:-

“Kamunting, a Chinese mining town of four thousand people, three miles from here, approached through a pretty valley full of pitcher plants with purple cups and lids.. .. Kamunting, a forlorn town, mainly built of attap, with roads and ditches needing much improvement, and I bargained for some Chinese purses and visited a gambling saloon, the place in which one sees the peculiar expression of the Chinese face at its fullest development. There is nothing very shocking about it, nothing more than an intensified love of gain without a mask. Each coolie takes his pipe of opium after his day's work, and each has a pot of tea kept always hot in a thickly wadded basket, a luxury which no Chinaman seems able to do without.”³⁷



Perkembangan bandar Kamunting agak berbeza dari bandar Taiping kerana ketika Taiping mengalami kemerosotan, fenomena yang sebaliknya berlaku iaitu Kamunting semakin berkembang.³⁸ Menurut Lim Heng Kow, pembangunan Kamunting bersifat anti-klimaks berbanding Taiping.³⁹ Walaupun bandar ini kurang memiliki sumber bijih timah yang kaya, terdapat sebanyak 30 buah kawasan-kawasan perlombongan bijih timah di sekitar Kamunting yang dicatatkan pada tahun 1879 dan lombong bijih timah yang terbesar di Larut pada awal abad ke-20 iaitu lombong kepunyaan NgBoo Bee terletak di sini.





3.1.3 Matang

Selain daripada dua buah bandar perlombongan bijih timah kembar yang besar ini, Larut turut mempunyai beberapa petempatan atau pekan kecil yang lain yang wujud hasil daripada aktiviti perlombongan bijih timah. Matang adalah salah sebuah pekan kecil yang penting di Larut sejak zaman pentadbiran Menteri Larut Ngah Ibrahim.⁴⁰ Selepas Menteri Ngah Ibrahim kehilangan kuasa di Larut, Matang tidak lagi berfungsi sebagai pusat pentadbiran Larut tetapi masih terdapat beberapa bangunan kerajaan yang ditempatkan di sini oleh pihak British.

Bagi pihak British, pekan ini memainkan peranan penting kerana memiliki jalan perhubungan yang baik dan murah antara Taiping ke Pelabuhan Teluk Kertang yang terletak berhampiran Matang. Kepentingan pekan ini disebabkan oleh peranan Teluk Kertang yang merupakan satu-satunya pelabuhan utama bagi Larut dan Kuala Kangsar. Menurut bancian pada tahun 1891, populasi penduduk Matang adalah sebanyak 1,289 orang iaitu dua pertiga daripada jumlah itu ialah orang Cina dan satu pertiga lagi ialah orang Melayu. Perkembangan ini menjadikan Matang sebagai pekan ketiga terbesar selepas Taiping dan Kamunting.⁴¹





3.1.4 Port Weld (Kuala Sepetang)

Seterusnya dalam tahun 1885, sebuah lagi pekan kecil dan pelabuhan dibina di Kuala Sepetang. Pekan dan pelabuhan ini diberikan nama Port Weld bersempena nama Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Frederick Aloysius Weld. Port Weld turut dilengkapi dengan dermaga kapal dan landasan kereta api yang pertama di Negeri-negeri Melayu yang bertujuan untuk memudahkan hasil bijih timah di Larut untuk dieksport keluar. Buktinya setiap hari, terdapat sepuluh kali perjalanan kereta api pergi balik antara Port Weld dan Taiping.⁴² Pekan ini hanya menjadi pelabuhan utama di Negeri-negeri Melayu untuk tempoh tahun 1885 hingga 1892.⁴³

Menurut Perak Government Gazette pada tahun 1900, keluasan bandar Port Weld bertambah daripada sempadan bandar itu pada tahun 1897. Berikut adalah persempadanan tersebut,

“On the north: A straight line drawn from a stone on the left bank of the Sungei Sepatang Kechil, in a north-east direction for about 7 chains, up to and along the Railway line to a stone at the north end of the Government Bund. On the east: The Government Bund to the Sungei Serama Menangis. On the south: The Sungei Serama Menangis. On the west: The Sungei Sepatang and Sungei Sepatang Kechil, up to the stone on the left bank of the latter.”⁴⁴

Selepas itu, Port Weld mulai merosot seperti mana bandar Taiping dan tidak lagi berfungsi sebagai pelabuhan kepada perlombongan bijih timah di Larut sejak tahun 1910-an. Menurut laporan *Perak Government Gazette* pada tahun 1891, penduduk Port Weld adalah seramai 266 orang sahaja iaitu merangkumi 96 orang Melayu, 82 orang Cina dan 55 orang India.⁴⁵ Semenjak kemerosotan itu, pekan ini hanya menjadi pusat penghasilan kayu arang dan perkampungan nelayan sahaja.⁴⁶





3.1.5 Assam Kumbang

Assam Kumbang terletak di sebelah barat bandar Taiping. Pekan kecil ini agak unik kerana terletak di simpang empat iaitu antara persimpangan jalan utama ke Taiping, Kamunting dan landasan kereta api. Assam Kumbang memiliki beberapa jalan di dalam pekannya seperti Jalan Syed Burhan, Jalan Fraser, Jalan Chung Keng Kwee, Jalan Hugh Low dan Jalan Maxwell.⁴⁷ Pada tahun 1890-an, Stesen Kereta Api Taiping dipindahkan ke Assam Kumbang ini. Perpindahan tersebut menyebabkan pekan Assam Kumbang ini mulai hilang dan termasuk dalam bandar Taiping. Selain itu, perhentian bas yang pertama di Taiping juga terletak di sini.⁴⁸



3.1.6 Aulong

Tidak jauh dengan Assam Kumbang, wujud sebuah pekan kecil bagi orang Cina iaitu Aulong. Kawasan sekitar Aulong ini memiliki sebanyak 30 buah lombong bijih timah dengan jumlah pelombong seramai 3,827 orang.⁴⁹ Kepesatan itu jelas menunjukkan pekan kecil ini merupakan sebuah petempatan yang agak besar ketika itu. Selain itu, Aulong begitu penting kerana terdapat sebuah kilang air minuman kepunyaan Syed Burhan di sini.





3.1.7 Tupai

Beralih ke tenggara bandar Taiping, sebuah lagi pekan kecil muncul daripada aktiviti perlombongan bijih timah di Larut iaitu Tupai. Asal usul nama Tupai ini dikatakan berasal daripada fungsi awal kawasan ini dijadikan sebagai tempat pelacuran kepada pelombong-pelombong Cina pada masa dahulu.⁵⁰ Malahan kegiatan pelacuran ini dibenarkan oleh pihak British dengan syarat para pelombong perlu melakukan pemeriksaan kesihatan di hospital. Pekan ini turut mempunyai sebanyak 12 buah lombong bijih timah dan jumlah pelombong seramai 1,207 orang.⁵¹ Selain daripada orang Cina, Tupai juga turut didiami oleh orang Melayu Mandailing.



3.1.8 Ayer Kuning

Di selatan Taiping pula, terdapat juga sebuah pekan kecil iaitu Ayer Kuning. Ayer Kuning asalnya dikenali sebagai 'Relau Tujuh'.⁵² Orang Mandailing dari Selama yang diketuai oleh Raja Desa dan Panglima Raja mendiami dan melombong bijih timah di Ayer Kuning ini secara melampau dan melereh.⁵³ Di pinggir bandar Kamunting juga, terdapat sebuah pekan kecil iaitu Kampung Jana yang dipercayai dibuka oleh orang Melayu Sumatera iaitu Rawa dan Mandailing yang lari daripada Perang Klang di Selangor.⁵⁴ Nama Jana itu sendiri diambil bersempena dengan kegiatan perlombongan bijih timah yang berjalan di





kawasan ini. Kampung ini juga penting kerana merupakan laluan utama untuk ke daerah Kerian.

Walaupun pekan-pekan kecil hasil perlombongan bijih timah ini hanya berperanan sebagai kawasan penempatan dan kegiatan ekonomi, ianya berjaya mengukuhkan lagi perkembangan sistem perbandaran di Larut. Bandar dan pekan kecil ini memiliki hubungan saling bergantung dalam aspek perlombongan bijih timah, kediaman, perhubungan, perniagaan dan keperluan harian.

3.2 DAERAH KINTA



Berbeza dengan daerah Larut, perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Lembah Kinta agak lewat sedikit berikutan faktor lokasinya yang terletak di pedalaman dan hanya boleh dihubungi melalui Sungai Kinta pada peringkat awalnya. Perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di Lembah Kinta hanya bermula selepas tamatnya Perang Perak pada tahun 1877. Kestabilan politik dan penerimaan para pembesar Melayu Perak membolehkan pihak British meluaskan pengaruh mereka di Lembah Kinta. Perkembangan ini juga turut dirangsang dengan kehadiran golongan imigran Melayu Sumatera dan Cina.





3.2.1 Pengkalan Pegoh

Pada tahun 1878, pihak British mendirikan pusat pentadbiran pertama mereka di Lembah Kinta yang terletak di Pengkalan Pegoh. H.W.C. Leech dilantik sebagai Majistret Kinta di sini.⁵⁵ Sebelum meletusnya pembunuhan J.W.W. Birch pada tahun 1875, Pengkalan Pegoh ini merupakan sebuah pusat perdagangan yang lengkap dengan bazaar dan pelabuhan sungai kepada kawasan perlombongan bijih timah di Lahat. Datoh Pegoh merupakan pembesar Melayu yang bertanggungjawab mentadbir kawasan ini.⁵⁶ Kedudukan Pengkalan Pegoh yang berdekatan dengan lombong-lombong bijih timah di Papan dan Lahat telah menyumbang kepada perkembangan pekan ini. Lombong-lombong di Papan ini dimiliki oleh Sultan Perak, Sultan Ismail (1871-1874) manakala lombong-lombong bijih timah pula di Lahat dimiliki oleh Dato' Panglima Kinta Zainal Abidin.⁵⁷ Sultan Ismail turut menjadikan Pengkalan Pegoh sebagai tempat persemayaman baginda pada tahun 1870.⁵⁸

Selain daripada Sungai Kinta, Pengkalan Pegoh ini boleh dihubungi menerusi jalan denai gajah dari Blanja yang terletak di tebing Sungai Perak. Pada Mei 1875, J.W.W. Birch pernah berkunjung ke Lembah Kinta dan meninjau Pengkalan Pegoh yang juga dikenalnya sebagai 'Pencalan'.⁵⁹ Dalam catatan Birch, Pengkalan Pegoh dicatatkan bahawa lokasi ini merupakan "*Sultan Ismail's new village is on an island made off a turn of the river by cutting through the turn.*" Beliau juga mendapati petempatan itu sedang berkembang.⁶⁰ Semasa meletusnya Perang Perak 1875-1876, Pengkalan Pegoh menjadi salah satu sasaran medan pertempuran dan dikenali sebagai 'Kinta' oleh pasukan tentera British dalam peta ekspedisi mereka.⁶¹

Namun tiada sebarang catatan yang dapat menggambarkan Pengkalan Pegoh kerana tempohnya dijadikan sebagai pusat pentadbiran Lembah Kinta terlalu singkat iaitu dari





tahun 1878 hingga 1879. Tambahan pula, Perang Perak menyebabkan aktiviti perlombongan bijih timah di Papan dan Lahat terjejas atau ditinggalkan. Faktor ini sekaligus telah memberi kesan buruk terhadap perkembangan Pengkalan Peguh. Hanya beberapa keping gambar sahaja yang merakamkan suasana pekan kecil ini yang terdiri daripada beberapa buah bangunan kayu beratap besar yang berfungsi sebagai bangunan kerajaan terletak di tebing Sungai Kinta.

3.2.2 Kota Bharu



Pada tahun 1880, pusat pentadbiran British di Pengkalan Peguh dipindahkan ke Kota Bharu.⁶² Perpindahan tersebut disebabkan oleh faktor kedudukan Kota Bharu yang lebih strategik iaitu menghubungkan Sungai Kinta dengan kawasan perlombongan bijih timah yang kian aktif di Gopeng. Pada tahun 1881, De La Croix yang melawat Kota Bharu mencatatkan bahawa pekan kecil ini telah menjadi pusat pentadbiran daerah Kinta dan memiliki rumah kediaman bagi pentadbir Eropah serta dilengkapi dengan jalan ke Gopeng yang baik.⁶³ Pada tahun 1882, sebuah hospital kerajaan dibina oleh Majistret Hewett di Kota Bharu dan menjadi hospital pertama di Lembah Kinta.⁶⁴

Akibat serangan penyakit malaria, Kota Bharu ditinggalkan oleh pihak British pada tahun 1884.⁶⁵ Semua pejabat dan jabatan kerajaan dipindahkan ke Batu Gajah. Walau bagaimanapun, Kota Bharu masih dapat bertahan sebagai pekan kecil apabila sebuah stesen kereta api dibina di sini dan menjadi pintu masuk ke kawasan perlombongan bijih timah baru di Tanjung Tualang.





3.2.3 Gopeng

Pada masa yang sama, Gopeng iaitu sebuah kawasan perlombongan bijih timah yang muncul sebelum tahun 1874 berkembang pesat menjadi sebuah bandar terpenting di Lembah Kinta sebelum kemunculan Ipoh. Pada asalnya, Gopeng ini merupakan sebuah kawasan penempatan masyarakat Melayu Rawa yang datang merantau dari Sumatera ke sini dalam tahun 1850-an dan dikenali sebagai Kampung Rawa.⁶⁶ Mereka ini merupakan perintis kepada perlombongan bijih timah di Gopeng dengan melombong menggunakan kaedah menchulek dan mendulang. Kesan daripada perlombongan bijih timah ini, Kampung Rawa berkembang pada tahun 1860-an dengan pembinaan kedai-kedai kecil.⁶⁷

Menurut Khoo Salma Nasution pula, perlombongan bijih timah di Gopeng bermula semasa pemerintahan Sultan Ismail (1871-1874) apabila Kulup Riau dan Chung Ah Kwee bersama kira-kira 14 hingga 15 orang Cina dari Larut membuka lombong bijih timah di Gopeng Hilir. Kulup Riau seterusnya membawa masuk buruh seramai 300 orang Cina di bawah jagaan Chung Ah Kwee dan 400 orang Mandailing ke Gopeng Hilir.⁶⁸ Beliau juga membina infrastruktur asas seperti jalan dari Gopeng ke Sungai Raia dan Pengkalan Bharu. Perkembangan awal ini mencetuskan pertambahan penduduk dan perubahan topografi petempatan di Gopeng.

Selepas tamatnya Perang Perak 1875-1876⁶⁹, Frank Swettenham melantik Syed Masahor dari Selangor sebagai wakil British bagi memulihkan keamanan di Gopeng sebagai membalas jasa beliau membantu pihak British dalam peperangan tersebut.⁷⁰ Perlantikan ini berpunca daripada faktor ramai pelombong Cina yang meninggalkan Gopeng semasa meletusnya Perang Perak 1875-1876. Namun, Syed Masahor tidak berada lama di Gopeng dan kembali semula ke negeri Selangor. Untuk





menjamin kepentingan ekonomi di Gopeng, pihak British seterusnya membina sebuah balai polis pada tahun 1879.⁷¹ Bertitik tolak dari itu, perkembangan bandar Gopeng diterajui oleh tiga pihak iaitu golongan profesional Eropah, orang Sumatera pimpinan Iman Prang Ja Baruman dan orang Cina yang diketuai oleh Eu Kong.

Pada tahun 1880, Gopeng muncul sebagai pusat pentadbiran kedua terpenting di negeri Perak.⁷² Perkembangan ini dibuktikan menerusi beberapa catatan semasa itu seperti Croix yang menyatakan bahawa terdapat 15 buah hingga 16 buah rumah kongsi dengan jumlah kira-kira 700-800 orang kuli terlibat dalam perlombongan di Gopeng pada tahun 1881.⁷³ Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Fredrick Weld dalam lawatannya pula mendapati terdapat kira-kira 1500 orang Cina di sini dan turut meninjau jalan serta lombong-lombong bijih timah terdapat di sekeliling bandar Gopeng.⁷⁴ Gopeng pada ketika itu boleh dihubungi menerusi dua jalan kereta lembu iaitu jalan dari Pengkalan Baru di tebing



Apabila Gopeng berfungsi sebagai pusat pentadbiran terpenting di Lembah Kinta, pihak British menyusun pentadbiran di Gopeng yang diketuai oleh Dr. N. B. Dennys, Penolong Majistret yang pertama. Pada tahun 1890-an, Kapten Hubert Berkeley pula dilantik menggantikan beliau. Bagi melicinkan pentadbiran ini, *Sanitary Board* (Lembaga Perbandaran) ditubuhkan pada tahun 1894. Lembaga ini dipengerusikan oleh Berkeley dan dianggotai oleh D. Berwick, A. Cologan, Penolong Penghulu Iman Prang serta dua tauke lombong, Wong Lam Yen dan Foo Hap.⁷⁵ Kewujudan struktur pentadbiran yang kukuh membolehkan Gopeng terus berkembang dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam seperti pejabat kerajaan, rumah rehat, pasar, teater, balai polis, hospital dan Kelab Kuda Gopeng Gymkhana menjelang tahun 1890-an. Kebanyakan kemudahan awam ini dipertingkatkan kepada bangunan konkrit dan baharu pada tahun 1900.





Perkembangan bandar Gopeng turut direkodkan dalam beberapa catatan yang lain. *Perak Annual Report* pada tahun 1886 melaporkan bahawa rupa bandar Gopeng sebagai “*Gopeng has become a handsome town.. Tile burning, a new industry, has been established there*”.⁷⁶ Pada April 1887, satu kebakaran besar berlaku di Gopeng yang memusnahkan 68 buah rumah dan menyebabkan kerugian sebanyak \$412,500. Selepas insiden hitam tersebut, Gopeng segera dibangunkan semula secara terancang dan muncul sebagai bandar terbesar di Lembah Kinta pada tahun 1888. Kira-kira 258 buah rumah yang terdiri daripada 47 buah rumah batu dan 157 buah rumah papan didirikan di bandar ini pada ketika itu.

Perkembangan bandar Gopeng terus berlaku dengan pesat dalam tahun 1890-an dengan kewujudan syarikat perlombongan Eropah iaitu *The Straits Trading Company* pada tahun 1889 dan *The Gopeng Tin Mining Company* pada tahun 1892. Pada 10 Julai 1892,



Pemangku Residen British di British, William Treacher melawat Gopeng. Hasil lawatan beliau ini memberikan gambaran bandar Gopeng yang dibina semula tersebut. Berikut adalah sebahagian gambaran yang diberikan oleh Treacher :-

“inspected the hospital, fire-engine station, market, police station and lock-up and walked through the town, which has a thriving appearance and possesses many brick houses and shops and a substantial Chinese theatre.”⁷⁷

Namun begitu, potensi ekonomi Gopeng sebenarnya mulai merosot secara beransur-ansur pada tahun 1890-an ekoran penghijrahan ramai pelombong Cina ke Kampar dan kesan kemunculan bandar Ipoh. Perkembangan ini turut dipengaruhi oleh faktor hasil pengeluaran bijih timah yang berkurang di sini. Di samping itu, aktiviti perlombongan bijih timah di Gopeng juga dimonopoli oleh syarikat-syarikat perlombongan Eropah seperti *Gopeng Consolidated Ltd* mengakibatkan ramai pelombong Cina tidak mampu bersaing lalu berpindah ke Kampar pula. Gopeng akhirnya menjadi bandar kedua terpenting di Lembah Kinta dalam tempoh masa ini.





Gopeng terus berkembang sehingga tahun 1915 apabila wujud beberapa bahagian di dalam bandar ini seperti pekan Cina, petempatan Eropah, perkampungan Melayu Rawa dan Orang Asli. Pada tahun 1908, sebuah paip besar untuk kegunaan perlombongan bijih timah di Gopeng dibina oleh *Gopeng Tin Mining Co. Ltd* (kemudian dinamakan sebagai *Gopeng Consolidated Ltd.*). Paip besar ini bermula dari kawasan tadahan air di Ulu Geruntom pada asalnya berukuran 13.6 km panjang dan kemudiannya ditambah panjangnya menjadi 15 km pada tahun 1930-an.⁷⁸

Kawasan bandar Gopeng ini meliputi dari Gurdwara Sahib di utara hingga ke kampung Rawa di selatan dan Changkat di barat. Kedai-kedai Cina di Gopeng berada dalam kedudukan 'tight grid'. Populasi penduduk Gopeng seperti orang Melayu terutama Rawa dan Mandailing berada di selatan manakala Orang Asli Sakai⁷⁹ pula mendiami kawasan di kaki bukit iaitu timur Gopeng (Ulu Geruh dan Ulu Geruntom). Petempatan orang Eropah terletak di kawasan tinggi dengan kewujudan bangunan-bangunan kerajaan di Changkat seperti mahkamah, pejabat penghulu, pejabat perlombongan, balai polis, pejabat pos, kelab kerajaan, sekolah dan balai bomba. Kegemilangan bandar Gopeng berakhir apabila pejabat-pejabat kerajaan dipindahkan ke Ipoh, Kampar dan Batu Gajah. Lebih menyedihkan kawasan pejabat kerajaan di Changkat dimusnahkan bagi dijadikan lombong bijih timah oleh *Gopeng Consolidated Ltd.* pada tahun 1936.⁸⁰





3.2.4 Papan

Sebuah lagi kawasan perlombongan bijih timah yang terawal di Lembah Kinta ialah Papan. Pada awal abad ke-19, Papan merupakan sebuah kawasan pembalakan terutama kayu cengal. Aktiviti pembalakan ini dipercayai dilakukan di hutan Ulu Johan oleh orang Melayu sejak tahun 1700-an dan kemudian diambil alih oleh orang Cina.⁸¹ Menurut Abdur-Razzaq Lubis, kegiatan ekonomi ini dijalankan pada tahun 1840-an dan orang Cina mula menetap di Papan semasa itu. Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan kewujudan Tokong Kun Yam Miu yang dibina pada tahun 1847.⁸²

Pekan Papan memiliki beberapa nama lain seperti Kota Papan, Pengkalan Papan dan Klian Papan. Dalam rekod awal oleh orang Eropah atau pihak British juga, nama pekan Papan dieja sebagai ‘Pappan’ atau ‘Pappin’.⁸³ Asal usul nama pekan Papan dikatakan mempunyai kaitan dengan kegiatan pembalakan yang terdapat di kawasan tersebut. Menurut orang Cina pula, nama pekan ini diambil daripada perkataan Kantonis, ‘Ka’ Pan’ iaitu bererti papan yang berkualiti.⁸⁴ Abdur Razzaq Lubis turut menyatakan bahawa perkara ini turut dirakam dalam catatan De Morgan pada tahun 1884 yang berbunyi :-

“Papan, plank : village so named because formerly they used to make planks there.”⁸⁵

Perlombongan bijih timah di Papan bermula sekitar tahun 1870-an apabila Sultan Ismail (1871-1874)⁸⁶ membuka lombong bijih timah baharu baginda di sini. Buktinya, J.W.W. Birch mencatatkan bahawa Sultan Ismail memiliki lombong bijih timah baru di Pengkalan Papan, iaitu terletak di antara dua pusat pentadbirannya di Blanja dan Pengkalan Peguh.⁸⁷ Selepas tamatnya Perang Perak 1875-1876, lombong bijih timah ini diserahkan





kepada Raja Asal⁸⁸ dari Selangor. Penyerahan tersebut dilakukan oleh Swettenham atas sumbangan beliau membantu pihak British dalam menamatkan peperangan tersebut.

Raja Asal juga dibenarkan oleh Raja Idris untuk membuka petempatan di Pengkalan Kacha (kini dikenali sebagai Changkat Piatu), iaitu selatan Pengkalan Peguh. Menerusi pengiktirafan yang diberikan, beliau membuka lombong bijih timah di Papan, Dendang dekat Sungai Terap dan Pulau.⁸⁹ Meskipun begitu, Raja Asal tidak sempat melakukan sebarang perkembangan di Papan ekoran kematian beliau di Changkat Piatu pada 14 November 1877.⁹⁰

Perkembangan Papan bermula sebaik sahaja Raja Bilah iaitu anak saudara Raja Asal mengambil alih kuasa pentadbiran kawasan ini. Raja Bilah mendirikan petempatan baru di Papan dan menggalakkan orang Mandailing dari Pengkalan Kacha berpindah ke sini. Sebelum perpindahan tersebut iaitu semasa pentadbiran Raja Asal, orang Mandailing hanya berulang-alik antara dua lokasi tersebut. Pada tahun 1878, beliau bersama keluarga berpindah ke Papan dan bertanggungjawab untuk mengutip cukai ke atas lombong-lombong bijih timah di situ.⁹¹ Perkembangan ini menghidupkan semula aktiviti perlombongan bijih timah di Papan yang terjejas akibat Perang Perak 1875-1876.

Potensi ekonomi Papan yang besar mendorong kepada kedatangan J. Errington de la Croix yang melawat kawasan ini pada tahun 1881. Hasil tinjauan beliau dalam misinya untuk mencari kawasan perlombongan bijih timah yang baharu telah mendapati terdapat tiga belas buah lombong bijih timah yang beroperasi di Papan serta diusahakan oleh 500 orang Melayu dan Cina. De la Croix juga menambah bahawa seramai 234 orang daripada itu adalah orang Cina dan 266 orang Melayu.⁹² Kebanyakan orang Cina di Papan pada ketika itu merupakan kelompok Hakka daripada kongsi gelap Ghen Hin yang diketuai oleh





Hew Ah Ang, Wong Koon dan Jin See.⁹³ Mereka ini turut berasal dari Selangor dan berhijrah ke Papan bersama-sama Raja Asal.

Hasil kerjasama antara pelombong Melayu dan Cina yang menjalankan perlombongan bijih timah di sini, Papan telah muncul sebagai salah sebuah kawasan lombong yang sangat aktif di Lembah Kinta.⁹⁴ Perkara ini turut dinyatakan oleh Residen British di Perak, Sir Hugh Low sebagai “..as far as I seen, containing the most productive tin mines in the State.”⁹⁵ Kejayaan tersebut menyebabkan komuniti pelombong di negeri Perak pernah menyebut Papan sebagai ‘*Big Perak*’ manakala Taiping sebagai ‘*Small Perak*’.⁹⁶ Perlantikan Raja Bilah sebagai Penghulu Papan pada 1 Januari 1882 juga menyumbangkan terhadap perkembangan bandar Papan. Perkara ini kerana beliau dipertanggungjawab oleh pihak British untuk membangunkan kawasan Papan dengan pembinaan kemudahan awam dan penerokaan kawasan baru.



Dalam tempoh masa iaitu dari tahun 1880-an hingga 1896, Papan menikmati perkembangan pesat dengan kewujudan pelbagai infrastruktur moden. Antara prasarana yang dibina ialah balai polis, jalan raya, sistem bekalan air, kandang kuda, pejabat pos, penjara, panggung teater Cina, briged pemadam api sukarela Cina dan pasar. Meskipun begitu, pembangunan bandar Papan ini terjejas sedikit ekoran berlakunya pergaduhan besar kongsi gelap Cina yang dikenali sebagai Rusuhan Papan pada 29 November 1887. Pada tahun 1888, Papan digambarkan dalam *Perak Government Gazette* sebagai sebuah bandar yang memiliki jalan utama yang berukuran 70 kaki lebar dan terdapat 146 buah rumah kedai yang meliputi empat buah bangunan batu, 80 buah bangunan kayu dengan jubin genting dan 50 buah bangunan kayu berbumbungkan atap. Sistem kebersihan juga dilaksanakan di Papan.⁹⁷





Pada tahun 1892, Papan mencapai tahap sebuah bandar yang besar seperti Ipoh, Gopeng, Lahat dan Batu Gajah. Papan terus membangun dan kemuncak kegemilangan bandar ini ialah terbinanya Rumah Besar Raja Bilah pada tahun 1896. Perkembangan bandar Papan ini turut dirakam oleh beberapa pegawai British yang melawatnya. Leftenan Kolonel Walker sempat merekodkan perkembangan Papan seperti berikut :-

“Papan does not appear on the decline as I understood; the population is on the increase, being at present 1,163 males and 360 females, total 1,523. Much mining land has recently been opened at Katcha. The township was in perfect order under Inspector Ephraums.”⁹⁸

Pemangku Residen yang turut melawat Papan pada November 1895 mencatatkan :-

“inspected the village, market, ghari stables, new post office and police barracks. The fire brigade, manned by Chinese, turned out in prompt and workmanlike style.”⁹⁹

Malahan *Perak Government Gazatte* pada tahun 1897 juga merekodkan

perkembangan Papan. Dalam laporan tersebut, pekan Papan mengalami tahun kemakmurannya dan berkembang semula sebagai pusat perlombongan.¹⁰⁰ Perkembangan pada kali ini dapat dibuktikan apabila keluasan kawasan bandar Papan juga telah diperluaskan. Kawasan bandar Papan yang asalnya berkeluasan 1 km persegi diperluaskan sebanyak 200 meter ke timur dari jambatan Tokong Lama Cina dan 200 kaki lagi ke timur laut dari bangunan teater Cina.¹⁰¹ Sebuah penjara yang dilengkapi hospital turut dibina di pinggir bandar pada tahun 1903.¹⁰² Bagi menyokong perkembangan Papan lagi, bandar ini turut dihubungi melalui landasan kereta api Ipoh-Tronoh dan pembinaan sebuah stesen kereta api yang siap dibina pada tahun 1908.¹⁰³

Namun begitu, pembangunan yang dikecapi oleh bandar Papan ini musnah dalam satu kebakaran besar yang berlaku pada tahun 1911. Pasukan bomba bantuan dari Ipoh turut dipanggil bagi membantu proses pemadaman kebakaran di Papan itu. Kebakaran besar tersebut menjajaskan rupa bentuk bandar ini serta menjadi titik tolak kepada





kemerosotannya. Insiden hitam ini digambarkan dalam laporan akhbar *The Times of Malaya* yang bertarikh 9 Februari 1911 seperti berikut :-

“..had we but possessed a motor fire engine in Ipoh when those houses were burnt down at Papan recently we might have been on the scene only ten minutes after the outbreak.”¹⁰⁴

Sejak itu, populasi penduduk di Papan juga direkodkan semakin menurun kepada 1,285 orang sahaja. Pada tahun 1928, bandar Papan mengalami era kejatuhannya. Bangunan teater besar Cina dan rumah-rumah kedai mulai kosong serta ditinggalkan. Perkara ini jelas tercatat dalam laporan bancian oleh Scrivenor pada tahun tersebut.¹⁰⁵ Penjara, balai pos dan pejabat pos pula ditutup operasinya beberapa tahun sebelum itu lagi iaitu 1925 dan 1927.¹⁰⁶ Hanya masyarakat Cina sahaja yang masih tinggal di bandar ini manakala masyarakat Eropah dan Melayu mulai berhijrah ke Batu Gajah, Tronoh dan Pusing. Kelab Anglo-Chinese yang dahulunya dianggotai oleh orang Eropah tetapi berubah wajah selepas tahun 1928 kerana ahlinya hanya terdiri daripada orang Cina.¹⁰⁷

Dalam tahun 1930-an, aktiviti perlombongan bijih timah di kesemua 13 buah lombong bijih timah sekitar bandar Papan tidak lagi dijalankan. Sebahagian kecil lombong-lombong ini dipajakan kepada pelombong bebas Cina berskala kecil dan terdapat juga bekas lombong yang dijadikan sebagai kawasan rekreasi kepada orang Eropah. Perubahan drastik yang berlaku ini mengakhiri era kegemilangan pekan Papan sebagai pekan perlombongan bijih timah tertua di Lembah Kinta.





3.2.5 Batu Gajah

Tidak jauh daripada Papan, wujud sebuah lagi bandar perlombongan bijih timah yang penting di Lembah Kinta iaitu Batu Gajah.¹⁰⁸ Bandar ini dijadikan sebagai pusat pentadbiran British di Lembah Kinta pada tahun 1884. Meskipun begitu, Batu Gajah wujud lebih awal sebagai sebuah perkampungan kecil masyarakat Melayu di tebing Sungai Kinta pada awal abad ke-19. Kawasan perkampungan tersebut diletakkan di bawah pentadbiran mukim Sungai Terap yang diterajui oleh Seri Amar Diraja.¹⁰⁹ Perkara ini turut dibuktikan menerusi catatan J.W.W. Birch, Residen British pertama di Perak pada 30 April 1875 yang mana beliau menjelaskan bahawa Batu Gajah merupakan sebuah kampung yang luas, subur dan indah serta terdapat 30 hingga 40 buah rumah dan sebuah relau bijih timah yang

besar. Birch turut melaporkan bahawa terdapat aktiviti perlombongan bijih timah dijalankan di sekitar kawasan ini.¹¹⁰

Kemunculan Batu Gajah sebagai sebuah bandar perlombongan bijih timah sebenarnya amat berkait rapat dengan kemunculan bandar Papan dan aktiviti perlombongan bijih timah di situ. Hal yang sedemikian ini kerana bijih timah dari Papan akan dibawa keluar melalui Batu Gajah yang terletak di tebing Sungai Kinta. Pada tahun 1881, Batu Gajah mula berperanan sebagai pengkalan pelabuhan kepada bandar Papan dan sekitarnya sehingga ke Pusing dan Siputeh. Kawasan pelabuhan ini dipilih oleh H.W.C. Leech bagi menggantikan pelabuhan lama di Pengkalan Kacha. Penduduk Batu Gajah telah dibayar pampasan sebanyak \$849 untuk pengambilan tanah mereka bagi pembinaan pekan baru tersebut.¹¹¹ Kedai-kedai mula dibina di *River Street* iaitu berhampiran tebing Sungai Kinta lalu membentuk sebuah pekan yang kemudian menjadi pekan lama Batu Gajah. Kebanyakan kedai di sini dimiliki oleh peniaga Melayu dan Mandailing.¹¹²





Pada tahun 1884, pihak British memindahkan pusat pentadbiran mereka di Lembah Kinta dari Kota Bahru ke Batu Gajah. Perkembangan ini dicatatkan dalam *Perak Annual Report* pada tahun tersebut seperti berikut :-

“The Head Quarters of the Kinta Magistrate were moved from Kota Bharu, the station first selected but found unhealthy and unsuitable, to Batu Gaja, which probably the finest site for dwelling houses in the State. Police Station, Hospital and Quarters for all Officers were erected on the new site and occupied.”¹¹³

Ekoran fungsinya sebagai pusat pentadbiran Lembah Kinta, pihak British membangunkan Batu Gajah sebagai ‘Mini Taiping’ kerana rupa bandar ini mirip seperti bandar Taiping.¹¹⁴ Perkara ini kerana Batu Gajah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti di Taiping iaitu balai polis, hospital, sekolah, bangunan pentadbiran, pejabat pos, stesen kereta api, rumah rehat, padang lumba kuda dan penjara. Selain itu, kawasan di Batu Gajah turut dibahagi kepada beberapa bahagian iaitu kawasan bukit yang dikenali sebagai ‘Changkat’ menjadi kawasan penempatan pegawai British manakala kawasan tanah rendah berdekatan tebing sungai merupakan kawasan komersial yang meliputi Pekan Lama dan Pekan Baru.

Pada tahun 1890-an, imej Batu Gajah sebagai pusat pentadbiran Lembah Kinta semakin terserlah dengan pembinaan beberapa prasarana yang baru. Contohnya, Kompleks bangunan pentadbiran dan mahkamah siap dibina di Changkat pada tahun 1892. Bangunan ini direka bentuk oleh Jurutera Negeri Perak, Francis St. G. Caufield dengan kos pembinaan sebanyak \$20,000.¹¹⁵ Kompleks bangunan kerajaan di Changkat ini akhirnya dirasmikan pembukaannya oleh Sultan Idris Mursyidul Adzam Shah pada tahun tersebut. Perkembangan ini turut dipuji oleh Pemangku Residen British di Perak yang melawat Batu Gajah pada 7 Julai 1892 :-

“the nearly completed Government offices, an ambitious brick structure with accommodation for the offices of the Collector, the Land Department, Chinese Protectorate and Court; also the Treasury, a new brick buliding of somewhat noevl design, and which already apprears to be scarcely





capacious enough for the growing needs of this flourishing district; the new post and telegraph buildings, commodious and suitable; the goal (134 prisoners), and the excellently kept hospital, under the charge of Dr. Wright, Senior District Surgeon. A new road leading from quarters are situated, to the proposed station on the Kinta Valley Railway was also visited.”¹¹⁶

Bagi memantapkan pembangunan Batu Gajah, *Sanitary Board* ditubuhkan pada tahun 1893. Lembaga ini diketuai oleh Penolong Majistret dan dianggotai oleh Pakar Bedah Daerah, Penolong Pesuruhjaya Polis, Penghulu Mukim Sungai Terap Pandak Akhat, Penghulu Papan Raja Bilah, Khu Ah Ngho dan Shak Yen Fuk.¹¹⁷ Pada peringkat awal, lembaga ini bertanggungjawab mentadbir kawasan Batu Gajah tetapi kemudian diperluaskan hingga meliputi Papan, Siputeh dan Tronoh.¹¹⁸ Meskipun lembaga ini kemudiannya digabungkan menjadi *Sanitary Board* Kinta, ibu pejabatnya tetap dikekalkan di Batu Gajah. Selain itu, pentadbiran di Batu Gajah turut dikendalikan oleh George Maxwell dan W.P. Hume sebagai Majistret Kanan serta William Ephraums menjaga



Ekoran paras air Sungai Kinta yang semakin cetek telah menyukarkan perahu-perahu untuk mudik ke Batu Gajah membawa hasil bijih timah. Pihak British mencadangkan pembinaan landasan kereta api yang akan merentasi bandar Batu Gajah pada tahun 1892. Pada Februari 1894, landasan kereta api Ipoh-Batu Gajah dibuka secara rasmi oleh Sultan Idris Shah.¹²⁰ Kewujudan landasan kereta api ini merencanakan lagi pembangunan di Batu Gajah. Pada tahun 1908, Pejabat Geologi Kerajaan dipindahkan dari Kuala Lumpur ke sini.¹²¹ Menjelang pertengahan abad ke-20, perkembangan bandar Batu Gajah mulai perlahan akibat kemerosotan aktiviti perlombongan bijih timah di Papan dan kemunculan bandar baru Ipoh. Namun kegiatan perladangan getah yang sedang berkembang di Lembah Kinta menyelamatkan nasib bandar Batu Gajah sebagai pusat pentadbiran daerah Kinta.





3.2.6 Lahat

Pada tahun 1888, sebuah pekan perlombongan bijih timah yang baru muncul di Lembah Kinta iaitu Lahat. Lahat terletak berhampiran Pengkalan Peguh pada asalnya merupakan kawasan perlombongan bijih timah yang dimiliki oleh Dato' Panglima Kinta Zainal Abidin.¹²² Perang Perak yang berlaku pada tahun 1875 menyebabkan aktiviti perlombongan bijih timah di Lahat tergendala. Aktiviti ekonomi tersebut hanya aktif semula pada tahun 1881 apabila De la Croix melakukan tinjauan dan kajian bijih timah. Hasil tinjauan beliau itu, sebuah syarikat perlombongan bijih timah Perancis yang bernama *Societe des Mines d'Etains de Perak* membuka lombong bijih timah di Lahat. Syarikat ini turut membina sebatang jalan kereta lembu dari sini ke Pengkalan Peguh.¹²³



Selepas berakhirnya Perang Perak iaitu awal tahun 1880-an, pelombong-pelombong Cina turut kembali mengerjakan kegiatan perlombongan bijih timah di Lahat. Perlombongan bijih timah yang semakin berkembang ini telah mewujudkan petempatan para pelombong Cina di sini. Lahat juga menjadi kubu kuat kongsi gelap Ghee Hin semasa berlakunya Rusuhan Papan pada tahun 1887.¹²⁴ Pada 20 Disember 1886, perkampungan Lahat ini telah musnah dalam satu kebakaran. Selepas itu, Lahat dibangunkan semula sehingga terdapat 25 buah bangunan konkrit dan 119 bangunan kayu yang berbumbung atap. Perkembangan ini menyebabkan Lahat diiktiraf sebagai sebuah bandar oleh pihak British pada tahun 1887.¹²⁵

Namun satu lagi kebakaran berlaku pada tahun 1891 sehingga membinasakan bandar Lahat ini. Kebakaran itu membolehkan Lahat dibangun semula dengan teratur sebagai sebuah bandar oleh pihak British. Berbagai prasarana seperti jalan, pasar dan teater yang baru dibina di Lahat. Perkara ini jelas dilaporkan dalam lawatan Pemangku Residen





British ke Lahat pada 7 Julai 1892 yang mana mendapati pekan Lahat mempunyai teater Cina dan pasar. Menurut laporan tersebut, pembinaan sebuah perhentian kereta api akan dicadangkan bagi merencanakan perkembangan pekan Lahat.¹²⁶ Balai polis juga didirikan pada tahun 1893 manakala pejabat pos pula diwujudkan pada tahun 1901.¹²⁷

Kegemilangan Lahat tidak bertahan lama ekoran terdapat saingan dengan kemunculan pekan Tekkah Menglembu menjelang tahun 1895. Menurut laporan bancian pada tahun 1894, populasi penduduk di sini berjumlah 2,494 orang termasuk 289 orang perempuan tetapi jumlah ini berkurangan dalam laporan bancian tahun berikutnya.¹²⁸ Meskipun begitu kegiatan perlombongan bijih timah di Lahat masih dijalankan oleh Dato' Panglima Kinta Abdul Wahab, anak Dato' Panglima Kinta Zainal Abidin serta tauke-tauke Cina seperti Foo Choo Choon, Loke Man Choke dan Chang On Siew. Pada awal abad ke-20, situasi ini berubah apabila kegiatan perlombongan bijih timah di Lahat dimanipulasi oleh syarikat perlombongan Eropah seperti *Lahat Mines Ltd.*, *Pengkalen Ltd.* dan *Ipon Tin Dredging Ltd.*¹²⁹

3.2.7 Pekan Kampung Kepayang

Kegiatan perlombongan bijih timah di kawasan sekitar Sungai Raia berhampiran Gopeng turut membawa kepada kemunculan pekan Kampung Kepayang. Perkembangan di sini bermula apabila Kulup Riau membina jalan dari Gopeng ke Sungai Raia bagi memudahkan beliau mengeksport hasil bijih timah dari lombongnya.¹³⁰ Kampung Kepayang sebenarnya bermula sebagai sebuah perkampungan kecil masyarakat Melayu di tebing kanan mudik





Sungai Raia (kini Taman Sri Raia).¹³¹ Perkara ini dibuktikan dengan penemuan perkuburan lama yang terdapat di situ. Menurut sumber lisan, kampung tersebut diasaskan oleh lima adik beradik iaitu Long Empun, Che Ngah Nongah, Alang Talib, Uda Suri dan Busu Gandam. Mereka ini adalah anak kepada Toh Samsu dan isterinya, Toh Komea yang berhijrah dari Tanah Arab pada sekitar tahun 1850-an.¹³²

Kepesatan perlombongan bijih timah di sekitar Sungai Raia yang dipelopori oleh pembesar tempatan iaitu Toh Sedewa Diraja Domba bin Toh Tua membawa kepada kemunculan pekan iaitu Kampung Kepayang Baharu. Hugh Low, Residen British di Perak menyatakan bahawa '*there is no more energetic chief*' terhadap usaha Toh Domba dalam membangunkan kawasan Kampung Kepayang.¹³³ Kampung ini asalnya dikenali sebagai Kampung Pengkalan kerana terletak di tebing kiri mudik Sungai Raia yang mana menempatkan sebuah pengkalan perdagangan. Menurut catatan J.W.W. Birch pada tahun



1875, beliau mendapati pengkalan di Sungai Raia ini memiliki beberapa bazaar dan terdapat orang Rawa dan Cina serta perahu-perahu besar yang berdagang di sini.¹³⁴ Berdasarkan Khoo Salma pula, Errington de la Croix juga menceritakan suasana pengkalan tersebut dalam catatan pengembaraannya bahawa bijih timah akan dibawa dengan gajah ke Pengkalan Baru, iaitu tebing Sungai Raia lalu dieksport ke Durian Sebatang.¹³⁵

Semasa era kegemilangannya, Kampung Kepayang bukan sahaja dihuni oleh orang Melayu tempatan tetapi juga orang Madailling dan Cina. Kedatangan orang Madailling ke sini terbahagi kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pertama yang dibawa masuk oleh Kulup Riau dan kumpulan kedua ialah pelarian Madailling dari Selangor yang diketuai oleh Raja Asal.¹³⁶ Orang Cina pula terlibat sepenuhnya dalam aktiviti perlombongan. Kedatangan mereka ini didorong oleh Penghulu Toh Domba yang menawarkan ganjaran untuk membuka lombong di Sungai Raia.¹³⁷ Menurut Khoo Salma, de la Croix turut





mencatatkan bahawa terdapat seramai 600 hingga 700 orang pelombong Cina di Kampung Kepayang pada ketika itu. Sebahagian besar daripada mereka ini menetap di tebing selatan Sungai Raia iaitu Tekkah Sungai Raia.¹³⁸

Pada tahun 1892, Toh Domba telah bersara dan meninggal dunia pada tahun 1897. Toh Ahmad, anak Toh Domba meneruskan proses perkembangan pekan Kampung Kepayang ini. Dari segi pentadbiran, Kampung Kepayang memiliki dua orang penghulu mengikut kumpulan penduduknya iaitu orang Melayu setempat dan orang dagang (Melayu Sumatera). Berdasarkan lawatan Pemangku Residen British di Perak, W. Treacher ke sini pada 10 Julai 1892, beliau menemui dua orang penghulunya iaitu Penghulu Wahab, anak Toh Domba dan Penghulu Ngah Durani.¹³⁹

Namun pada Ogos 1898, pekan ini mengalami kebakaran besar yang membinasakan sebanyak 40 buah rumah dan menyebabkan kerugian sebanyak \$ 13,000.¹⁴⁰ Kebakaran tersebut membolehkan pembinaan semula Kampung Kepayang. Deretan rumah kedai telah dibina di kiri dan kanan jalan utama yang merentasi tengah pekan ini. Sesuatu yang unik di sini ialah setiap rumah kedai di Kampung Kepayang mempunyai perigi masing-masing berikutan ketiadaan sistem bekalan air pada awal kewujudan pekan ini. Beberapa batang jalan turut terdapat di dalam pekan seperti Jalan Masjid, Jalan Toh Sedewa, Jalan Pasar dan Jalan Sekolah.

Sebelum wujudnya bekalan elektrik, jalan-jalan di Kampung Kepayang ini dicahayai dengan lampu minyak tanah yang dipasang oleh seorang pekerja Cina.¹⁴¹ Kemudahan awam lain turut disediakan seperti Masjid Ahmadiyah yang dibina pada tahun 1905, Sekolah Melayu dibuka pada Julai 1892, pasar, kaunters Jabatan Kerja Raya, balai polis dan pejabat pos beroperasi pada tahun 1911. Pekan Kampung Kepayang ini amat





penting kerana menjadi tumpuan kegiatan seharian kepada penduduk sekitarnya sehingga ke kawasan Pulai, Sengat, Tekkah dan Sindu.

3.2.8 Pusing

Kejayaan perlombongan bijih timah di Papan diperluaskan ke luar kawasan tersebut iaitu Pusing dan Siputeh. Kedua-dua pekan kecil perlombongan bijih timah ini mempunyai hubungkait dengan pembukaan tanah-tanah lombong oleh orang Mandailing. Pusing sebenarnya berasal daripada sebuah perkampungan pelombong Mandailing yang dikenali sebagai Klian Tasek. Nama Klian Tasek ini turut terdapat dalam catatan de Morgan pada tahun dengan ejaan ‘*Campong Tatsir*’.¹⁴² Pekan ini dikatakan mendapat nama bersempena dengan sebuah tasik teratai yang digunakan untuk mencuci bijih timah.¹⁴³



Aktiviti perlombongan bijih timah di Pusing ini sebenarnya dimulakan oleh seorang Mandailing yang bernama Haji Zainal Abidin.¹⁴⁴ Beliau kemudiannya mengupah orang Sumatera dan Melayu Perak untuk bekerja di lombong bijih timahnya. Perlombongan bijih timah ini berjaya menarik ramai orang datang menetap di sini. Buktinya Majistret Daerah Kinta melaporkan dalam lawatan beliau bahawa terdapat penempatan Raja Mahmud dan orang Mandailing yang juga telah membuka kebun buah-buahan di Pusing sebagai aktiviti tambahan.¹⁴⁵ Perkembangan ini mewujudkan sebuah perkampungan yang seterusnya menjadi sebuah pekan kecil pada tahun 1895.

Walau bagaimanapun, perkampungan ini dikenali sebagai ‘Pusing Lama’ kerana ianya dipindahkan ke lokasi baharu iaitu di kawasan ‘Simpang Tiga’ lalu dipanggil sebagai ‘Pusing Bharu’.¹⁴⁶ Pekan Pusing ini begitu penting kepada perkembangan perlombongan bijih timah di kawasan sekitarnya. Perkara ini disebabkan oleh kedudukan Pusing yang berada di pertengahan jalan kereta lembu antara Papan, Batu Gajah, Tronoh dan Parit yang





siap dibina pada tahun 1892. Atas faktor kepentingan ini, pekan ini berkembang sepertimana yang dicatatkan dalam *Perak Government Gazette* pada tahun 1895 :-

“Pusing Bahru is a very flourishing village about two and a half miles from Batu Gajah at the junction of the roads to Ipoh and Parit. Town lots here have recently been sold at very large prices and there is every prospect of the village extending. Building operations are being briskly carried forward.”¹⁴⁷

Penglibatan syarikat Eropah dalam perlombongan bijih timah di Lembah Kinta memberi kesan terhadap Pusing apabila sebuah syarikat Eropah, *Pusing Lama Tin Mining Company Ltd.* membuka lombong bijih timah di sini pada tahun 1904.¹⁴⁸ Bagi merencanakan perkembangan perlombongan bijih timah dan pekan Pusing, sebuah perhentian kereta api bagi laluan Ipoh-Tronoh siap dibina di Pusing pada tahun 1908. Pusing juga dilengkapi dengan kemudahan awam seperti pasar, pejabat pos dan balai polis.

Dari aspek populasi, pekan Pusing ini didiami oleh orang Melayu Mandailing, Cina, India dan Jepun. Walaupun orang Mandailing merupakan pelopor awal Pusing, kebanyakan mereka ini menetap di sini pada awal abad ke-20 selepas kemerosotan Papan. Perkembangan ini jelas dapat dilihat menerusi pembinaan Sekolah Melayu Pusing pada tahun 1900 dan Madrasah Pusing pada tahun 1920-an. Mereka juga memiliki beberapa buah rumah kedai di pekan Pusing Bharu tetapi kemudiannya diambil alih oleh peniaga Cina. Orang Cina di Pusing ini rata-rata berketurunan Tung-kuan Hakka yang bekerja sebagai pelombong bijih timah. Mereka juga membina sebuah tokong iaitu Kam Sin Yeh Meow dan sebuah sekolah Cina, Yit Chee pada tahun 1902.¹⁴⁹ Pusing juga memiliki komuniti Sikh yang mendirikan Siri Guru Singh Sabha pada tahun 1916. Selain itu, Pusing agak unik berikutan turut dihuni oleh segelintir kecil orang Jepun yang memiliki beberapa buah rumah kedai di sini dalam tahun 1930-an.¹⁵⁰





3.2.9 Siputeh

Perkembangan pekan Pusing seterusnya mempengaruhi kemunculan sebuah lagi pekan perlombongan bijih timah yang berdekatnya iaitu Siputeh. Siputeh merupakan sebuah kampung perlombongan bijih timah yang terletak di tengah-tengah jalan antara Batu Gajah ke Parit. Asal usul nama Siputeh ini dikatakan diperoleh daripada keadaan kawasan sekitarnya berpasir putih. Pembinaan jalan dari Pusing pada tahun 1892 merangsang kepada perkembangan Kampung Siputeh serta dua buah kampung lain iaitu Parit serta Siak.¹⁵¹ Namun, Kampung Siak yang terletak di antara Siputeh dan Batu Gajah ini tidak diiktiraf sebagai sebuah penempatan oleh pihak British. Perkara ini dijelaskan dalam satu



tinjauan oleh Pemangku Residen dan Majistret Daerah yang mana menyatakan bahawa Siak ialah sebuah kampung perlombongan bijih timah yang sibuk tetapi tidak dibenarkan kedudukannya dan penduduknya diminta supaya berpindah ke Pusing Bahru atau Siputeh.¹⁵²

Tidak seperti Kampung Siak, Siputeh telah diberikan status pekan oleh pihak British. Dalam tinjauan Pemangku Residen dan Majistret Daerah pada tahun 1895, mereka mendapati kedudukan Siputeh adalah terbaik dengan mempunyai sebatang jalan dan dua deret rumah kedai kerana menuju ke Tronoh dan Parit.¹⁵³ Pada tahun 1897, balai polis dan pasar dibina di Siputeh. Pejabat pos pula didirikan pada tahun 1901. Meskipun penempatan di Siak tidak dibenarkan tetapi aktiviti perlombongan bijih timah di kawasan tersebut yang dipelopori oleh orang Melayu didapati banyak menyumbang terhadap perkembangan pekan Siputeh.¹⁵⁴ Buktinya orang Mandailing terlibat dalam perlombongan bijih timah tersebut dan menetap di Siputeh. Kewujudan sebuah masjid di Siputeh dan sekolah Melayu





pada tahun 1898 mengukuhkan perkara tersebut. Masjid Siputeh itu kemudiannya dibina semula oleh Raja Yaacub.

3.2.10 Menglembu

Menglembu atau asalnya ‘Menglumbu-Tekah’ merupakan sebuah lagi pekan perlombongan bijih timah yang wujud di barat Lembah Kinta. Nama pekan ini dikatakan berasal daripada perkataan ‘Tekka’ yang bermaksud masjid atau surau dan ‘menglembu’ pula didapati daripada aktiviti perternakan lembu oleh orang Pathan di kawasan ini pada suatu ketika dahulu.¹⁵⁵ Bagi memudahkan pentadbiran pihak British, nama pekan ini dipendekkan kepada Menglembu sahaja.

Pada tahun 1890, perlombongan bijih timah mula dibuka di Menglembu. Perlombongan bijih timah ini diusahakan oleh *The Menglembu Lode Mining Company Ltd.*¹⁵⁶ Selain itu, perlombongan bijih timah di lombong Sorakei yang dijalankan oleh San Kan Long pada tahun 1880-an turut memberi kesan terhadap perkembangan Menglembu.¹⁵⁷ Kegiatan ini sekaligus mewujudkan perkampungan di sini tetapi kampung ini musnah dalam satu kebakaran pada November 1891. W.J.P. Hume, Pemungut Hasil Tanah Kinta dipertanggungjawab untuk merancang pembinaan semula pekan Menglembu ini.¹⁵⁸ Beliau merancang pembinaan dua batang jalan di tengah-tengah pekan ini. Menerusi pembinaan dua batang jalan ini, Menglembu telah berkembang dengan baik. Pada awal tahun 1892, sebanyak 60 buah rumah kedai dibina manakala 100 buah rumah kedai lagi dalam proses pembinaan.¹⁵⁹





Perkembangan pekan Menglembu selepas kebakaran tersebut berlaku dengan pantas. Perkara ini jelas digambarkan oleh Pemerintah Pasukan Polis Perak Sikh pada Disember 1892 yang mana terdapat seramai 6000 orang pelombong di pekan ini. Bangunan-bangunan siap dibina daripada konkrit dan papan serta memiliki sebuah panggung teater Cina dan pasar di Menglembu. Perkembangan yang mendadak ini telah menyebabkan balai polis turut dibina di pintu masuk pekan Menglembu. Berikut adalah sebahagian catatan oleh Pemerintah Pasukan Polis Perak Sikh tersebut :-

*“Menglembu, where 18 month ago there was not a house, is now a considerable village with brick shops and a well-built and spacious Chinese theatre”.*¹⁶⁰

Dalam tahun berikutnya iaitu 1893, populasi penduduk Menglembu mengikut rekod polis adalah berjumlah sebanyak 2,500 orang dan 2,400 orang daripadanya ialah pelombong. Oleh itu, pekan Menglembu terus dilengkapi dengan pelbagai kemudahan

seperti pejabat pos yang dibina pada tahun 1899, Sekolah Melayu didirikan pada tahun 1897 dan balai bomba baru dibina pada tahun 1901.¹⁶¹ Selain daripada perlombongan bijih

timah, pekan Menglembu begitu penting kepada pihak pentadbir British kerana kewujudan pusat istirehat para pegawai British di Banjaran Kledang yang berhampiran dengan pekan ini. Menglembu menjadi pintu masuk utama untuk para pegawai British untuk mendaki Banjaran Kledang sejak pusat istirehat dibina pada tahun 1892.¹⁶² Pada awal abad ke-20, Menglembu menjadi tempat peleburan bijih timah yang terbesar di negeri Perak. Yau Tet Shin menubuhkan *The Mengelmbu Smelting Works* di sini. Menjelang pertengahan abad ke-20, Menglembu akhirnya menjadi kawasan perindustrian yang pertama di Lembah Kinta.





3.2.11 Chemor

Di utara Lembah Kinta pula, terdapat sebuah pekan perlombongan bijih timah yang dikenali sebagai Chemor. Menurut orang Melayu setempat, nama Chemor ini berasal daripada perkataan ‘chemar’ yang didapati apabila gajah yang menggunakan laluan antara Kuala Kangsar dan Ipoh berada dalam keadaan berlumpur.¹⁶³ Perkara ini terjadi kerana Chemor ini merupakan laluan utama keluar masuk di antara Lembah Kinta dan Kuala Kangsar. Pedagang boleh tiba ke sini dengan memudiki Sungai Chemor, salah sebuah anak Sungai Pari. Seterusnya pedagang boleh menaiki gajah ke Kuala Kangsar dan Taiping menerusi laluan Jelapang di celah Banjaran Kledang.

Perkembangan pekan ini juga bermula dari Lalang Johot¹⁶⁴, sebuah kampung Mandailing di selatan kawasan tersebut. Buktinya, suasana Lalang Johot ini direkodkan sebagai sebuah kampung beratap yang sedang berkembang pada tahun 1892 dan terdapat kira-kira 200 buah kedai.¹⁶⁵ Kampung ini dibuka oleh Ja Bolga, anak Ja Si Numba pada akhir abad ke-19. Petempatan ini semakin berkembang apabila tibanya dua orang tokoh Mandailing iaitu Namora Haji Abdullah, adik Raja Bilah dan Ja Mula Mandailing. Kebanyakan orang Mandailing di Chemor ini berketurunan puak Lubis dan Nasution.¹⁶⁶

Pada tahun 1893, Majistret Daerah Kinta mencatatkan dalam laporannya bahawa Lalang Johot merupakan sebuah lokasi yang sedang berkembang dan berpotensi sebagai kawasan perlombongan bijih timah baharu serta dihuni oleh masyarakat Melayu Sumatera yang menjalankan aktiviti pertanian. Berikut adalah petikan catatan tersebut yang terdapat dalam *Perak Government Gazette* pada tahun 1893 :-

“..is increasing considerably in size, as a great deal of new mining land is being opened up in the neighbourhood, and besides, a number





of Sumatra Malays have settled around the village and are taking up a good deal of garden land.”¹⁶⁷

Dalam tahun 1895, nama Lalang Johot beransur hilang dan pekan Chemor mulai muncul. Nama Chemor mula terdapat dalam rekod kerajaan apabila berlakunya satu pergaduhan besar pada Oktober 1895.¹⁶⁸ Semasa pergaduhan tersebut berlaku, keadaan Chemor digambarkan sebagai sebuah kampung sedang berkembang cepat dengan pembukaan lombong-lombong bijih timah di sekitarnya. Pasukan polis di sini juga hanya terdiri daripada tiga orang anggota dan sudah tentu tidak mampu mengawal keamanan pekan ini.

Penemuan bijih timah di kawasan antara Chemor dan Tanjung Rengkong pada hujung tahun 1896 mempercepatkan lagi perkembangan pekan Chemor. Perkembangan ini dirancakkan lagi dengan siapnya pembinaan landasan kereta api Chemor-Ipoh pada 27 November 1896.¹⁶⁹ Pada tahun 1897, balai polis baharu siap didirikan dan pasar pula dibina pada tahun berikutnya.¹⁷⁰ Pejabat pos dan telegraf pula ditempatkan sekali di bangunan stesen kereta api Chemor.¹⁷¹ Pekan ini juga mempunyai sebuah Sekolah Melayu. Tiga buah Sekolah Cina yang kemudiannya digabungkan menjadi Sekolah Pei Ching pada tahun 1926.¹⁷² Bangunan teater yang mempersembahkan opera Cina dan Bangsawan juga didirikan pada awal abad ke-20.

Menjelang suku pertama abad ke-20, aktiviti pertanian mengatasi perlombongan bijih timah di Chemor. Pertanian tersebut dilakukan secara kebun-kebun kecil oleh orang Cina di sekitar jalan Jelapang. Tanaman utama yang ditanam ialah ubi kayu, sayur-sayuran dan tembakau. Orang Mandailing pula menjalankan penanaman padi kecil-kecilan, buah-buahan, menangkap ikan dan memungut hasil hutan. Mereka turut mengusahakan tanaman getah secara kecil-kecilan. Masyarakat Punjab pula yang terbahagi kepada dua iaitu Sikh di barat Chemor dan Muslim di utara Chemor terlibat dengan perternakan lembu.¹⁷³





3.2.12 Tanjung Rambutan

Selain Chemor, kawasan utara Lembah Kinta turut mempunyai sebuah pekan perlombongan bijih timah yang lain iaitu Tanjung Rambutan. Tanjung Rambutan ini terletak di tebing kiri mudik Sungai Kinta. Pada tahun 1892, Tanjung Rambutan hanya sebuah petempatan kecil pelombong Melayu dan Cina.¹⁷⁴ Perlombongan bijih timah di sini dijalankan bersama oleh orang Melayu dan Cina mengikut kaedah mereka yang tersendiri. Contohnya, Panjang Osman merupakan antara pelombong terawal di Tanjung Rambutan menjalankan perlombongan bijih timah menerusi keadah lampan serta menggunakan buruh Melayu, Asli dan Cina.¹⁷⁵ Menurut *Perak Government Gazette*, Tanjung Rambutan dihuni oleh kira-kira 2,000 orang penduduk pada tahun 1892.¹⁷⁶



Kedudukan asal pekan Tanjung Rambutan ini sebenarnya ialah satu batu setengah dari tebing Sungai Kinta iaitu tapak hari ini. Permindahan tapak pekan ini berlaku selepas Majistret Daerah Kinta melaporkan bahawa lokasi Tanjung Rambutan ketika adalah tidak menyenangkan kerana dicemari dengan sisa perlombongan pada tahun 1893.¹⁷⁷ Penduduknya juga bersetuju untuk berpindah ke tapak baru tersebut. Pada Februari 1897, pekan lama Tanjung Rambutan terbakar dan sekaligus mempercepatkan proses pemindahan tersebut. Di tapak baru Tanjung Rambutan, pekan ini dilengkapi dengan rumah dan pejabat kerajaan yang terletak di suatu bahagian berhampiran jalan utama ke stesen kereta api. Bangunan mahkamah dan balai polis diletakkan di bawah satu bangunan.¹⁷⁸ Selain itu, terdapat 300 buah lot bangunan pada suatu bahagian yang lain.¹⁷⁹

Sementara itu, sebuah jalan raya baru dibina di antara Tanjung Rambutan dan Ipoh. Sebelum adanya jalan tersebut, perhubungan antara Tanjung Rambutan dan Ipoh hanya bergantung kepada laluan yang dibuat oleh para pelombong. Laluan inilah kemudiannya





dinaiktaraf kepada jalan kereta lembu pada tahun 1894.¹⁸⁰ Jambatan besi yang merentasi Sungai Kinta juga didirikan pada tahun berikutnya. Pada 1 Jun 1897, landasan kereta api dari Ipoh ke Tanjung Rambutan pula dibuka. Pembukaan landasan kereta api ini membawa masuk perkhidmatan pos pada tahun 1897 dan telegraf pada tahun 1900 ke Tanjung Rambutan. Malahan pejabat kedua-dua perkhidmatan ini ditempatkan sekali di bangunan stesen kereta api.¹⁸¹

Kewujudan segala kemudahan awam di pekan Tanjung Rambutan berjaya menarik minat beberapa syarikat perlombongan bijih timah Eropah untuk beroperasi di sini. Persatuan Kinta menjadi syarikat perlombongan Eropah yang terawal menjalankan perlombongan bijih timah di Tanjung Rambutan pada sekitar tahun 1903 dan 1909. Syarikat ini seterusnya bergabung dengan *Rambun Mines Hydraulic Tin Ltd.* dan beroperasi dengan menggunakan nama *Malaysian Tin Ltd.* pada tahun 1929.¹⁸² Syarikat perlombongan bijih timah Eropah yang lain turut bertapak di Tanjung Rambutan ialah *Osborne & Chappell's Rambutan Ltd.* pada tahun 1906.¹⁸³

Selain daripada pekan perlombongan bijih timah, Tanjung Rambutan juga begitu penting kepada perkembangan Lembah Kinta terutama Ipoh. Perkara ini kerana tidak jauh dari Tanjung Rambutan terdapat air terjun yang menjadi kawasan tadahan bekalan air kepada bandar Ipoh. Paip saluran air dibina bagi menyalurkan air ke Ipoh pada tahun 1890an. Paip ini diganti sebanyak dua kali pada tahun 1920 dan 1949.¹⁸⁴

Pekan Tanjung Rambutan semakin penting dalam abad ke-20 apabila *Federal Lunatic Asylum* dibuka pada tahun 1911. Pemilihan tapak hospital mental iaitu berdekatan dengan stesen kereta api dilakukan oleh Dr. W.F. Samuels, inspektor perubatan pertama institusi tersebut. Hospital ini terdiri daripada tiga wad lelaki, satu wad perempuan dan sebuah kantin yang memisahkan antara wad ini. Semenjak kewujudan hospital mental





pertama di Tanah Melayu ini, ia secara tidak langsung menjadi nadi utama perkembangan pekan Tanjung Rambutan sehingga selepas merdeka.

3.2.13 Tambun

Perkembangan pekan Tanjung Rambutan turut mempengaruhi sebuah lagi pekan yang terletak di pertengahan laluan ke Ipoh iaitu Tambun. Buktinya, seorang saudagar bernama Toh Lembang atau juga dikenali sebagai Kulup Limbang menjalankan perkhidmatan gajah menghantar bijih timah dari Ipoh ke Tanjung Rambutan.¹⁸⁵ Beliau juga merupakan seorang saudagar bijih timah di Tambun dan Adjutan Majistret pada tahun 1904.¹⁸⁶ Selain daripada kesan kekurangan sumber bijih timah di Tanjung Rambutan, Tambun juga wujud disebabkan oleh perkembangan bijih timah yang merebak ke luar kawasan Ipoh. Perkara ini dibuktikan apabila Harun, anak kepada Panjang Osman di Tanjung Rambutan bekerjasama melombong bijih timah di Tambun Hilir.¹⁸⁷

Pada tahun 1892, Tambun masih berada dalam keadaan sebuah kampung yang sedang berkembang pesat dan memiliki bangunan rumah kayu yang baik.¹⁸⁸ Rempakan jalanan yang sering berlaku di Tambun menjejaskan imej kawasan tersebut.¹⁸⁹ Lantaran itu, penduduk Tambun menghantar sebuah petisyen untuk pihak kerajaan mengatasi jenayah ini. Pada tahun 1900, balai polis dibina di Tambun. Pada peringkat awal, Tambun merupakan sebuah kawasan ladang kopi sehingga sebuah kawasan di sini dipanggil sebagai Kopisan.¹⁹⁰ Namun, pembukaan lombong ‘*Tambun Mines*’ oleh Leong Fee dan F.J.B. Dykes di Kopisan mengubahkan sosioekonominya dan merancakkan perkembangan





Tambun menjadi sebuah pekan perlombongan bijih timah pada tahun 1897. Pekan Tambun terdiri daripada sebuah jalan dan mempunyai deretan kedai di kedua-dua belah jalan tersebut.

3.2.14 Ampang

Sebuah lagi pekan kecil perlombongan bijih timah muncul bersama Tambun iaitu Ampang. Ampang terletak satu batu dari Tambun dan memiliki saiz yang sama seperti Tambun pada peringkat awalnya. Nama pekan kecil ini diambil bersempena sebuah empangan besar untuk kegunaan aktiviti penanaman padi yang dibina oleh Toh Muda Wahab di sepanjang Sungai Pinji pada tahun 1897.¹⁹¹ Populasi penduduk di sini termasuk Tambun dianggarkan berjumlah seramai 2,000 termasuk pelombong bijih timah pada tahun 1893.¹⁹² Menurut catatan Leech iaitu Majistret Daerah Kinta, terdapat sebanyak 25 buah rumah atap di Ampang pada ketika itu.¹⁹³ Walau bagaimanapun, pihak kerajaan tidak berminat membangunkan Ampang ini sebagai sebuah pekan. Situasi ini boleh dilihat apabila Ampang musnah dalam satu kebakaran pada Februari 1893, Leech mencadangkan supaya penduduknya dipindahkan ke Tambun.¹⁹⁴

Selepas pemeriksaan dilakukan, cadangan pemindahan penduduk Ampang tersebut dibatalkan.¹⁹⁵ Pembatalan cadangan itu disebabkan oleh kekayaan bijih timah yang terdapat di kawasan Ampang. Ampang juga memiliki sebuah tempat perjudian bagi kuli-kuli lombong di situ.¹⁹⁶ Pada Februari 1900, kebakaran sekali lagi berlaku di Ampang yang telah memusnahkan 42 buah rumah kedai dan kerugian dianggar sebanyak \$





15,000.¹⁹⁷ Kemudian, Ampang dibangunkan semula dengan segera sehingga sebuah jalan yang menghubungkan Tambun dan Ampang dibina pada tahun 1901.¹⁹⁸ Pada awal abad ke-20, kegiatan perlombongan di sekitar Tambun dan Ampang ini begitu aktif dijalankan oleh beberapa syarikat perlombongan Cina milik Yau Tet Shin, Leong Fee dan Leong Sin Nam. Kegiatan perlombongan bijih timah ini memberi kehidupan kepada pekan kecil Tambun dan Ampang sehingga menjelang Perang Dunia Kedua.

3.2.15 Tronoh



Pada tahun 1891, pekan Tronoh pula muncul di barat Lembah Kinta.¹⁹⁹ Pekan ini sebenarnya turut berasal dari sebuah kampung yang dibuka oleh orang Talu dari Minangkabau, Sumatera pada tahun 1883. Malahan nama Tronoh dipercayai wujud daripada tradisi merantau pemuda Minang-Talu yang sering tinggal bersama di surau sehingga lahir perkataan 'surau teruna' (ta-ru-no). Para pelombong Cina pula dengan menggunakan dialek mereka menyebut kampung ini sebagai 'Te-lo-nok'.²⁰⁰ Selain itu, asal usul Tronoh turut dipercayai bermula sebagai sebuah kampung orang Asli Semai dan mereka menamakannya sebagai 'teronok' sempena pokok hutan yang banyak tumbuh di situ.²⁰¹ De Morgan juga pernah melawat Tronoh pada tahun 1884 dengan mencatatkan tempat ini sebagai 'Klian Tronong'.²⁰²

Perkembangan pekan ini bermula dengan permintaan orang Cina kepada Majistret Daerah Kinta pada tahun 1891. Mereka memohon tanah lot untuk pembinaan 50 buah rumah kedai di sepanjang jalan yang dibina. Jalan yang menghubungi Pusing dan Tronoh





tersebut hanya dibina pada tahun 1892.²⁰³ Pada tahun berikutnya, bangunan kerajaan seperti balai polis juga ditempatkan di Tronoh.²⁰⁴ Walau bagaimanapun, kegagalan kegiatan awal perlombongan bijih timah di sini menyebabkan pekan ini ditinggalkan ekoran penduduknya berpindah ke Pusing.

Tindakan Foo Choo Choong membuka lombong bijih timahnya yang dikenali sebagai '*Tronoh Mines*' berjaya menyelamatkan pekan Tronoh daripada dikosongkan sebelum ini. Lombong ini juga memiliki seramai 1,500 orang pelombong yang memberi nafas baru kepada kehidupan di pekan Tronoh.²⁰⁵ Pekan Tronoh kembali aktif dan berkembang. Buktinya, sebanyak 45 buah lot tanah di pekan ini berjaya dijual pada tahun 1897.²⁰⁶ Pada tahun 1898, pasar dibina di Tronoh.²⁰⁷

Menjelang abad ke-20, Tronoh menjadi sebuah kawasan perlombongan bijih timah yang baharu di Lembah Kinta. Atas kepentingan itu, cadangan pembinaan landasan kereta api dari Ipoh ke Tronoh dikemukakan pada tahun 1905. Landasan sepanjang 14.63 batu ini siap dan beroperasi pada 15 Oktober 1908.²⁰⁸ Pembinaan landasan kereta api ini membawa kesan kepada pekan Tronoh. Misalnya Raja Yaacob, Penghulu Blanja memindahkan pejabat pentadbiran beliau ke Tronoh pada tahun berikutnya.²⁰⁹ Perkara ini melonjakkan lagi perkembangan pekan Tronoh setanding pekan perlombongan bijih timah yang lain di Lembah Kinta. Pada tahun 1910, pekan Tronoh juga tercatat dalam peta dunia ekoran Tronoh Mines yang berjaya menjadi pengeluar utama bijih timah dunia ketika itu.²¹⁰





3.2.16 Tanjung Tualang

Di bahagian selatan pula, Lembah Kinta mempunyai sebuah pekan perlombongan bijih timah yang terpinggir lokasi dan agak lewat kemunculannya iaitu Tanjung Tualang. Tanjung Tualang dipercayai telah wujud sebagai sebuah kampung perlombongan bijih timah sejak tahun 1875. Perkara ini dibuktikan menerusi catatan oleh J.W.W. Birch yang melawat kampung ini yang dicatat sebagai 'Campong Toh Allang'. Dalam lawatan tersebut, Birch menemui dua buah lombong bijih timah iaitu sebuah lombong besar yang diusahakan oleh Panglima Prang Wahid dengan bantuan 30 orang Melayu dan sebuah lagi lombong yang kecil oleh Manda Kudin.²¹¹ Selain itu, terdapat juga dua buah kongsi Cina Hakka yang mana satu kongsi itu mempunyai 40 orang manakala satu lagi 10 orang yang turut melombong bijih timah di lombong milik Sultan Ismail.



Sesuatu yang menarik mengenai Tanjung Tualang ini adalah versi cerita asal usul tempat ini kerana mengikut rekod-rekod pentadbiran sejak awal, tempat ini dikenali sebagai Tanjong Tualang atau Tanjong Toh Allang. Kontrovensi asal usul nama Tanjung Tualang ini timbul ekoran terdapat dua versi cerita mengenainya. Pertama, nama Tanjung Tualang dipercayai adalah bersempena ketokohan Toh Allang, seorang pemimpin tempatan. Menurut orang Cina pula sebagai versi kedua, nama Tanjung Tualang diberikan kerana tempat ini terdapat sebatang pokok tualang yang besar berhampiran tebing Sungai Kintapada masa dahulu.²¹²

Perkembangan pekan Tanjung Tualang ini agak ketinggalan berbanding pekan-pekan perlombongan bijih timah yang lain di Lembah Kinta. Hal yang sedemikian ini disebabkan oleh faktor kedudukannya yang sukar dihubungi oleh sistem perhubungan yang ada pada ketika itu. Buktinya sebelum 1890-an, Tanjung Tualang hanya boleh dihubungi





dari Ipoh menerusi jalan kereta api di Kota Bharu dan kemudian menggunakan jalan sungai untuk sampai ke sini.²¹³ Mulai tahun 1894, perkembangan pekan Tanjung Tualang bermula apabila sebuah laluan sejauh 10 batu telah dibina dari Batu Gajah ke sini. Kesan daripada pembinaan laluan ini, Tanjung Tualang kemudiannya menjadi sebuah kampung yang pesat membangun dengan jumlah rumah hampir mencecah 100 buah dan sebuah cawangan *Straits Trading Company* dibuka di sini pada tahun 1895.²¹⁴ Seterusnya dalam tahun 1895, sebuah jalan kereta lembu pula dibina dari Tanjung Tualang ke Megat, berdekatan Tronohuntuk kegunaan penerokaan tanah perlombongan bijih timah yang baru.²¹⁵

Pada awal abad ke-20, perkembangan pesat semakin berlaku di Tanjung Tualang dengan penyediaan beberapa prasarana dan kegiatan ekonomi di sekitar. Balai polis baharu sebagai contohnya dibina pada tahun 1900.²¹⁶ Dari segi pentadbiran pula, Tanjung Tualang



berada di bawah seliaan Raja Sulampe, Penolong Penghulu Teja.²¹⁷ Beliau juga dikenali

sebagai Si Lampai dan merupakan seorang berketurunan Mandailing. Aktiviti perladangan getah mula bertapak di sini apabila Charles Alma Baker, Byrant dan Garland memohon tanah untuk aktiviti tersebut di sepanjang laluan Batu Gajah ke Tanjung Tualang pada tahun 1906.²¹⁸ Impak daripada perladangan getah ini terhadap perkembangan pekan Tanjung Tualang ialah penaiktarafan laluan Batu Gajah ke Tanjung Tualang kepada sebuah jalan yang memudahkan perhubungan pekan ini dengan pekan-pekan yang lain.

Setelah penanaman getah dijalankan, kebanyakan tanah ladang tersebut ditukar kepada tanah perlombongan bijih timah oleh beberapa peladang getah. Peringkat awal, perlombongan bijih timah di Tanjung Tualang ini dijalankan oleh beberapa syarikat perlombongan bijih timah Cina seperti '*The Toh Allang Chinese Tin Company Ltd.*' dan '*The Kwong Yik Tin Mine*'.²¹⁹ Pelombong-pelombong Cina ini menggunakan kaedah pam kelikir dan lombong dedah.





Dalam pertengahan tahun 1920-an pula, Tanjung Tualang menjadi tumpuan kepada syarikat-syarikat perlombongan bijih timah Eropah.²²⁰ Syarikat-syarikat perlombongan bijih timah Eropah seperti *Southern Malayan Tin Dredging Ltd.*, *Tanjong Tin Dredging*, *Kampong Lanjut Tin Dredging*, *Kramat Tin Dredging*, *Southern Tronoh Tin Dredging* dan *Lower Perak Tin Dredging* menjalankan perlombongan bijih timah secara meluas di Tanjung Tualang menerusi kaedah kapal korek. Tanjung Tualang semasa itu menjadi kawasan perlombongan kapal korek terbesar di Lembah Kinta. Kesan-kesan aktiviti perlombongan bijih timah ini masih dapat dilihat sehingga kini.

Perkembangan perlombongan bijih timah yang pesat ini mengakibatkan pekan kecil Tanjung Tualang terpaksa dipindahkan bagi memberi laluan kepada aktiviti ekonomi tersebut. Pemindahan tapak pekan Tanjung Tualang ini berlangsung pada tahun 1920-an. Segala perkembangan pekan Tanjung Tualang ini dirakam oleh Scrivenor seperti berikut :-



“When i first saw this road it was bordered almost entirely by virgin jungle. This was destroyed to make room for rubber, and now patches of the rubber near the road are being destroyed by dredges.”²²¹

3.2.17 Malim Nawar

Kerancangan industri perlombongan bijih timah dengan penggunaan kapal korek turut mempengaruhi kemunculan sebuah pekan kecil perlombongan bijih timah di Lembah Kinta iaitu Malim Nawar pada abad ke-20. Penggunaan kapal korek menyebabkan keperluan bekalan elektrik begitu penting kepada industri perlombongan bijih timah. Oleh itu pada tahun 1927, sebuah stesen janakuasa elektrik dibina di Malim Nawar oleh *Perak Hydro*.²²² Pembinaan stesen ini berikutan terdapat banyak kapal korek yang digunakan di lombong-lombong bijih timah sekitar kawasan Malim Nawar. Asal usul Malim Nawar ini





dikatakan berkait dengan seorang guru agama Islam, Sheikh Haji Junus yang sering mengajar di kawasan ini pada abad ke-19.²²³

Kewujudan stesen janakuasa *Perak Hydro* tersebut secara tidak langsung membawa kepada pertumbuhan pekan Malim Nawar. Populasi penduduk pekan ini semakin meningkat apabila kaurters kediaman pekerja *Perak Hyro* turut dibina di sini. Bagi melancarkan operasi stesen janakuasa ini, sebuah perhentian kereta api dibina di Malim Nawar. Kebiasaannya pada setiap pagi, kereta api dari Teluk Intan yang membawa bekalan minyak akan tiba di Malim Nawar.²²⁴ Stesen janakuasa di Malim Nawar ini kemudian diperbesarkan pada tahun 1937, 1959 dan 1965.²²⁵ Kegemilangan pekan Malim Nawar ini berakhir setelah stesen janakuasa ini ditamatkan operasinya pada Januari 1986.²²⁶



3.2.18 Kampar

Kampar merupakan bandar ketiga terbesar di negeri Perak pada abad ke-20 selepas Ipoh dan Taiping.²²⁷ Kampar juga merupakan sebuah bandar yang lahir daripada aktiviti perlombongan bijih timah di selatan Lembah Kinta. Pada peringkat awal, nama Kampar hanya muncul sebagai sebuah mukim atau daerah atau sungai kerana tidak terdapat sebarang bukti yang menunjukkan sebarang petempatan dalam peta atau catatan sejarah.²²⁸

Berbicara mengenai asal usul dan sejarah pembukaan bandar Kampar ini, terdapat beberapa versi yang ditemui. Menurut Raja Alang dari Kuala Dipang, asal usul Kampar dikaitkan dengan peristiwa Sultan Perak datang berkelah dan menangkap ikan





menggunakan akar tuba. Penggunaan akar tuba itu menyebabkan banyak ikan mati berkaparan di sepanjang sungai lalu dinamakan sebagai Sungai Kapar.²²⁹ Selain itu, nama Kamar dikatakan diambil dari Sungai Kamar. Nama ini diperoleh berdasarkan aktiviti perdagangan orang Kamar Luar di Sungai Berdak yang lalu dinamakan sebagai jalan orang Kamar.²³⁰ Menurut Khoo Salma, nama Kamar adalah bersempena nama sungai dan negeri di Sumatera.²³¹ Bagi orang Cina pula, nama Kamar berasal daripada perkataan 'Kam Poh' yang bererti berharga seperti emas.²³² Syed Zainol Abidin juga turut menyentuh bahawa asal usul nama Kamar yang dipercayai wujud daripada perkataan orang Jawa dan Sumatera yang merujuk kepada kapak.²³³

Di samping itu, permulaan bandar Kamar ini turut memiliki perbezaan atau polimik sejarah yang tersendiri kerana dipercayai berasal dari Kampung Batang Tonggang dan Mambang Di Awan. Menurut Shahrudin Mat Asik, bandar Kamar bermula daripada sebuah kampung perlombongan bijih timah yang diberi nama Kampung Batang Tonggang.²³⁴ Kampung ini dibuka oleh Pawang Bonden, Abdul Rahman dan Ah Sam pada abad ke-19.²³⁵ Perdagangan yang pesat dijalankan oleh orang Kamar dari Sumatera membawa kepada pembinaan sederet kedai atap di Batu Tonggang.²³⁶ Orang Kamar itu turut menetap di kampung tersebut. Pembinaan rumah kedai dan petempatan orang Kamar ini menjadi titik tolak kepada kemunculan bandar Kamar pada akhir abad ke-19.

Walau bagaimanapun, kemunculan bandar Kamar turut dikaitkan dengan sebuah petempatan para pelombong Cina yang terletak berhampiran kaki Gunung Bujang Melaka dan Sungai Kranji iaitu Mambang Di Awan. Perkara ini jelas terdapat dalam beberapa catatan termasuklah rekod rasmi kerajaan British. Menurut George Maxwell yang turut serta dalam lawatan J.B.M. Leech, Pegawai Daerah Kinta semasa pembukaan bandar Kamar mencatatkan bahawa Leech menukar nama petempatan ini daripada Mambang Di Awan kepada Kamar pada tahun 1886.²³⁷ Beliau seterusnya menambah bahawa Kamar





dibuka oleh British dan nama bandar itu adalah bersempena nama Sungai Kampar. Chye Kooi Loong juga menyatakan perkara yang hampir sama iaitu nama bandar Kampar ini diberikan bagi menggantikan nama lamanya iaitu Mambang Di Awan.²³⁸ Penukaran nama tersebut turut disentuh oleh Lim Heng Kow dalam bukunya.²³⁹ Meskipun dinamakan sebagai Kampar, rekod-rekod awal kerajaan British masih menggunakan nama Mambang Di Awan.

Pada tahun 1891, ramai pelombong datang ke Kampar untuk mencari kawasan perlombongan bijih timah yang baharu. Iman Prang Ja Baruman, Penolong Penghulu Gopeng sendiri turut membawa ramai orang Sumatera untuk menetap di sini. Kaedah perlombongan yang digunakan di Kampar adalah penggunaan lanchut kecil. Perkembangan yang berlaku di antara kawasan Batu Tonggang dan Mambang Di Awan ini menyebabkan Iman Prang Ja Baruman membawa Leech dan Bamforth untuk mewujudkan



sebuah bandar. Hasil tinjauan yang dilakukan, Leech memilih tapak bandar baharu dan mengarahkan Bamforth melakukan bancian lot kedai untuk dijual kelak dengan harga \$25 seunit.²⁴⁰ Leech turut menamakan bandar baharu itu sebagai Kampar bagi menggantikan nama Mambang Di Awan yang dianggap terlalu panjang. Pada 13 Mac 1894, nama Kampar digunakan secara rasmi bagi menggantikan Mambang Di Awan dan cadangan ini dikemukakan oleh Ernest Birch, Setiausaha Kerajaan.²⁴¹

Keadaan awal bandar Kampar semasa pembukaannya ialah sebuah perkampungan perlombongan besar yang terdiri daripada pondok-pondok dan memiliki sebanyak 154 buah kedai. Segala perkembangan ini diterajui oleh Iman Prang Ja Baruman dan jelas dilaporkan oleh Leech yang melakukan lawatan ke Kampar pada 9 September 1891.

Berikut adalah sebahagian daripada petikan laporan oleh Leech tersebut :-

“On the 9th [September 1891], I visited the village of Mambang di Awan, in Kampar, on the Dipang-Tapah road, which has during the last two months grown from a little cluster of huts into a large and flourishing





*mining village with 154 shops in it. It has been laid out by the Assistant Penghulu Imam Prang Jeberumun in 60 ft streets with the usual blocks of ten 20 ft building lots, and is now one of the most thriving places in Kinta.*²⁴²

Sebelum siapnya jalan dari Kuala Dipang ke Kampar pada tahun 1893, laluan untuk sampai ke Kampar ialah melalui Sungai Kampar dari Kuala Dipang ke Batu Tonggang. Dari situ, satu landasan gerabak (tram) yang ditolak oleh kuli-kuli Cina telah diwujudkan untuk sampai ke Mambang Di Awan. Perkhidmatan gerabak ini diilhamkan oleh Bamforth.²⁴³ Laluan tersebut turut digunakan oleh para pelombong Cina bagi mendapatkan barangan keperluan harian mereka. Pada Julai 1892, Pemangku Residen British di Perak iaitu Treacher dan rombongannya yang melawat Lembah Kinta juga menggunakan laluan ini.²⁴⁴

Dalam tahun 1893, satu kebakaran besar turut menimpa bandar Kampar tetapi

kebakaran itu dapat dikawal dan hanya memusnahkan sepuluh buah rumah atap sahaja.²⁴⁵ Selepas itu, Kampar mula membangun dan dilengkapi dengan beberapa kemudahan asas.

Bangunan-bangunan konkrit mulai didirikan dan jalan-jalan turut diperluaskan. Pasukan bomba juga dibentuk dengan kelengkapan sebuah enjin manual dari Canton.²⁴⁶ Perkembangan bandar Kampar ini direkodkan oleh Walker, Pemerintah Pasukan Perak Sikh pada tahun tersebut seperti berikut :-

*“The town which has made most progress next to Ipoh is Kampar, which has now some 4,000 inhabitants. It has grown so rapidly that it has been impossible to do much for its sanitation or improvement, but at the end of the year the Chinese subscribed \$10,000 to be spent in laying it out, on condition that they were granted 200 town lots to build on. A good survey of the town has already been made, levels have taken, and another year will see rows of streets and houses on the land adjoining the present buildings, and which is now only a series of mine-holes and spoil-banks.”*²⁴⁷

Menurut *Perak Government Gazette* pada tahun 1894, populasi Cina di Kampar telah bertambah kepada 8,850.²⁴⁸ Kumpulan pertama orang Cina yang bermigrasi ke Kampar ini datang dari Say Yip, Empat Daerah di selatan Kwangtung serta daerah Tseng-





ch'eng di tengah Kwangtung dan Chen Shang.²⁴⁹ Oleh itu, majoriti orang Cina di Kampar ini berketurunan Kantonis. Buktinya, mereka mendirikan tokong Shuei-yueh Kung (kini dikenali sebagai Kam-poh Ku-miao) untuk *Goddess of Mercy*. Selain itu, kebanyakan pelombong Cina dari Gopeng turut datang mengembangkan aktiviti perniagaan mereka di Kampar. Contohnya, Eu Tong Sen dari Gopeng membuka lombong bijih timah di selatan Kampar serta memiliki sebuah banglo kediaman dan tiga buah kedai di Jalan Gopeng.

Sebaik sahaja siap landasan kereta api dari Batu Gajah ke Tapah Road pada tahun 1895, ia merencanakan perkembangan bandar Kampar menjelang abad ke-20. Pada tahun 1905, kira-kira 300 buah rumah kedai telah wujud di Kampar.²⁵⁰ Kebanyakan kedai ini kepunyaan orang Cina dan menjual barangan keperluan pelombong Cina. Sebuah kedai candu kerajaan turut terdapat di Kampar yang diuruskan oleh seorang pengurus Cina dan tiga jurujual Melayu.²⁵¹



Pada tahun 1901, R.A. Thomas membuka *The Perak Pharmacy*, sebuah kedai ubat Eropah untuk pelombong Cina. Selain itu, hanya terdapat empat buah kedai Melayu iaitu dua buah kedai membuat kopiah serta jahitan dan dua buah lagi kedai menjual pelbagai barangan. Kedai India pula terdiri daripada lima buah iaitu sebuah kedai tekstil, dua buah restoran, sebuah kedai gunting rambut dan sebuah kedai Chetti manakala orang Jepun juga memiliki sebuah kedai di Kampar iaitu kedai barangan Jepun.²⁵²

Dari segi sistem rangkaian jalan raya, bandar Kampar memiliki dua batang jalan utama iaitu Jalan Gopeng dan Jalan Idris. Kedua jalan utama ini dihubungkan dengan lapan batang jalan silang iaitu Jalan Bukit, Jalan Masjid, Jalan Ampang, Jalan Tokong, Jalan Pasar, Jalan Balai, Jalan Pejabat Pos dan Jalan Bharu. Jalan-jalan silang ini dinamakan berdasarkan persekitarannya sahaja. Sebagai jalan utama, kebanyakan persatuan Cina





terletak di sepanjang Jalan Gopeng dan pejabat *Straits Trading Company* turut terletak di di sini.

Jalan Idris pula dinamakan bersempena nama Sultan Perak, Sultan Idris Mursyidul Azzam Shah. Baginda sendiri berkenan untuk merasmikan jalan tersebut.²⁵³ Semasa perasmian jalan itu, Sultan Idris tiba dengan menaiki kereta kuda yang ditarik oleh empat ekor kuda dan penuh membawa air minuman sendiri kerana adat tradisi Sultan Perak tidak boleh meminum air Sungai Kampar.²⁵⁴ Segala kegiatan perniagaan berlangsung di jalan ini kerana terdapat pasar, pengkalan Sungai Kranji dan teater pertama yang dibiayai oleh Eu Tong Sen dan Chung Type Phin. Selain itu, beberapa buah rumah kediaman orang Melayu termasuk kerabat Diraja juga berada di bahagian utara Jalan Idris ini.

Pada awal abad ke-20, bandar Kampar semakin berkembang dengan pertambahan penduduk bandar tersebut. Pada tahun 1901, penduduk Kampar berjumlah kira-kira 5,907 orang. Jumlah ini meningkat kepada 11,604 orang pada tahun 1911 dan terus meningkat kepada 12,325 orang dalam tahun 1921.²⁵⁵ Semasa awal kemunculan bandar ini, Kampar hanya didiami oleh orang Melayu, Cina dan India tetapi populasi ini kian berkembang dengan kehadiran bangsa lain seperti Eropah, Eurasian, Yahudi dan Jepun. Masyarakat Cina yang merupakan golongan majoriti tinggal di bandar Kampar dan sekitarnya terutamanya di kawasan perlombongan bijih timah.

Orang Melayu pula yang asalnya tinggal di bandar Kampar kian membawa diri ke pinggir selatan bandar Kampar seperti Temoh, Banir, Simpang Empat, Ayer Kuning, Bukit Pekan, Ayer Hitam Labu dan di utara iaitu Kampung Tok Jabar.²⁵⁶ Orang Melayu tidak dapat menyesuaikan diri tinggal di bandar dan menjual tanah-tanah mereka pada tahun 1920-an dan 1930-an. Di kawasan baharu ini, orang Melayu telah mengusahakan penanaman getah dan pertanian secara kecil-kecilan. Hanya kira-kira 40-50 buah keluarga





Melayu sahaja yang masih menetap di bandar Kampar iaitu di Kampung Changkat (kini dikenali sebagai Kampung Masjid).²⁵⁷

Bagi orang India terutamanya Tamil, mereka menetap di kaurters kerajaan di Jalan Bharu dan bekerja dengan Jabatan Kerja Raya atau lombong bijih timah milik orang Eropah. Di Kampar juga, terdapat sebilangan besar orang Eropah yang terdiri daripada Inggeris, Perancis dan Amerika. Mereka ini terlibat dengan perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Di antara syarikat perlombongan bijih timah yang terkenal di Kampar ialah *Societe des Etains de Kinta* (SEK) dibuka oleh orang Perancis pada tahun 1891.

Kerancangan aktiviti perlombongan bijih timah di Kampar banyak membantu perkembangan bandar ini sehingga menjadi bandar kedua terpenting di Lembah Kinta selepas Ipoh dalam abad ke-20. Perkembangan tersebut berterusan sehingga Perang Dunia

Kedua kerana turut dibantu dengan kebanjiran pelbagai kaum Cina di bandar ini dan kemunculan perladangan getah.



3.2.19 Ipoh

Abad ke-20 turut menyaksikan kemunculan Ipoh sebagai sebuah bandar perlombongan bijih timah yang terpenting di Lembah Kinta khususnya dan negeri Perak amnya. Perkembangan ini mengalih tumpuan masyarakat dari kawasan lain di negeri Perak untuk tertumpu ke Ipoh. Oleh demikian, Ipoh diberikan julukan sebagai ‘*Hub of Malaya*’ oleh penduduknya semasa era kemuncak kegemilangan bandar ini.²⁵⁸ Perkara ini disebabkan





oleh faktor kedudukan Ipoh yang berada di tengah-tengah Lembah Kinta serta menjadi pusat pengumpulan segala kekayaan ekonomi seperti bijih timah dan getah. Bagi British, Ipoh menjadi sebuah model perbandaran pada abad ke-20 di Tanah Melayu.²⁵⁹

Menurut Khoo Salma, perkembangan bandar Ipoh bermula daripada dua buah kampung iaitu Paloh dan Epau sahaja. Kenyataan beliau ini adalah berdasarkan catatan yang dilakukan oleh J.W.W. Birch pada tahun 1874.²⁶⁰ Namun sebenarnya, Ipoh bermula daripada tiga buah perkampungan Melayu yang dikaitkan dengan pengasasan bandar ini. Tiga buah kampung yang terletak di tebing Sungai Kinta tersebut ialah Paloh, Epau dan kampung Mesjid Lama. Perkembangan bandar Ipoh yang berpusat di Paloh dan Epau pada peringkat awal seterusnya merebak sehingga kawasan sekitar Gunung Cheroh terutama pada abad ke-20. Buktinya, beberapa kampung Melayu yang baru wujud di kawasan tersebut seperti Kampung Pisang, Kampung Jawa dan Kampung Kuchai. Malahan, Aminuddin Baki turut menyatakan bahawa Ipoh berasal daripada gabungan kampung-kampung penting seperti Kampong Paloh, Kampong Changkat Saga, Kampong Ipoh dan Kampong Masjid Lama.²⁶¹

Permulaan bandar Ipoh dan Lembah Kinta sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan sejarah ketokohan Dato' Panglima Kinta. Menurut Riwayat Kinta, A. Talib Haji Ahmad menjelaskan bahawa keturunan Tun Saban Balik, iaitu seorang pembesar di Hulu Perak datang menetap di Kepayang, Ipoh pada abad ke-15. Beliau berkahwin dengan anak pemimpin orang Asli di situ dan menggunakan gelaran Kulup Kinta²⁶² sebagai pemerintah kawasan Sungai Kinta ini.²⁶³ Aminuddin Baki juga menyatakan sejarah pembukaan Ipoh yang hampir sama dengan Riwayat Kinta tetapi berbeza sedikit dari segi siapa dan bila petempatan ini dibuka. Beliau menjelaskan bahawa Tok Keluang, anak Tun Saban yang bertanggungjawab membuka Ipoh selepas ditewaskan oleh Sultan Muzaffar Shah dalam perang saudara pada suku pertama abad ke-16.²⁶⁴





Menjelang tahun 1880-an, beberapa petempatan wujud di tebing Sungai Kinta yang kelak akan membentuk bandar Ipoh. Petempatan terawal di Ipoh ialah Kampung Paloh yang terletak di selatan mudik Sungai Kinta iaitu berada di Jalan Datoh, Ipoh sekarang. Asalnya kampung ini dibuka oleh orang Asli. Pelombong Cina yang bermigrasi memberikan nama 'Pa-Lo' ekoran terdapat palung penduduk kampung tersebut yang digunakan untuk menangkap ikan di sungai.²⁶⁵ Kampung Paloh ini mempunyai sebuah pengkalan pelabuhan yang terletak di antara lokasi Jambatan Hugh Low dan Masjid Panglima Kinta pada hari ini.

Jika terus memudiki Sungai Kinta dari Paloh, wujud sebuah lagi kampung yang dipanggil sebagai Epau (Ipoh). Nama Ipoh ini dipercayai bersempena nama pokok getah Ipoh atau Upas yang tumbuh banyak di sekitar kawasan tersebut.²⁶⁶ Pada tahun 1876, sederet rumah atap dibina di Ipoh dan mulai menjadi pengkalan sungai yang sibuk.²⁶⁷

Pengkalan tersebut terletak di kawasan antara Jambatan Hugh Low dan Jambatan Birch iaitu di Jalan Laxamana kini. Menurut Khoo Salma Nasution, Che Husin dari keluarga Laksamana mendirikan benteng dan kediaman di sini.²⁶⁸

Di hulu Sungai Kinta iaitu berhampiran Gunung Cheroh, terdapat satu lagi pengkalan perahu di Kampung Masjid Lama yang terletak di tebing kiri Sungai Kinta. Lokasinya pada hari ini berada berhampiran FMS Bar dan utara Jambatan Birch.²⁶⁹ Kampung ini dinamakan sebagai Kampung Mesjid Lama kerana dahulu terdapat sebuah masjid yang hari ini tapaknya dijadikan sebagai tempat parkir kereta berhampiran Jambatan Birch.²⁷⁰

Campur tangan British di negeri Perak pada tahun 1874 membawa dunia luar mengenali Ipoh khususnya dan Lembah Kinta amnya. Ipoh mulai dikunjungi oleh pegawai-pegawai British dan Eropah. J.w.w. Birch menjadi pelopor kepada aktiviti





tersebut apabila beliau melawat Epau dan Palau pada tahun 1875.²⁷¹ Pada tahun 1878, McNair pula mencatatkan penempatan yang dikenali sebagai 'Epu' dalam peta negeri Perak yang dilakarnya.²⁷² Perkembangan ini menyebabkan pihak British sedar terhadap kepentingan Ipoh dan membina sebuah balai polis pada tahun 1879.²⁷³

Pada tahun 1882, Gabenor Negeri Selat, Weld berkesempatan melawat Ipoh. Beliau mendapati Ipoh sebagai sebuah kampung yang besar serta didiami oleh orang Melayu, Cina dan juga Sikh.²⁷⁴ Semasa ini, Ipoh juga sudah boleh dihubungi dengan Kuala Kangsar di utara dan Sungai Raia di selatan menerusi jalan yang baru disiapkan. Sebuah jambatan kayu turut dibina bagi merentasi Sungai Kinta pada tahun 1890 dan dinamakan sebagai Jambatan Hugh Low.²⁷⁵

Tahun 1884 merupakan tahun yang penting bagi kemunculan bandar Ipoh. Seorang jurutera Perancis, De Morgan melakukan satu tinjauan di Lembah Kinta termasuk Ipoh dalam tahun tersebut. Beliau menggambarkan Ipoh sebagai sebuah kampung Melayu dan Sakai.²⁷⁶ Selain itu, De Morgan menyatakan kepada Residen Sir Hugh Low bahawa Ipoh merupakan pusat terbesar orang Melayu di Lembah Kinta dan Ipoh juga memiliki tempat peleburan bijih timah bagi lombong-lombong di sekitarnya.²⁷⁷ Potensi Ipoh yang dinyatakan oleh De Morgan ini menarik minat ramai pelombong Cina berpindah dari Lembah Larut ke sini. Perkembangan tersebut turut dimudahkan lagi dengan siapnya pembinaan jalan raya dari Taiping dan Kuala Kangsar ke Ipoh.

Selain itu, perkembangan bandar Ipoh turut menerima galakan yang hebat daripada pembesar Melayu setempat iaitu Dato' Panglima Kinta sendiri. Pada tahun 1884, Dato' Panglima Kinta Zainal Abidin meninggal dunia dan digantikan oleh anak saudaranya, Dato' Panglima Kinta Muhammad Yusuf bin Dato' Panglima Kinta Ngah Abdul Lassam.





Dato' Panglima Kinta Muhammad Yusuf bergiat aktif dalam membangunkan bandar Ipoh dan sumbangan beliau ini jelas dilaporkan oleh Hugh Low seperti berikut:-

“being situated on land to the belonging to the Dato Panglima Kinta, who has laid it out himself; it has broad straight streets and does him great credit.”²⁷⁸

Semua perkembangan ini melonjakkan kedudukan bandar Ipoh sehingga menjadi bandar kedua terbesar di Lembah Kinta selepas Gopeng pada tahun 1889.²⁷⁹ Bandar Ipoh pada ketika itu didapati dilengkapi dengan kemudahan asas seperti hospital, balai polis, mahkamah dan kaurtes kerajaan yang terletak di sekitar Jalan Kelab, Jalan Stesen, Belfield Street dan Hill Street. Panorama bandar Ipoh turut digambarkan mempunyai sebanyak 225 buah rumah yang mana 50 buah diperbuat daripada konkrit dan 175 buah lagi daripada bumbung genting dan besi.

Tapak bandar ini juga asalnya adalah tanah kampung kepunyaan Dato' Panglima Kinta yang dipersetujui oleh Majistret untuk dijual kepada orang Cina dengan harga \$25 seunit lot.²⁸⁰ Dalam tahun 1892, Ipoh berjaya mengatasi kedudukan Gopeng sebagai bandar utama di lembah Kinta dan kedua terbesar di negeri Perak. Perkembangan yang berlaku pesat itu jelas dicatatkan seperti berikut :-

“Ipoh has now become a considerable town, with 340 houses and a population of about 4,000. The attap houses in it are being replaced by brick ones, of which 20 are now under construction, and altogether the place has a most prosperous air.”²⁸¹

Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada rupa awal bandar Ipoh ini musnah dalam satu kebakaran besar yang berlaku pada 1 Jun 1892. Kebakaran yang berlaku pada pukul 3.10 petang itu memusnahkan sebanyak 123 buah rumah daripada 340 buah rumah dan kerugian dianggarkan antara \$80,000 hingga \$100,000.²⁸² Pihak British segera membangunkan bandar Ipoh yang musnah ini dengan mengarahkan William James Parke Hume (W.J.P. Hume), Pemungut Hasil Daerah Kinta untuk merancang pelan bandar tersebut.²⁸³ Hume berjaya membangunkan bandar Ipoh semula dan menjadi tumpuan





penduduk Lembah Kinta. Perkara ini dibuktikan dalam lawatan Walker, Komander Pasukan Polis Sikh Perak ke Ipoh pada hujung tahun 1892 :-

“the village of Ipoh had grown from that into a town of no mean proportions – 396 houses and a population of over 4,000. At the census in 1891 it was given as 3,184; both houses and population are daily increasing. The houses in course of construction are of a far better class than any in the State. The township required immediate attention as regards sanitation, market extension and fire regulations. The last two have been attended to. People seem flocking to it, the river was crowded with heavily laden store-boats, and the place was full of animation.”²⁸⁴

Pada tahun 1893, bandar Ipoh terus membangun dengan populasi penduduknya melebihi kira-kira 5,000 hingga 11,000 orang. Bangunan-bangunan yang terdiri daripada rumah atap sebanyak 151 buah dirobohkan dan digantikan dengan bangunan konkrit. Setiap satu unit bangunan konkrit ini bernilai \$3,000.²⁸⁵ Selain itu, perkembangan bandar Ipoh tersebut turut digambarkan dalam lawatan Residen British di Perak iaitu Swettenham ke bandar ini pada 20 Februari 1893.



Menerusi lawatan itu, Swettenham melakukan pemeriksaan terhadap bandar, pasar, hospital, berek polis Sikh dan landasan kereta api. Hasil pemeriksaan ini, Swettenham mengarahkan Majistret Daerah untuk menubuhkan *Sanitary Board* Ipoh. Beliau juga mencatatkan hasil pemeriksaannya di bandar Ipoh seperti berikut :-

“Ipoh has increased in size about fivefold in the last two years and made more rapid progress than probably has ever been the case with any town in Penisular. There are now over 5,000 inhabitants within the town.”²⁸⁶

Pada awal tahun 1894, Sultan Idris melawat bandar Ipoh dan merasmikan pembukaan landasan kereta api Ipoh-Batu Gajah. Semasa majlis perasmian tersebut, Swettenham menyatakan bahawa pembinaan beberapa jalan dan hentian kereta api Lembah Kinta menjadi keutamaan terhadap Ipoh sebagai pusat kepada daerah bijih timah yang kaya ini.²⁸⁷ Dalam tahun tersebut juga, *Sanitary Board* Ipoh ditubuhkan dengan Dr. C.H. Wheeler sebagai pengerusi pertamanya.²⁸⁸





Kawasan bandar Ipoh semasa itu juga berkembang sehingga meliputi jalan baru dari kelab, jalan Kuala Kangsar-Ipoh, kediaman baru Dato' Muda Wahab, sebahagian sawah padi di Jalan Gopeng, jejambat kereta api di Changkat Pari dan 200 meter zon penampian di jalan-jalan bandar.²⁸⁹Perkembangan ini menampakkan bandar Ipoh kian menjadi sebuah bandar yang besar di Lembah Kinta dan hampir mengatasi Taiping. Gambaran awal ini jelas dicatatkan dalam laporan *Perak Government Gazette* pada tahun 1893 yang berbunyi seperti berikut :-

*“It will be, and indeed now is, the most important township in the district, and no doubt in the state in the near future, when a railway connercts it with Larut..”*²⁹⁰

Selain itu, akhbar *Perak Pioneer* yang bertarikh 1 Ogos 1894 turut melaporkan perkara yang sama. Laporan akhbar tersebut menyatakan bahawa “ *Ipoh grows apace and shows signs of soon being the premier town in the state* ”.²⁹¹

Apabila memasuki abad ke-20, perkembangan bandar Ipoh seterusnya memasuki fasa baharu terutama semasa era pentadbiran E.W. Birch sebagai Residen British di Perak pada tahun 1905 hingga 1910. Dalam peringkat ini, bandar Ipoh diperluaskan ke seberang tebing Sungai Kinta yang kemudiannya dikenali sebagai ‘Pekan Baru’. Tapak Pekan Baru ini merupakan kawasan sawah padi kepunyaan Dato’ Panglima Kinta. Pembinaan Pekan Baru Ipoh dipertanggungjawabkan oleh Birch kepada rakan perniagaannya, Yau Tet Shin.²⁹² Pada tahun 1905 hingga 1908, Yau Tet Shin mendirikan sebanyak kira-kira 300 buah rumah kedai di kawasan ini termasuklah pasar dan teater.²⁹³

Sesuatu yang menarik mengenai pembinaan Pekan Baru Ipoh ini dirancang bagi membolehkan ia menampung penggunaan kenderaan bermotor seperti motokar yang mula diperkenalkan di Ipoh pada awal abad ke-20. Bandar Ipoh terus membangun serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Bekalan air bersih dan eletrik disediakan pada tahun 1923. Bank-bank dan firma asing juga membuka cawangan mereka di bandar ini





berbanding di Taiping. Semua kemudahan ini disediakan bagi menampung perkembangan bandar ini agar selari dengan keperluan ekonomi empayar British terutama perlombongan bijih timah di Lembah Kinta.

Jika Taiping memiliki banyak perkara pertama di Negeri-negeri Melayu, Ipoh turut memiliki beberapa perkara pertamanya tersendiri. Buktinya, Ipoh mendahului bandar-bandar lain di Tanah Melayu apabila sistem lampu isyarat yang pertama negara diperkenalkan di sini pada tahun 1937. Lampu isyarat pertama tersebut digunakan untuk melicinkan lalu lintas di persimpangan Jalan Tambun, Jalan Gopeng, Hugh Low Street dan Brewster Road.²⁹⁴ Kemudian, Ipoh juga menggunakan lampu jalan jenis sodium vapour yang pertama di Malaya di Jalan Tambun pada tahun 1938.²⁹⁵

Sebagai hub ekonomi Tanah Melayu pada awal abad ke-20, bandar Ipoh kemudiannya dilengkapi dengan beberapa bangunan besar kerajaan yang bersesuaian dengan tarafnya. Perkara ini tercetus setelah penduduk Ipoh melahirkan rasa tidak puas hati dengan keadaan bangunan-bangunan kerajaan di situ yang agak menyedihkan dan uzur. Berikutan hal tersebut, penduduk Ipoh telah menggesa pihak kerajaan British untuk mendirikan bangunan yang lebih baik dan setaraf dengan prestij bandar bijih timah dunia ini. Menjelang sekitar tahun 1914 merupakan kemuncak kegemilangan kepada bandar Ipoh apabila dua buah bangunan besar yang gah telah dibina iaitu Stesen Kereta Api dan Dewan Bandaran. Kewujudan dua bangunan ini dan penyediaan pelbagaian kemudahan awam yang lengkap membawa kepada cadangan pemindahan ibu negeri Perak dari Taiping ke Ipoh pada tahun 1927.²⁹⁶

Bagi merealisasikan cadangan pemindahan ibu negeri Perak ke Ipoh itu, sebuah Jawatankuasa Perancang Bandar dalam *Sanitary Board* Ipoh ditubuhkan pada tahun 1914. Penubuhan jawatankuasa ini membolehkan bandar Ipoh disusun semula mengikut zon





yang ditetapkan seperti zon dan kawasan pembangunan. Hasilnya sebuah Pelan Bandar Ipoh dicipta pada tahun 1927 dan diluluskan pada tahun 1928.²⁹⁷ Perkara ini meletakkan Ipoh sebagai sebuah bandar yang pertama memiliki pelan perbandaran di Negeri-negeri Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, rancangan Pelan Bandar Ipoh tidak pernah dapat dijalankan. Cadangan pemindahan ibu negeri Perak ke Ipoh pula hanya bermula pada tahun 1937 dan siap sepenuhnya semasa pendudukan tentera Jepun pada tahun 1942.²⁹⁸

3.3 DAERAH BATANG PADANG²⁹⁹

Batang Padang merupakan daerah yang terletak di selatan negeri Perak. Ia turut mempunyai hasil bumi seperti bijih timah dan emas. Kepesatan perlombongan bijih timah pada tahun 1890-an membawa kepada kemunculan dan perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di daerah Batang Padang. Berdasarkan potensi perlombongan bijih timah di daerah ini, pihak British membangunkan beberapa bandar dan pekan kecil di Batang Padang dengan mewujudkan sistem pentadbiran yang tersusun dan membina beberapa kemudahan asas terutamanya sistem perhubungan. Perkara ini kerana sebelum campur tangan British, tiada struktur pentadbiran yang jelas dan jalan perhubungan utama di Batang Padang hanyalah melalui sungai-sungai utama seperti Sungai Batang Padang, Sungai Bidor dan Sungai Bernam.





3.3.1 Tapah

Perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Batang Padang bermula di Tapah. Tapah merupakan bandar utama dan pusat pentadbiran bagi daerah Batang Padang. Sebelum akhir abad ke-19, Tapah turut dikenali sebagai Batang Padang sahaja. Menurut A Kamarudin Ariffin, Tapah dibuka oleh Tok Tua Sakti semasa pemerintahan Sultan Mukaddam Shah Ibnu Almarhum Sultan Mansur Shah, Sultan Perak ke-6 (1603-1619). Tok Tua Sakti dikatakan berasal dari Siak dan telah membuka perkampungan di tebing Sungai Batang Padang.³⁰⁰

Zabidin Haji Ismail juga menyatakan Tapah dibuka oleh Tok Tua Sakti atau Tok Simpang Tiga yang nama sebenarnya ialah Abd Rahman bin Raja Setia iaitu seorang Rawa.³⁰¹ Beliau bersama dua orang adiknya, Tok Bayas dan Tok Sebarau telah datang berdagang dari Sumatera ke Tapah melalui Sungai Bidor dan Sungai Batang Padang. Mereka membuka petempatan yang dikenali sebagai Kampung Datuk pada sekitar abad ke-16.³⁰² Perkara ini terbukti kerana semasa pemerintahan Toh Tan Dewa Sakti³⁰³ iaitu Tok Simpang Tiga, kawasan kuala Sungai Tapah merupakan sebuah kawasan perdagangan. Tok Simpang Tiga telah menetap di Kampung Datuk manakala golongan pedagang pula tinggal di seberang sungai iaitu Kampung Tapah.³⁰⁴ Maka daripada Kampung Datuk inilah, kemudiannya muncul bandar Tapah yang terdapat pada hari ini.

Berdasarkan Zabidin Haji Ismail, beliau menyatakan terdapat dua versi cerita mengenai asal usul nama bandar Tapah ini. Mengikut versi pertama, asal usul nama Tapah berasal daripada kisah legenda Tok Tua Sakti dengan ikan Tapah. Ia bermula apabila Tok Tua Sakti yang suka bersabung ayam telah kalah sehingga tergadai kampungnya. Setelah menyesali perbuatan tersebut, beliau bermimpi bahawa seekor ikan tapah yang besar





terdampar di kuala anak sungai dan diarahkan untuk mengambil keronsang emas yang terdapat dalam perut ikan itu. Perkara tersebut menjadi nyata dan sebagai janji, Tok Tua Sakti melarang keturunannya memakan ikan tapah. Anak sungai di Batang Padang itu turut dinamakan Sungai Tapah.³⁰⁵

Versi kedua pula menyatakan bahawa nama Tapah didapati ekoran peristiwa aneh ikan tapah yang timbul di sungai dan menyondol tanah perkuburan di tebing Sungai Batang Padang apabila banjir.³⁰⁶ S. Durai Raja Singam pula ada mencatatkan dalam bukunya bahawa nama Tapah adalah bersempena tapak kaki yang banyak ditinggalkan oleh orang Sumatera yang berdagang di Sungai Batang Padang.³⁰⁷

Sebelum campur tangan British di negeri Perak pada tahun 1874, Tapah yang ditadbir oleh TohTan Dewa Sakti telah berada di bawah kekuasaan Tengku Panglima Besar, Raja Ngah Abdul Jalil di Bidor.³⁰⁸ Beliau menggalakkan dan memberi keizinan kepada pelombong-pelombong Cina untuk menjalankan aktiviti perlombongan di sekitar Tapah. Tapah pula hanya berperanan sebagai pengkalan perdagangan yang menyokong kepada aktiviti perlombongan bijih timah di sekitarnya.

Apabila J.W.W. Birch menjadi Residen British yang pertama di Perak, beliau pernah melawat kawasan perlombongan di sekitar Sungai Batang Padang. Dalam catatan Birch, beliau menyatakan Tapah sebagai Batang Padang terdiri daripada beberapa kampung dan mempunyai penduduk kira-kira seramai 1,500 orang.³⁰⁹ Peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch dan Perang Perak yang berlaku pada tahun 1875 hingga 1876 menjejaskan aktiviti perlombongan bijih timah di sekitar Tapah dan Bidor.

Pada tahun 1889, Tapah dipilih menjadi pusat pentadbiran bagi daerah Batang Padang. Cecil Wray dilantik sebagai Pegawai Daerah Batang Padang yang pertama manakala jawatan Toh Tan Dewa Sakti dikekalkan sebagai penghulu dan Haji Abdul





Rahman bin Tok Raja Setia dilantik memegang jawatan itu pada tahun 1894.³¹⁰ Pemilihan Tapah dilakukan oleh pihak British atas faktor kedudukan bandar ini yang terletak di tebing Sungai Batang Padang yang besar dan lokasinya di tengah-tengah kawasan perlombongan bijih timah di daerah ini iaitu Chenderiang, Kuala Lipis (Bidor) dan Batang Padang.³¹¹ Jumlah penduduk Tapah pada ketika itu adalah sebanyak 1800 orang dan merupakan jumlah penduduk terbesar di daerah Batang Padang. Perkembangan ini sekaligus meletakkan Tapah sebagai bandar pertama di daerah tersebut.

Bagi merencanakan aktiviti ekonomi di Batang Padang terutamanya perlombongan bijih timah, pihak British merancang beberapa pembinaan infrastruktur yang penting bagi bandar Tapah. Bangunan kerajaan yang pertama dibina ialah hospital pada tahun 1888. Dalam tahun 1886 hingga 1900 pula, bangunan-bangunan kerajaan yang lain seperti pejabat daerah, mahkamah, rumah rehat, pejabat pos dan balai polis dibina bagi melengkapkan pembangunan bandar Tapah. Pembinaan infrastruktur ini jelas tercatat dalam laporan tahunan 1886 seperti berikut:-

“At Tapa, the cheif place in the sub-district of Batang Padang, a Post Office and Magistrate quarters were completed. Rest-house, stables, Court House and offices and houses for two Native clerks were buildt, the Police Station repaired..”³¹²

Semasa lawatan Pemangku Residen British pada Julai 1892, bandar Tapah mempunyai balai polis, lokap, pejabat pos dan taman rekreasi yang baharu.³¹³ Pada tahun 1890, jalan-jalan denai juga telah dinaiktaraf kepada jalan berturap yang membolehkan Tapah dihubungi dengan bandar dan pekan kecil yang lain seperti Teluk Anson, Bemban, Kampar, Tanjung Malim, Bidor dan Chenderiang. Pada tahun 1886, jalan antara Tapah ke Tanjung Malim siap dibina.³¹⁴ Seterusnya, jalan utama dari sempadan daerah Kinta ke Tapah siap dibina pada tahun 1892.³¹⁵ Selain itu, jalan kereta lembu turut dibina bagi menghubungkan Tapah dengan Tanah Tinggi Cameron dalam tahun 1891. Pembinaan ini





penting kerana Tapah merupakan pintu masuk utama ke Tanah Tinggi Cameron. Ianya juga bukan sahaja menghubungkan kawasan perlombongan di Ulu Telom Pahang tetapi meliputi juga kawasan pertanian.³¹⁶ Jalan ini pernah digambarkan dalam lawatan Pemangku Residen British di Perak, W. Treacher pada 17 Julai 1892 seperti berikut :-

“Mr. Treacher and Mr. Wise drove in gharis six miles out on the Pahang road. This road is about 38 miles in length, to a pass leading into Pahang, and , when completed, would give access to Cameron’s Plateau, in Pahang, an extensive area at high elevation, well suited for sites for sanitarium and for European estates.”³¹⁷

Pada tahun 1892, sebuah jambatan kayu berbumbung dibina merentasi Sungai Batang Padang di Tapah.³¹⁸ Rupa jambatan ini digambarkan dengan jelas dalam laporan *Perak Government Gazette* pada tahun 1892 seperti berikut :-

“The timber bridge over the Batang Padang river at Tapah, on the main trunk road, was completed early in the year : it rests on permanent abutments, has a single span of 124 feet, and has been roofed in to protect it from the weather.”³¹⁹



Panorama bandar Tapah ini pernah dicatatkan dalam beberapa laporan pegawai British. Antaranya ialah G.B. Cerruti, Penguasa Sakai Perak yang pertama telah melawat Tapah pada tahun 1908 dan mencatatkan suasana bandar Tapah seperti berikut :-

“Tapah is a modern little town, all villas and gardens. It rises white and coquettishly at the foot of green hills and its smiling panorama, although without the magnificent background of the sea, recalled to my sight the sweet vision of my native Varazze, one of the most beautiful gems that adorn the Riviera Ponente..

As capital of the district it possesses a Post Office, a very large room where two Indian clerks perform their duties under the direction of an English postmaster who has also to overlook the branch offices of the circuit.”³²⁰





3.3.2 Tapah Road

Pembangunan di Tapah turut memberi kesan terhadap perkembangan pekan-pekan kecil perlombongan bijih timah yang terdapat di sekitarnya seperti Tapah Road. Tapah Road merupakan sebuah pekan kecil yang amat penting dalam menyokong kepada perkembangan bandar Tapah dan pekan kecil perlombongan bijih timah yang terletak di daerah Batang Padang pada awal abad ke-20. Pekan ini terletak 5 batu dari bandar Tapah dan dibuka pada sekitar tahun 1891. Sebuah stesen kereta api didirikan bagi menghubungkan jaringan landasan kereta api dari Teluk Anson ke Tapah Road dan Tapah Road ke Ipoh pada April 1891. Pada 18 Mei 1893, stesen dan landasan kereta api dari Tapah Road ke Teluk Anson dirasmikan pembukaannya oleh Sir Cecil Clementi Smith, Gabenor Negeri-negeri Selat.³²¹



3.3.3 Bidor

Selain Tapah Road, sebuah lagi pekan kecil yang terdapat di daerah Batang Padang ialah Bidor. Bidor atau dikenali juga sebagai Kuala Lipis terletak di tebing Sungai Bidor. Kawasan ini bukan sahaja kaya dengan bijih timah tetapi juga emas menyebabkan aktiviti perlombongan di sini dipercayai wujud sejak zaman awal sejarah.³²² Pada April 1875, Bidor dilawati oleh J.W.W. Birch dan beliau menulis suasananya seperti berikut :-

“These rivers have no large population, but both the Bidor and Batang Padang have several very promising villages, and probably about 1,500 people on each.”³²³

Walau bagaimanapun, rupa bentuk awal pekan Bidor tidak diketahui secara jelas.

Majoriti penduduk di Bidor adalah orang Cina yang terlibat langsung dalam aktiviti





perlombongan bijih timah di sini. Dari segi pentadbirannya pula, Bidor diterajui oleh seorang penghulu dan ketua masyarakat Cina (kepalas).³²⁴ Begi mengukuhkan pentadbiran dan keselamatan, sebuah balai polis turut didirikan di Bidor pada tahun 1890.³²⁵ Pembinaan balai polis ini sedikit sebanyak mendorong perkembangan pekan kecil Bidor.

Pada Julai 1892, William Treacher selaku Pemangku Residen pernah melawat Bidor bagi meninjau kegiatan perlombongan bijih timah di lombong Paku. Beliau hanya melaporkan bahawa bilangan pelombong amat kurang dan bijih timah dibawa keluar menerusi Sungai Bidor ke Teluk Intan.³²⁶ Laporan ini jelas menunjukkan jalan sungai masih memainkan peranan penting bagi pekan Bidor berbanding jalan darat yang berturap dari Tapah yang baru siap pada tahun tersebut.



3.3.4 Chenderiang

Di utara Tapah, terdapat dua buah perkampungan perlombongan bijih timah yang turut menyokong perkembangan bandar Tapah iaitu Chenderiang. Chenderiang yang terletak kira-kira 6 batu dari Tapah dan boleh dihubungi dengan mudah menerusi jalan yang berturap. Pada asalnya, Chenderiang ini terletak di dalam daerah Kinta tetapi diserahkan kepada pentadbiran daerah Batang Padang pada tahun 1886.³²⁷ Penyerahan ini dilakukan ekoran kesukaran pentadbiran British di Kinta untuk menghubungi pekan ini yang terpisah jauh dari kawasan utama Lembah Kinta.





Pembinaan balai polis dan sekolah di Chenderiang pada tahun 1890-an mengubah landskap Chenderiang daripada sebuah kampung perlombongan kepada sebuah pekan kecil perlombongan. Pada awal tahun 1892, pekan ini musnah dalam satu kebakaran.³²⁸ Pekan ini dibangunkan semula dalam bentuk yang sama seperti pekan kecil perlombongan yang lain iaitu terdiri daripada sebatang jalan raya dengan deretan rumah kedai di kedua-dua sisi jalan tersebut.

3.3.5 Temoh



Tidak jauh dari Chenderiang ialah Temoh³²⁹ yang asalnya merupakan sebuah kampung perlombongan yang didiami oleh pelombong-pelombong Cina seperti di Chenderiang. Pada tahun 1895, balai polis di Chenderiang dipindahkan ke Temoh.³³⁰ Perpindahan ini berlaku ekoran Temoh memiliki kedudukan yang strategik iaitu berdekatan dengan landasan kereta api dari Tapah Road ke Kampar dan sebuah perhentian kereta api turut dibina di sini. Selain itu, hasil perlombongan bijih timah dari Chenderiang dan Temoh lebih mudah dibawa ke Tapah Road melalui pekan kecil ini. Dalam tahun 1920-an dan 1930-an, ramai orang Melayu dari Kampar menetap di sini dan mengusahakan penanaman getah secara kecil-kecilan.³³¹





3.3.6 Tanjung Malim

Selain Tapah, perlombongan bijih timah di daerah Batang Padang turut membawa kepada kemunculan bandar Tanjung Malim. Tanjung Malim merupakan bandar paling selatan di daerah Batang Padang dan berada di sempadan negeri Perak dengan Selangor. Bandar ini terletak di pertemuan Sungai Bernam dengan Sungai Inki yang mempunyai hubungkait dengan kewujudannya. Asal usul Tanjung Malim bermula dengan kemunculan perkampungan Melayu yang dikenali sebagai Tanjung Jambu atau Kampung Jambu pada abad ke-15.³³² Menurut Riwayat Tanjung Malim, kampung ini dibuka oleh enam orang pahlawan Bugis yang terkepung semasa perang saudara di Perak pada sekitar tahun 1790-an.³³³ Mereka menamakan petempatan itu sempena nama pokok 'Jambu Keling' yang tumbuh di sini.³³⁴ Kampung tersebut diketuai oleh seorang pemimpin yang bergelar 'Menteri'.³³⁵



Penemuan bijih timah di sekitar kawasan Sungai Bernam oleh orang Bugis menarik kedatangan orang asing ke Tanjung Jambu. Bijih timah yang dilombong itu kemudian dibawa ke Kuala Bidor untuk dijual.³³⁶ Lantaran itu, Tanjung Jambu dibanjiri dengan kehadiran orang Minangkabau, Kampar, Batak dan majoritinya ialah Rawa. Orang Rawa dari Raub, Pahang berhijrah ke kawasan Tanjung Jambu pada sekitar tahun 1870-an. Mereka yang diketuai oleh Mustapha Raja Kemala membuka sebuah kampung di seberang sungai yang dikenali sebagai Kampung Kubu. Dalam tahun 1876, kedua-dua kampung ini disatukan dan menjadi Tanjung Malim oleh Raja Itam dan Tuan List semasa lawatan mereka ke sini.³³⁷

Namun menurut Zabidin Ismail pula, Tanjung Malim dibuka secara rasmi oleh Mustapha Raja Kemala, apabila beliau mendirikan madrasah di Tanjung Jambu





ini.³³⁸ Maka tidak hairanlah pada sekitar tahun 1879 apabila Tuan List, pegawai British dan Raja Itam, ketua Sabak Bernam melawat kawasan ini, mereka mendapati penduduk di situ sangat alim menunaikan ibadah agama. Lantas Tuan List menamakannya tempat itu sebagai ‘Tanjung Mualim’ yang kemudian sebutannya menjadi Tanjung Malim sahaja.³³⁹

Berdasarkan kedudukannya di pertemuan dua sungai, Tanjung Malim berperanan penting sebagai pusat pengumpulan hasil perlombongan bijih timah yang datang dari Jaher yang terletak di timur laut dan Lembah Kalumpang di selatan.³⁴⁰ Selain itu, bandar ini juga berfungsi membekalkan keperluan harian kepada para pelombong bijih timah yang menetap di Jaher, sepanjang Sungai Inki dan Kalumpang. Dalam peringkat awal kemunculan Tanjung Malim, Penghulu Mustapha Raja Kemala cuba membangunkan Tanjung Malim sebagai sebuah pekan utama. Beliau mendermakan dana kewangan dan membenarkan tanah miliknya digunakan untuk membina masjid, balai polis, pasar dan



pengkalan sungai.³⁴¹

Rupa bandar Tanjung Malim pada peringkat awal hanya terdiri daripada bangunan kedai-kedai kayu yang diperbuat daripada papan sahaja.³⁴² Lokasinya pula terletak berhampiran dengan tebing Sungai Bernam. Bandar yang didirikan oleh Penghulu Mustapha Raja Kemala ini juga dijelaskan dengan lanjut dalam buku ‘Riwayat Tanjung Malim’ seperti berikut :-

“Keadaan rumahnya ialah rumah-rumah panjang yang rendah secara Melayu diperbuat daripada atap dan berinding pelupuh, setengahnya kulit kayu dan papan pun ada juga.”³⁴³

Perkembangan pesat Tanjung Malim sebagai bandar hanya bermula apabila pihak British mula mendirikan bangunan kerajaan, mahkamah, balai polis, pejabat pos dan rumah rehat dalam tahun 1889 hingga 1900.³⁴⁴ Buktinya, bangunan terawal yang didirikan di Tanjung Malim ialah balai polis pada tahun 1889 dan kemudian diikuti dengan bangunan sementara mahkamah pada tahun 1894.³⁴⁵ Bagi merangsang perkembangan bandar





Tanjung Malim, pihak British meningkatkan sistem perhubungan bandar ini dengan lokasi lain. Pada tahun 1886 hingga 1890-an, laluan darat yang menghubungkan dari Tapah dengan Tanjung Malim didirikan.³⁴⁶ Laluan kereta api antara Tapah Road dengan Tanjung Malim pula siap dibina pada Mei 1898 dan disambungkan dengan laluan kereta api dari Selangor pada 26 September 1900.³⁴⁷ Kemuncaknya, Tanjung Malim akhirnya dijadikan sebagai pusat pentadbiran kepada daerah kecil Ulu Bernam pada tahun 1894.³⁴⁸

Walaupun pada peringkat awal kemunculan bandar Tanjung Malim ini berpunca daripada aktiviti perlombongan bijih timah di sekitarnya terutama Lembah Bernam tetapi bandar ini kemudiannya bertukar fungsi dari sebuah bandar perlombongan bijih timah kepada bandar pertanian dan perladangan menjelang tahun 1910-an. Buktinya, Loke Yew iaitu seorang usahawan Cina dari Kuala Lumpur membawa ratusan buruh Cina untuk mengusahakan ladang teh, gambir, pala, lada hitam dan bunga cengkeh di Changkat Asah.³⁴⁹ Beliau juga melantik Chong Ah Peng untuk menguruskan lombong bijih timahnya di Kalumpang.³⁵⁰ Kehadiran orang Cina ini menyebabkan populasi penduduk Tanjung Malim bertambah dan wujudnya masyarakat majmuk.

Kesan daripada perusahaan ekonomi oleh Loke Yew ini menjadikan aktiviti pertanian dan perladangan getah sebagai aktiviti ekonomi utama bagi Tanjung Malim. Perkara ini memberi impak yang positif dalam perkembangan bandar Tanjung Malim. Dalam tahun 1916, bangunan-bangunan seperti rumah kedai daripada batu dan konkrit mula dibina di jalan utama bandar ini. Perkembangan ini diperkukuhkan lagi setelah institusi berorientasi kepada pendidikan Melayu dan pertanian iaitu *Sultan Idris Training College* dibina di sini pada tahun 1922. Kewujudan maktab perguruan ini seterusnya merencanakan lagi perkembangan bandar Tanjung Malim dengan pertambahan penduduk serta semakin dilengkapi dengan kemudahan awam seperti bekalan air pili dan elektrik.³⁵¹





3.4 Kesimpulan

Kehadiran pentadbiran kolonial British di Perak mulai tahun 1874 ternyata membawa satu arus kemajuan dalam perkembangan petempatan di negeri ini. Perkara ini turut menjadi pemangkin kepada perkembangan tersebut. Kebanyakan petempatan-petempatan dan kawasan perlombongan bijih timah yang dahulu tidak tersusun mulai berkembang menjadi sebuah petempatan yang besar dan tersusun yang dikenali sebagai bandar atau pekan.

Pada peringkat awal, perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak berpusat di Larut. Meskipun kekurangan tenaga pakar, pihak pentadbiran kolonial British berjaya menyusun dengan baik proses penbandaran di daerah tersebut. Perkembangan semua bandar dan pekan di daerah ini mendahului bandar dan pekan yang lain di Negeri-negeri Melayu dengan kewujudan pelbagai kemudahan dan sistem perbandaran yang tersusun. Malahan Taiping menjadi bandar utama dan pusat pentadbiran kepada Negeri-negeri Melayu sebelum munculnya Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, faktor kekurangan sumber bijih timah di Larut serta kemunculan Lembah Kinta sebagai pengeluar utama bijih timah dan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran baharu bagi Negeri-negeri Melayu pada tahun 1890-an menjejaskan perkembangan bandar dan pekan perlombongan yang terdapat di Larut. Aktiviti pertanian dan perladangan getah juga didapati tidak dapat membantu banyak terhadap perkembangan ini. Kemuncak kemerosotan perkembangan bandar dan pekan kecil di daerah Larut ialah berlakunya proses pemindahan ibu negeri Perak dari Taiping ke Ipoh pada tahun 1937.





Selepas daerah Larut, perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak beralih arah ke bahagian tengah negeri ini iaitu Lembah Kinta. Meskipun pada peringkat awal kemunculan dan perkembangan pekan kecil dan bandar perlombongan bijih timah di Lembah Kinta agak perlahan tetapi proses perbandaran tersebut menjadi semakin rancak apabila aktiviti perlombongan bijih timah di lembah ini mengatasi perlombongan bijih timah di Larut pada akhir abad ke-19. Menjelang abad ke-20, kira-kira 20 buah bandar dan pekan perlombongan bijih timah berjaya muncul di Lembah Kinta.

Di samping itu, perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah turut dirancang dengan baik oleh pihak British di daerah Batang Padang menerusi kemunculan bandar Tapah. Namun, perancangan perbandaran tersebut tidak berjalan dengan lancar. Perkembangan bandar dan pekan kecil di Batang Padang ternyata tidak hanya boleh bergantung kepada aktiviti perlombongan bijih timah sahaja malahan turut didukung oleh sektor pertanian ekoran industri perlombongan bijih timah di daerah ini yang gagal memberi impak yang besar seperti di Larut dan Kinta. Kegagalan ini juga disebabkan oleh beberapa faktor seperti pengeluaran hasil bijih timah yang kurang dan para pelombong lebih tertumpu di Kinta. Menurut R.S.Nathan, pihak British juga tidak berupaya untuk membangunkan potensi perlombongan bijih timah dan pertanian di Batang Padang.³⁵² Oleh itu tidak terdapat sebarang perkembangan pesat dalam pertumbuhan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di Batang Padang kecuali Tapah dan Tanjung Malim sahaja yang muncul sebagai bandar kecil.

Nota Hujung

¹ Anarki yang dimaksudkan adalah perang saudara yang berlaku di antara pembesar Melayu dalam merebut kuasa pemerintahan dan diburukkan lagi dengan pergaduhan kongsi gelap Cina yang merebut kawasan perlombongan bijih timah.

² Sir Andrew Clarke dilahirkan pada tahun 1824. Beliau memulakan kerjayanya sebagai seorang pegawai dalam *Royal Engineer Regiment* serta pernah berkhidmat di New Zealanda dan Australia. Clarke juga pernah





menjadi Menteri Kabinet British. Pada 4 November 1874, beliau dilantik sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat. Kebanyakan tindakan beliau semasa memegang jawatan ini adalah keputusan peribadinya.

³Lim Heng Kow, *The Evolution of The Urban System in Malaya*, hlm. 40.

⁴*Ibid*, hlm. 33. Lihat juga, McNair, *Perak & The Malays*, hlm. 353.

⁵Swettenham, F.A., Some account of the independent native states of the Malay Peninsular, Part I, *JSBRAS*, Singapore, Government Printing, Disember 1880, hlm. 167 & 169.

⁶Suruhanjaya Perdamaian Larut atau dikenali juga sebagai Suruhanjaya Perjanjian Pangkor ini telah ditubuhkan berdasarkan syarat ke-13 dalam Perjanjian Pangkor yang mana bertujuan untuk menyasat dan memulihkan kestabilan di Larut. Suruhanjaya ini dianggotai oleh Kapten Samuel Dunlop, William Alexander Pickering, Frank Swettenham dan turut dibantu oleh Kapten T.C.S. Speedy (Penolong Residen British di Larut), Menteri Larut Ngah Ibrahim, Chung Keng Kwee dan Chung Ah Yam. Siasatan telah berlangsung selama sebulan iaitu dari 23 Januari 1874 hingga 23 Februari 1874.

⁷“*Report of the Commissioners under Clause XIII of the “Perak Engagement” dated 20th January 1874*”, hlm. 4.

⁸Menurut Anuar Isa, lokasi upacara penetapan sempadan Larut ini dijalankan ialah bertempat di lokasi simpang empat berdepan dengan Masjid India Taiping pada hari ini. Namun, kawasan ini pada ketika itu adalah sebahagian daripada kawasan Kota. Berdasarkan laporan Suruhanjaya Perjanjian Pangkor, lokasi sebenar upacara penetapan sempadan Larut ini berlaku di tapak Padang Esplanade kerana Swettenham ada menyatakan tapak bakal balai polis didirikan oleh Speedy berada tidak jauh dari situ.

⁹“*Report of the Commissioners under Clause XIII of the “Perak Engagement” dated 20th January 1874*”, hlm. 21.

¹⁰Kapten T.C.S. Speedy atau nama sebenarnya Trisham Charles Sawyer Speedy lahir pada November 1836 di Meerut, India. Beliau pernah berkhidmat di Abyssinia dan bertugas dalam pasukan tentera India. Sebelum bekerja dengan Ngah Ibrahim di Larut, beliau merupakan Timbalan Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang pada tahun 1872-1873.

¹¹*Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak for the year 1874*, hlm. 3.

Lihat juga, Gullick, Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, hlm. 54.

¹²Temu bual dengan Anuar Isa di First Galleria, Taiping pada 11 April 2014. Cerita lisan ini jelas menunjukkan bahawa orang Melayu adalah penghuni awal di Taiping dan diperkukuhkan lagi dengan penemuan kubur keramat Tok Bidan di pinggir bandar ini.

¹³Leon Comber, *Chinese Secret Societies in Malaya-A survey of the Triad society from 1800 to 1900*, New York, Association for Asian Studies, 1959, hlm. 199. Selain itu, Swettenham pula telah mencatatkan bandar ini sebagai Tai Kong semasa lawatannya bersama J.W.W. Birch pada 14 April 1874.

¹⁴Mohd. Zamberi A. Malek, *Kapitan Chung Keng Kwee : Pahlawan Perang Larut*, hlm. 224.

¹⁵*Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak for the year 1874*, hlm. 3.

Lihat juga, Gullick, Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, hlm. 54.

¹⁶Temu bual dengan Anuar Isa di First Galleria, Taiping pada 11 April 2014.

¹⁷Wong, C.S., *A Gallery Of Chinese Kapitan*, Singapore, Ministry of Culture, 1963, hlm. 79 & Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, Ipoh, Perak Academy, 2009, hlm. 23.

¹⁸Pada hari ini, tapak Rumah Kapten Speedy di Bukit Jelutong telah didirikan rumah kediaman Pegawai Daerah Larut, Matang dan Selama.

¹⁹Burn, P.L., *The Journal of J.W.W. Birch The British Resident To Perak 1874-1875*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1976, hlm. 213-222. Lihat juga, Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 83.

²⁰No. 83, *Report of H. B. Mr's Resident at Perak to Colonial Secretary's Office*.

²¹*Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak for the year 1874*, hlm. 11.

Lihat juga, Gullick, J.M., Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, hlm. 56.

²²Pegawai-pegawai British yang mengetuai jabatan-jabatan kerajaan di Larut ialah E.M. Marples sebagai hakim dan bendahari, W.G.A. Geddis sebagai Merinyu Galian, W.Revening sebagai Merinyu Jalan Raya, Maille sebagai Pegawai Perubatan dan Perhutanan serta A.J. Peterson sebagai Shahbandar dan Kastam.

²³Gullick, J.M., Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, hlm. 54.

²⁴Burn, P.L. & Cowan, C.D., *Sir Frank Swettenham's Malayan Journals 1874-1875*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1976, hlm. 63 dan Gullick, J.M., Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, hlm. 54.

²⁵Menurut Anuar Isa, tapak rumah kediaman Menteri Ngah Ibrahim di Kota ini terletak di tapak Hotel Legend Inn. Rumah kediaman ini diwarisi oleh Ngah Ibrahim daripada bapanya, Long Jaafar.

²⁶Gullick, J.M., Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, hlm. 65.

²⁷Bird, Isabella, *The Golden Chersonese and the Way Thither*, London, 1883, hlm. 264.

²⁸Lim Heng Kow, *The Evolution of The Urban System in Malaya*, hlm. 51.

²⁹*Taiping Life & Soul, A Town Planning Perspective*, Jabatan Perancang Bandar & Desa Malaysia, 2005, hlm. 55.





³⁰ *Report on the Revenue and Expenditure of the State of Perak, for the year 1881*, hlm. 8.

³¹ Swettenham, *About Perak*, hlm. 37.

³² Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu kota Perak*, hlm. 6.

³³ Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 98. Lihat juga, *Taiping Life & Soul, A Town Planning Perspective*, hlm. 97 dan Abdur Razaq Lubis, Malcom Wade & Khoo Salma Nasution, *Perak Postcard 1890s-1940s*, Penang, Areca Book, 2010, hlm. 33.

³⁴ Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu kota Perak*, hlm. 10.

³⁵ Harrison, C.W., *An Illustrated Guide To The Federated Malay States*, 1911, hlm. 43 & 44.

³⁶ *Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak for the year 1874*, hlm. 3. Lihat juga, Ernest Chew, *Sir Frank Swettenham's Malayan Career up to 1896*, Singapore : University of Singapore, 1966, hlm 53 dan Gullick, J.M., *Captain Speedy of Larut, JMBRAS*, hlm. 54.

³⁷ Bird, Isabella, *The Golden Chersonese and the Way Thither*, London, 1883, Letter XIX.

³⁸ Sehingga hari ini, pembangunan baharu di Taiping telah merebak dan berpusat di Kamunting dengan kewujudan kawasan-kawasan perumahan dan perindustrian.

³⁹ Lim Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, hlm. 54.

⁴⁰ Ngah Ibrahim popularkan Matang, *Sinar Harian*, 18 Oktober 2014. Menurut Ketua Kampung Matang iaitu Mohd Khairudin Abdul Halim, nama Matang diambil daripada perkataan permatang yang bermaksud benteng panjang dan curam permukaannya yang dibina ombak kuat ketika air pasang di sepanjang pinggir pantai.

⁴¹ Lim Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, hlm. 55.

⁴² Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 99.

⁴³ Lim Heng Kow, *The Evolution of The Urban System in Malaya*, hlm. 56.

⁴⁴ *Perak Government Gazette 1900*, No. 573.

⁴⁵ *Perak Government Gazette 1891*, hlm. 722.

⁴⁶ Lim Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, hlm. 56.

⁴⁷ Temubual dengan En. Anuar Isa di First Galleria, Taiping, 17 Jun 2014.

⁴⁸ *Ibid.*,

⁴⁹ Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 90.

⁵⁰ Temubual dengan En. Anuar Isa di First Galleria, Taiping, 17 Jun 2014.

⁵¹ Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 90.

⁵² Abdur-Razaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak : 1875-1911*, hlm. 124.

⁵³ *Ibid.*,

⁵⁴ *Ibid.*,

⁵⁵ Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak : 1875-1911*, hlm. 35.

⁵⁶ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm 156.

⁵⁷ *Ibid.*,

⁵⁸ *Ibid.*, hlm. 8,9 & 156.

⁵⁹ Burn, P.L., *The Journal of J.W.W.Birch, The First British Resident To Perak 1874-1875*, hlm. 264.

⁶⁰ *Ibid.*,

⁶¹ McNair, *Perak & The Malays*, hlm. 394 & 395. Lihat juga Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm 11 & 156.

⁶² Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 152.

⁶³ *Ibid.*,

⁶⁴ *Annual Report of Perak 1882*, hlm. 7 & 8. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 38.

⁶⁵ *Annual Report of Perak 1887*, hlm. 22. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 152.

⁶⁶ *Gopeng Pekan Warisan Perlombongan Bijih Timah*, Ipoh, JPBD, 2014, hlm. 18.

⁶⁷ *Ibid.*, hlm. 20.

⁶⁸ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 8.

⁶⁹ Perang Perak 1875-1876 merupakan pertempuran yang berlaku antara orang Melayu Perak dan tentera British selepas peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch.





⁷⁰Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm.129. Lihat juga, Burn, P.L. & Cowan, C.D., *Sir Frank Swettenham's Malayan Journals 1874-1875*, hlm. 332.

⁷¹*Ibid.*,Lihat juga, Leech, About Kinta, *JSBRAS*, hlm. 28.

⁷²*Ibid*, hlm. 132. Lihat juga, *Gopeng Pekan Warisan Perlombongan Bijih Timah*, hlm 38.

⁷³*Ibid*, hlm. 129.

⁷⁴*Ibid.*,

⁷⁵*Perak Government Gazette 1894*, hlm. 89.

⁷⁶*Annual Report Perak 1886*, hlm. 28.

⁷⁷*Perak Government Gazette 1892*, hlm. 677.

⁷⁸*Gopeng Pekan Warisan Perlombongan Bijih Timah*, hlm. 32 & 33.

⁷⁹Orang Asli Sakai merupakan panggilan yang diberikan oleh orang-orang Melayu kepada orang-orang Senoi pada masa dahulu. Bagi orang Eropah, mereka melabelkan golongan ini sebagai 'aboriginal people' atau 'wild tribes'.

⁸⁰Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 138 & 139.

⁸¹*Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta*, Ipoh, JPBD, 2014 hlm. 19.

⁸²Abdur-Razzaq & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak 1875-1911*, hlm. 26 & 27. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 162.

⁸³*Ibid.*, hlm.237.

⁸⁴*Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta*, hlm. 19. Lihat juga, Abdur-Razzaq & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak 1875-1911*, hlm. 26.

⁸⁵Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 162.

⁸⁶Sultan Ismail, Sultan Perak ke-25 merupakan putera kepada Raja Sayid Hitam dan Raja Mandak. Baginda telah dilahirkan dan dibesarkan di Jerneh yang terletak di tebing kanan mudik Sungai Kinta berdekatan Sungai Terap, Batu Gajah. Berdasarkan Salasilah Raja-raja Yang Di Dalam Negeri Perak, ayahanda baginda iaitu Raja Sayid Hitam atau dikenali juga sebagai Syeikh al-Khairat atau Raja Sheikul Amin adalah seorang anak raja dari Siak manakala bonda baginda pula iaitu Raja Mandak merupakan puteri kepada Sultan Ahmaddin Shah, Sultan Perak ke-18 (1786-1806).Menurut salasilah tersebut juga, Sultan Ismail telah berkahwin dengan Raja Fatimah, puteri kepada Raja Kecil Besar Daud. Hasil perkahwinan tersebut, baginda dikurniakan seorang puteri yang bernama Raja Long Khadijah dan seorang putera yang bernama Raja Lop Ahmad. Sultan Ismail juga pernah dijadikan sebagai anak angkat kepada Sultan Shahabuddin Riayat Shah (1831-1851). Selepas Perang Perak 1875, baginda dihukum buang negeri ke dan menetap di Skudai sehingga mangkat pada 4 September 1889. Jenazah baginda telah dimakam di Perkuburan Mahmodiah, Johor Bharu dengan gelaran 'Marhum Mangkat di Skudai'".

⁸⁷Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 162. Lihat juga, *Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta*, hlm. 21.

⁸⁸Raja Asal merupakan pemimpin masyarakat Mandailing yang terkemuka pada tahun 1840-1879. Selepas Perang Padri, beliau bersama pengikutnya merantau ke Selangor. Ketika berada di Selangor, Raja Asal turut melibatkan diri dalam Perang Klang dengan menyokong Raja Mahadi. Ekoran kekalahan Raja Mahadi dalam peperangan tersebut, Raja Asal dan pengikut-pengikutnya berhijrah ke selatan negeri Perak pada tahun 1874.

⁸⁹Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak 1875-1911*, hlm. 26, 27 & 29. Lihat juga, Leech, About Kinta, *JSBRAS*, 1879, hlm. 24 & Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 162.

⁹⁰*Ibid.*, hlm. 29.

⁹¹*Ibid.*, hlm. 32 & 37.

⁹²De la Croix, Some Account of The Mining District of Lower Perak, *JSBRAS*, hlm. 4. Lihat juga, Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak 1875-1911*, hlm. 46 dan Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 162.

⁹³Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak 1875-1911*, hlm. 47.

⁹⁴*Ibid.*, hlm. 46.

⁹⁵CO273, 91/13286, 29E77 290 Proposed Presentation of Swords to Native States. 158/6802/76 GOV16233/81. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 162.

⁹⁶*Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta*, hlm. 30.





⁹⁷Perak Government Gazette 1889, hlm. 333. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 163 dan *Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta*, hlm. 79.

⁹⁸Perak Government Gazette 1893, hlm. 153.

⁹⁹Perak Government Gazette 1895, hlm. 877.

¹⁰⁰Perak Government Gazette 1897, hlm. 345. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 164.

¹⁰¹Perak Government Gazette 1898, hlm. 312. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 164 & *Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta*, hlm. 46.

¹⁰²Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 165. Lihat juga, *Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta*, hlm. 76.

¹⁰³*Ibid.*, Lihat juga, *Fifty Years of Railways*, 1935, hlm. 45 dan *Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta*, hlm. 71.

¹⁰⁴*Ibid.*,

¹⁰⁵*Ibid.*,

¹⁰⁶Perak Administration Report 1926, hlm. 15 & Perak Administration Report 1927, hlm. 18. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 165 dan *Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta*, hlm. 84.

¹⁰⁷*Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta*, hlm. 84.

¹⁰⁸Terdapat beberapa versi cerita mengenai asal usul nama Batu Gajah yang telah dikenalpasti. Menurut versi yang sering diceritakan oleh penduduk ialah nama Batu Gajah wujud ekoran dua ekor gajah yang melintas sungai yang menjadi batu setelah disumpah oleh Sang Kelembai (Sang Gedembai). Selain itu, terdapat versi yang hampir sama berhubungkait dengan lagenda Sang Kelembai ini iaitu tiga ekor gajah yang bersedih akibat kematian anak gajah yang jatuh daripada pokok telah bertukar batu apabila ditegur oleh Sang Kelembai itu. Asal usul nama Batu Gajah juga pernah direkodkan oleh Pegawai Daerah Kinta, H.A. Luckam pada tahun 1949. Beliau telah merekodkan asal usul bandar ini berdasarkan cerita lagenda oleh Pemangku Penghulu Sungai Terap. Nama Batu Gajah dikatakan muncul setelah ramai pedagang Buddha dari Sumatera datang ke sini lalu mengukir dua buah batu besar di sungai seperti gajah sebagai perbala mereka lantas menamakan tempat ini sebagai Batu Gajah. Mereka juga menjadikan batu tersebut sebagai penanda kepada jalan perdagangan. versi-versi cerita asal usul Batu Gajah ini turut dibuktikan dengan penemuan dua buah batu besar yang berbentuk seperti gajah di Sungai Kinta berhampiran Kampung Pisang, Batu Gajah. Menurut sejarawan tempatan, Mohd. Zain bin Zon pula, nama Batu Gajah telah diperkenalkan oleh orang Batak, Kerinchi, Selayang, Bugis, Kampar, Batu Bara dan Mandailing. Untuk mengetahui lanjut, sila rujuk Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 113, *Tokoh-tokoh Batu Gajah*, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, hlm. 4 dan *Batu Gajah Heritage Driving Trail*, Ipoh, Perak Tourism, 2011.

¹⁰⁹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 112. Lihat juga, Burn, P.L., *The Journal of J.W.W.Birch, The First British Resident To Perak 1874-1875*, hlm. 263 & *Perayaan Sambutan 100 Tahun Bandar Batu Gajah*, 1992, hlm. 9.

¹¹⁰Burn, P.L., *The Journal of J.W.W.Birch, The First British Resident To Perak 1874-1875.*, hlm. 263. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 112.

¹¹¹*Report of Revenue Perak 1881*, hlm. 11.

¹¹²Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 112. Lihat juga, *Batu Gajah Heritage Driving Trail*, Perak Tourism, 2013.

¹¹³*Annual Report Perak 1884*, hlm. 6.

¹¹⁴Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 38.

¹¹⁵Perak Government Gazette 1892, hlm. 675. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 114 dan *Batu Gajah Heritage Driving Trail*.

¹¹⁶Perak Government Gazette 1892, hlm. 678.

¹¹⁷Perak Government Gazette 1894, hlm. 89 & 575.

¹¹⁸Perak Government Gazette 1898, hlm. 240.

¹¹⁹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 115.

¹²⁰Perak Government Gazette 1894, hlm.66 & 67. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 115.





¹²¹ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 116.

¹²² *Ibid.*, hlm. 156.

¹²³ *Perak Government Gazette 1894*, hlm. 653.

¹²⁴ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 157.

¹²⁵ *Perak Government Gazette 1889*, hlm. 333.

¹²⁶ *Perak Government Gazette 1892*, hlm. 678.

¹²⁷ *Perak Government Gazette 1892*, hlm. 521, *Perak Government Gazette 1893*, hlm. 54 dan *Perak Government Gazette 1901*, hlm. 812.

¹²⁸ *Perak Government Gazette 1895*, hlm. 560.

¹²⁹ Panzer, N.M., *Tin Resource of The British Empire*, London, William Rider & Son Limited, 1921, hlm. 85 & 86.

¹³⁰ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 172.

¹³¹ Temubual dengan En. Hasnan Bin Saidi, Ketua Kampung Kepayang, 19 Jun 2013. Sebelum menjadi Ketua Kampung, En. Hasnan pernah berniaga kedai kopi di lot rumah kedai bernombor 38, Kampung Kepayang pada tahun 1950 & 1960-an.

¹³² *Ibid.*,

¹³³ *Perak Government Gazette 1897*, hlm. 315.

¹³⁴ Burn, P.L., *The Journal of J.W.W. Birch, First British Resident to Perak 1874-1875*, hlm. 269.

¹³⁵ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 172.

¹³⁶ *Ibid.*, hlm. 173.

¹³⁷ Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 20.

¹³⁸ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 172.

¹³⁹ *Perak Government Gazette 1892*, hlm. 679.

¹⁴⁰ *Perak Government Gazette 1898*, hlm. 709.

¹⁴¹ Temubual dengan En. Hasnan Bin Saidi, Ketua Kampung Kepayang, 19 Jun 2014.

¹⁴² Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 168.

¹⁴³ Tasik tersebut masih terdapat sehingga hari ini di Pusing iaitu lokasinya berdekatan simpang empat Pusing-Batu Gajah-Lumut-Ipoh. Sila rujuk, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 168.

¹⁴⁴ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 168 & 66.

¹⁴⁵ *Perak Government Gazette 1890*, hlm. 837.

¹⁴⁶ *Perak Government Gazette 1898*, hlm. 313.

¹⁴⁷ *Perak Government Gazette 1895*, hlm. 877.

¹⁴⁸ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 168.

¹⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 170.

¹⁵⁰ *Ibid.*, hlm. 169.

¹⁵¹ *Perak Government Gazette 1892*, hlm. 677.

¹⁵² *Perak Government Gazette 1895*, hlm. 877.

¹⁵³ *Ibid.*,

¹⁵⁴ Menurut Panzer, perlombongan bijih timah di Siak turut dijalankan oleh SEK pada tahun 1905.

¹⁵⁵ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 159.

¹⁵⁶ *Ibid.*,

¹⁵⁷ *Ibid.*,

¹⁵⁸ *Ibid.*,

¹⁵⁹ *Perak Government Gazette 1892*, hlm. 122.

¹⁶⁰ *Perak Government Gazette 1893*, hlm. 156.

¹⁶¹ *Ibid.*, hlm. 54, 615 ; *Perak Government Gazette 1897*, hlm. 217 & *Perak Government Gazette 1899*, hlm. 812 & 937.

¹⁶² *Perak Government Gazette 1893*, hlm. 64.





¹⁶³Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 127.

¹⁶⁴Lalang Johot bermaksud kawasan perburuan dalam bahasa Mandailing.

¹⁶⁵*Perak Government Gazette 1892*, hlm. 153 & 676.

¹⁶⁶Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak 1875-1911*, hlm. 128.

¹⁶⁷*Perak Government Gazette 1893*, hlm. 625.

¹⁶⁸*Perak Government Gazette 1895*, hlm. 903.

¹⁶⁹*Fifty Years of Railway*, hlm. 53.

¹⁷⁰*Perak Government Gazette 1897*, hlm. 217 & *Perak Government Gazette 1898*, hlm. 265.

¹⁷¹*Perak Government Gazette 1901*, hlm. 167. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 127.

¹⁷²Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 127.

¹⁷³*Ibid.*, hlm. 128.

¹⁷⁴*Perak Government Gazette 1893*, hlm. 152.

¹⁷⁵Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 179.

¹⁷⁶*Perak Government Gazette 1893*, hlm. 152.

¹⁷⁷*Perak Government Gazette 1895*, hlm. 878.

¹⁷⁸*Perak Government Gazette 1897*, hlm. 338, 339 & 345.

¹⁷⁹*Perak Government Gazette 1895*, hlm. 878.

¹⁸⁰*Perak Government Gazette 1894*, hlm. 359.

¹⁸¹*Perak Government Gazette 1897*, hlm. 343 & *Perak Government Gazette 1900*, hlm. 167.

¹⁸²Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 180.

¹⁸³*Ibid.*,

¹⁸⁴*Ibid.*,

¹⁸⁵*Ibid.*, hlm. 176.

¹⁸⁶Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak 1875-1911*, hlm. 210.

¹⁸⁷Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 179.

¹⁸⁸*Perak Government Gazette 1993*, hlm. 152.

¹⁸⁹Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 37.

¹⁹⁰Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 177.

¹⁹¹*Perak Government Gazette 1897*, hlm. 714.

¹⁹²*Perak Government Gazette 1893*, hlm. 152.

¹⁹³*Ibid.*, hlm. 212.

¹⁹⁴*Ibid.*, hlm. 212.

¹⁹⁵*Ibid.*, hlm. 301.

¹⁹⁶*Ibid.*, hlm. 212.

¹⁹⁷*Perak Government Gazette 1901*, hlm. 7.

¹⁹⁸*Ibid.*, hlm. 772.

¹⁹⁹*Perak Government Gazette 1892*, hlm. 1143.

²⁰⁰Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 184.

²⁰¹Victor T.King & Mohamed Halib, Perak and Kinta Valley, *Heritage Asia*, 7 March 2008, hlm. 51 & 52 dan Syed Zainol Abidin, *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar*, Kuala Lumpur, Badan Warisan Malaysia, 1996, hlm. 170.

²⁰²Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 184.

²⁰³*Perak Government Gazette 1892*, hlm. 617.

²⁰⁴*Perak Government Gazette 1892*, hlm. 1091 & *Perak Government Gazette 1893*, hlm. 829.

²⁰⁵Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 184.

²⁰⁶*Perak Government Gazette 1897*, hlm. 188.

²⁰⁷*Perak Government Gazette 1898*, hlm. 265.





²⁰⁸Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 184.

²⁰⁹*Ibid.*, hlm. 185.

²¹⁰*Ibid.*, hlm. 184. Lihat juga, Panzer, N.M., *Tin Resource Of The British Empire*, hlm. 90.

²¹¹Burn, P.L., *The Journal of J.W.W. Birch First British Resident To Perak 1874-1875*, hlm. 272.

²¹²Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 182.

²¹³*Ibid.*, hlm. 182.

²¹⁴*Perak Government Gazette 1895*, hlm 205 & 320.

²¹⁵*Perak Government Gazette 1895*, hlm. 560.

²¹⁶*Perak Government Gazette 1900*, hlm. 570.

²¹⁷Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 182.

²¹⁸*Ibid.*,

²¹⁹*Ibid.*, hlm. 182 & 183.

²²⁰*Ibid.*, hlm. 183.

²²¹Dipetik daripada Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 183.

²²²Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 153. Lihat juga, *Ipoh Echo*, 1-15 Februari 2013, hlm. 2.

²²³*Ibid.*, hlm. 152.

²²⁴*Ipoh Echo*, 1-15 February 2013, hlm. 2.

²²⁵Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 153.

²²⁶*Ipoh Echo*, 1-15 February 2013, hlm. 2.

²²⁷Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 145.

²²⁸Shahrudin B. Mat Asik, *Pembukaan Kampar (Perak) dan Perkembangan Sosial & Ekonomi Hingga Perang Dunia Kedua*, hlm. 11, 12,13 & 14.

²²⁹*Ibid.*, hlm. 5.

²³⁰*Ibid.*, hlm 6-9.

²³¹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 141.

²³²Shahrudin B. Mat Asik, *Pembukaan Kampar (Perak) dan Perkembangan Sosial & Ekonomi Hingga Perang Dunia Kedua*, hlm. 4. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 147 dan Chye Kooi Loong, *The British Battalion in the Malayan Campaign 1941-1942*, Kuala Lumpur, Jabatan Muzium & Antikuiti Malaysia, 2002, hlm. 90

²³³Syed Zainol Abidin, *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar*, hlm. 142.

²³⁴Shahrudin B. Mat Asik, *Pembukaan Kampar (Perak) dan Perkembangan Sosial & Ekonomi Hingga Perang Dunia Kedua*, hlm. 16.

²³⁵*Ibid.*, hlm. 17.

²³⁶Menurut Khoo Salma Nasution, lokasi tapak kampung Batu Tonggang pada hari ini ialah di tapak Sekolah Menengah Kampar.

²³⁷Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 142. Lihat juga, Chye Kooi Loong, *The British Battalion in the Malayan Campaign 1941-42*, hlm. 91.

²³⁸Chye Kooi Loong, *The British Battalion in the Malayan Campaign 1941-42* hlm. 91.

²³⁹Lim Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, hlm. 59.

²⁴⁰Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 142. Lihat juga, Chye Kooi Loong, *The British Battalion in the Malayan Campaign 1941-42*, hlm 91.

²⁴¹*Perak Government Gazette 1894*, hlm. 39.

²⁴²*Perak Government Gazette 1891*, hlm. 1048.

²⁴³Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 143 & 46.

²⁴⁴*Perak Government Gazette 1892*, hlm. 680.

²⁴⁵Lim Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, hlm. 60.

²⁴⁶*Perak Government Gazette 1893*, hlm. 483.

²⁴⁷*Perak Government Gazette 1894*, hlm. 155 & 156.

²⁴⁸*Perak Government Gazette 1894*, hlm. 354.





²⁴⁹Shahrudin B. Mat Asik, *Pembukaan Kampar (Perak) dan Perkembangan Sosial & Ekonomi Hingga Perang Dunia Kedua*, hlm. 26.

²⁵⁰Lim Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, hlm. 60.

²⁵¹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 146.

²⁵²*Ibid.*, Adat tradisi ini dipercayai berlaku ekoran peristiwa Keramat Kampar yang mana Sultan Perak menjatuhkan hukuman mati kepada Panglima Kampar kerana enggan mengahwinkan anak perempuannya kepada baginda.

²⁵³Shahrudin B. Mat Asik, *Pembukaan Kampar (Perak) dan Perkembangan Sosial & Ekonomi Hingga Perang Dunia Kedua*, hlm. 29.

²⁵⁴*Ibid.*, hlm. 30.

²⁵⁵Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 145.

²⁵⁶*Ibid.*, hlm. 149. Lihat juga, Shahrudin B. Mat Asik, *Pembukaan Kampar (Perak) dan Perkembangan Sosial & Ekonomi Hingga Perang Dunia Kedua*, hlm. 28.

²⁵⁷*Perak Government Gazette 1901*, hlm. 71. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 149.

²⁵⁸Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Ipoh Perak, The City That Tin Built*, Ipoh, Perak State Government, 1999.

²⁵⁹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 193. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Ipoh Perak, The City That Tin Built*, 1962, hlm. 21.

²⁶⁰*Ibid.*, hlm. 188. Lihat juga, Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 7 & 8.

²⁶¹*Ibid.*,

²⁶²Menurut legenda, Kulup Kinta merupakan seorang nakhoda yang bersama pengikutnya dari Sumatera merantau ke Lembah Kinta. Apabila beliau memudiki Sungai Kinta, bahteranya tersangkut di kaki Gunung Cheroh. Di sini, dikatakan nakhoda itu dipilih oleh jin Gunung Cheroh itu untuk memerintah Kinta dan diberikan gelaran 'Kulup Kinta'. Beliau seterusnya berkahwin dengan wanita Orang Asli dan memulakan keluarga Dato Panglima Kinta.

²⁶³Abdul Talid Hj. Ahmad, *Riwayat Kinta*, Kuala Lumpur, Pustaka Rusna, 1959, hlm. 2,3 & 4. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Ipoh Perak, The City That Tin Built* dan Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 7.

²⁶⁴Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 188.

²⁶⁵*Ibid.*,

²⁶⁶Pokok Ipoh atau nama saintifiknya iaitu *Antiaris toxicaria* merupakan pokok getah hutan yang tumbuh banyak di Ipoh pada suatu ketika dahulu. Pokok ini boleh tumbuh setinggi kira-kira 100 kaki. Bagi masyarakat orang Asli, mereka menggunakan getah pokok Ipoh ini untuk dijadikan racun sumpit bagi aktiviti berburu. Racun pokok ini turut pernah digunakan oleh tentera Melaka semasa menentang serangan Portugis pada tahun 1511. Pada hari ini, pokok Ipoh masih boleh dijumpaikan di Bandar raya Ipoh iaitu di Dataran Warisan Ipoh (depan Stesen Kereta Api Ipoh) dan Taman Dr. Seenivasagam.

²⁶⁷S. Durai Raja Singam, *Malayan Place Names*, Kuala Lumpur : Liang Khoo Printing Company, 1962, hlm. 109, 110 & 111.

²⁶⁸Aminuddin bin Baki, *The Andersonian*, Vol. IV, hlm. 39. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 188.

²⁶⁹Temubual dengan En. Mohammad Taib di Ipoh pada 23 Mei 2014. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 188 & Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 8.

²⁷⁰Masjid tersebut dipindahkan menerusi Sungai Kinta dan dibina semula di Bandar, Hilir Perak pada tahun 1902.

²⁷¹Burn, P.L., *The Journal of J.W.W. Birch First British Resident to Perak 1874-1875*, hlm. 265.

²⁷²McNair, *Perak & The Malays*. Lihat juga, *The Story of Ipoh, From feet to flight*, Muzium Darul Ridzuan, Ipoh, 2006.

²⁷³*Report of the Revenue, 1879*, hlm. 6.

²⁷⁴Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 188 & 190.

²⁷⁵Abdur-Razzaq Lubis, Malcom Wade & Khoo Salma Nasution, *Perak Postcards 1890s-1940s*, hlm. 179.

²⁷⁶Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 188. Lihat juga, *The Story of Ipoh, From feet to flight*.





- ²⁷⁷ *Ibid.*, hlm. 190. Lihat juga, *The Story of Ipoh, From feet to flight*.
- ²⁷⁸ Annual Report Perak 1886, hlm. 28.
- ²⁷⁹ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 190.
- ²⁸⁰ *Perak Government Gazette* 1889, hlm. 333.
- ²⁸¹ *Perak Government Gazette* 1892, hlm. 676.
- ²⁸² Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 190 & Ho Tak Ming, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 15
- ²⁸³ *Ibid.*, hlm. 191. Lihat juga, Ipoh, *The Town That Tin Built*, 1962, hlm. 8.
- ²⁸⁴ *Perak Government Gazette* 1893, hlm. 152.
- ²⁸⁵ *Perak Government Gazette* 1894, hlm. 155 & 156.
- ²⁸⁶ *Perak Government Gazette* 1893, hlm. 156. Lihat juga, Lim Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*, hlm. 62.
- ²⁸⁷ Swettenham, F.A., *About Perak*, 1893, hlm. 40.
- ²⁸⁸ *Perak Government Gazette* 1894, hlm. 3.
- ²⁸⁹ *Ibid.*, hlm. 635.
- ²⁹⁰ *Perak Government Gazette* 1893, hlm. 152.
- ²⁹¹ Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 42.
- ²⁹² Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 193.
- ²⁹³ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Ipoh Perak The City That Tin Built*.
- ²⁹⁴ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 204.
- ²⁹⁵ *Ibid.*,
- ²⁹⁶ *Ibid.*, hlm. 199 & 130.
- ²⁹⁷ *Ibid.*, hlm. 199.
- ²⁹⁸ Mohd Zamberi Abdul Malek, Taiping Ibu Kota Perak Sebelum Ipoh, *Sejarah Pembukaan Bandar Raya Ipoh*, Tanjung Malim, Penerbit Mentari, 2016, hlm. 1.
- ²⁹⁹ Perbincangan dalam tajuk ini menghuraikan perkembangan bandar dan pekan bijih timah di Batang Padang yang juga meliputi daerah baharu, Muallim (Tanjung Malim) pada hari ini.
- ³⁰⁰ A Kamarudin Ariffin, *Sejarah Tapah*, Tapah, SK II Jalan Pahang, 1976, hlm. 1.
- ³⁰¹ Zabidin Hj. Ismail, *Biografi Tokoh Rao, Sumbangan & Jasa Terhadap Pembangunan Malaysia*, Ipoh, Persatuan Karyawan Perak, 2013, hlm. 165.
- ³⁰² *Ibid.*, hlm. 166.
- ³⁰³ Toh Tan Dewa Sakti merupakan salah satu gelaran Orang Besar 32 Perak.
- ³⁰⁴ A Kamarudin Ariffin, *Sejarah Tapah*, hlm. 6.
- ³⁰⁵ Zabidin Hj. Ismail, *Biografi Tokoh Rao*, hlm. 167 dan A Kamarudin Ariffin, *Sejarah Tapah*, hlm. 2.
- ³⁰⁶ *Ibid.*, hlm. 166 & 167.
- ³⁰⁷ S. Durai Raja Singam, *Port Weld to Kuantan*, hlm. 256.
- ³⁰⁸ A Kamarudin Ariffin, *Sejarah Tapah*, hlm. 7.
- ³⁰⁹ No. 83, Report of H.B.Mr's Resident at Perak to Colonial Secretary's Office, Singapore, *Straits Settlements Government Gazette* 1875.
- ³¹⁰ A Kamarudin Ariffin, *Sejarah Tapah*, hlm. 15.
- ³¹¹ *Ibid.*, Lihat juga, Nathan, R.S., Development of District Administration on Batang Padang, *Malaysia In History Vol. 13*, Kuala Lumpur, The Malaysian Historical Society, March 1970, hlm. 20.
- ³¹² Annual Report of Perak 1886, hlm. 3. Lihat juga, *Strait Settlements Government Gazette* 1886, Government Notification No. 336.
- ³¹³ *Perak Government Gazette* 1892, hlm. 681.
- ³¹⁴ Annual Report of Perak 1886, hlm. 5.
- ³¹⁵ *Perak Government Gazette* 1892, hlm. 680.
- ³¹⁶ Nathan, R.S., Development of District Administration on Batang Padang, hlm. 23.
- ³¹⁷ *Perak Government Gazette* 1892, hlm. 681.
- ³¹⁸ *Ibid.*, hlm. 593. Lihat juga, Nathan, R.S., Development of District Administration on Batang Padang, hlm. 23 & A Kamarudin Ariffin, *Sejarah Tapah*, hlm. 15.
- ³¹⁹ *Ibid.*,
- ³²⁰ Abdur-Razzaq Lubis, Malcom Wade & Khoo Salma Nasution, *Perak Postcards 1890s-1940s*, hlm. 252.
- ³²¹ Nathan, R.S., Development of District Administration on Batang Padang, hlm. 23 & 24.
- ³²² No. 83, Report of H. B. Mr's Resident at Perak to Colonial Secretary's Office, *Straits Settlements Government Gazette* 1875. Lihat juga, S. Durai Raja Singam, *Port Weld to Kuantan*, hlm. 92.





³²³*Ibid.*,

³²⁴Nathan, R.S., *Development of District Administration on Batang Padang*, hlm. 24.

³²⁵*Ibid.*, hlm 25.

³²⁶*Perak Government Gazette 1892*, hlm. 681.

³²⁷*Annual Report 1886*, hlm. 28.

³²⁸*Ibid.*,

³²⁹Nama Temoh dikatakan berasal daripada dua sungai yang bertemu di kawasan ini dan dinamakan sebagai Sungai Temu. Selain itu, terdapat versi yang menyatakan bahawa nama Temoh itu lahir daripada sebutan orang Inggeris terhadap perkataan 'temu'. Temoh juga dikenali sebagai Timoh oleh orang Melayu setempat.

³³⁰Nathan, R.S., *Development of District Administration on Batang Padang*, hlm. 25.

³³¹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 149.

³³²Menurut S. Durai Raja Singam dalam bukunya iaitu *Port Weld to Kuantan* pada halaman 252, nama Tanjung Malim diperolehi daripada seorang lelaki alim yang berusia 103 tahun tinggal di tebing sungai yang asalnya dikenali sebagai Sungai Genta. Lihat juga, *Sejarah Tanjung Malim, Berita Harian*, 16 September 2012.

³³³Lokasi awal Kampung Jambu ini ialah berada di pekan Hulu Bernam iaitu antara jambatan kereta api dengan Bangunan Daud.

³³⁴Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim*, Kuala Pilah, Abdul Ghani Abdullah, 1993, hlm. 36.

³³⁵Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim*, hlm. 4.

³³⁶*Ibid.*, hlm. 36.

³³⁷*Ibid.*, Lihat juga, *Sejarah Tanjung Malim, Berita Harian*, 16 September 2012.

³³⁸Zabidin Hj. Ismail, *Biografi Tokoh Rao*, hlm. 123.

³³⁹Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim*, hlm. 6. Lihat juga, Zabidin Hj. Ismail, *Biografi Tokoh Rao*, hlm. 123 & 124 dan *Aspirasi Kebitaraan*, Tanjung Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003, hlm. 48.

³⁴⁰Panzer, *Tin Resources of the British Empire*, hlm. 94 & 95.

³⁴¹Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim*, hlm. 63 & 64. Lihat juga, Zabidin Hj. Ismail, *Biografi Tokoh Rao*, hlm. 125.

³⁴²*Aspirasi Kebitaraan*, hlm. 49.

³⁴³Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim*, hlm. 64.

³⁴⁴Nathan, R.S., *Development of District Administration on Batang Padang*, hlm. 24.

³⁴⁵*Ibid.*, hlm. 25 & 28.

³⁴⁶*Annual Report of Perak 1886*, hlm. 5.

³⁴⁷Nathan, R.S., *Development of District Administration on Batang Padang*, hlm. 24.

³⁴⁸*Ibid.*, hlm. 20.

³⁴⁹Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim*, hlm. 73.

³⁵⁰*Ibid.*,

³⁵¹Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim*, hlm. 74. Lihat juga, *Aspirasi Kebitaraan*, hlm. 49.

³⁵²Nathan, R.S., *Development of District Administration on Batang Padang*, hlm. 22.





BAB 4

FAKTOR-FAKTOR PERKEMBANGAN BANDAR DAN PEKAN KECIL PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI PERAK

Kemunculan bandar-bandar dan pekan perlombongan bijih timah baharu seperti



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Taiping, Ipoh, Batu Gajah, Tapah dan Tanjung Malim mengubah kehidupan masyarakat di negeri Perak dari segi sosio politik yang kini mulai tertumpu di kawasan tersebut.

Penduduk kian bertambah dan diikuti dengan kemasukan secara besar-besaran buruh asing merencanakan perkembangan ini. Bangunan-bangunan batu dibina bagi menggantikan pondok-pondok kayu dan segala kemudahan asas turut dilengkapkan di bandar-bandar baharu ini. Perkembangan ini membolehkan bandar-bandar baharu tersebut berfungsi sebagai pusat ekonomi, pentadbiran dan perniagaan.

Oleh itu perbincangan dalam bab ini akan melihat serta memperjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah yang berlaku di negeri Perak ini. Beberapa faktor dikenalpasti iaitu pengaruh perkembangan perlombongan bijih timah, kemunculan pentadbiran British, pengaruh Revolusi Perindustrian, peranan pegawai-pegawai British, sumbangan pembesar Melayu,





peranan golongan pelombong Cina, kesan perkembangan sistem perhubungan dan kesan pertanian komersil.

4.1 Pengaruh Perkembangan Industri Perlombongan Bijih Timah

Penemuan bijih timah di negeri Perak menjadi faktor utama dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri tersebut.¹ Aktiviti perlombongan bijih timah yang mula diusahakan seawal tahun 1616 berkembang pesat menjelang akhir abad ke-19. Secara tidak langsung, perkembangan perlombongan bijih timah tersebut memberi pengaruh besar dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak. Kedua-dua perkembangan ini berlaku secara selari. Maka tidak hairanlah kegiatan ekonomi ini menjadi nadi utama kehidupan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah yang terdapat di negeri Perak ini.

Bermula dengan penemuan bijih timah secara besar-besaran di Larut pada tahun 1840-an, industri perlombongan bijih timah di negeri Perak berkembang dengan rancaknya. Pemimpin setempat seperti Long Jaafar dan Menteri Larut Ngah Ibrahim membuka lombong-lombong bijih timah. Perkembangan ini memberi peluang pendapatan dan pekerjaan yang besar. Lantaran itu, ramai buruh Cina dari Pulau Pinang mulai masuk ke Larut. Kebanjiran buruh Cina ini menyebabkan kawasan petempatan yang terdapat di Larut turut berkembang dari sebuah perkampungan para pelombong kepada sebuah bandar perlombongan bijih timah.





Situasi yang sama turut berlaku di Lembah Kinta apabila penemuan kawasan perlombongan bijih timah yang baharu pada akhir abad ke-19. Tambahan pula, pengeluaran hasil bijih timah di Larut yang semakin berkurang juga mendorong buruh-buruh Cina mencari peluang pekerjaan dan pendapatan baharu. Situasi ini mencetuskan migrasi penduduk yang besar dari Larut ke Lembah Kinta yang sekaligus merencanakan perkembangan bandar dan pekan kecil di daerah baharu tersebut.

Pengaruh aktiviti perlombongan bijih timah terhadap perkembangan bandar dan pekan bijih timah di Perak boleh diperhatikan dengan jelas menerusi kadar pengeluaran bijih timah dari tahun 1876 hingga 1899. Umpamanya, kadar pengeluaran bijih timah di Larut pada tahun 1876 adalah sebanyak 30,576 pikul manakala di Kinta pula adalah 7,348 pikul. Pada ketika itu, perkembangan bandar bijih timah di Larut terutamanya Taiping berlaku dengan pesat. Namun, ia beralih ke bandar dan pekan di Lembah Kinta pada tahun 1899 apabila pengeluaran bijih timah di daerah itu iaitu sebanyak 255,896 pikul melebihi kadar pengeluaran bijih timah di Larut sebanyak 44,281 pikul.² Berdasarkan kadar pengeluaran bijih timah di dua kawasan ini jelas menunjukkan hubungkaitnya dengan perkembangan bandar dan pekan bijih timah di Perak. Selain itu, pengeluaran bijih timah ini turut menyebabkan berlakunya perpindahan ibu negeri Perak dari Taiping ke Ipoh pada tahun 1937.³

Industri perlombongan bijih timah juga bukan sahaja berperanan sebagai agen pertumbuhan penduduk sahaja dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak kerana industri ini turut menyumbangkan hasil pendapatan yang digunakan untuk pembangunan di bandar dan pekan kecil yang terlibat. Buktinya, pembinaan bandar Taiping pada peringkat awal menggunakan hasil yang disumbangkan oleh perusahaan perlombongan bijih timah di daerah Larut. Menurut laporan tahunan pada





tahun 1874, sebanyak \$100,000 daripada hasil bijih timah di Larut digunakan dalam pembangunan bandar bijih timah tersebut.⁴

Meskipun industri perlombongan bijih timah di Perak dijalankan bagi memenuhi keperluan ekonomi Empayar Kolonial British, penempatan-penempatan di kawasan perlombongan bijih timah di negeri ini secara tidak langsung mulai menerima kesan apabila berkembang menjadi bandar dan pekan-pekan kecil yang baru. Kemakmuran hasil bumi tersebut menyebabkan penduduk kian bertambah dengan kemasukan ramai imigran asing dan pelbagai kemudahan asas disediakan oleh pihak British. Lantaran itu, perkembangan industri perlombongan bijih timah sememangnya mempengaruhi perkembangan bandar dan pekan-pekan kecil bijih timah di Perak.



4.2 Kewujudan Pentadbiran British

Perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak juga banyak dipengaruhi oleh faktor pentadbiran kolonial British. Pihak British membangunkan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri tersebut mengikut acuan mereka sendiri. Demi menjamin kepentingan ekonomi Britian, beberapa dasar dan langkah dilakukan oleh pihak British dalam perkembangan ini. Antara langkah tersebut ialah mewujudkan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) dan menubuhkan *Sanitary Board*(SB)⁵.

Bagi memudahkan pentadbiran British untuk membangunkan negeri Perak, Sir Hugh Low menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri pada September 1877.⁶ Ia melibatkan perbincangan antara perwakilan yang dilantik daripada semua lapisan golongan di negeri





Perak. Perwakilan tersebut terdiri daripada Pemangku Sultan sendiri iaitu Raja Muda Yussof, Hugh Low selaku Residen British, Kapten Speedy, dua orang pembesar Melayu Perak⁷ dan dua orang Tauke Cina⁸.

Oleh kerana Majlis Mesyuarat Negeri ini berfungsi sebagai satu medium perundingan, perwakilan yang terlibat membincangkan dan mengusulkan segala hal-hal yang berkaitan dengan pendapatan hasil negeri, masalah tanah, pertanian, perlombongan bijih timah, percukaian dan undang-undang.⁹ Dalam mesyuarat tersebut, perwakilan yang terlibat seperti Raja Idris, Kapitan Chung Keng Kwee dan Chin Ah Yam turut mengambil kesempatan untuk mengemukakan permasalahan dan usul untuk perkembangan bandar dan pekan bijih timah di Perak.

Raja Idris sendiri dalam penglibatan awal semasa menganggotai Majlis Mesyuarat

Negeri sering mengemukakan permasalahan yang berlaku di Lembah Kinta. Buktinya jelas dalam mesyuarat yang diadakan pada 21 Oktober 1882, baginda melaporkan aduan yang diterimanya mengenai petisyen pekedai di Batu Gajah terhadap masalah peniaga yang berniaga di perahu dan keperluan perlantikan seorang Kathi di Kinta.¹⁰ Selain Raja Idris, Kapitan Chung Keng Kwee dan Kapitan Chin Ah Yam pula sentiasa membincangkan mengenai pembangunan di Taiping. Antara isu yang dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat Negeri ialah kemudahan perkhidmatan hospital di Taiping yang daif dan pembinaan sebuah panggung teater di Taiping.¹¹

Di samping itu, Majlis Mesyuarat Negeri ini turut berfungsi untuk menggubal dan meluluskan peraturan undang-undang yang berkaitan dengan perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Dalam mesyuarat yang berlangsung pada 28 Februari 1879, majlis meluluskan *General Regulation* Bahagian III iaitu pegawai setempat berkuasa untuk menjual lot-lot bangunan di bandar dengan pajakan 99 tahun.





Ukuran bagi setiap lot kira-kira 20 kaki bidang hadapan dan 120 kaki pedalamannya.¹²

Malahan dalam mesyuarat yang bertarikh 21 Oktober 1882 pula, Majlis Mesyuarat Negeri meluluskan kerajaan untuk membeli tanah untuk mewujudkan perkampungan yang menyokong perkembangan di sekitar Papan.¹³

Bertitik tolak daripada penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri, sistem pentadbiran secara perundingan itu diteruskan ke peringkat setempat menerusi pembentukan *Municipal* dan kemudiannya ditukar kepada *Sanitary Board*. Idea penubuhan *Municipal* dicetuskan oleh Hugh Low berdasarkan kepada model perbandaran di London yang ditubuhkan mengikut Akta Kebersihan Awam British 1875.¹⁴ Perkara ini disebabkan perkembangan bandar dan pekan kecil bijih timah pada peringkat awal berlaku dengan keadaan yang tidak terkawal, sesak dan kotor. Pada tahun 1877, Taiping menjadi bandar bijih timah yang pertama mempunyai *Municipal*.¹⁵



Penubuhan *Sanitary Board* juga dapat mengurangkan beban tanggungjawab yang dimainkan oleh Majlis Mesyuarat Negeri dan Residen British. Penubuhan badan ini turut membolehkan perkara-perkara remeh mengenai perkembangan setempat hanya dibincangkan pada peringkat tempatan sahaja. Lantaran itu, *Sanitary Board* mula ditubuhkan oleh Swettenham di Taiping pada tahun 1892, Batu Gajah, Ipoh dan Gopeng pada tahun 1893.¹⁶ Pada tahun 1897, tiga buah *Sanitary Board* iaitu di Batu Gajah, Ipoh dan Gopeng disatukan bagi membentuk *Sanitary Board* Kinta.¹⁷

Sanitary Board dianggotai oleh pegawai-pegawai British bersama wakil pemimpin Melayu dan Cina.¹⁸ Pada peringkat awal, terdapat enam hingga lapan orang ahli dalam lembaga ini. Apabila perkembangan bandar perlombongan bijih timah di negeri Perak semakin pesat, keanggotaan *Sanitary Board* diperbesarkan dengan penyertaan tenaga pakar seperti Penolong Majistret, Jurutera Negeri, Penolong Pesuruhjaya Polis, Penolong





Pemeriksa Pendidikan dan Pakar Bedah Daerah.¹⁹ Contohnya, *Sanitary Board* Kinta diketuai oleh Majistret Daerah bersama 13 orang pemimpin setempat yang berpengaruh.²⁰

Penyertaan pakar-pakar berserta wakil-wakil pemimpin tempatan terutama peniaga dan pemilik hartanah di bandar yang arif tentang permasalahan setempat dalam pentadbiran British banyak memberi manfaat dan cetusan idea dalam menggerakkan perkembangan bandar atau pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak. Hal tersebut jelas menunjukkan semua pihak terlibat dalam membangun perbandaran bijih timah di negeri ini.

Fungsi utama *Sanitary Board* ini adalah mengurus perkembangan bandar dan pekan kecil bijih timah supaya berada dalam keadaan yang teratur, bersih dan selamat. Lembaga bertanggungjawab untuk menyediakan pelan sesebuah bandar atau pekan tersebut.

Beberapa bencana yang berlaku seperti kebakaran besar dan banjir membolehkan pihak lembaga menyusun semula proses perbandaran di negeri Perak. Bagi mencegah kebakaran, bangunan-bangunan kayu papan pula diwajibkan untuk diganti dengan pembinaan bangunan konkrit. Buktinya, pentadbiran British menggalakkan pembinaan bangunan konkrit di Taiping dengan pemberian wang pendahuluan sebanyak 6% dalam sistem ini.²¹

Kemudian, *Sanitary Board* berperanan penting dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak kerana ia mengawal selia sistem perparitan, lampu jalan, papan tanda nama jalan, lorong, padang, penanaman pokok dan pasar. *Sanitary Board* juga memantau perancangan bandar dengan melakukan tinjauan terhadap pembinaan bangunan-bangunan di dalam bandar dan pekan. Kelulusan *Sanitary Boards Enactment No. 11* pada tahun 1897 memperkukuh bidang kuasa lembaga ini dalam mengawal segala kemudahan asas yang terdapat di kawasan bandar dan pekan kecil.²² Selain itu, sistem lot bangunan dan lesen perniagaan juga diperkenalkan dalam mengawal





perkembangan bandar bijih timah di negeri Perak. Buktinya, *Sanitary Board* Kinta mengeluarkan lesen sebanyak 321 kedai candu, 118 gerai jalanan, 47 kandang lembu dan 29 perdagangan khas pada tahun 1898.²³

Penubuhan *Sanitary Board* juga adalah bertujuan untuk menjamin kebersihan sebuah bandar atau pekan kecil perlombongan bijih timah. Oleh demikian pada peringkat awal, *Sanitary Board* dipengerusikan oleh pegawai perubatan. Contohnya, *Sanitary Board* Ipoh dipengerusikan oleh Dr. M. J. Wright.²⁴ Sebuah pejabat kesihatan juga ditubuhkan menerusi bidang kuasa *Sanitary Board* ini bagi mencegah penularan penyakit di kawasan bandar. Beberapa langkah diambil oleh lembaga seperti menaiktaraf sistem perparitan yang tidak memuaskan di Batu Gajah dan Lahat kerana hanya bandar Ipoh, Gopeng dan Papan sahaja yang mempunyai longkang bata.²⁵



Dalam isu bekalan air bersih pula, pegawai kesihatan menetapkan bahawa hanya sumber air dari bukit sahaja dibenarkan untuk kegunaan minuman dan air lombong didapati tidak sesuai. Selain itu, Dr. Wright memperkenalkan sistem standard tandas Kinta yang berasal dari Britian dengan menggunakan timba besi bagi menangani masalah sisa kumbahan.²⁶ Menjelang awal abad ke-20, kesemua bandar dan pekan bijih timah di Lembah Kinta dilengkapi dengan sistem bekalan air bersih.²⁷

Di samping itu, *Sanitary Board* turut berfungsi menetapkan persempadanan bandar atau pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Menurut *Perak Government Gazette* pada tahun 1892, *Municipal Rules 1892* diperkenalkan untuk menentukan sempadan kawasan bandar dan pekan kecil bijih timah di Lembah Kinta seperti Batu Gajah, Ipoh, Gopeng, Papan dan Lahat.²⁸ Penetapan sempadan ini memudahkan pihak *Sanitary Board* untuk menjalankan peranannya seperti pencahayaan dan kebersihan bandar atau pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Lembaga juga mempunyai kuasa untuk





meminda serta memperluaskan sempadan bandar atau pekan-pekan kecil yang berada di bawah pentadbiran mereka. Contohnya, *Sanitary Board* Kinta bertanggungjawab untuk pengurusan 17 buah bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di Lembah Kinta pada tahun 1900.²⁹

Penubuhan *Sanitary Board* ini begitu penting dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak. Perkara ini jelas terbukti apabila bandar Ipoh menunjukkan perkembangan baik dengan wujud jalan berturap, longkang bata dan penanaman pokok di jalan utamanya selepas dua bulan penubuhan *Sanitary Board* Ipoh.³⁰ Lim Heng Kew dalam tulisannya pula menyatakan bahawa kewujudan *Sanitary Board* ini sebagai kayu pengukur yang memaparkan kepentingan dalam perancangan bandar di negeri Perak.³¹



Jelaslah bahawa pentadbiran kolonial British turut menyumbang kepada perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak menerusi pengenalan Majlis Mesyuarat Negeri dan *Sanitary Board*. Maka tidak hairanlah, terdapat persamaan dalam rekabentuk bandar di beberapa bandar dan pekan kecil bijih timah di negeri Perak seperti pejabat kerajaan, hospital, balai polis, padang, pejabat pos dan menara jam yang menjadi legasi kolonial sehingga ke hari ini.

4.3 Pengaruh Revolusi Perindustrian Terhadap Perkembangan Bandar di Perak

Perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak sebenarnya mempunyai hubungan dengan perkembangan yang berlaku di Eropah





terutamanya Britian. Perkembangan yang dimaksudkan ialah Revolusi Perindustrian yang berlaku pada akhir abad ke-18 kerana revolusi tersebut secara tidak langsung turut mempengaruhi perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah yang terdapat di negeri Perak. Revolusi itu juga memperlihatkan kepentingan dan potensi kawasan-kawasan perlombongan bijih timah di negeri Perak terhadap ekonomi British khususnya dan dunia amnya serta meletakkan negeri ini dalam peta bijih timah dunia pada ketika itu.

Salah satu daripada perusahaan penting dijalankan dalam Revolusi Perindustrian di Eropah ialah pengetinan makanan. Sektor pengetinan makanan ini dipercayai wujud sejak tahun 1800. Industri pengetinan ini berkembang pesat pada tahun 1860-an.³² Menurut Cowan, pengetinan makanan giat dijalankan di Amerika Syarikat selepas berlakunya Perang Saudara Amerika pada tahun 1861 hingga 1865.³³ Peperangan tersebut berlaku dalam satu tempoh yang panjang menyebabkan bekalan makanan tentera perlu dimasukkan ke dalam tin bagi dapat bertahan lama. Lantaran itu, permintaan terhadap bijih timah dunia kian meningkat terutamanya daripada negara Amerika Syarikat yang seterusnya menyebabkan harga bijih timah turut melonjak tinggi.

Pada peringkat awal, sumber bahan utama kepada sektor pembuatan ini iaitu bijih timah datang dari lombong-lombong bijih timah yang terdapat di Cornwall, selatan Britian. Sebelum tahun 1870-an, Cornwall merupakan pengeluar terbesar bijih timah dunia.³⁴ Amerika Syarikat juga mengimport sebanyak 70% daripada hasil bijih timah di South Wales, Britian.³⁵ Namun menjelang pertengahan tahun 1870-an, bekalan bijih timah di Cornwall mulai berkurangan.³⁶

Pihak pengusaha dan pelombong bijih timah di Britian terpaksa berusaha untuk mencari sumber bijih timah baharu untuk menyokong industri pengetinan makanan





tersebut. Mereka cuba menjalankan perlombongan bijih timah di Australia, Amerika Syarikat dan Hindia Timur Belanda tetapi perusahaan tersebut hanya bertahan sehingga tahun 1873.³⁷ Selepas hasil bijih timah di Australia merosot, Negeri-negeri Melayu yang kaya dengan bijih timah mulai menjadi tumpuan pihak British kerana berpotensi untuk tujuan tersebut.³⁸

Kesan daripada Revolusi Perindustrian di Britian dan Eropah tersebut menyebabkan para pelombong dan pemodal dari Eropah datang ke bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Kedatangan golongan ini memberi impak yang besar dalam perkembangan bandar dan pekan-pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak. Pelombong bijih timah Eropah pertama yang menjejakkan kaki di negeri Perak ialah orang Perancis bernama J. Errington de la Croix.

Hasil daripada tinjauan yang dilakukan pada tahun 1879, beliau melaporkan potensi perlombongan bijih timah di negeri Perak dalam satu laporan yang bertajuk '*Some Account of the Account of the Mining District of Lower Perak*'.³⁹ Laporan tersebut sekaligus menarik minat para pelabur dan pelombong bijih timah Eropah ke negeri Perak. Buktinya, kerajaan Perancis sendiri menubuhkan sebuah syarikat perlombongan bijih timah Perancis yang dikenali sebagai '*Societe des Mines d'Erain de Perak*' untuk menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah di negeri Perak.⁴⁰

Akibatnya, ramai pelombong bijih timah dari Eropah datang ke negeri Perak. Perkembangan ini juga digalakkan oleh pihak pentadbiran British di negeri Perak. Kepakaran dan modal kewangan yang besar dibawa oleh mereka ini secara tidak langsung telah merencanakan perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah yang terdapat di negeri ini.⁴¹ Contohnya, *Societe des Mines d'Erain de Perak* menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah di Lahat telah menghidupkan semula petempatan di





Lahat yang terjejas akibat Perang Perak sehingga menjadi sebuah pekan perlombongan bijih timah pada tahun 1882. Syarikat perlombongan bijih timah Perancis ini turut membina jalan perhubungan antara Lahat ke Pengkalan Peguh dan paip air yang dikenali sebagai '*Lahat Pipe*'.⁴²

Selain itu, perkembangan beberapa pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak memiliki hubung kait dengan industri perlombongan bijih timah di Cornwall, Britian. Kemerosotan sektor perlombongan bijih timah di Cornwall menyebabkan para pelombongnya berhijrah ke Negeri-negeri Melayu terutamanya negeri Perak. Mereka bukan sahaja berhijrah tetapi turut membawa masuk modal pelaburan yang besar dan kepakaran bergenerasi dalam perlombongan dari Cornwall. Situasi ini jelas terbukti setelah pendedahan mengenai potensi perlombongan bijih timah di negeri ini yang dilakukan oleh J.H. Hampton⁴³ pada tahun 1886 dan E.R. Pike⁴⁴. Pada tahun 1892, pelaburan besar dari



Cornwall mengalir masuk hingga beberapa lombong bijih timah Eropah berjaya dibuka di Gopeng, Menglembu dan Tronoh.⁴⁵

Maka secara tidak langsung, perkembangan ini memberi kesan terhadap pembangunan pekan-pekan bijih timah tersebut. Contohnya, syarikat *Gopeng Tin Mining* yang sebahagian besar modal pelaburannya disumbangkan oleh James Wickett dari Cornwall membina sebuah paip air besar di Gopeng bagi menyokong perlombongan bijih timah hidrolik di situ.⁴⁶ Pembinaan paip air tersebut merencanakan perkembangan pekan Gopeng kerana ia bukan sahaja berfungsi dalam aktiviti perlombongan bijih timah tetapi turut membekalkan bekalan air bersih kepada penduduk setempat. Buktinya, syarikat *Osborne of Gopeng Tin Mining* membenarkan Hospital Gopeng menggunakan bekalan air daripada paip airnya pada tahun 1897.⁴⁷





Perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak jelas memaparkan wujudnya kesinambungan hubungan secara tidak langsung dengan Revolusi Perindustrian di Eropah. Meskipun berada jauh dari segi geografinya, revolusi tersebut turut sedikit sebanyak mempengaruhi pembangunan bandar dan pekan-pekan bijih timah menerusi pelaburan modal dan kepakaran yang dibawa masuk oleh syarikat mahupun pelombong Eropah terutamanya dari Cornwall.

4.4 Peranan Pegawai-pegawai British



Di samping faktor ekonomi dan politik, perkembangan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak juga dipengaruhi oleh peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai British yang bertugas di sini. Kehadiran mereka melahirkan cetusan idea yang membentuk corak perbandaran di negeri Perak pada akhir abad ke-19. Pegawai-pegawai British seperti Kapten Speedy, Sir Hugh Low, Frank Swettenham, H.W.C. Leech dan W.P.J. Hume membuktikan kejayaan mereka sebagai peneraju dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan yang berlaku pada akhir abad ke-19.

Pegawai British yang pertama menggerakkan perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak ialah Kapten T.C.Speedy, Penolong Residen British di Larut. Sebaik sahaja selesai perdamaian yang dilakukan oleh Suruhanjaya Perjanjian Pangkor di Larut pada Februari 1874, Kapten Speedy bertindak membangunkan sebuah bandar baharu di Larut iaitu Taiping. Tanpa memiliki sebarang kepakaran dalam pembangunan dan menggunakan sendiri hasil bijih timah di Larut,





Kapten Speedy berjaya membentuk Taiping sebagai sebuah bandar perlombongan bijih timah yang moden pada ketika itu.⁴⁸

Kapten Speedy mewujudkan sistem jalan raya, perkhidmatan hospital, bangunan pentadbiran dan kemudahan awam yang lain. Beliau turut membaiki jalan yang dibina pada zaman Menteri Ngah Ibrahim dengan menurap batu kelikir. Kapten Speedy seterusnya bertindak memanjangkan jalan yang asalnya menghubungkan Kota dan Bukit Gantang hingga ke Kuala Kangsar. Jalan-jalan baharu juga dibina bagi menghubungkan Taiping dengan Matang, Kota, Asam Kumbang, Kamunting dan Air Terjun. Kemudahan jalan raya ini sekaligus merangsang perkembangan pekan kecil perlombongan bijih timah yang lain di Larut.

Gullick menggambarkan usaha yang dilakukan oleh Kapten Speedy seperti

berikut:-



“In Larut under Captain Speedy in 1874-1875, it was 25% or more of the value of tin, and this was presumably similar to former practices. The revenue from tin provided to main fund from which early British Resident could meet exiting obligations such as pensions, annuities, and the cost of administration, as well as embarks on new developments in the form of communications and public welfare service.”

Walau bagaimanapun, usaha Kapten Speedy dalam perkembangan bandar perlombongan bijih timah di Taiping ini menerima kritikan hebat daripada pegawai tertinggi British. Gabenor Sir William Jervois sendiri mengkritik usaha pemandaran Taiping oleh Kapten Speedy semasa beliau melawat bandar ini pada 31 Ogos 1875. Bagi beliau, usaha tersebut bercanggah dengan tujuan campur tangan British di negeri Perak iaitu untuk menjamin kepentingan ekonomi British. Kritikan Gabenor Jervois terhadap Kapten Speedy tersebut digambarkan oleh Gullick seperti berikut :-

“Speedy spend most of the funds remaining after meeting the commitments already described in erecting. Buildings cost \$12,000 in 1874 and \$14,000 in 1875. He had no engineer to supervise this





programme and the work was not well done. It seems to have been a case of erecting cheap, temporary buildings, in order to have something, and the having to rebuild within a few years.”⁴⁹

Selain itu, Residen British di Perak yang ketiga iaitu Sir Hugh Low⁵⁰ turut memberikan pandangan negatif terhadap usaha Kapten Speedy dalam perkembangan bandar Taiping dan pekan kecil lain di Larut. Dalam catatan harian yang bertarikh 19 April 1877, Hugh Low menjelaskan bahawa keadaan rumah-rumah di Matang berada dalam keadaan hampir reput dan musnah.⁵¹ Beliau juga meluahkan kekecewaannya terhadap perkembangan bandar Taiping yang tidak seperti digambarkan dalam laporan Kapten Speedy sebelum ini. Berikut petikan yang menggambarkan kekecewaan Hugh Low tersebut :-

“Kota and Taiping are very disappointing to one whose knowledge of the country was derived from Captain Speedy’s sanguine accounts of its prosperity.”⁵²



Meskipun dikritik, usaha yang dilakukan oleh Kapten Speedy menjadi asas yang kukuh dalam perkembangan bandar Taiping sebagai bandar perlombongan bijih timah yang seterusnya menjadi pusat pentadbiran British penting di Negeri-negeri Melayu dan ibu negeri Perak. Malahan, perkembangan bandar Taiping dan sekitarnya diteruskan oleh Sir Hugh Low dan Frank Swettenham. Pembentukan bandar Taiping oleh Kapten Speedy ini menjadi perintis dan model panduan kepada perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah yang lain di negeri Perak.

Kemudian, perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak dipelopori oleh Residen British ketiga di Perak iaitu Sir Hugh Low. Hugh Low berjaya membawa pembangunan moden dan kemakmuran kepada negeri Perak.⁵³ Menurut Emily Sadka, Hugh Low menerima surat arahan daripada Pejabat Kolonial yang berbunyi demikian sebaik sahaja dilantik sebagai Residen British yang baharu pada April 1877 :-





“..develop the resources of the country and supervise the collection of revenue.”⁵⁴

Arahan yang jelas daripada Pejabat Kolonial itu menjadi dasar kepada pentadbiran Hugh Low di negeri Perak. Beliau melakukan banyak perubahan dan pemodenan di negeri Perak. Maka tidak hairanlah, bandar dan pekan baharu muncul seperti ‘cendawan tumbuh selepas hujan’ pada era pentadbiran Hugh Low. Perkara ini terbukti apabila Hugh Low merancang pembangunan bandar dan pekan baharu di Lembah Kinta. Pada tahun 1878, Hugh Low mengarahkan pusat pentadbiran British yang pertama bagi Lembah Kinta didirikan di Pengkalan Pegoh.⁵⁵ Pembukaan pusat pentadbiran British ini membawa kepada penerokaan kawasan baharu dalam wilayah perlombongan bijih timah di Lembah Kinta seperti Papan, Gopeng, Batu Gajah dan Ipoh.



Seterusnya untuk menyokong pertumbuhan bandar dan pekan perlombongan bijih timah yang baharu di Lembah Kinta, Hugh Low membina sebuah wharf (pelabuhan) di Teluk Intan. Dalam Majlis Mesyuarat Negeri pada 15 Mac 1880, Hugh Low mencadangkan pusat pentadbiran British di Durian Sebatang, Hilir Perak dipindahkan ke satu kawasan baharu iaitu Teluk Mak Intan. Beliau juga telah menamakan bandar itu sebagai Teluk Anson.⁵⁶ Selain itu, beliau juga memperkukuhkan kemudahan pelabuhan Teluk Kertang di Larut dengan pembinaan tebing sungai yang kukuh dan cadangan pembinaan pelabuhan baharu, Port Weld di Kuala Sepetang pula.⁵⁷

Kemudian, Hugh Low turut melahirkan idea pembinaan landasan kereta api dari pelabuhan Teluk Kertang ke Taiping. Usul beliau ini dikemukakan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Perak yang berlangsung pada 20 Februari 1880.⁵⁸ Hugh Low berpendapat bahawa pembinaan infrastruktur seperti ini begitu penting dalam perkembangan bandar dan pekan





kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak pada ketika itu. Namun, cadangan pembinaan landasan kereta api ini hanya menjadi realiti pada tahun 1885.

Di samping itu, Hugh Low turut mengambil peranan dalam membina semula bandar Taiping yang musnah terbakar mengikut sistem *grid-iron* pada tahun 1880. Perkara ini membolehkan beliau menambahbaik kekurangan bandar ini yang terdapat dalam kritikkannya terhadap Kapten Speedy dahulu. Sistem *grid-iron* yang dibawa oleh Hugh Low ini seterusnya digunapakai pada beberapa bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak yang lain. Kejayaan Sir Hugh Low membangun negeri Perak menjadi contoh kepada Negeri-negeri Melayu yang lain.⁵⁹

Seorang lagi pegawai British yang memiliki sumbangan terpenting dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak ialah Frank Swettenham⁶⁰. Peranan yang dimainkan oleh Swettenham terhadap perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak bermula sejak awal campur tangan British di negeri ini. Buktinya, beliau merupakan salah seorang yang terlibat dalam pembentukan bandar baharu Taiping dan Kamunting semasa menyertai Suruhanjaya Perjanjian Pangkor di Larut pada 23 Februari 1874.

Pada hujung bulan Mac 1884, Swettenham dilantik sebagai Pemangku Residen British di Perak ekoran Sir Hugh Low yang bercuti panjang. Sepanjang memangku jawatan Sir Hugh Low ini, beliau meningkatkan perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah yang terdapat di negeri Perak. Swettenham melakukan pembinaan yang indah senibinanya dan terbaik terhadap bangunan-bangunan kerajaan dan pasar baru di Taiping.⁶¹ Buktinya, beliau menerapkan senibina yang indah seperti '*Pax-Roman*' pada bangunan-bangunan tersebut. Hugh Low kemudiannya memuji pencapaian Swettenham itu dalam laporan tahunan negeri Perak pada tahun 1885:-





“of a class much superior to and of more permanent character than anything which had hitherto been undertaken in Perak.”⁶²

Kemudian, Swettenham turut memperkemaskan pentadbiran di bandar dan pekan-perlukan perlombongan bijih timah di Perak dengan memperkenalkan *Sanitary Board* sebagai satu institusi perbandaran pada tahun 1890-an. Peranan Swettenham tidak terhad di situ kerana beliau juga memainkan peranan dalam perkembangan sistem perhubungan bagi bandar dan pekan-perlukan perlombongan bijih timah di Perak, iaitu pembinaan landasan kereta api.

Semasa menjadi Pemangku Residen di Perak, Swettenham dipuji oleh Sir Hugh Low kerana berjaya menyiapkan landasan kereta api dari Port Weld ke Taiping.⁶³ Pembinaan landasan kereta api yang melintasi bandar dan pekan-perlukan bijih timah di Perak berkembang apabila Swettenham menjadi Residen British di Perak pada tahun 1889.

Buktinya pada tahun 1894, landasan kereta api Kinta yang menghubungkan Ipoh ke Teluk Anson siap dibina.⁶⁴

Perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak turut dipelopori oleh Leech dan W.J.P. Hume. Kedua-dua pegawai British ini merupakan Majistret dan Pemungut Hasil di Kinta maka peranan mereka sangat mempengaruhi perkembangan tersebut di Lembah Kinta. Leech misalnya bertanggungjawab dalam menubuhkan pusat pentadbiran British di Kinta. Pada peringkat awal, beliau memilih Pengkalan Peguh tetapi kemudiannya memindahkan ke Kota Bharu dan akhir sekali di Batu Gajah.⁶⁵ Leech juga memainkan peranan penting dalam kemunculan bandar Kampar dan perkembangan pekan Tambun.⁶⁶ W.J.P. Hume pula lebih dalam melakar semula pelan pembangunan bandar dan pekan bijih timah di Kinta seperti Ipoh dan Menglembu yang musnah dalam kebakaran.⁶⁷





Jelaslah bahawa peranan pegawai British turut mempengaruhi secara tidak langsung terhadap perkembangan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak. Berdasarkan pengalaman dan kebijaksanaan, mereka berjaya mencorakkan perkembangan bandar dan pekan bijih timah di Perak dengan mewujudkan pelbagai kemudahan dan sistem bagi melahirkan penempatan yang termoden pada akhir abad ke-19. Malahan, nama-nama pegawai British ini terpahat pada jalan-jalan di beberapa bandar dan pekan bijih timah di Perak sebagai bukti jasa dan sumbangan mereka.

4.5 Peranan dan Pengaruh Pembesar Melayu Perak



Di sebalik perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak berlaku dengan pesatnya pada era pentadbiran British di negeri ini, sejarah kurang membicarakan peranan pembesar-pembesar Melayu dalam perkembangan tersebut. Sebenarnya, pembesar-pembesar Melayu Perak turut bertanggungjawab menyumbangkan idea dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak. Mereka menemui bijih timah dan membuka lombong-lombong bijih timah sehingga membawa kepada kewujudan bandar perlombongan bijih timah.⁶⁸ Nama-nama seperti Menteri Ngah Ibrahim, Sultan Ismail, Dato' Panglima Kinta Mohammad Yusuf, Toh Sedewa Diraja Domba, Toh Seri Amar Diraja, Raja Bilah, Imam Prang Ja Baruman dan Penghulu Mustapha Raja Kemala berjaya meletakkan asas yang kukuh dalam kemunculan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak.





Dalam perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak, nama Menteri Larut Ngah Ibrahim sememangnya tidak dapat dipisahkan. Beliau merupakan salah seorang daripada perintis awal dalam perkembangan tersebut terutamanya di Larut. Buktinya, Menteri Ngah Ibrahim mendirikan sebuah bandar di Matang sebagai pusat pentadbiran Larut. Sebuah kota berserta rumah kediaman yang bersenibina Eropah dan diperbuat daripada konkrit telah dibina oleh beliau di Matang. Beliau juga membina sebuah pelabuhan di Teluk Kertang yang kemudiannya menjadi pelabuhan terpenting di Larut sebelum kewujudan pelabuhan Port Weld. Selain itu, Menteri Ngah Ibrahim juga mewujudkan pelbagai infrastruktur moden di Larut seperti jalan raya, penjara, mahkamah, balai polis, gudang, masjid, surau dan pasukan keselamatan.

Usaha dilakukan oleh Menteri Ngah Ibrahim dalam perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Larut turut diakui oleh sejarawan Barat dan tempatan seperti Winstedt, Swettenham, McNair serta Ibrahim Munsyi. Tidak hairanlah, orang Melayu mahupun Eropah memberikan Ngah Ibrahim dengan pelbagai gelaran seperti Tengku Menteri, Raja Larut dan Menteri Larut atas kewibawaannya.⁶⁹ Contohnya, Swettenham menyatakan Menteri Ngah Ibrahim sebagai:-

*“The Mantri, as already stated, was cheif of the Larut district, and owning to the extent of the tin-mining industry in that province, he was far the richest and most powerful individual in Perak.”*⁷⁰

Winstedt pula menggambarkan kejayaan Menteri Ngah Ibrahim ini seperti berikut:-

*“He was a man of ability and ambition, he built a road, maintained a small police force, and made some slight effort to govern the country on European lines, while at the some time he strove to earn popularity among his countrymen by entertaining all corners lavishly at his home near Bukit Gantang.”*⁷¹

Sumbangan utama Menteri Ngah Ibrahim dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di Larut ialah pembentukan bandar baharu Taiping. Secara





umum mengetahui bahawa bandar Taiping dibangunkan oleh pihak British tetapi sebenarnya Menteri Ngah Ibrahim mempunyai peranan besar dalam kemunculan bandar perlombongan bijih timah ini. Dalam proses penetapan kawasan perlombongan bijih timah di Larut oleh Suruhanjaya Perjanjian Pangkor pada 21 Februari 1874, Menteri Ngah Ibrahim turut terlibat dan memberikan persetujuan terhadap sempadan yang ditetapkan.⁷² Menerusi persetujuan Menteri Ngah Ibrahim tersebut, lahirlah dua bandar perlombongan bijih timah di Larut iaitu Taiping dan Kamunting.

Selepas kemunculan bandar Taiping, kuasa dan pengaruh Menteri Ngah Ibrahim mulai terhakis. Ngah Ibrahim sebagai pemerintah Larut dipinggirkan oleh Kapten Speedy daripada urusan pentadbiran termasuklah dalam perkembangan bandar Taiping. Rasa tidak puas hati dan tekanan yang diterima ini menyebabkan Menteri Ngah Ibrahim secara sulit menaja kewangan dan senjata kepada pejuang-pejuang Melayu untuk menentang British dalam Perang Perak pada tahun 1875.⁷³ Nasib Menteri Ngah Ibrahim kian buruk selepas tamatnya Perang Perak, pihak British membabitkan beliau dalam peristiwa pembunuhan J.W.W.Birch dan menjatuhkan hukuman buang negeri ke Pulau Seychelles pada 20 Julai 1877. Pembuangan Menteri Ngah Ibrahim itu sekaligus melenyapkan peranan beliau dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di Larut serta menjadi identiti Taiping sebagai sebuah bandar kolonial British.

Di Lembah Kinta pula, Sultan Ismail iaitu Sultan Perak ke-25 (1871-1874) memainkan peranan penting yang hampir sama serta menjadi pelopor kepada perkembangan beberapa bandar dan pekan perlombongan bijih timah di daerah ini. Baginda bertanggungjawab memulakan proses pembangunan di Kinta dengan membuka kawasan perlombongan bijih timah secara besar-besaran. Aktiviti perlombongan bijih timah ini memberikan impak positif kepada kemunculan dan perkembangan beberapa





bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah baharu di Lembah Kinta seperti Pengkalan Pegoh, Lahat dan Papan.

Dalam perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Kinta, Sultan Ismail didapati mempunyai beberapa peranan dan sumbangan baginda secara tidak langsung. Antaranya ialah kemunculan pekan Papan yang mempunyai kaitan dengan Sultan Ismail. Baginda dianggap sebagai pengasas kepada bandar Papan. Apabila Sultan Ismail menaiki takhta kerajaan Perak pada tahun 1871, baginda membuka kawasan perlombongan bijih timah baharu di Papan. Perkara ini kerana sebelum pembukaan lombong bijih timah oleh Sultan Ismail, perkembangan Lembah Kinta hanya berpusat di Ipoh yang mana menjadi pusat pentadbiran Dato' Panglima Kinta. Menurut Khoo Salma Nasution, Sultan Ismail menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah di Papan sejak bergelar Raja Bendahara dengan bantuan seorang pengikutnya iaitu Kulup Riau. Sultan



Ismail direkodkan memiliki sebanyak empat buah lombong bijih timah di sini.⁷⁴

Selain Papan, Sultan Ismail turut menyumbang kepada perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Kinta kerana berperanan sebagai pelopor kepada perkembangan bandar Pengkalan Pegoh. Walaupun Pengkalan Pegoh tidak mempunyai aktiviti perlombongan bijih timah, bandar ini berperanan penting terhadap aktiviti perlombongan yang dijalankan oleh Sultan Ismail di Papan. Maka tidak hairanlah, Sultan Ismail memilih Pengkalan Pegoh sebagai pusat persemayaman utama baginda selepas ditabal sebagai Sultan Perak pada tahun 1871.⁷⁵

Bagi menyokong perkembangan bandar perlombongan bijih timah baharu ini, Sultan Ismail membina sebuah jalan denai gajah yang menghubungkan Pengkalan Pegoh dengan Papan dan Blanja hingga ke Bruas. Jalan denai ini memudahkan hasil bijih timah dibawa keluar untuk dieksport oleh Sultan Ismail.⁷⁶ Tindakan baginda ini secara tidak





langsung membawa kepada pertambahan penduduk ke Lembah Kinta yang seterusnya mengubah landskap petempatan daripada sebuah perkampungan kepada bandar atau pekan kecil. Sejak itu, Pengkalan Pegoh menjadi sebuah petempatan terbesar di Lembah Kinta serta bertindak pusat kegiatan politik dan sosio-ekonomi baharu bagi daerah ini.

Apabila berlakunya Perang Perak pada tahun 1875, Sultan Ismail turut menerima nasib sama seperti Menteri Ngah Ibrahim di Larut. Pihak British menggunakan peluang ini sebaik mungkin untuk mengukuhkan pengaruh mereka di negeri Perak termasuklah kawasan Lembah Kinta. Menyedari kekayaan bijih timah di Kinta, pihak British perlu menyingkirkan penguasaan Sultan Ismail di kawasan itu. Dengan menggunakan tuduhan penglibatan Sultan Ismail dalam gerakan menentang British sehingga terbunuhnya J.W.W. Birch, baginda dihukum buang negeri ke Skudai, Johor oleh pihak British.⁷⁷



Penyingkiran pembesar-pembesar Melayu Perak tradisional membolehkan pihak British menguasai sepenuhnya aktiviti perlombongan bijih timah di negeri Perak. Pihak British selaku pemerintah baharu meneruskan perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah yang dimulakan oleh Sultan Ismail dan Menteri Ngah Ibrahim. Petempatan-petempatan perlombongan bijih timah yang terdapat disusun semula dan dibangunkan mengikut acuan kolonial oleh pihak British. Usaha pihak British ini turut dibantu oleh saki baki pembesar Melayu Perak seperti Dato' Panglima Kinta Yusuf serta pemimpin Melayu baharu atau lebih dikenali sebagai 'Melayu Dagang' seperti Raja Bilah dan Iman Prang Ja Barumun.

Selain daripada Sultan Ismail, perkembangan bandar perlombongan bijih timah di Lembah Kinta turut dipelopori oleh Dato' Panglima Kinta Mohammad Yusuf⁷⁸. Gelaran pembesar Delapan Perak ini bukan sahaja amat sinonim dengan sejarah perkembangan awal bandar Ipoh tetapi juga mempunyai pertalian dengan kemunculan Lembah Kinta





sejak abad ke-16.⁷⁹ Dalam perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Kinta terutamanya Ipoh, Dato' Panglima Kinta Zainal Abidin memulakannya dengan memulihkan keamanan setempat selepas berakhirnya Perang Perak dengan berdamai dengan pihak British menerusi 'Pakatan Teja'.⁸⁰ Menurut Abdul Rahim Haji Bakar, pakatan itu dilakukan sebagai satu jaminan oleh pihak British terhadap kedudukan Dato' Panglima Kinta Zainal Abidin seperti urusan pungutan cukai dan kuasa pentadbiran.⁸¹

Bertitik tolak daripada Pakatan Teja itu, Dato' Panglima Kinta yang seterusnya iaitu Dato' Mohammad Yusuf dengan mudah dapat memberikan tumpuan sepenuhnya dalam usaha membangunkan kawasan Ipoh yang meliputi Kampung Paloh, Kampung Changkat, Kampung Sugu, Kampung Masjid Lama, Kepayang, Kampung Kuchai dan Sungai Senam. Sebaik sahaja dilantik sebagai Dato' Panglima Kinta ke-10 pada tahun 1884, Dato' Mohammad Yusuf berusaha menggalakkan ramai orang luar seperti Melayu



Sumatera, Cina, India dan Eropah untuk meneroka kawasan Ipoh. Beliau juga membina infrastruktur untuk menyokong perkembangan bandar Ipoh. Buktinya terdapat banyak deretan rumah kedai dibina oleh Dato' Panglima Kinta Yusuf di *Panglima Street* yang juga dinamakan bersempena nama beliau.⁸²

Bagi merencanakan perkembangan Ipoh sebagai bandar perlombongan bijih timah, Dato' Panglima Kinta Yusuf juga mengambil pendekatan memajukan tanah miliknya untuk kegunaan pembangunan dan perlombongan bijih timah. Tanah-tanah dimiliki oleh beliau di Ipoh mempunyai nilai hartanah yang tinggi dan menjadi rebutan pihak kerajaan dan pelabur-pelabur asing pada ketika itu. Perkara ini jelas dilaporkan dalam *Perak Government Gazette* yang berbunyi demikian :-

*"The land upon which the town is built was formerly kampong land and the greater part of belonged to the Datu Panglima Kinta. With the approval of the Collector and Magistrate, teh Datu divided his land into building lots and sold to Chinese at \$25 per lot."*⁸³





Kemajuan pesat yang dibawa oleh Dato' Panglima Kinta Yussof terhadap Ipoh telah membuka mata pihak British akan kepentingan bandar tersebut dalam industri perlombongan bijih timah di negeri Perak. Beliau berjaya meletakkan bandar Ipoh muncul sebagai bandar kedua terbesar di Lembah Kinta pada tahun 1889. Seiring dengan kejayaan itu, beliau juga muncul sebagai hartawan yang terkaya di Ipoh dan Negeri Melayu pada ketika itu.⁸⁴ Sir Hugh Low selaku Residen British memuji usaha yang dilakukan oleh beliau dalam Laporan Tahunan Negeri Perak pada tahun 1886 seperti berikut :-

*"..who has laid it out himself; it has broad straight streets and does him great credit."*⁸⁵

Selain itu, E.W. Birch iaitu Residen British di Perak turut merakamkan sumbangan Dato' Panglima Kinta terhadap perkembangan Ipoh semasa merasmikan bangunan mahkamah baharu bertempat di bekas rumah kediaman beliau di Jalan Kuala Kangsar yang dibeli oleh pihak British pada 17 Mei 1906. Berikut penghargaan E.W. Brich yang disiarkan dalam akhbar Perak Pioneer pada 18 Mei 1906 :-

*"The late Dato' Panglima Kinta Yusuf was remarkable man, strong in character. He was enterprising to an astonishing degree. He once sent in a sealed offer of \$51,000 for a few acres of mining land. It was a good haul for Government and Mr Hume, whose good work in Kinta is not forgotten, had every reason to congratulate himself on the ingenuity that resulted in that haul, while the Panglima Kinta profited from his enterprise and laid the foundation, as it were, of his fortune by this one transaction."*⁸⁶

Menjelang akhir hayatnya, Dato' Panglima Kinta Yusuf mulai kehilangan kuasanya dalam pentadbiran di Ipoh dan Kinta. Ketika mengikuti rombongan Sultan Idris ke London pada tahun 1902, pihak British dikatakan meminda beberapa perkara mengenai kekuasaan Dato' Panglima Kinta Yussof di Lembah Kinta dalam satu perjanjian yang dibantah oleh beliau.⁸⁷ Pada 27 Oktober 1903, beliau meninggal dunia dan dimakamkan di Masjid





Panglima Kinta, Ipoh. Setelah ketiadaannya, pengganti-pengganti Dato' Panglima Kinta Yussof tidak lagi mempunyai peranan yang besar seperti beliau dalam perkembangan bandar Ipoh.

Selain daripada Dato' Panglima Kinta Yusuf di Ipoh, terdapat beberapa pembesar Melayu setempat yang lain yang terlibat dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di Lembah Kinta. Toh Sedewa Diraja Domba merupakan salah seorang daripada pembesar Melayu tersebut. Beliau bertanggungjawab membangunkan Kampung Kepayang dengan menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah secara besar-besaran dan membawa masuk ramai orang Cina ke situ. Usaha Toh Domba ini seterusnya diteruskan oleh anak-anaknya iaitu Penghulu Wahab dan Toh Sedewa Ahmad.

Kejayaan dan usaha dilakukan oleh Toh Domba di Kampung Kepayang turut menarik perhatian pegawai British dan orang Eropah yang mengaguminya. Sir Hugh Low menyatakan bahawa beliau sebagai seorang pembesar yang bertenaga.⁸⁸ Menurut de la Croix yang tiba di Kampung Kepayang pada tahun 1881, Toh Domba digambarkan sebagai seorang pembesar yang bersemangat menempuhi cabaran dan berdaya tinggi.⁸⁹ Rathborne, seorang pengembara Eropah turut mencatat mengenai kewibawaan Toh Domba seperti berikut :-

“a fine representative of the old-fashioned, courteous Malay chief, amiable and friendly, having the prescience to recognize the benefits of British rule, to which he had given his cordial adhesion and co-operation, so different in this respect to some of the older chiefs of higher degree. He was wealthy withal, the owner of elephants and buffaloes, rice field and mines.”⁹⁰

Di Batu Gajah pula, Toh Amar Diraja Pandak Akhat⁹¹ memainkan peranan penting dalam perkembangan awal bandar perlombongan bijih timah tersebut. Beliau sebagai Penghulu Mukim Sungai Terap mula menerokai kawasan baharu di kawasannya dan juga membuka lombong-lombong bijih timah. Hasil usahanya, sebuah masjid iaitu Masjid





Jamek Batu Gajah didirikan dalam tahun 1887.⁹² Pada tahun 1893, beliau dilantik menganggotai *Sanitary Board* Kinta.⁹³ Toh Amar Pandak Akhat juga pernah terlibat dalam proses mendamaikan rusuhan pelombong Cina di Papan.⁹⁴ Sumbangan beliau turut diiktiraf oleh pihak British apabila Sir Hugh Low mengabadikan nama Pandak Akhat pada sebatang jalan di Batu Gajah pada tahun 1897.⁹⁵

Selain daripada Toh Amar Pandak Akhat, perkembangan Batu Gajah sebagai bandar perlombongan bijih timah turut dibantu oleh Penghulu Pandak Taha bin Mohd Yusof⁹⁶. Beliau turut terlibat dalam pembinaan Masjid Jamek Batu Gajah pada tahun 1887 serta menerokai kawasan penempatan baharu sebelum diambil alih oleh pihak British untuk pembinaan stesen kereta api di Batu Gajah pada tahun 1884.⁹⁷ Seorang lagi pemimpin Melayu yang banyak menyumbang dalam perkembangan awal Batu Gajah ialah Tok Setia Raja Ibrahim Rangkuti bin Bendahara Jamarabun Rangkuti⁹⁸. Beliau adalah

salah seorang pemimpin orang Mandailing di Kinta yang aktif menjalankan perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Malahan, Tok Setia juga memiliki banyak rumah kedai di Pekan Lama Batu Gajah.⁹⁹

Seterusnya di Papan, perkembangan bandar perlombongan bijih timah ini digerakkan oleh Raja Bilah¹⁰⁰. Selepas tamat Perang Perak, Raja Bilah dianugerahi kawasan perlombongan bijih timah di Papan sehingga memiliki lombong bijih timah yang terbesar. Pihak British juga melantik beliau sebagai penghulu yang pertama dan paling lama berkhidmat. Beliau seterusnya bersama dengan pengikutnya dan dibantu oleh orang Cina yang datang bersama-sama dari Selangor berjaya membangunkan Papan sebagai sebuah pekan perlombongan bijih timah terkemuka pada akhir abad ke-19. Beberapa kemudahan asas seperti rumah besar, masjid dan tanah perkuburan disediakan oleh Raja Bilah bagi melengkapkan pemandaran di Papan. Pada tahun 1894, beliau dilantik sebagai ahli *Sanitary Board* Batu Gajah.¹⁰¹





Kemudian, seorang lagi pemimpin Mandailing yang terlibat dalam perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Kinta ialah Imam Prang Ja Baruman. Beliau terlibat secara langsung dalam kemunculan dua buah bandar perlombongan bijih timah di Kinta iaitu Gopeng dan Kampar. Di Gopeng, beliau dilantik sebagai Penolong Penghulu dan turut menganggotai *Sanitary Board* Gopeng pada tahun 1894.¹⁰² Hasil kejayaan perlombongan bijih timah yang dijalankan bersama Eu Tong Seng di Gopeng dan pengaruhnya sebagai pemimpin orang Mandailing dan Rawa di Gopeng, Imam Prang berjaya memajukan Gopeng sebagai bandar kedua terpenting di Kinta. Manakala di Kampar, beliau bertanggungjawab membuka bandar bijih timah tersebut. Sumbangan besar Imam Prang Ja Baruman ini digambarkan dalam catatan George Maxwell seperti berikut:-

“One of the makers of Kinta was Imam Prang Jabaruman.. ..He was a foreign Malay, and had brought a number of followers from Sumatra to settle permanently in the district. He was full of the most practical ideas for settlement and development schemes.”¹⁰³



Di daerah Batang Padang pula, pemimpin Melayu seperti Penghulu Mustapha Raja Kamala berperanan penting dalam membangunkan petempatan seperti Tanjung Malim sebagai sebuah bandar perlombongan bijih timah. Penghulu Mustapha yang berketurunan Rawa telah dilantik sebagai wakil pemerintah dan pemungut cukai bijih timah di Tanjung Malim.¹⁰⁴ Pelantikan tersebut telah memudahkan beliau menggunakan tanah-tanah di kawasan itu untuk pembangunan perbandaran seperti masjid, rumah dan bangunan kerajaan. Usaha Penghulu Mustapha ini telah menjadi asas kepada perkembangan awal bandar Tanjung Malim sebelum kewujudan Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1922.¹⁰⁵

Secara keseluruhannya, para pembesar Melayu dan pemimpin Melayu memiliki peranan yang besar dalam perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak. Sebelum kehadiran kuasa British, mereka melakukan penerokaan awal kawasan-kawasan baharu untuk aktiviti perlombongan bijih timah dan secara tidak





langsung membangunkan asas-asas pambandaran di kawasan terlibat. Mereka turut menggunakan hasil kekayaan yang dimiliki dalam merencanakan perkembangan tersebut.

Hal ini diakui oleh Sadka dalam bukunya, *The Protected Malay States* seperti berikut :-

“The chiefs and penghulu built large villas in Ipoh and other mining townships,, invested in houses and shops, and engaged in mining operations in partnership with the Chinese.”¹⁰⁶

Kewujudan pentadbiran British di Perak mulai tahun 1874 mengugat kedudukan dan hak pembesar Melayu Perak. Buktinya sebahagian besar pembesar Melayu yang menentang British di negeri Perak berjaya disingkirkan. Penyingkiran ini memudahkan pentadbiran British mengambil alih peranan mereka dalam menggerakkan perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah yang terdapat di negeri ini. Pada peringkat awal pentadbiran British, peranan saki baki pembesar Melayu Perak yang boleh bekerjasama dengan pihak British dan pemimpin ‘Melayu Dagang’ amat diperlukan dalam membantu perkembangan tersebut. Namun setelah pentadbiran British di negeri Perak semakin kukuh, peranan para pembesar dan pemimpin Melayu Perak mulai dipinggirkan serta digantikan dengan tauke-tauke Cina yang kaya dan pelabur Eropah.

4.6 Peranan Pelombong Cina

Perkembangan bandar dan pekan-pekan kecil perlombongan bijih timah juga tidak dapat lari daripada peranan yang disumbangkan oleh golongan pelombong Cina. Menurut Mohd. Zamberi A. Malek, penglibatan orang Cina menjadi pelombong bijih timah dan para peniaga tidak kurang pentingnya dalam mengukir sejarah dan pembangunan awal





negara.¹⁰⁷ Maka tidak hairanlah lahir nama-nama seperti Chung Keng Kwee, Chung Ah Yam, Leong Fee, Yau Tet Shin, Foo Choo Choon dan Eu Tong Sen begitu sinonim dalam mewarnai sejarah perkembangan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak.

Menerusi perlombongan bijih timah dan perniagaan, pelombong-pelombong Cina mempunyai kewangan dan tenaga kerja yang cukup untuk membangunkan sesebuah bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Mereka juga berjaya membina satu masyarakat yang menguasai bandar dan pekan-pekan bijih timah di negeri Perak serta satu persekitaran baharu dengan menyediakan rumah-rumah kedai, persatuan-persatuan, pasar, hospital, sekolah dan dewan perhimpunan. Maka tidak hairanlah, unsur-unsur pengaruh elemen Cina begitu ketara dalam senibina beberapa infrastruktur di bandar dan pekan-pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri ini. Perkara ini jelas terbukti



menerusi catatan Isabella Bird semasa mengunjungi bandar Taiping pada tahun 1879.¹⁰⁸

Pengenalan sistem Kapitan oleh pihak British menyerlahkan peranan pelombong Cina terutamanya tauke-tauke lombong dalam perkembangan bandar dan pekan-pekan kecil bijih timah di negeri Perak. Jawatan Kapitan ini merupakan ketua kepada tauke-tauke lombong Cina dan tauke politik. Menerusi sistem ini, tauke-tauke lombong Cina dapat melibatkan diri bersama pegawai British dan pembesar Melayu dalam pentadbiran serta turut bersama-sama merancang pembangunan setempat. Misalnya, Kapitan Ching Ah Yam pernah dilantik menganggotai Sanitary Board Taiping manakala Yat Tet Shin dan Leong Fee menjadi anggota *Sanitary Board* Ipoh.¹⁰⁹

Kapitan Chung Keng Kwee¹¹⁰ atau juga dikenali sebagai Chung Ah Quee merupakan tauke lombong Cina terawal yang terlibat dalam perkembangan bandar dan pekan-pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak. Beliau banyak





menyumbangkan peranannya dalam membangunkan bandar Taiping dan beberapa pekan kecil bijih timah di Lembah Kinta seperti Gopeng. Chung Keng Kwee sebagai peneroka awal dalam perlombongan bijih timah di Larut dan Ketua Kongsi Gelap Hai San terlibat dalam perkembangan awal bandar Taiping yang bermula dari Klian Pauh sehingga dianggap sebagai pengasas dan pembina bandar Taiping.¹¹¹

Kedudukan dan peranan Chung Keng Kwee semakin penting setelah Perjanjian Pangkor ditandatangani pada tahun 1874 apabila beliau terlibat dalam Suruhanjaya Perjanjian Pangkor yang bertanggungjawab menentukan persempadanan kawasan perlombongan bijih timah di Larut hingga membawa kepada kelahiran bandar Taiping. Kedudukan Chung Keng Kwee di Larut terutamanya Taiping kian kukuh setelah Menteri Ngah Ibrahim dihukum buang negeri dalam insiden pembunuhan J.W.W. Birch pada tahun 1875. Segala harta kekayaan milik Menteri Ngah Ibrahim seperti lombong bijih timah kini



menjadi kepunyaan beliau.

Pada 3 Januari 1875, beliau dan seorang lagi pemimpin Kongsi Gelap Ghee Hin iaitu Ching Ah Yam dilantik sebagai Kapitan Cina oleh pihak British.¹¹² Sejak itu, Chung Keng Kwee memainkan peranan penting dalam membangunkan Taiping bersama-sama dengan pentadbiran British. Seterusnya dalam tahun 1877, Kapitan Chung Keng Kwee dan Kapitan Ching Ah Yam dilantik sebagai sebahagian daripada ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak. Menurut Zamberi A. Malek, peluang ini membolehkan kedua-dua orang Kapitan Cina ini mengemukakan pendapat dalam pembangunan bandar bijih timah, Taiping.¹¹³

Buktinya, Kapitan Chung Keng Kwee dengan menggunakan pengaruhnya berjaya memujuk tauke-tauke lombong Cina yang lain untuk menyokong dan menyediakan modal kewangan untuk projek pembinaan landasan kereta api di Taiping dalam Majlis Mesyuarat Negeri yang berlangsung pada 20 Oktober 1880.¹¹⁴ Selain daripada pembinaan landasan





kereta api, Kapitan Chung Keng Kwee dan Kapitan Ching Ah Yam bersama-sama tauke-tauke lombong Cina lain turut mengambil bahagian dalam penyediaan kemudahan kesihatan di Taiping. Hasilnya, sebuah hospital didirikan di Taiping dan diberi nama sebagai Hospital Yeng Wah.

Jika Chung Keng Kwee dan Ching Ah Yam berperanan besar di Taiping, beberapa pemimpin Cina seperti Leong Fee¹¹⁵, Yat Tet Shin dan Foo Choo Chong lebih banyak menyumbangkan jasa mereka dalam perkembangan bandar di Lembah Kinta. Leong Fee sebagai pelombong terawal di Ipoh berjaya membangunkan pekan Tambun daripada sebuah ladang kopi.¹¹⁶ Leong Fee turut dilantik sebagai ahli *Sanitary Board* Kinta dan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak.¹¹⁷ Pada tahun 1904, beliau bersama Foo Choo Choong menaja penubuhan *Perak Chinese Maternity Hospital* di Ipoh.¹¹⁸

Foo Choo Choong¹¹⁹ turut memainkan peranan penting dalam perkembangan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak terutamanya Lembah Kinta. Buktinya, beliau bertanggungjawab membangunkan pekan Tronoh dan membina semula pekan Sungai Raia pada tahun 1913.¹²⁰ Selain itu, Foo Choo Choong juga membantu penubuhan Sekolah Menengah Yuk Choy, Chinese Girls School di Ipoh dan Sekolah Mandarin di Lahat.¹²¹

Seterusnya, Yat Tet Shin¹²² juga adalah salah seorang pemimpin Cina yang berpengaruh dalam perkembangan bandar bijih timah di Perak terutamanya di Ipoh. Selain terlibat dalam kegiatan perlombongan bijih timah, Yat Tet Shin lebih cenderung dalam bidang hartanah dan membina banyak kedai di Ipoh.¹²³ Buktinya, beliau terlibat dalam pembinaan Pekan Baru Ipoh pada tahun 1907. Yat Tet Shin juga banyak terlibat dalam membangunkan Hospital Ipoh dan turut menyumbangkan wad baru yang dinamakan sebagai ' *Yeow Tek Shin Ward* '.¹²⁴





Selain itu, pelombong-pelombong Cina di Kinta turut terlibat dalam pembinaan sistem perhubungan seperti di Larut. Buktinya, tauke-tauke lombong Cina di Gopeng meminta pembinaan jalan kereta api dari Lembah Kinta ke Teluk Anson. Malahan, mereka juga mencadangkan untuk memberi pinjaman sebanyak \$1,500,000 kepada kerajaan untuk pembinaan tersebut.¹²⁵

Pemansuhan sistem Kapitan Cina di Perak selepas kematian Kapitan Chung Thye Phin telah menjadi titik tolak kepada kemerosotan peranan pelombong dan tauke Cina dalam perkembangan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak. Perkara ini berpunca daripada pihak British yang tidak memerlukan sistem ini untuk berhubung dengan orang Cina dan lebih yakin menggunakan Pegawai Perlindungan Orang Cina yang fasih bertutur bahasa Cina. Namun begitu, sumbangan pelombong Cina tersebut tidak dinafikan kepentingannya sehingga berjaya mewujudkan beberapa kemudahan di bandar

dan pekan seperti hospital, sekolah dan pusat ibadat.



4.7 Kesan Pembinaan Sistem Pengangkutan dan Perhubungan

Kemasukan pentadbiran British ke negeri Perak turut membawa masuk teknologi dalam sistem pengangkutan dan perhubungan di negeri tersebut. Bagi merencanakan kegiatan perlombongan bijih timah yang terdapat di negeri, pihak British memperkenalkan sistem jalan raya berturap dan perkhidmatan kereta api. Hal yang sedemikian ini timbul kerana sebelum tahun 1874, rata-rata kawasan perlombongan bijih timah di negeri Perak ini hanya boleh dihubungi melalui jalan air iaitu sungai.¹²⁶ Taburan petempatan masyarakat di negeri





ini mulai beralih lokasinya dari tebing-tebing sungai ke kawasan perlombongan bijih timah. Perubahan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada perkembangan setempat termasuklah bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri ini.

Pada peringkat awal, hasil bijih timah akan dibawa keluar menerusi sungai-sungai utama dan dikumpulkan di kuala-kuala sungai tersebut iaitu lokasi beradanya bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah pada peringkat awal.¹²⁷ Antara sungai utama terlibat ialah Sungai Larut dan Sungai Kerian di Larut, Sungai Kinta, Sungai Raya dan Sungai Kampar di Kinta manakala Sungai Batang Padang, Sungai Bidor dan Sungai Bernam di Batang Padang. Jalan sungai ini juga dihubungkan dengan laluan denai gajah atau kereta lembu.¹²⁸ Contohnya, bijih timah di Lembah Kinta dibawa keluar melalui denai gajah sebelum tiba di Sungai Kinta dan Teluk Intan.¹²⁹ Hasilnya, muncullah beberapa pekan kecil perlombongan bijih timah seperti Batu Gajah, Ipoh dan Kota Bharu.



Peningkatan aktiviti perlombongan bijih timah di kawasan lembah sungai atau pedalaman menyebabkan sungai-sungai yang merupakan laluan utama menjadi cetek.¹³⁰ Mendapan-mendapan sisa perlombongan bijih timah menyukarkan perahu-perahu untuk memudiki sungai. Kejadian ini sering berlaku di Sungai Kinta iaitu nadi utama Lembah Kinta itu sendiri. Masalah tersebut mendorong pihak pentadbiran British untuk meningkatkan pembinaan jalan darat seperti laluan denai gajah dan jalan kereta lembu. Buktinya pembinaan jalan kereta lembu Taiping ke Teluk Kertang oleh Kapten Speedy pada tahun 1874 memberi impak pembangunan terhadap bandar Taiping dan pekan-pekan kecil seperti Kamunting, Matang, Simpang, Kota dan Teluk Kertang. Hal yang sama turut berlaku di Kinta apabila jalan dibina antara Gopeng ke Kota Bharu berjaya menyokong perkembangan pesat terhadap kedua-dua pekan perlombongan bijih timah sehingga Gopeng menjadi pekan bijih timah utama di Lembah Kinta pada tahun 1890-an.¹³¹





Di samping itu, perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak juga dipengaruhi dengan pembinaan pelabuhan atau wharf seperti Teluk Anson dan Port Weld. Pelabuhan-pelabuhan ini bukan sahaja cukup penting kepada perlombongan bijih timah tetapi juga menjadi pintu masuk dan keluar utama ke bandar-bandar bijih timah. Kewujudan pelabuhan tersebut membolehkan barangan keperluan penduduk diimport dan hasil ekonomi seperti bijih timah dieksport ke luar. Port Weld yang dibina pada tahun 1885 merupakan pelabuhan utama kepada bandar-bandar di Larut manakala Teluk Intan adalah pelabuhan utama bagi bandar-bandar di Kinta dan Batang Padang. Khoo Kay Kim turut mengakui kepentingan Pelabuhan Teluk Intan ini seperti berikut :-

“Pelabuhan Teluk Anson yang baru terus berkhidmat sebagai pelabuhan utama Perak sebelum tahun-tahun hingga siap terbinanya landasan kereta api pada kurun ke-19 yang membolehkan dagangan dihantar ke Teluk Anson, dari Tapah Road..”¹³²



Kerancangan aktiviti perlombongan bijih timah bersama pembangunan pesat pekan-pekan bijih timah di negeri Perak mencetuskan idea untuk membina landasan kereta api oleh pihak British pada tahun 1879. Hal ini jelas dinyatakan oleh Hugh Low bahawa begitu sukar untuk membawa bijih timah dari lombong ke pelabuhan.¹³³ Pada tahun 1885, landasan kereta api pertama di negeri Perak dan Negeri-negeri Melayu iaitu antara Port Weld ke Taiping siap dibina dan dibuka secara rasmi. Pembukaan landasan kereta api ini meningkatkan lagi pembangunan bandar Taiping sehingga meletakkan bandar bijih timah itu sebagai bandar utama di Negeri-negeri Melayu.

Bagi merangsang perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Lembah Kinta dan Batang Padang juga, pembinaan landasan kereta api itu seterusnya diperluaskan ke kawasan tersebut.¹³⁴ Pembinaan tersebut turut pernah dicadangkan oleh Gabenor Weld.¹³⁵ Ia bermula pada tahun 1893 dengan pembinaan landasan kereta api dari Tapah Road ke Teluk Anson dan Ipoh ke Batu Gajah.¹³⁶ Perkembangan ini secara tidak





langsung membuah hasil kerana landasan kereta api di Lembah Kinta dibina berjaya menghubungkan antara satu sama lain pekan-pekan perlombongan bijih timah yang terdapat seperti Ipoh, Tanjung Rambutan, Chemor, Pusing, Papan, Batu Gajah, Kota Bahru, Malim Nawar dan Kampar.

Selain itu, pembinaan jalan raya dan landasan kereta api turut mempercepatkan perjalanan antara pekan bijih timah yang terdapat di negeri Perak. Contohnya pembinaan landasan kereta api Kinta berjaya memendekkan masa perjalanan antara pekan-pekan bijih timah di Kinta dengan pelabuhan Teluk Intan. Tempoh masa yang diambil adalah lebih singkat iaitu sehari berbanding dengan jalan air menerusi Sungai Kinta yang mengambil masa tiga hari.¹³⁷

Pembinaan rangkaian jalan raya seperti '*Taiping Pass*' dan '*Meru Pass*' yang merentasi banjaran pergunungan di negeri Perak pula memudahkan pergerakan dan perjalanan dari Larut ke Kinta. Perjalanan dari Larut ke Kinta sebelum wujudnya rangkaian jalan raya tersebut hanya boleh dihubungi menerusi jalan laut iaitu belayar dari Pulau Pinang ke Teluk Intan sebelum memudiki Sungai Kinta pula.¹³⁸ Menurut *Perak Annual Report* pada tahun 1886, pembinaan laluan ini sangat penting bagi memudahkan capaian ke kawasan perlombongan dan dapat meningkatkan pendapatan ekonomi negeri.¹³⁹

Pada tahun 1890-an, negeri Perak memiliki satu sistem perhubungan yang sistematik dan berkesan. Rata-rata jalan raya tersebut menghubungkan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri ini. Menjelang tahun 1893, semua bandar dan pekan di negeri Perak dihubungkan dengan jalan raya yang bertaraf kelas pertama ketika itu. Perkembangan itu juga disuntik lagi dengan kemunculan landasan kereta api. Maka dengan pembinaan rangkaian jalan raya dan landasan kereta api ini bukan sahaja menjimatkan





masa dan kos tetapi menjadi tumpuan petempatan baharu masyarakat di sepanjang kawasan tersebut terutama pekan-pekan bijih timah.

Kewujudan sistem perhubungan ini seterusnya didapati mengubah corak perkembangan pekan dan bandar perlombongan bijih timah di Perak terutamanya Lembah Kinta pada suku pertama awal abad ke-20. Buktinya, proses perbandaran di Kinta mulai berpusat di Ipoh bagi bahagian utara dan Kampar bagi bahagian selatan. Bandar dan pekan kecil yang lain hanya menjadi penyumbang kepada perkembangan dua bandar utama tersebut.

4.8 Kesan Pertanian Komersil



Perkembangan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah sebenarnya tidak hanya bergantung kepada hasil bumi tersebut sahaja. Kewujudan aktiviti pertanian komersil turut membantu perkembangan tersebut secara tidak langsung. Pertanian komersil ini juga berperanan penting dalam menentukan jatuh bangun beberapa pekan-pekan kecil bijih timah di Perak. Oleh demikian, beberapa jenis tanaman seperti kopi, tembakau dan getah diusahakan meluas oleh petani tempatan mahupun pelabur asing.

Aktiviti pertanian bermula sejak tahun 1880-an dengan tujuan untuk memenuhi keperluan sumber makanan bagi pelombong-pelombong Cina yang meningkat ramai di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah. Bagi memenuhi keperluan itu, pihak British mengamalkan dasar yang menggalakkan kemasukan orang Melayu dari Sumatera





(Orang Dagang) untuk mengusahakan pertanian di kawasan tersebut.¹⁴⁰ Perkara ini jelas tercatat dalam *Perak Government Gazette* pada tahun 1893 seperti berikut:-

“They are a most useful addition to the population, as they are the only Malay in Kinta who take any interest in agriculture.”

Selain itu, aktiviti pertanian ini turut mempengaruhi perkembangan bandar dan pekan bijih timah di Perak dengan membawa kepada kemasukan imigran India ke negeri ini. Contohnya, penanaman kopi Liberia di Changkat Melintang, Gopeng oleh Mess. F. D. Osborne, Leech dan Pike telah menggunakan buruh-buruh dari India.¹⁴¹ Perkembangan ini secara tidak langsung menyebabkan populasi penduduk di bandar dan pekan-pekan bijih timah turut bertambah yang seterusnya membentuk masyarakat pelbagai kaum.

Pertanian komersil turut membawa masuk peladang-peladang Eropah ke bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak. Buktinya, aktiviti perladangan getah yang mulai berkembang di Perak pada tahun 1896 melahirkan nama-nama seperti William Kellie Smith dan Charles Alma Baker sebagai peladang-peladang Eropah yang berjaya. Smith merupakan pemilik ladang getah terbesar manakala Baker adalah pemilik pegangan getah swasta terbesar di Negeri-negeri Melayu.¹⁴² Mereka berdua ini juga aktif melibatkan diri dalam aktiviti sosioekonomi di Batu Gajah.¹⁴³

Selain itu, pertanian komersil bukan sahaja membawa masuk peladang-peladang Eropah tetapi juga membawa masuk peladang Cina dan buruh-buruh India ke kawasan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak. Perkembangan tersebut secara tidak langsung melahirkan masyarakat berbilang kaum di situ. Misalnya, aktiviti pertanian yang dijalankan oleh Loke Yew menyebabkan buruh-buruh Cina menetap di Tanjung Malim bersama-sama orang Melayu.¹⁴⁴





Menjelang awal abad ke-20, sektor pertanian komersil mulai mempengaruhi sebahagian besar dalam perkembangan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah. Perkara ini berpunca daripada kemerosotan pengeluaran bijih timah di beberapa kawasan perlombongan bijih timah seperti Larut. Perkembangan pertanian komersil terutamanya perladangan getah berjaya menyelamatkan bandar dan pekan-pekan bijih timah di Perak daripada mengalami kemerosotan.

Umpamanya, perkembangan bandar Taiping mulai merosot selepas tahun 1896 tetapi perladangan getah yang berkembang pesat di Matang telah menjadi penyumbang kemajuan sosioekonomi bandar tersebut. Peladangan getah tersebut juga berjaya mempertahankan status Taiping sebagai ibu negeri Perak daripada dipindahkan ke Ipoh pada tahun 1937.¹⁴⁵ Selain itu, secara tidak langsung Matang yang merupakan sebuah pekan kecil perlombongan bijih timah muncul sebagai kawasan utama penanaman getah di



Larut pada ketika itu.¹⁴⁶

Ketidakstabilan sektor perlombongan bijih timah pada awal abad ke-20 memberi ruang kepada sektor pertanian komersil untuk terlibat sama dalam mencorakkan perkembangan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak. Perkembangan pesat perladangan getah sebagai contohnya berjaya memberi nafas baru kepada beberapa bandar dan pekan-pekan kecil bijih timah di negeri ini. Malahan, beberapa bandar dan pekan kecil tersebut mula menumpukan sektor pertanian daripada perlombongan bijih timah seperti Matang, Tanjung Malim dan Batu Gajah.¹⁴⁷





4.9 Kesimpulan

Sesungguhnya berdasarkan perbincangan dalam bab ini, ternyatalah bahawa perkembangan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak tidak hanya dipengaruhi oleh faktor perlombongan bijih timah di negeri ini sahaja. Hasil perbincangan mendapati terdapat beberapa faktor lain yang turut sama menyumbang kepada perkembangan tersebut. Antara faktor-faktor yang dikenalpasti ialah kemunculan pentadbiran kolonial British, impak Revolusi Perindustrian, peranan pegawai British, sumbangan pembesar Melayu, peranan golongan pelombong Cina, kesan perkembangan sistem perhubungan dan kesan pertanian komersil. Kesemua faktor ini turut sama mencorakkan perkembangan bandar dan pekan-pekan bijih timah di Perak.



Nota Hujung

¹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 111.

²*Annual Report Federated Malay States 1899*, hlm. 40.

³Cadangan pemindahan ibu negeri Perak dari Taiping ke Ipoh ini dikemukakan oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Hugh Clifford dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan. Untuk mengetahui lanjut, rujuk Ho Tak Ming, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 484 dan Mohd Zamberi Abdul Malek, Taiping Ibu Kota Perak sebelum Ipoh, hlm. 14.

⁴*Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak for the year 1874*, hlm. 11. Lihat juga, Gullick, J.M., Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, hlm. 56.

⁵Sanitary Board juga dikenali sebagai Lembaga Kebersihan Bandar atau Lembaga Perbandaran dalam bahasa Melayu.

⁶Wilkinson, R.J., *Papers on Malay Subjects, History Part III : Council Minute Perak*, Kuala Lumpur, 1907, hlm. 1. Lihat juga, Fawzi Basri, *Cempaka Sari*, hlm. 101.

⁷Mereka ialah Raja Idris (Raja Dris) dan Orang Kaya Temenggung. Perwakilan pembesar Melayu ini kemudiannya ditambah dengan Che Karim Selama, Datuk Panglima Besar dan Kadi Sheikh Muhammad Taib.

⁸Terdiri daripada Kapitan Chung Keng Kwee dan Kapitan Chin Ah Yam.

⁹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 16. Lihat juga, Mohd. Zamberi Malek, *Kapitan Chung Keng Kwee Pahlawan Perang Larut*, hlm. 169.

¹⁰Wilkinson, R.J., *Malay Subjects IV*, 1909, hlm. 55 & 58.

¹¹*Ibid.*, hlm. 37. Lihat juga, Mohd. Zamberi Malek, *Kapitan Chung Keng Kwee Pahlawan Perang Larut*, hlm. 174 & 175.

¹²Wilkinson, R.J., *Malay Subjects III*, hlm. 34.

¹³Wilkinson, R.J., *Malay Subjects IV*, hlm. 55.

¹⁴*Taiping Life & Soul*, hlm. 25 dan *Taiping's Many Firsts Reports*, Taiping, Majlis Perbandaran Taiping, 2013, hlm. 114.





¹⁵*Ibid.*,

¹⁶Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 35 & 36. Meskipun asas-asas sistem perbandaran di Negeri-negeri Melayu bermula awal di negeri Perak tetapi *Sanitary Board* pertama diwujudkan oleh Frank Swettenham di Kuala Lumpur, Selangor pada tahun 1890.

¹⁷*Perak Government Gazette 1898*, hlm. 409.

¹⁸Menurut *Perak Government Gazette* pada tahun 1894, berikut ialah senarai ahli Sanitary Board bagi Taiping, Ipoh, Batu Gajah dan Gopeng,

- a) Taiping – E.W. Birch (Pengerusi), Colonel R.S.F. Walker, Dr. M.J. Wright, E.H. Wallich, W.H. Tate, Capitan Chin Ah Yam dan D.E. Daniell (Setiausaha).
- b) Ipoh – Dr. C.H. Wheeler (Pengerusi), H.L. Hulbert, Lieut. H.C. Metcalfe, W. Cowan, Datoh Panglima Kinta Usuf, Leong Fee, Yau Tek Shin dan J.F. Ward (Setiausaha).
- c) Batu Gajah – Assist. Magistrate (Pengerusi), District Surgeon, Assist. Commissioner of Police, Penghulu Pandak Akhat, Penghulu Raja Bila, Khu Ah Ngoh dan Shak Yen Fuk.
- d) Gopeng - Assist. Magistrate (Pengerusi), D. Berwick, A. Cologan, Penghulu Imam Prang, Lam Nyen dan Foo Hap.

¹⁹*Perak Government Gazette 1899*, hlm. 58.

²⁰*Perak Government Gazette 1898*, hlm. 409.

²¹*Annual Report Perak 1880*, hlm. 3.

²²*Perak Government Gazette 1897*, hlm. 399-403. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 37.

²³Report on the Kinta District 1898, *Perak Government Gazette 1898*, hlm. 3

²⁴Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 34 & 35.

²⁵*Ibid.*, hlm. 34.

²⁶*Ibid.*, hlm. 35.

²⁷*Ibid.*, hlm. 36.

²⁸*Perak Government Gazette 1892*, hlm. 91 & 92.

²⁹*Perak Government Gazette 1898*, hlm. 654.

³⁰*Perak Government Gazette 1893*, hlm. 483.

³¹Lim Heng Kow, *The Evolution of The Urban System In Malaya*, hlm. 46.

³²Patrick Sullivan, *Social Relations of Dependence in a Malay State : Nineteenth Century Perak*, *MBRAS Monograph : 10*, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 13.

³³Cowan, C.D, *Nineteenth Century Malaya : The Origins of British Political Control*, London, Oxford University Press, 1987, hlm. 140.

³⁴Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development* hlm. 105.

³⁵Cowan, C.D, *Nineteenth Century Malaya : The Origins of British Political Control*, hlm. 140.

³⁶Jean Francois Hennart, Internalization in Practice, *Journal of International Business Studies* Vol. 17, No. 2 , 1986), hlm. 132. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development* hlm. 105.

³⁷Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development* hlm. 105.

³⁸Cowan, C.D, *Nineteenth Century Malaya : The Origins of British Political Control*, hlm. 141.

³⁹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development* hlm. 89. Lihat juga, Barlow, *Swettenham*, hlm. 301 & 302.

⁴⁰*Ibid.*, hlm. 89.

⁴¹*Tin Story, Heritage of Malaysia*, hlm. 3.

⁴²*Perak Government Gazette 1894*, hlm. 653. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development* hlm. 156.

⁴³J.H. Hampton adalah pengurus syarikat Shanghai Tin Mining.

⁴⁴E.R. Pike ialah Inspektor Perlombongan Bijih Timah di Kinta.

⁴⁵Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development* hlm. 105.

⁴⁶*Ibid.*, hlm. 105, 106 & 137.

⁴⁷*Perak Government Gazette 1897*, hlm. 600.

⁴⁸Gullick, J.M., Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, hlm. 49 & 50.

⁴⁹*Ibid.*, hlm. 57.





⁵⁰Hugh Low telah dilahirkan pada 10 Mei 1824 di Upper Clapton,UK. Beliau merupakan seorang ahli botani dan memiliki hubungan kekeluargaan dengan James Brooke. Kerjayanya bermula sebagai Setiausaha Kolonial (1848-1850) dan Majistret Polis (1850-1877) di Labuan. Beliau meninggal dunia di Alassio,Itali pada 18 April 1905. Sila rujuk, Cowan, Sir Hugh Low 1824-1905, *Journal of the Society of Bibliography of Natural History, Jilid. 4, Bhg. VII*, 1968 dan Sadka, Emily, *The Journal of Sir Hugh Low Perak 1877, JMBRAS Jilid. 27, Part IV*, 1954.

⁵¹Gullick,Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, hlm. 78.

⁵²*Ibid.*, hlm. 78.

⁵³Chean Jin Seng, *Perak 300 Early Postcards*, Kuala Lumpur, Editions Didier Millet, 2009, hlm. 19.

⁵⁴Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 1968, hlm. 23.

⁵⁵EmilySadka,*The Protected Malay States 1874-1895*, hlm. 23.

⁵⁶*Annual Report Perak 1880*, hlm. 7. Lihat juga, Wilkinson, R.J., *Paper On Malay Subject III*, hlm. 245.

⁵⁷*Annual Report Perak 1880*, hlm. 9.

⁵⁸Wilkinson, R.J., *Paper on Malay Subject III*, hlm. 243.

⁵⁹Kennedy, J., *A History of Malaya*, Kuala Lumpur, Macmillan, 1962, hlm. 180&Cowan, C.D, *Nineteenth Century Malaya : The Origins of British Political Control*, hlm. 339.

⁶⁰Frank Athelstane Swettenham telah dilahirkan pada 28 Mac 1850 di Belper, Debyshire, England. Swettenham mendapat pendidikan awal di England dan Scotland. Beliau memulakan kariernya sebagai Kadet bagi Jajahan Negeri-negeri Selat di Singapura pada tahun 1871. Swettenham ini memiliki kepakaran dalam memahami budaya dan bahasa orang Melayu yang dikatakan dipelajarinya daripada Mohammed Said. Malahan, beliau juga telah menghasilkan penulisan mengenai orang Melayu sebanyak dua belas buah buku seperti *Malay Sketches*. Oleh itu, beliau telah memulakan tugas utamanya di Negeri-negeri Melayu apabila terlibat dengan rundingan para pembesar Melayu Perak di Pulau Pangkor sehingga termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. Ekoran daripada perjanjian tersebut, Swettenham kemudiannya diarahkan menyertai Suruhanjaya British iaitu SPL selama sebulan dan berjaya menyelesaikan konflik di Larut, Perak. Selain itu, Swettenham banyak melibatkan diri dalam menjayakan polisi campur tangan British di Selangor. Keperibadian beliau telah menyebabkan Sultan Selangor, Sultan Abdul Samad meminta kerajaan British melantikinya sebagai Residen di Selangor. Namun permohonan ini ditolak dan Swettenham hanya menjadi Penolong Residen di Selangor. Pada tahun 1875, Swettenham terpaksa menemani J.W.W. Birch di Perak bagi mengukuhkan penjajahan British di negeri itu. Semasa tempoh inilah, beliau hampir dibunuh oleh orang-orang Melayu Perak dan diceritakan dengan lanjut menerusi bab ke-20 yang bertajuk 'Satu peristiwa peribadi' dalam bukunya, *Malay Sketches*. Beliau seterusnya dilantik dalam Pemangku Pesuruhjaya British untuk menamatkan Perang Perak pada tahun 1875-1877. Kerjaya Swettenham selepas itu terus meningkat naik sehingga menjadi Residen British di Perak, Selangor, Residen Jeneral Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896 dan Gabenor Negeri-negeri Selat. Beliau meninggal dunia di London, England pada 11 Jun 1946.

⁶¹*Letter from Hugh Low to F.A. Swettenham Congratulating Him on His Administration In Perak While Serving As Acting Resident There*, 11 January 1886. Lihat juga, Barlow, *Swettenham*, hlm. 326.

⁶²*Annual Report Perak 1885*, hlm. 7.

⁶³*Letter from Hugh Low to F.A. Swettenham Congratulating Him on His Administration In Perak While Serving As Acting Resident There*, 11 January 1886.

⁶⁴Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 20.

⁶⁵*Ibid.*, hlm. 17.

⁶⁶*Ibid.*, hlm. 142 & 172.

⁶⁷*Ibid.*,hlm. 159 & 191.

⁶⁸Swettenham, *About Perak*, hlm. 40.

⁶⁹Mohd. Zamberi A. Malek,*Larut Daerah Terkaya*, hlm. 37.

⁷⁰Swettenham, F.A., *British Malaya*, hlm. 123.

⁷¹Winstedt,R.O., *History of Perak, JMBRAS*, hlm. 82.

⁷²*Report of the Commissioners under Clause XIII of the "Perak Engagement" dated 20th January 1874*, hlm. 2.

⁷³Abdullah Zakaria Ghazali, *Ngah Ibrahim Orang Kaya Menteri Paduka Tuan*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Negara, 1993, dan Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 76.

⁷⁴Burn, P.L., *The Journal of J.W.W.Birch, The First British Resident To Perak 1874-1875*, hlm. 14.

⁷⁵*Birch's Report On Perak, 2 April 1875*, Surat kepada Pejabat Setiausaha Kolonial, Singapura, bertarikh 29 April 1875, hlm. 2. Lihat juga, Burn, P.L., *The Journal of J.W.W.Birch, The First British Resident To Perak*





1874-1875, hlm. 13 & 390 dan Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pionering Malaysia's Modern Development*, hlm. 8,9 & 156.

⁷⁶Burn, P.L., *The Journal of J.W.W.Birch, The First British Resident To Perak 1874-1875*, hlm. 14.

⁷⁷*Ibid.*, hlm. 214.

⁷⁸Dato' Panglima Kinta Yusuf atau nama sebenarnya Kulup Mohammad Yusuf merupakan penyandang kesepuluh bagi gelaran tersebut. Beliau turut dikenali sebagai 'Che Alang Yusuf', 'Toh Ipoh', 'Dato Panglima Kinta Paloh' dan Dato' Panglima Kinta Tua. Beliau merupakan anak kepada Dato' Panglima Kinta Ngah Abdul Lassam. Keturunan Dato' Panglima Kinta Yusuf berasal dari Tuk Tambak, iaitu penyandang gelaran Dato' Panglima Kinta yang pertama. Selain itu, asal usul keturunan Dato' Panglima Kinta Yusuf ini juga mempunyai hubungan kekeluargaan dengan keturunan Tun Saban. Hubungan kekeluargaan tersebut terjalin apabila Tuk Tambak berkahwin dengan Toh Puan Intan, generasi keenam Tun Saban. Hasil perkahwinan itu, mereka mempunyai dua orang anak iaitu Toh Changkat Saga yang memulakan cabang keturunan Paloh dan Toh Changkat Rembia pula memulakan cabang keturunan Kepayang. Mengikut tradisi, gelaran Dato' Panglima Kinta diwarisi secara bergilir-gilir oleh keturunan Toh Changkat Rembia daripada keluarga Kepayang dan keturunan Toh Changkat Saga daripada keluarga Paloh. Namun menjelang akhir abad ke-19, gelaran Dato' Panglima Kinta hanya diwarisi oleh keturunan keluarga Paloh. Berdasarkan catatan Sir Hugh Low mengenai isu perlantikan Toh Muda Yusuf pada tahun 1881, beliau mendapati keturunan keluarga Kepayang tidak mempunyai waris lelaki selepas kematian Dato' Panglima Kinta Ngah Jabar bin Tuk Ngah Ghafar.

⁷⁹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development* hlm. 188.

⁸⁰Abdul Rahim Haji Bakar, *Perkembangan Penduduk Melayu di Daerah Kinta (Perak) 1880-1930an*, Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1976-1977, hlm. 22. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development* hlm. 190.

⁸¹Abdul Rahim Haji Bakar, *Perkembangan Penduduk Melayu di Daerah Kinta (Perak) 1880-1930an*, hlm. 22.

⁸²Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 114 & 115.

⁸³*Perak Government Gazette* 1889, hlm. 333.

⁸⁴Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 114.

⁸⁵*Annual Report Perak 1886*, hlm. 28.

⁸⁶*Perak Pioneer*, 18 Mei 1906.

⁸⁷A. Talib B. Haji Ahmad, *Riwayat Kinta*, hlm. 65 dan Abdul Rahim B. Haji Bakar, *Perkembangan Penduduk Melayu di Daerah Kinta (Perak) 1880-1930an*, hlm. 22.

⁸⁸*Perak Government Gazette* 1897, hlm. 315. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 172.

⁸⁹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 172.

⁹⁰Rathborne, *Camping & Tramping In Malaya*, Oxford, John Beaufey Publishing Ltd., 2011 (Reprint), hlm. 123. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 172.

⁹¹Pandak Akhat dilahirkan di Kampung Sungai Terap Lama pada tahun 1840-an. Bapanya, Toh Amar Diraja Bongkok merupakan pembesar Melayu yang membuka petempatan di Sungai Terap. Beliau meninggal dunia pada tahun 1920.

⁹²*Tokoh-tokoh Batu Gajah*, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, 2003, hlm. 270. Lihat juga, Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailing In Perak 1875-1911*, hlm. 68.

⁹³*Perak Government Gazette* 1894 Vol. II No.6, 16 March 1894.

⁹⁴*Tokoh-tokoh Batu Gajah*, hlm. 270.

⁹⁵*Ibid.*,

⁹⁶Pandak Taha dilahirkan pada tahun 1800-an di Kampung Jernih dan merupakan Penghulu Kampung Batu Gajah yang pertama. Beliau juga aktif menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah di kawasan kampung Rotan Dahan, Batu Gajah hingga ke Seputih. Pada tahun 1890, beliau telah meninggal dunia.

⁹⁷*Tokoh-tokoh Batu Gajah*, hlm. 272.

⁹⁸Tok Setia Raja dilahirkan di Klang, Selangor pada tahun 1806. Beliau telah mengikuti Raja Asal berhijrah ke negeri Perak dan menetap di Batu Gajah sehingga meninggal dunia pada tahun 1926.

⁹⁹Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailing In Perak 1875-1911*, hlm. 70.

¹⁰⁰Raja Bilah dilahirkan pada tahun 1834 dan merantau ke Semenanjung Negeri Melayu bersama bapa saudaranya, Raja Asal.

¹⁰¹*Perak Government Gazette* 1894 Vol. II No.6, 16 March 1894.

¹⁰²*Ibid.*,





¹⁰³ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 142.

¹⁰⁴ Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim*, hlm. 72.

¹⁰⁵ Berdasarkan sumbangan Penghulu Mustapha Raja Kamala, nama beliau telah diabadikan pada sebatang jalan di bandar Tanjung Malim pada hari ini.

¹⁰⁶ Emily Sadka, *The Protected Malay State 1875-1895*, hlm. 282

¹⁰⁷ Mohd. Zamberi A. Malek, *Kapitan Chung Keng Kwee Pahlawan Perang Larut*, hlm. Xii.

¹⁰⁸ Isabella Bird, *The Golden Chersonese and the Way Thither*, hlm. 264.

¹⁰⁹ *Perak Government Gazette 1894 Vol. II No.6*, 16 March 1894.

¹¹⁰ Chung Keng Kwee atau Chung Ah Quee dilahirkan di Kwangtung pada tahun 1821 dan merupakan anak ketiga daripada lima orang adik beradik. Keluarganya merupakan golongan petani yang miskin. Pada tahun 1841, beliau bermigrasi ke Pulau Pinang dan tiba di Larut lalu bekerja di lombong bijih timah milik Long Jaafar. Chung Keng Kwee meninggal dunia di Pulau Pinang pada 13 Disember 1901.

¹¹¹ Wong, C.S., *A Gallery Of Chinese Kapitan*, hlm. 79 & Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, , hlm. 23.

¹¹² Wilkinson, R.J., *Paper On The Malay Subject III*, hlm. 219.

¹¹³ Mohd. Zamberi A. Malek, *Kapitan Chung Keng Kwee Pahlawan Perang Larut*, 170.

¹¹⁴ Wilkinson, R.J., *Paper On The Malay Subject III*, hlm. 218.

¹¹⁵ Leong Fee atau dikenali juga sebagai Liang Pi Joodilahirkan di Guandong pada tahun 1857 dan bermigrasi ke Pulau Pinang. Beliau merupakan kumpulan terawal pelombong Cina yang tiba di Ipoh pada tahun 1876.

¹¹⁶ HoMing Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 152.

¹¹⁷ *Ibid.*, hlm. 56. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 209.

¹¹⁸ KhooSalma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 211.

¹¹⁹ Foo Choo Choong merupakan anak kelahiran Fujian dan datang ke Pulau Pinang pada tahun 1860. Kejayaan beliau dalam aktiviti perlombongan bijih timah dan perniagaan banyak dipengaruhi oleh hubungan baiknya dengan Kapitan Chung Keng Kwee dan Leong Fee.

¹²⁰ Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 440.

¹²¹ KhooSalma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 210.

¹²² Beliau yang dilahirkan di Pin Yuan, Guangdong pada tahun 1859 mula bermigrasi ke Perak dalam tahun 1878 dan memulakan perniagaan kedai runcit di Ipoh.

¹²³ HoMing Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 65.

¹²⁴ *Ibid.*, hlm. 48.

¹²⁵ *Annual Report Perak 1893*, hlm. 11. Lihatjuga, AmarjitKaur, *SeabadKeretaapi di Malaysia*, Kuala Lumpur, PersatuanMuzium Negara, 1985, hlm. 15.

¹²⁶ Swettenham, *About Perak*, hlm. 20.

¹²⁷ *Ibid.*, hlm. 29.

¹²⁸ FawziBasri, *SejarahKeretaapi di Malaysia*, Kuala Lumpur, Keretapi Tanah MelayuBerhad, 1985, hlm. 7.

¹²⁹ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 42.

¹³⁰ Swettenham, *About Perak*, hlm. 24.

¹³¹ *Ibid.*, hlm. 20& 21.

¹³² Malim Ghazali, *Kampung-kampung Tersohor Di Sungai Perak*, hlm. 22.

¹³³ Fawzi Basri, *Sejarah Keretapi Di Malaysia*, hlm. 9.

¹³⁴ Swettenham, *About Perak*, hlm. 25.

¹³⁵ FawziBasri, *SejarahKeretaapi di Malaysia*, hlm. 10.

¹³⁶ *Ibid.*, hlm. 12.

¹³⁷ Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 10

¹³⁸ *Ibid.*,

¹³⁹ *Annual Report Perak 1886*, hlm. 4. Lihatjuga, *Straits Settlements Government Gazette 1886, Notification No. 336*.

¹⁴⁰ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 52.

¹⁴¹ *Perak Government Gazette 1897*, hlm. 715.

¹⁴² *Perak Government Gazette 1897*, hlm. 432. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia' Modern Development*, hlm. 117 & 118.

¹⁴³ *Ibid.*, hlm. 117.

¹⁴⁴ Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim*, hlm. 73.





¹⁴⁵Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 108 dan Khoo Kay Kim, *Taipung Ibu kota Perak*, hlm. 11.

¹⁴⁶Leong Yee Fong, The Rubber Industry and Indian Immigration, *The Eyclopedia Of Malaysia : Early Modern History 1800-1940*, hlm. 118.

¹⁴⁷*The encyclopedia of Malaysia : Early Modern History*. Kuala Lumpur : Archipelago Press, 2001, hlm. 70.





BAB 5

KEPENTINGAN BANDAR DAN PEKAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI NEGERI PERAK

Kepentingan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak dalam lipatan sejarah negeri Perak dan negara Malaysia begitu signifikan terutamanya pada akhir abad ke-19. Meskipun rata-rata pekan bijih timah ini berfungsi sebagai pusat ekonomi terutama kepada pihak British sahaja, namun secara tidak langsung meninggalkan impak yang positif terhadap perkembangan setempat. Perkembangan yang berlaku dalam tempoh masa tersebut membawa perubahan besar kepada sejarah sosial-ekonomi tanah air daripada berlatar belakangkan pertanian kepada landskap ekonomi industri dan komersial. Ia juga menjadi pusat kegiatan seharian masyarakat tempatan meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial pada ketika itu.

Buktinya, hasil daripada perkembangan bandar dan pekan-pekan bijih timah ini ialah pemangkin pembangunan Negeri Melayu, permulaan perancangan bandar British, kepelbagaian senibina, pusat kemunculan masyarakat majmuk dan pusat gerakan politik.





5.1 Pemangkin Pembangunan Ekonomi Perak

Bagi tempoh masa Negeri-negeri Melayu Naungan British (*Protected Malay States*)¹ iaitu dari tahun 1874 hingga 1895, pembangunan di negeri Perak mendahului Negeri-negeri Melayu yang lain seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Pembangunan pesat itu menjadikan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah negeri itu sebagai pusat pentadbiran, pusat pengumpulan hasil, pusat perbankan dan pusat pertemuan masyarakat pada ketika itu. Lantaran itu, bandar dan pekan-pekan bijih timah di Perak begitu penting dalam sejarah negara sebagai pemangkin pembangunan awal Negeri-negeri Melayu pada akhir abad ke-19.

Kepentingan utama bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak adalah menjadi pusat pentadbiran awal British di Negeri-negeri Melayu. Sejak kemasukan pentadbiran British di Perak pada tahun 1874, pihak British membina pusat pentadbiran mereka di bandar dan pekan-pekan bijih timah seperti Taiping, Matang, Pengkalan Pegoh, Kota Bahru, Batu Gajah, Gopeng, Tapah dan Tanjung Malim.² Kewujudan pusat pentadbiran di bandar dan pekan-pekan ini juga bertujuan untuk melicinkan dan memastikan keberkesanan pentadbiran British di Perak.

Kebiasaannya, Residen British akan menempatkan beberapa pegawai British seperti Majistret dan Penolong Majistret di bandar dan pekan-pekan bijih timah ini. Misalnya, H.W.C. Leech telah ditempatkan di Kinta sebagai Majistret yang pertama dan dibantu oleh Kapten Hubert Berkeley di Gopeng.³ Pegawai-pegawai British ini akan membina pusat pentadbiran di kawasan bandar dengan mewujudkan jabatan-jabatan kerajaan seperti perbendaharaan, kastam, pejabat pos dan telegraf, mahkamah, balai polis dan hospital. Perkara ini memudahkan masyarakat setempat terutamanya golongan pelombong





berurusan dengan pihak kerajaan seperti urusan pengurusan tanah dan percukaian. Maka tidak hairanlah, bandar dan pekan-pekan bijih timah di Perak mempunyai kemudahan infrastruktur moden terawal di Negeri-negeri Melayu.

Penempatan Majistret dan Penolong Majistret di bandar-bandar perlombongan bijih timah di Perak juga ini membolehkan pentadbiran British mengawal kawasan sekitarnya. Perkara jelas dapat diperhatikan apabila setiap pejabat pos dan telegraf di beberapa bandar bijih timah pada tahun 1891 mempunyai kawasan pentadbirannya tersendiri. Perkhidmatan pejabat pos dan telegraf di Batu Gajah misalnya meliputi pekan-pekan bijih timah lain seperti Papan, Pusing dan Kota Bharu manakala pejabat pos dan telegraf Ipoh merangkumi pekan Silibin, Sungai Raia dan Menglembu.⁴

Selain itu, bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak begitu penting dalam pentadbiran British kerana menjadi lokasi pembentukan kerjasama antara pegawai British dan pemimpin setempat dalam membangunkan negeri ini.⁵ Penubuhan *Sanitary Board* di beberapa bandar dan pekan-pekan bijih timah di Perak memberikan peluang kepada pembesar Melayu dan pemimpin komuniti lain terlibat sama dalam pentadbiran. Contohnya, pemimpin seperti Dato' Panglima Kinta Yusuf, Imam Prang Jabaruman, Shaik Adam dan Yat Tet Shin akan duduk semeja berbincang dengan pihak British mengenai pentadbiran setempat.

Di samping menjadi pusat pentadbiran, bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak amat penting kerana berperanan sebagai pusat pengumpulan hasil ekonomi. Bandar dan pekan-pekan bijih timah ini mempunyai dua fungsi iaitu membawa keluar hasil ekonomi dan membawa masuk keperluan masyarakat setempat. Hasil ekonomi seperti bijih timah dan getah akan dikumpul dan dibawa keluar menggunakan kereta lembu atau kereta kuda ke pelabuhan sebelum dieksport ke pasaran luar. Buktinya, kira-kira 100





buah kereta lembu digunakan untuk membawa bijih timah dari Taiping ke pelabuhan Teluk Kertang.⁶

Perkembangan pesat tersebut membawa kepada pembinaan landasan kereta api pertama di Negeri-negeri Melayu bagi menghubungkan bandar perlombongan bijih timah di Perak dengan pelabuhan. Pada tahun 1885, landasan kereta api pertama sepanjang 8 batu siap dibina antara Port Weld ke Taiping dan diikuti dengan pembukaan landasan kereta api dari Teluk Anson ke Tapah Road pada Mei 1893.⁷ Bagi memudahkan dan meningkatkan pengaliran keluar bijih timah ke luar, semua bandar dan pekan-pekan bijih timah di Lembah Kinta dihubungkan dengan landasan kereta api sepanjang 15 batu yang siap dibina pada Oktober 1908.⁸

Selain itu, bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak juga adalah tumpuan utama bagi masyarakat setempat terutamanya golongan pelombong untuk mendapatkan keperluan seharian mereka. Pembinaan pasar dan rumah-rumah kedai di bandar dan pekan-pekan ini membolehkan barangan keperluan penduduk dijual. Antara barangan yang terdapat di pasar dan kedai-kedai tersebut termasuklah sayur-sayuran, buah-buahan, candu, pakaian, minuman keras, daging, ikan, rempah-ratus dan alat-alat perabot.⁹ Taiping misalnya mempunyai pasar terbesar di Negeri-negeri Melayu pada tahun 1884.¹⁰ Berdasarkan kepentingan ini, bandar dan pekan-pekan bijih timah di Perak ini boleh diibaratkan sebagai 'Emporium Negeri Perak'.

Kewujudan institusi-institusi kewangan seperti bank perdagangan dan syarikat insuran telah menjadikan bandar dan pekan-pekan perlombongan di Perak sebagai pusat kewangan moden. Berbagai bank bertapak di sini bagi menyokong kegiatan ekonomi seperti perlombongan bijih timah dan perladangan getah melalui penyediaan perkhidmatan pinjaman dan modal. Kewujudan institusi kewangan ini turut memberi keyakinan kepada





pelabur asing terutamanya pelabur dari Pulau Pinang. Misalnya bandar Ipoh mempunyai beberapa bank terkemuka di sepanjang Jalan Stesen seperti *The Mercantile Bank* dan *Chartered Bank*. *Chartered Bank of India, Australia & China* merupakan bank terawal yang dibuka di Taiping pada tahun 1888 dan di Ipoh pada tahun 1912.¹¹

Dalam sistem perhubungan moden, bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak memainkan peranan penting kerana mempunyai talian telegraf yang pertama dan perkhidmatan pos. Talian telegraf pertama dibina di antara pelabuhan Teluk Kertang ke Taiping pada tahun 1876 dan diperluaskan ke Kuala Kangsar pada tahun 1877.¹² Pejabat pos pertama pula didirikan di Taiping pada tahun 1876 dan hampir kesemua bandar bijih timah mempunyai pejabat pos masing-masing.¹³ Pengenalan sistem perhubungan ini membolehkan penyampaian maklumat berlaku dengan lancar di antara bandar dan pekan-pekan bijih timah negeri ini. Perkembangan ini juga memudahkan urusan pentadbiran pihak British dan perdagangan dijalankan.

Bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak juga berperanan sebagai tempat pertemuan masyarakat terutamanya golongan profesional. Kebiasaannya golongan profesional ini yang terdiri daripada pentadbir British, pembesar Melayu, tauke Cina dan pelabur Eropah akan bersosial di padang-padang lumba kuda. Mereka menjadikannya sebagai tempat pertemuan untuk membincangkan soal perniagaan mereka. Selain itu, mereka juga berkumpul di kelab-kelab sosial seperti Kinta Gymkhana Club, Rotary Club, Ipoh Golf Club, Perak Tulf Club dan Ipoh Swimming Club.¹⁴

Bagi golongan kuli-kuli lombong Cina, bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah ini adalah tempat untuk mendapatkan hiburan. Selepas penat bekerja di lombong, kebiasaannya mereka akan menghabiskan masa dengan menonton teater, berjudi, menghisap candu dan melanggan pelacur. Buktinya di Ipoh terdapat Lorong Concubine





yang menjadi tumpuan mereka. Selain itu, pertemuan masyarakat berlaku menerusi penubuhan institusi pendidikan di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah negeri Perak. Pembukaan institusi ilmu seperti Sekolah Inggeris Kerajaan di Taiping pada tahun 1883 misalnya telah melahirkan bibit-bibit pembentukan masyarakat majmuk kerana pelajarnya terdiri daripada pelbagai kaum.¹⁵

Sesungguhnya, peranan dan fungsi yang dimainkan oleh bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak menyebabkan pembangunan awal di Negeri-negeri Melayu berpusat di situ dengan kewujudan pelbagai infrastruktur moden. Perkara ini secara tidak langsung menjadi satu model contoh pembangunan awal oleh pihak British terhadap Negeri-negeri Melayu yang lain pada akhir abad ke-19. Pencapaian yang diperoleh oleh bandar dan pekan bijih timah di Perak ini amat penting dalam lipatan sejarah kerana ianya adalah asas pemangkin pembangunan Negeri-negeri Melayu pada



5.2 Permulaan Perbandaran Ala Bandar British di England

Bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak yang wujud sejak akhir abad ke-19 merupakan contoh terbaik dalam perancangan bandar di Malaysia. Ia bukan sahaja dapat memberikan pemahaman penting tentang perancangan awal pekan perlombongan bijih timah di Perak tetapi juga di negara ini. Lebih menarik lagi, perancangan pekan bijih timah ini menggunakan teori perbandaran dari luar negara yang diperkenalkan oleh pihak British seperti ‘*grid-iron*’¹⁶. Maka itu, tidak dapat dinafikan





bahawa bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak ini amat penting sebagai asas atau permulaan perancangan bandar British di Negeri-negeri Melayu pada akhir abad ke-19.

Perancangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak bermula pada tahun 1880 setelah berlaku satu kebakaran besar yang memusnahkan bandar Taiping. Peristiwa tersebut memberi peluang kepada pihak British untuk menyusun semula rupa bandar dan pekan bijih timah yang terdapat di negeri Perak. Residen British di Perak ketika itu, Sir Hugh Low mengarahkan pembinaan semula bandar Taiping mengikut sistem grid-iron. Sebelum Taiping, sistem *grid-iron* telah digunakan terlebih dahulu dalam perkembangan bandar Georgetown, Pulau Pinang yang semasa itu merupakan sebahagian daripada Negeri-negeri Selat.¹⁷ Pengenalan sistem tersebut telah menandakan bermulanya satu bentuk perbandaran moden di negeri Perak dan Negeri-negeri Melayu.



Menerusi sistem ini, kawasan bandar disusun dengan jalan-jalan silang yang lurus yang berkeluasan kira-kira 60 hingga 70 kaki.¹⁸ Jalan-jalan silang ini terbentuk menerusi pertemuan antara dua buah jalan yang membentuk simpang empat. Ia adalah bertujuan untuk mencegah kebakaran daripada merebak dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di dalam kawasan bandar. Pokok-pokok juga ditanam di sisi kiri dan kanan jalan-jalan tersebut.¹⁹ Kemunculan jalan silang itu secara tidak langsung membentuk blok-blok segi empat dalam bandar. Setiap jalan silang mempunyai kira-kira 20 buah rumah kedai di kedua-dua sisi jalan.

Buktinya, Taiping mempunyai sebelas jalan silang yang merentangi dua buah jalan utama bandar tersebut. Bermula dengan sebatang jalan utama iaitu Jalan Kota, Sir Hugh Low membina sebatang lagi jalan utama dan beberapa batang jalan-jalan silang di Taiping pada tahun 1881.²⁰ Pada peringkat awal, jalan-jalan silang ini berpusat di sekitar kawasan





stesen kereta api di Taiping.²¹ Hal yang sedemikian ini disebabkan berlaku kesesakan kereta lembu membawa hasil bijih timah untuk dieksport dari lombong-lombong bijih timah di pinggir bandar. Selain itu, Dato' Panglima Kinta Mohammad Yusuf turut mencontohi sistem *grid-iron* di bandar Taiping semasa membangunkan bandar Ipoh pada tahun 1886.²²

Susun atur dalam sistem *grid-iron* ini kemudiannya secara tidak langsung membawa kepada pembahagian kawasan-kawasan di bandar dan pekan bijih timah di Perak. Kebiasaannya akan wujud kawasan penempatan British, pusat bandar, padang, dataran awam dan jalan-jalan yang luas dalam sistem perbandaran ini.²³ Elemen-elemen ini kemudiannya menjadi ciri-ciri utama kepada sebahagian besar bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak.

Kawasan-kawasan tersebut bukan sahaja terpisah dari segi geografi dan perbandaran tetapi juga berbeza mengikut komuniti. Pembahagian kawasan bandar mengikut komuniti ini jelas dapat dilihat pada bandar Ipoh yang terpisah mengikut jalan-jalan yang terdapat di bandar itu. Di Ipoh, orang Eropah memiliki premis perniagaan mereka di sekitar Jalan Stesen, Jalan Belfield dan Jalan Hale manakala orang Cina lebih tertumpu di Jalan Leech serta orang India pula di utara Jalan Belfield dan Jalan Treacher.²⁴ Uniknyanya, pembahagian penempatan masyarakat ini masih terdapat di Ipoh sehingga hari ini.

Bahagian utama dalam sistem *grid-iron* bagi sesebuah pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak ini ialah kawasan pusat bandar yang terdiri daripada deretan rumah-rumah kedai. Rumah kedai adalah ciri penting dalam kawasan sesebuah bandar dan pekan bijih timah. Rumah-rumah kedai ini dibina di sekitar pasar kerana ia merupakan nadi utama kehidupan kepada sesebuah pusat bandar.²⁵ Segala aktiviti masyarakat di bandar





berpusat di pasar dan kedai-kedai yang didirikan ini akan menyokongnya. Mengikut ketetapan yang dibuat oleh pentadbir British, setiap deretan mempunyai kira-kira 10 buah rumah kedai.

Rumah-rumah kedai yang terdapat di pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak ini juga menyerupai senibina rumah kedai yang terdapat di Georgetown, Pulau Pinang. Kebiasaannya rumah-rumah kedai dibangunkan terdiri daripada bangunan setingkat atau dua tingkat. Bagi rumah kedai dua tingkat, bahagian bawah digunakan sebagai ruang perniagaan manakala bahagian atas pula berfungsi sebagai ruang kediaman.²⁶ Rumah kedai ini juga mempunyai telaga udara di bahagian tengah atau belakang kedai dan laluan berbumbung selebar lima kaki yang dikenali sebagai 'kaki lima' di bahagian hadapannya.

Bahagian lain yang terdapat dalam sistem *grid-iron* ini adalah kawasan penempatan British. Bagi pihak British, mereka biasanya akan mewujudkan satu kawasan penempatan yang tersendiri. Hal ini kerana pihak British sememangnya terkenal dengan konsep mewujudkan '*a little corner of England in a foreign land*'.²⁷ Kewujudan kawasan penempatan British adalah satu cerminan mengenai kedudukan golongan kolonial Eropah di bandar dan pekan-pekan bijih timah. Kawasan penempatan British ini terdiri daripada bangunan kediaman, kelab-kelab sosial Eropah, padang, balai polis, stesen kereta api, gereja, pejabat pos, rumah rehat dan bangunan pentadbiran.²⁸

Kebiasaannya lokasi kawasan ini juga terletak di kawasan yang strategik dan berada di kawasan tinggi bagi membolehkan mereka mengawal bandar. Buktinya, penempatan British di Taiping terletak di antara kawasan perlombongan bijih timah dan pusat bandar serta dilindungi keselamatannya dengan dua kawasan tinggi iaitu Bukit Jelutong dan Fort Carnarvon. Ciri yang hampir sama ini turut terdapat di kawasan





Changkat Batu Gajah, Changkat di Gopeng, Changkat Serani di Ipoh, Changkat di Kampar, Papan dan Tapah. Kesemuanya penempatan British ini berada di kawasan tinggi sedikit serta terpisah dari pusat bandar.

Satu elemen yang paling menarik dalam penempatan British dalam bandar dan pekan bijih timah di Perak ialah Esplanade. Esplanade atau padang menjadi elemen utama di hampir setiap bandar dan pekan besar bijih timah di negeri ini. Ia biasa menjadi landskap utama bandar kerana menjadi sebahagian daripada latar belakang kepada bangunan-bangunan pentadbiran.²⁹ Selain itu, Esplanade juga sebagai tempat upacara rasmi kerajaan berlangsung dan turut digunakan untuk kegiatan sukan dan rekreasi orang Eropah seperti kriket. Buktinya, terdapat beberapa padang Esplanade seperti Esplanade Taiping, Ipoh Padang, Padang Bandaran Batu Gajah, Gopeng, Kampar dan Tapah.

Di samping kewujudan sistem *grid-iron*, bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak turut memiliki satu keunikan dalam bidang perbandaran negara kerana membentuk dua pembahagian kawasan bandar yang dikenali sebagai pekan lama dan pekan baru. Bandar Ipoh merupakan contoh terbaik yang menjelaskan konsep pekan baru dan pekan lama. Perkembangan bandar Ipoh dan penambahan penduduk menyebabkan bandar asal Ipoh (Pekan Lama) tidak mampu menampungnya lalu membawa kepada penerokaan kawasan baharu di tebing seberang. Kawasan baharu ini dibangunkan oleh Yat Tet Shin pada tahun 1907 dan dinamakan sebagai 'Pekan Baru Ipoh'.³⁰ Pekan-pekan bijih timah di Perak yang mempunyai Pekan Lama dan Pekan Baru ialah Batu Gajah dan Papan. Lebih menariknya, konsep dwi-pekan ini turut diaplikasikan di Pekan Lama dan Pekan Baru Edinburgh, Scotland serta Seremban dan Seremban 2, Negeri Sembilan pada hari ini.³¹





Selain itu, perancangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak juga menyerupai perbandaran yang terdapat pada bandar perlombongan bijih timah di Cornwall, Britian. Setiap bandar dan pekan tersebut dihubungkan dengan pelabuhan menerusi jalan kereta api. Oleh demikian, pihak British mengaplikasikan konsep tersebut di Perak. Buktinya, bandar Taiping dihubungkan dengan pelabuhan Port Weld manakala Ipoh dihubungkan pula dengan pelabuhan Teluk Anson.

Secara keseluruhan didapati perancangan bandar di bandar dan pekan perlombongan bijih timah negeri Perak begitu tersusun meskipun tidak menggunakan tenaga pakar. Ia telah mendahului dasar perancangan bandar di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang diperkenalkan oleh Charles Reade pada tahun 1921.³² Penggunaan sistem grid-iron telah memperkemaskan susun atur sesebuah bandar bijih timah di Perak ini. Seterusnya, perancangan bandar dan pekan bijih timah ini bertambah unik kerana turut dipengaruhi oleh persekitaran geografinya iaitu pusat bandar (pekan Cina), tanah rata dan tanah tinggi.³³ Keunikan perancangan bandar ini telah menjadikannya sebagai model awal perbandaran serta yang pertama kepada bandar atau pekan perlombongan bijih timah yang lain di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang pada akhir abad ke-19.

5.3 Warisan Senibina Kolonial

Selain Melaka dan Georgetown, bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak mempunyai banyak bangunan warisan yang bersenibina unik dan gah. Kebanyakan bangunan warisan ini dibina pada akhir abad ke-19 hingga abad ke-20 iaitu





era kegemilangan perlombongan bijih timah di negeri tersebut. Keunikan peninggalan ini menjadi mercu tanda kepada perkembangan bandar dan pekan-pekan bijih timah di negeri Perak pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Selain itu, keunikan tersebut juga menjadikannya sebagai satu warisan senibina yang tidak ternilai kepada negara pada hari ini.

a) Bangunan Kerajaan

Kewujudan pentadbiran British di negeri Perak secara tidak langsung membentuk kepada pembinaan sejumlah bangunan kerajaan di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah negeri ini. Pada peringkat awal iaitu dalam tempoh masa 1875 hingga awal tahun 1880-an, bangunan kerajaan tersebut dibina mengikut senibina tradisional atau dikenali juga sebagai senibina ‘Anglo-Indian’. Senibina ini adalah gabungan unsur pengaruh senibina Inggeris dan tempatan.



Kebanyakan bangunan kerajaan bersenibina ini terdiri daripada binaan kayu atau separa kayu dan konkrit. Pembinaannya biasanya dilakukan oleh tukang Cina yang mahir dan tukang Melayu. Sebahagian contoh bangunan bersenibina ‘Anglo-Indian’ ini ialah rumah kediaman Penolong Residen di Taiping yang dibina oleh Kapten Speedy, bangunan awal penjara Taiping, pejabat Ukur dan Topografi Perak di Taiping, mahkamah lama Ipoh, pejabat pos Ipoh, balai polis Taiping, rumah rehat di Gopeng dan stesen kereta api Ipoh. Namun, hanya pejabat Ukur dan Topografi Perak di Taiping yang masih kekal hingga hari ini.³⁴

Mulai tahun 1880-an, pembinaan bangunan kerajaan di bandar dan pekan perlombongan bijih timah dipengaruhi dengan senibina Neo-klasikal³⁵. Ia merupakan gabungan pengaruh senibina Yunani dan Rom yang diguna di seluruh empayar kolonial British. Penggunaan senibina ini dibawa masuk dari Britian semasa pentadbiran





Swettenham sebagai Pemangku Residen British di Perak. Perkara ini jelas dicatatkan oleh Sir Hugh Low dalam *Perak Annual Report* pada tahun 1885.³⁶

Dalam tempoh ini, kebanyakan bangunan kerajaan dibina semula daripada konkrit sepenuhnya. Bangunan-bangunan kerajaan bersenibina Neo-klasikal ini banyak terdapat di bandar perlombongan bijih timah seperti Taiping, Ipoh dan Tapah. Buktinya ialah Pejabat Kerajaan Taiping yang dibina pada tahun 1897 (kini Pejabat Daerah dan Tanah Larut), Pejabat Daerah dan Mahkamah Batu Gajah, Pejabat Pos Taiping, Mahkamah Tinggi Ipoh Dewan Bandaran Ipoh dan Pejabat Daerah Batang Padang di Tapah.

Memasuki abad ke-20, senibina Mogul dan Art Deco pula mempengaruhi pembinaan bangunan kerajaan. Senibina Mogul umpamanya adalah senibina yang berasal dari India iaitu gabungan pengaruh India, Parsi dan Asia Tengah. Di bandar perlombongan bijih timah negeri Perak, stesen kereta api Ipoh merupakan contoh terbaik bangunan senibina Mogul dengan ciri-ciri kubahnya sehingga dikenali sebagai 'Taj Mahal Ipoh'.³⁷

Bangunan stesen kereta api ini direka bentuk oleh A. B. Hubback, iaitu arkitek yang membina Bangunan Sultan Abdul Samad dan Stesen Kereta Api di Kuala Lumpur.

b) Bangunan Rumah Kedai

Pada peringkat awal, kebanyakan rumah kedai di pekan-pekan bijih timah negeri Perak terdiri daripada rumah kedai atap. Sebahagian besar bangunannya seperti tiang dan dinding diperbuat daripada kayu dan beratapkan genting atau daun nipah. Rumah-rumah kedai jenis ini masih boleh didapati di Taiping, Ipoh, Gopeng, Sungai Siput (S), Kota Bahru, Malim Nawar, Batu Gajah, Temoh dan Tanjung Tualang. Walau bagaimanapun, rumah kedai tradisional ini sering berhadapan dengan ancaman api dan musnah dalam kebakaran seperti mana yang berlaku di beberapa pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak.





Lantaran itu, pembinaan rumah kedai daripada konkrit mula diperkenalkan. Pembinaan rumah kedai jenis awal ini dipengaruhi dengan usaha pihak British yang mula bertapak di Perak pada tahun 1874. Berdasarkan pengalaman di Pulau Pinang, pihak British membina rumah kedai yang lebih kurang sama ciri senibinanya seperti rumah kedai awal di Georgetown. Oleh sebab itu, rupa rumah kedai ini menyerupai rupa rumah kedai awal Georgetown pada tahun 1790-an hingga 1850-an. Struktur rumah kedai awal yang rendah ini terdiri daripada satu atau dua tingkat dan mempunyai reka bentuk yang ringkas sahaja.³⁸ Rumah kedai jenis ini masih boleh dilihat di beberapa pekan bijih timah terawal seperti Taiping, Ipoh, Gopeng dan Kampung Kepayang.

Dalam tempoh masa yang sama, kemasukan beramai-ramai pelombong Cina ke pekan-pekan bijih timah di Perak turut membawa masuk sama pengaruh senibina Cina terhadap pembinaan rumah kedai. Rumah kedai jenis ini bersenibina gaya “*Southern Chinese Eclectic*”³⁹. Ia terdiri daripada bangunan tinggi yang memiliki dua atau tiga tingkat dan memiliki ukiran-ukiran pada fasadnya. Ia juga mempunyai pintu dan tingkap kayu. Senibinanya pula mengambil gaya senibina di Tanah Besar China dan tukang-tukang pembinaannya juga dibawa terus dari sana.⁴⁰ Di samping itu, terdapat sedikit pengaruh Eropah dan India diserapkan pada bahagian bumbungnya.

Pada saat kegemilangan industri perlombongan bijih timah di negeri Perak, senibina pekan-pekan bijih timah negeri ini terus berkembang. Hasil pendapatan yang tinggi daripada perlombongan bijih timah dan juga sokongan sektor perladangan getah telah membolehkan senibina rumah-rumah kedai kian diperindahkan. Elemen-elemen Barat kian menonjol sehingga mewujudkan senibina ‘*Straits Eclectic Style*’. Senibina ‘*Straits Eclectic*’ ini juga terbahagi kepada dua iaitu ‘*Early Straits Eclectic*’ dan ‘*Late Straits Eclectic*’. Sebahagian besar bahan binaannya juga diimport daripada Eropah.





Rumah kedai bersenibina ‘*Early Straits Eclectic*’ lebih ringkas rupa bentuknya berbanding dengan rumah kedai ‘*Straits Eclectic*’ Akhir yang lebih menitik beratkan nilai-nilai motif hiasannya. Daripada ciri-ciri tersebut, kebanyakan rumah kedai bersenibina ini boleh didapati di hampir kesemua pekan-pekan bijih timah negeri Perak. Rata-rata bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak memiliki rumah kedai bersenibina ‘*Straits Eclectic*’ Awal ini. Namun bagi rumah kedai bersenibina ‘*Late Straits Eclectic*’, rumah kedai seperti ini hanya banyak didapati di bandar-bandar bijih timah yang besar iaitu Ipoh, Taiping dan Kampar sahaja.

Menjelang tahun 1930-an hingga 1960-an, senibina antarabangsa mulai muncul sejajar penguasaan orang Eropah dalam industri perlombongan bijih timah di Perak dan mempengaruhi pembinaan rumah kedai di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah. Senibina paling ketara ialah ‘*Art Deco*’^{41, 42} Dalam senibina ini, elemen-elemen geometri amat diutamakan. Tingkap dan pintunya pula mula menggunakan bahan daripada besi dan keluli. Rumah kedai ini hanya boleh didapati di bandar perlombongan bijih timah seperti Ipoh, Taiping dan Kampar. Perkara ini disebabkan pola perkembangan pekan-pekan bijih timah di Perak yang kian berpusat di tiga bandar tersebut dan pekan-pekan kecil yang lain mulai merosot fungsinya.

Rumusannya, senibina yang terdapat di pekan-pekan bijih timah di negeri Perak ini juga memaparkan satu kesinambungan daripada sejarah perkembangan pekan-pekan tersebut. Perkara ini jelas dapat diperhatikan pada senibina bangunan kerajaan dan rumah kedai yang terdapat. Pengaruh-pengaruh tempatan, Cina dan kolonial British terdapat hampir dalam setiap bahagian bangunan. Secara tidak langsung, ia membuktikan bahawa kesemua pengaruh-pengaruh ini terlibat dalam melakar perkembangan bandar dan pekan-pekan bijih timah di Perak yang menjadi satu keunikan warisan negara.





5.4 Kemunculan masyarakat majmuk

Kemunculan bandar dan pekan-pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak berjaya menarik ramai orang tidak kira sama ada orang Melayu serta imigran asing seperti orang Cina, India, Jepun, Amerika dan Eropah membanjiri kawasan-kawasan ini. Kehadiran mereka ini bukan sahaja tertumpu kepada kegiatan ekonomi perlombongan bijih timah tetapi juga membawa satu corak kehidupan sosial yang unik. Ia seterusnya mewarnai landskap sosio-ekonomi bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak. Oleh itu, bandar dan pekan-pekan kecil bijih timah di negeri Perak ini secara tidak langsung menjadi pusat integrasi antara masyarakat berbilang kaum dan latar belakang ataupun lebih dikenali sebagai masyarakat majmuk⁴³.



Orang Melayu sebagai peneroka merupakan komuniti terawal yang mendiami kawasan bandar dan pekan-pekan bijih timah di Perak. Kehidupan komuniti ini pada peringkat awal amat terikat dengan struktur sosial tradisional seperti sistem kerah dan perhambaan⁴⁴. Lantaran itu, orang Melayu akan mengikuti pembesar-pembesar seperti Menteri Larut dan Dato' Panglima Kinta menetap di kawasan bandar dan pekan perlombongan bijih timah. Maka tidak hairanlah wujud banyak kampung Melayu di kawasan tersebut pada peringkat awal perkembangan bandar dan pekan bijih timah negeri Perak. Buktinya, bandar Ipoh pada asalnya terdiri daripada beberapa kampung Melayu seperti Kampung Epoh, Kampung Paloh, Masjid Lama, Kampung Changkat, Kampung Jawa, Kampung Pisang dan Kampung Kuchai.⁴⁵

Selain itu, kebanyakan orang Melayu yang menetap di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah negeri Perak terdiri daripada 'Orang Dagang'. Perkara ini disebabkan orang Melayu tempatan lebih berminat tinggal di kawasan kampung dan terikat





dengan sistem ekonomi tradisional. Orang Dagang didefinisikan sebagai orang Melayu yang merantau dari rantau lain di Kepulauan Melayu terutamanya Sumatera, Indonesia. Mereka ini terdiri daripada kumpulan suku seperti Rawa, Mandailing, Minangkabau, Jawa dan Aceh. Pentadbiran British di Perak juga menggalakkan kemasukan Orang Dagang sehingga mereka mendapat peluang dalam bidang pentadbiran dan ekonomi di bandar dan pekan bijih timah negeri ini seperti Raja Bilah, Imam Prang Jabaruman dan Raja Mahmud.

Jika meneliti kehidupan masyarakat Melayu di bandar atau pekan bijih timah, pakaian mereka biasanya terdiri daripada kain pelikat, baju teluk belanga atau baju tebal dan songkok. Menurut makalah 'Pemimpin Melayu' bertarikh 19 September 1933, pakaian lelaki menggunakan pakaian tradisional iaitu bertengkolok, baju sarung, berseluar dengan samping dan kasut selipar atau capal.⁴⁶ Bagi wanita pula, mereka memakai baju sarung, baju labuh dan tudung.⁴⁷ Daripada aspek pekerjaan, kebanyakan orang Melayu yang menetap di bandar ini adalah mereka yang bekerja sebagai kakitangan di pejabat-pejabat kerajaan ataupun guru-guru Melayu.

Kemasukan imigran asing terutamanya orang Cina secara besar-besaran dan dasar pentadbiran British telah menyebabkan orang Melayu tidak berasa selesa untuk terus menduduki kawasan bandar. Sebahagian besar orang Melayu ini mula berpindah ke kawasan perkampungan di pinggir-pinggir bandar dan pekan perlombongan bijih timah. Perkembangan ini jelas terjadi di Taiping, Ipoh, Gopeng dan Kampar. Sebagai contoh, populasi orang Melayu di Ipoh pada tahun 1879 berjumlah 4,623 orang tetapi merosot kepada 7,206 pada tahun 1947.⁴⁸ Situasi ini bertambah buruk apabila begitu sukar untuk menemui orang Melayu di bandar Ipoh pada tahun 1920-an.⁴⁹

Menjelang akhir abad ke-19, rata-rata bandar dan pekan bijih timah di negeri Perak berhadapan dengan kemasukan orang Cina secara mendadak. Perkara ini didorong pula





dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam perlombongan bijih timah di negeri Perak dan dunia pada ketika itu. Dasar terbuka oleh pihak British turut menggalakkan kemasukan imigran asing bagi merangsang perkembangan ekonomi setempat. Fenomena ini menyebabkan komuniti Cina mendominasi bandar dan pekan-pekan bijih timah di negeri Perak daripada komuniti Melayu.

Kemasukan orang Cina di Perak secara besar-besaran sebenarnya bermula apabila berlaku ledakan perlombongan bijih timah di Larut pada tahun 1860-an. Mereka memasuki Larut sebagai kuli-kuli yang bekerja di lombong-lombong bijih timah kepunyaan Long Jaafar dan Menteri Ngah Ibrahim. Kebanyakan orang Cina ini berketurunan Hakka daripada kumpulan Chen Sang dan diikuti pula oleh kumpulan Fui Chew. Selain itu, terdapat sebahagian kecil orang Cina berketurunan Hokkien, Hakka Kah Ving Chew dan Hai Lam yang turut mendiami kawasan Larut. Jumlah keseluruhan mereka ini dianggarkan



berjumlah kira-kira 3000 orang.



Pada peringkat awal, kawasan utama penempatan orang Cina di negeri Perak adalah Larut. Kehadiran orang Cina ini membantu pembentukan bandar di Larut apabila mereka mendirikan rumah kediaman dan rumah kedai. Menurut Khoo Kay Kim, terdapat lebih kurang 100 buah rumah kedai di Klian Pauh yang dimiliki oleh orang Cina Hakka Chen Sang dan Fui Chew. Pergolakan politik di Perak ekoran Perang Larut dan Perang Perak pada tahun 1870-an mengubah tumpuan populasi orang Cina dari Larut ke Lembah Kinta. Perkembangan ini turut didorong oleh penemuan kawasan perlombongan bijih timah baharu di Lembah Kinta.

Menjelang abad ke-20, Lembah Kinta menjadi tumpuan utama orang Cina dan memiliki jumlah penduduk Cina tertinggi di Negeri-negeri Melayu.⁵⁰ Berbeza dari Larut, kebanyakan orang Cina di Lembah Kinta terdiri daripada keturunan Kantonis yang berasal





dari Kwantung. Kemasukan mereka bermula pada tahun 1879 setelah kongsi gelap Ghee Hin dari Larut mencari peluang baru dalam perlombongan bijih timah di Lembah Kinta. Menurut banci pada tahun 1921, populasi orang Cina di Lembah Kinta dicatatkan berjumlah 123, 278 orang.⁵¹

Dalam aspek sosioekonomi, kebanyakan orang Cina terutamanya Kantonis terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih timah sebagai buruh. Sebilangan kecilnya pula menjadi pekedai dan artisan. Orang Cina Hakka pula kebanyakannya melibatkan diri sebagai tauke lombong bijih timah dan petani. Bagi etnik Hokkien, Teochew dan Hailam, mereka ini lebih aktif dalam kegiatan perdagangan, perniagaan dan pertanian. Kehidupan seharian orang Cina di bandar perlombongan bijih timah lebih banyak tertumpu kepada aktiviti perlombongan pada siang hari dan masa mereka berada di kawasan bandar adalah pada lewat petang hingga malam. Perkara ini jelas direkodkan dalam catatan Isabella Bird yang



melawat Taiping pada tahun 1879. Menurut beliau,

*Taipeng is tolerably empty during the day, but at dusk, when the miners return, the streets and gambling dens are crowded, and the usual Babel of Chinese tongues begins.*⁵²

Di samping itu, kehidupan pelombong Cina dibelenggu dengan empat unsur kejahatan iaitu kongsi gelap, candu, pelacuran dan judi. Kebanyakan orang Cina yang bermigrasi ke Negeri-negeri Melayu terpaksa menyertai kongsi-kongsi gelap bagi mencari perlindungan dan pekerjaan. Mereka akan terikat dengan taat setia kepada pertubuhan rahsia tersebut. Menerusi kongsi gelap ini juga, pelombong Cina akan berhadapan dengan ancaman pelacuran, judi dan candu yang disediakan sebagai hiburan.⁵³

Selain itu, kedudukan komuniti Cina di bandar dan pekan-pekan bijih timah negeri Perak diperkukuhkan dengan beberapa perayaan. Pada tahun 1899, kerajaan negeri Perak mengisytiharkan Perayaan Tahun Baru Cina sebagai cuti umum dan mengeluarkan permit





masa untuk pemasangan bunga api festival.⁵⁴ Beberapa perayaan yang lain turut diadakan seperti Festival Chean pada 3 Disember 1892, perarakan raksasa pada 10 November 1893 dan perayaan Chingay pada 7 dan 8 Mac 1898.⁵⁵

Kebanjiran orang Cina di bandar dan pekan perlombongan bijih timah negeri Perak seakan membentuk satu koloni Cina di bawah pemerintahan British.⁵⁶ Jumlah imigran Cina yang besar ini menimbulkan kesukaran bagi pihak British mengawal mereka. Bagi mengimbangi permasalahan ini, pihak British membawa masuk orang India. Perkara ini diperjelaskan menerusi kenyataan Hugh Low, Residen British di Perak sendiri yang berpendapat bahawa kemasukan orang India dapat memenuhi keperluan buruh dalam sektor perladangan getah dan mengawal buruh Cina.⁵⁷

Kedatangan orang India ke kawasan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak agak lewat sedikit dan perlahan berbanding dengan orang Cina. Taiping menjadi pintu masuk utama orang India dari Pulau Pinang ke negeri Perak. Ia hanya bermula apabila Kapten Speedy membawa masuk seramai 110 orang India berbangsa Punjab dan Pathan sebagai anggota polis di Larut pada tahun 1873. Populasi orang India di Taiping seterusnya berkembang menerusi kemasukan seramai 200 buruh-buruh India dari Ceylon (Sri Lanka) yang dikenali sebagai *Ceylon Pioneer Corps* untuk pembinaan landasan kereta api Port Weld – Taiping pada tahun 1884.

Selain itu, kelulusan enakmen Kerajaan Perak mengenai migrasi orang India pada tahun 1884 meningkatkan kemasukan orang India ke kawasan bandar dan pekan perlombongan bijih timah.⁵⁸ Taburan populasi orang India di Perak mula berkembang ke Lembah Kinta dan Batang Padang bagi memenuhi keperluan ekonomi semasa itu. Buktinya, buruh-buruh India mula dikesan bekerja di lombong bijih timah di Lahat dan





Lallang pada tahun 1886.⁵⁹ Menjelang abad ke-20, Kinta mempunyai jumlah terbesar orang India di Tanah Melayu.⁶⁰

Orang India yang menetap di bandar dan pekan perlombongan bijih timah negeri Perak juga terdiri daripada pelbagai keturunan yang berbeza mengikut tempat asal mereka. Mereka ini terdiri daripada Tamil, Sikh, Chettiar, Gujerat, Sindhis, Telegu, Panthan, Ceylon, Malayalees, India Muslim dan Burma. Kebanyakan mereka ini menetap di beberapa bandar dan pekan perlombongan bijih timah negeri Perak seperti Taiping, Ipoh, Batu Gajah, Teluk Intan dan Tapah.

Kehidupan seharian orang India di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah negeri Perak turut penting dalam mempengaruhi perkembangan setempat pada ketika itu. Menurut Khoo Kay Kim, pekerjaan orang India di Taiping selain daripada menyertai pasukan polis dan sepoi adalah berkedai, memberi pinjaman wang, pemandu kereta kuda dan kereta lembu serta dobi.⁶¹ Kenyataan Khoo Kay Kim ini memberikan gambaran suasana kehidupan seharian orang India yang menetap di bandar dan pekan bijih timah negeri Perak.

Orang Tamil merupakan kumpulan terbesar orang India yang bermigrasi dan menetap di bandar dan pekan perlombongan bijih timah negeri Perak. Rata-rata orang Tamil ini terlibat dalam kegiatan ekonomi seperti pertanian, perladangan, dobi, pembawa kereta lembu dan kerja-kerja buruh kerajaan iaitu membina jalan raya. Hanya sebilangan kecil sahaja orang Tamil yang terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih timah. Kebanjiran orang Tamil ini membawa kepada kemunculan penempatan mereka di kawasan bandar-bandar bijih timah negeri Perak. Contoh penempatan-penempatan orang Tamil yang wujud ialah Selibin, Pari dan Buntong di Ipoh manakala di Kampar, penempatan orang Tamil dikesan di Jalan Bahru serta di Taiping pula ialah Jalan Kota.





Golongan orang India ini turut mengambil bahagian dalam perkembangan bandar dan pekan-pekan bijih timah di Perak. Beberapa orang pemimpin dan tokoh masyarakat India turut menyumbang dalam perkembangan tersebut. Misalnya, Shaik Adam iaitu seorang saudagar India Muslim di Ipoh dilantik sebagai ahli *Kinta Sanitary Board*. Beliau menjadi orang India pertama yang dilantik memegang jawatan tersebut. Seorang lagi pemimpin India yang berpeluang menjadi Ahli *Sanitary Board* ialah Chengalraya Naidu. Arutpatham Pillai pula terlibat dalam pembinaan talian telegraf dari Pulau Pinang ke Ipoh.

Bandar-bandar perlombongan bijih timah di Perak juga menjadi tumpuan orang Jepun. Kehadiran orang Jepun dikesan seawal tahun 1893 apabila wujudnya perkhidmatan bas kuda di antara Ipoh dan Batu Gajah.⁶² Masyarakat Jepun mendiami beberapa bandar dan pekan bijih timah di Perak seperti Ipoh, Taiping, Batu Gajah dan Kampar. Perkara ini dibuktikan dengan penubuhan Persatuan Kebajikan Jepun Perak yang mana mempunyai



keahlian seramai 132 orang pada tahun 1921.⁶³

Dalam aspek sosioekonomi masyarakat Jepun di bandar-bandar perlombongan bijih timah negeri Perak, mereka terlibat dalam aktiviti perniagaan seperti kedai runcit, klinik, kedai gambar, kedai gunting rambut, hotel dan pelacuran. Menurut seorang wartawan Jepun bernama Shizuo yang melawat Ipoh pada tahun 1921, beliau melaporkan sosioekonomi orang Jepun di bandar itu bahawa terdapat empat doktor gigi, tiga buah kedai runcit, empat buah kedai gambar, seorang tukang jahit, lima orang tukang gunting rambut, dua kedai dobi dan enam buah hotel.⁶⁴ Pada tahun 1930-an, masyarakat Jepun berhadapan dengan ancaman gerakan pemulauan barangan dan anti-Jepun oleh masyarakat Cina.

Selain itu, masyarakat Eropah juga menetap dan mewarnai kehidupan sosial di bandar dan pekan-pekan bijih timah negeri Perak. Mereka ini terdiri daripada orang





Inggeris, Belanda, Jerman, Perancis, Amerika dan Eurasian. Kebanyakan orang Eropah ini mendiami bandar-bandar bijih timah seperti Taiping, Ipoh, Batu Gajah dan Tapah. Masyarakat Eropah memilih bandar-bandar tersebut bukan hanya kerana ia merupakan pusat pentadbiran tetapi juga disebabkan oleh faktor persekitaran iaitu berdekatan dengan pusat peranginan tanah tinggi seperti Bukit Larut dan Bukit Kledang. Perkara ini disebabkan oleh iklim yang sejuk di tanah tinggi itu menyerupai iklim di negara asal mereka.⁶⁵

Dalam aspek kehidupan seharian, masyarakat Eropah bersosial dalam kelompok yang tersendiri dan terpisah dengan kelompok masyarakat lain. Menurut Khoo Kay Kim, masyarakat Barat amat cerewet mengenai status.⁶⁶ Oleh itu, wujudlah kemudahan-kemudahan sosial seperti kelab persatuan dan sukan di bandar-bandar bijih timah negeri Perak. Buktinya, keahlian *Perak Club* di Taiping yang ditubuhkan pada tahun 1880, *Ipoh Club* pada tahun 1892 dan *Kampar Club* ditubuhkan pada tahun 1901 hanya terdiri daripada orang-orang Eropah.⁶⁷

Berbanding dengan orang Inggeris yang terlibat dalam bidang pentadbiran, orang Perancis dan Amerika lebih melibatkan diri dalam sektor ekonomi, penyebaran agama Kristian dan pendidikan. Ekoran itu, lahir banyak sekolah-sekolah mubaligh Kristian di bandar-bandar perlombongan bijih timah negeri Perak. Antara yang terkenal ialah W. E. Horley yang menubuhkan Anglo-Chinese School di Ipoh pada tahun 1903, Kampar, Teluk Intan dan Taiping.⁶⁸

Secara umumnya, perkembangan masyarakat majmuk sebenarnya adalah selari dengan perkembangan bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah sejak tahun 1860-an lagi. Pembukaan kawasan perlombongan bijih timah oleh pembesar Melayu dan pengikut-pengikutnya telah menarik minat orang Cina dari Negeri-negeri Selat untuk





menetap bersama. Namun begitu, penempatan bagi kedua-dua masyarakat adalah terpisah dan berasingan serta berterusan pada zaman pentadbiran kolonial British. Menurut Khoo Kay Kim, keadaan ini tercetus kerana setiap kaum lebih selesa hidup dalam komuniti bahasa dan budaya masing-masing. Situasi ini akhirnya secara tidak langsung membentuk kepada kewujudan kawasan-kawasan yang dikenali sebagai “*Little China*”, “*Little India*” dan “*Little Jaffna*” sehingga hari ini.⁶⁹

5.5 Transit Gerakan Politik

Di samping berfungsi sebagai pusat sosioekonomi bagi masyarakat setempat dan dunia, bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak juga memainkan peranan penting dalam sejarah kebangkitan gerakan politik atau nasionalisme⁷⁰. Seajar itu, ia telah merakam pelbagai peristiwa berkaitan dengan perjalanan pembinaan negara bangsa bermula dengan perjumpaan dan perbincangan yang melahirkan beberapa pertubuhan. Bandar dan pekan-pekan bijih timah ini juga bukan sahaja menjadi transit gerakan politik untuk tanah air tetapi juga negara lain seperti China dan India pada awal abad ke-20.

Perkembangan yang berlaku di sekitar dunia pada awal abad ke-20 membawa kepada kemunculan gerakan politik di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Bagi gerakan politik orang Melayu, golongan intelektual Melayu menjadikan bandar dan pekan-pekan bijih timah sebagai pusat gerakan tersebut. Nama-nama seperti Zainal Abidin Ahmad (Zaaba), Abdul Majid Zainuddin, Syed Abul Hassan Burhan, Mustapha Hussein, Panglima Bukit Gantang Abdul Wahab, Ibrahim Yaakub, Dr.





Burhanuddin Al-Helmy dan Ahmad Boestaman muncul sebagai tenaga penggerak politik utama bukan sahaja di pekan-pekan bijih timah negeri Perak tetapi negara juga.

Bandar dan pekan perlombongan bijih timah seterusnya menyaksikan perkembangan gerakan politik Melayu apabila menjadi tempat pertemuan penting persatuan atau pertubuhan politik Melayu di Tanah Melayu. Taiping umpamanya menjadi sebahagian lokasi gerakan nasionalisme oleh Kaum Muda di Negeri-negeri Melayu. Pemimpin Kaum Muda seperti Zainal Abidin Ahmad (Zaaba), Abdul Majid Zainuddin dan Syed Abul Hassan Burhan menjalankan aktiviti ceramah oleh Kwaja Kamaluddin dari Kolej Islam Lahore di Taiping pada 30 Mac 1921.⁷¹ Seterusnya pada 11 November 1934, Persaudaraan Sahabat Pena yang berpusat di Pulau Pinang menganjurkan persidangan kebangsaan pertama Sahabat Pena di *Sunlight Muslim Association*, Taiping.⁷² Persidangan tersebut dihadiri oleh perwakilan dari seluruh Tanah Melayu terutamanya pemimpin Kaum Muda seperti Syed Alwi Syed Al-Hadi, Zainal Abidin Sutan Maidin dan Sheikh Abdullah al-Maghribi.

Bandar bijih timah di negeri Perak juga mencatatkan sejarah apabila buat julung kalinya Persatuan Melayu Negeri yang pertama di negeri-negeri Melayu iaitu Persatuan Melayu Perak (PMP) diasaskan oleh Dato' Panglima Bukit Gantang Wahab di Ipoh pada 18 September 1937.⁷³ Menurut Khoo Kay Kim, pengasas PMP adalah Wan Muhammad Nor dan Ali Haji Hussein dari Taiping.⁷⁴ Perjumpaan pertama PMP turut diadakan di Dewan Bandaran Ipoh dan dihadiri oleh 104 orang yang kebanyakannya pegawai kerajaan berpendidikan Inggeris. Tujuan penubuhan persatuan ini adalah untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu di negeri Perak seperti ekonomi dan pendidikan melalui kerjasama dengan pihak British. Kewujudan PMP ini membawa kepada penubuhan Persatuan-persatuan Melayu di negeri-negeri Melayu lain.





Sementara itu di Tanjung Malim, *Sultan Idris Training College* berperanan sebagai pusat yang menyemai semangat nasionalisme dalam kalangan pelajarannya.⁷⁵ Golongan nasionalis berpendidikan Melayu ini lebih terpengaruh dengan gerakan nasionalisme Indonesia oleh Sukarno. Hasilnya, pemimpin Melayu seperti Ibrahim Haji Yaakob, Mustapha Hussein dan Ahmad Boestaman menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938. Walaupun ditubuhkan di Kuala Lumpur, KMM telah menubuhkan cawangan pertamanya di Taiping pada 28 Februari 1938.⁷⁶ KMM ini kemudiannya diharamkan oleh pihak British pada tahun 1941 kerana corak perjuangannya radikal menentang British dan berhaluan kiri.

Sepanjang zaman pendudukan Jepun pada tahun 1941 hingga 1945, bandar bijih timah di negeri Perak terus menjadi lokasi penting dalam beberapa pertemuan gerakan politik Melayu bagi menuntut kemerdekaan negara. Pada Januari 1942, Mustapha Hussein dari KMM dikumpulkan oleh pihak Jepun di Ipoh untuk membantu kemaraan tentera Jepun ke Singapura. Semasa di Ipoh ini, Mustapha telah mendapat sokongan Persatuan Pemuda Melayu Perak pimpinan A. Talib.⁷⁷

Menjelang akhir pendudukan Jepun, bandar Taiping menyaksikan satu pertemuan kemerdekaan telah berlangsung antara pemimpin Tanah Melayu dan Indonesia. Pertemuan itu berlaku pada 12 Ogos 1945 apabila pemimpin Indonesia, Sukarno dan Mohammad Hatta singgah di Taiping dan membincangkan kemerdekaan Melayu Raya iaitu kemerdekaan Indonesia bersama Tanah Melayu yang dirancang pada 17 Ogos 1945.⁷⁸ Meskipun rancangan kemerdekaan ini gagal ekoran kekalahan Jepun pada 15 Ogos 1945 tetapi peristiwa pertemuan itu amat penting dalam sejarah kerana menjadi perintis awal perjuangan kemerdekaan negara Malaysia.





Selepas tamatnya pendudukan Jepun, gerakan politik Melayu terus bersemarak di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah negeri Perak dengan menyaksikan kemunculan parti-parti politik Melayu. Gerakan politik Melayu ini juga kini berpusat di Ipoh sejajar pemindahan ibu negeri Perak. Buktinya, bandar Ipoh menjadi saksi kepada penubuhan parti politik kebangsaan pertama Melayu iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada September 1945. Kongres pertama PKMM berlangsung di Dewan Bandaran Ipoh pada 30 November hingga 3 Disember 1945 yang dihadiri kira-kira 300 orang.⁷⁹

Bandar Ipoh juga berperanan menjadi lokasi penting bagi Perikatan Melayu Perak yang ditubuhkan pada 27 Januari 1946 di Kuala Kangsar. Pada 23 dan 24 Februari 1946, konvesyen pertama Perikatan Melayu Perak yang menggabungkan semua pertubuhan Melayu Perak telah diadakan di Ipoh.⁸⁰ Perikatan ini beribu pejabat di Ipoh iaitu beralamat



21, *Hale Street*. Presiden pertamanya ialah Dato³ Panglima Bukit Gantang Wahab. Pertubuhan ini juga seterusnya menjadi asas kepada penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (Perkembar) atau *United Malay National Organisation* (UMNO) bagi negeri Perak.

Beralih pula kepada gerakan politik orang Cina, bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak turut memainkan peranan penting terutama dalam gerakan Revolusi China oleh Dr. Sun Yat Sen pada tahun 1911. Bandar dan pekan-pekan bijih timah ini telah menjadi sebahagian daripada lokasi lawatan Sun Yat Sen bagi mendapatkan dana dan sokongan untuk menjayakan Revolusi 1911. Malahan terdapat sebahagian besar daripada masyarakat Cina terutamanya golongan pelombong turut menyertai gerakan politik oleh Sun Yat Sen tersebut. Perkara ini kerana pada peringkat awal, masyarakat Cina yang mendiami bandar dan pekan-pekan bijih timah di negeri Perak





khasnya dan Negeri-negeri Melayu amnya masih menumpukan taat setia mereka terhadap negara asal, China.

Kepentingan bandar dan pekan-pekan bijih timah di negeri Perak dalam gerakan politik China bermula setelah Sun Yat Sen melawat Ipoh, Taiping, Gopeng, Menglembu, Tronoh, Lahat dan Papan. Sun Yat Sen menjejakkan kakinya di Ipoh buat pertama kali pada tahun 1906 dan sekali lagi pada tahun 1907.⁸¹ Pada peringkat awal, beliau menerima tentangan hebat daripada pemimpin Cina setempat yang setia kepada Dinasti Manchu sehingga diancam untuk dibunuh. Dalam satu ceramahnya di Menglembu, Sun Yat Sen pernah dibaling dengan batu dan najis.⁸² Menurut Ho Tak Ming, Ipoh merupakan kubu kuat bagi penyokong Dinasti Manchu yang diketuai oleh Foo Choo Choon.⁸³ Namun, Sun Yat Sen berjaya menubuhkan cawangan pertama partinya, Tong Meng Hui di Ipoh pada tahun 1907.⁸⁴



Penubuhan Tong Meng Hui menerusi kelab bacaan ini kemudiannya berkembang dengan penubuhan cawangan-cawangan setiap bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak. Selain Ipoh, cawangan kelab-kelab bacaan ini diwujudkan di Taiping, Tronoh, Pusing, Lahat, Menglembu, Kampar, Tanjung Rambutan, Chemor dan Pulau.⁸⁵ Negeri Perak menjadi negeri yang terbanyak cawangan Tong Meng Hui di Tanah Melayu dan Singapura ketika itu iaitu sebanyak 23 buah daripada 63 buah.⁸⁶ Negeri ini juga tercatat sebagai penyumbang ketiga terbesar dalam mengumpulkan dana untuk Revolusi China 1911 iaitu hampir kira-kira \$11,613.54.⁸⁷

Selain daripada penubuhan Tong Meng Hui dan sumbangan dana, para pelombong Cina di bandar dan pekan-pekan bijih timah negeri Perak turut mengambil bahagian melibatkan diri dalam gerakan revolusi di China. Buktinya, Wen Sheng-ts'ai yang pernah bekerja sebagai pelombong bijih timah di Tambun bertindak membunuh Jeneral Manchu di





Canton, China pada Februari 1911.⁸⁸ Dalam pemberontakan kedua Guangzhou pada 29 Mac 1911, tiga orang pelombong Cina dari Gopeng iaitu Eu Tong Hong, Wan Sang Choy dan Kok King Mak turut terlibat dan terbunuh bersama 72 orang pejuang Revolusi China yang lain.⁸⁹

Penglibatan terbesar para pelombong Cina di negeri Perak berlaku setelah kejayaan Revolusi China mengulingkan Dinasti Manchu pada 10 Oktober 1911 apabila seramai 2000 orang pelombong Cina pulang ke negara asal mereka untuk berjuang.⁹⁰ Menurut akhbar Perak Pioneer pada 3 November 1911, ramai orang Cina berkumpul di stesen kereta api Taiping untuk mengucapkan selamat jalan kepada beberapa orang Cina yang bertolak untuk menyertai Revolusi China.⁹¹

Sementara di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah negeri Perak, sambutan kejayaan Revolusi China disambut secara besar-besaran. Bendera Republik China dikibarkan di kedai-kedai. Menurut akhbar *The Times of Malaya* pada 9 November 1911, seramai kira-kira 2000 orang Cina di Ipoh bertindak memotong tocang rambut mereka sebagai tanda bebas dari pemerintahan Dinasti Manchu.⁹² Di Taiping, ahli-ahli Kelab Taiping Reform mengadakan perayaan memotong tocang rambut orang Cina.⁹³

Tung Mei Hui kemudiannya dinamakan semula sebagai Parti Kuomintang pada 12 Februari 1912 dan negeri Perak menjadi kubu kuat parti tersebut.⁹⁴ Bertitik tolak dari parti inilah yang seterusnya membawa kepada penubuhan Pertubuhan Cina Malaysia atau *Malayan Chinese Assosiation* (MCA). Lantaran itu, jelas bahawa bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak ini turut memiliki hubungkait dalam pembentukan Republik Negara China pada tahun 1911.

Seperti gerakan politik orang Melayu dan Cina, beberapa gerakan politik orang India lahir dan berpusat di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri





Perak. Pengaruh yang dari negara asal orang India amat kuat mempengaruhi gerakan ini pada peringkat awal dan mereka juga sentiasa peka tentang perkembangan politik di India. Kesedaran politik orang India bermula seawal abad ke-20 menerusi penubuhan Persatuan India Tanah Melayu di Taiping. Penubuhan persatuan pertama orang India ini pada tahun 1905 asalnya bertujuan untuk menjaga kebajikan masyarakat India.⁹⁵ Persatuan tersebut memiliki pengaruh Kongres Kebangsaan India (KKI) kemudiannya berkembang ke setiap negeri-negeri Melayu.

Pada 16 Februari 1915, Dahagi Singapura iaitu satu peristiwa pemberontakan pasukan Sepoi India meletus di Singapura yang dipercayai berpunca daripada pengaruh gerakan nasionalisme dari India dan gerakan Pan-Islamisme. Peristiwa Dahagi Singapura tersebut turut hampir merebak ke bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak seperti Taiping dan Ipoh. Kedua-dua bandar bijih timah ini mempunyai populasi masyarakat India terutama orang Sikh yang ramai. Tambahan pula di Taiping terdapat pengkalan pasukan Malay States Guides yang rata-rata anggotanya adalah sepoi India.

Walau bagaimanapun, keadaan tegang di Taiping dan Ipoh tersebut berjaya dikawal oleh pihak British serta pasukan *Malay States Guides* kemudiannya dibubarkan selepas tamat Perang Dunia Pertama. Peristiwa Dahagi 1915 ini jelas menunjukkan ia merupakan bibit-bibit awal gerakan nasionalisme India yang mempunyai hubungan dengan negara asal mereka turut berkembang di bandar dan pekan-pekan bijih timah negeri Perak.

Selain itu, Taiping sekali lagi merakam peristiwa penting dalam gerakan politik India apabila tertubuhnya Tentera Kebangsaan India (*India National Army* atau INA) pada 31 Disember 1941.⁹⁶ Atas sokongan tentera Jepun menerusi Fujiwara Kikan⁹⁷ dan Liga Kemerdekaan India (IIL)⁹⁸, pasukan tentera India ini berjaya ditubuhkan oleh Kapten





Mohan Singh dengan tujuan untuk memerdekakan negara India daripada penjajahan British. Sehari selepas ditubuhkan, pasukan INA ini mendirikan pengkalan mereka di Ipoh bagi membantu tentera Jepun menewaskan tentera British.⁹⁹

Selepas kekalahan tentera British di Singapura pada 15 Februari 1942, seramai 20,000 orang tentera India menyertai pasukan INA tersebut. Penubuhan pasukan INA ini semasa era Perang Dunia Kedua secara tidak langsung telah mempercepatkan kemerdekaan negara India pada 15 Ogos 1947. Menurut Azharuddin Dali, walaupun INA bermatlamat untuk memerdekakan India tetapi ia mempunyai ikatan sejarah dan nilai sejarah dengan masyarakat India di Malaysia.¹⁰⁰ Begitu juga dengan hubungan antara perjuangan INA dengan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak yang jelas menunjukkan ia menjadi tempat bermulanya perjuangan kemerdekaan negara India dari luar negara tersebut.



Berdasarkan gerakan-gerakan politik yang berlaku di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak ini, tidak dapat dinafikan bahawa ia berperanan penting sebagai pusat gerakan politik serta pertemuan para nasionalis tanah air mahupun antarabangsa. Malahan, sebahagian besar penduduk bandar dan pekan-pekan bijih timah negeri Perak turut terlibat dalam menjayakan perjuangan politik tersebut. Sesungguhnya, banyak peristiwa yang mendukung semangat politik tanah air mahupun luar negara yang berlaku di bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak.

5.6 Kesimpulan

Menerusi perbincangan dalam bab ini, jelaslah bahawa bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak begitu penting dalam lipatan sejarah negara dan antarabangsa kerana sedikit sebanyak memberikan kesan yang besar. Kepentingan ini ternyata menerusi peranan-peranan penting yang dimainkan oleh perkembangan bandar





dan pekan-pekan perlombongan bijih timah di Perak seperti pemangkin pembangunan ekonomi Perak, permulaan perbandaran ala bandar British di England, warisan senibina kolonial, kemunculan masyarakat majmuk dan transit gerakan politik.

NotaHujung

¹ Negeri-negeri Melayu yang mendapatkan perlindungan British. Di bawah konsep ini, segala urusan hal ehwal luar negeri tersebut berada di bawah kuasa pentadbiran British.

² Abdur-Razzaq Lubis, Malcolm Wade & Khoo Salma Nasution, *Perak Postcard 1890s-1940s*, hlm. 7.

³ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 17 & 132.

⁴ Lim Heng Kow, *The Evolution of The Urban System In Malaya*, hlm. 47.

⁵ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 16.

⁶ Gullick, J.M., Captain Speedy of Larut, *JMBRAS*, hlm. 55.

⁷ *Annual Report Perak 1885*, hlm. 8 dan *Fifty Years of Railways*, 1935, hlm. 14. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 49.

⁸ *Fifty Years of Railways*, 1935, hlm. 45. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 50.

⁹ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Ipoh The City that Tin Built*.

¹⁰ *Taiping, Life and Soul*, hlm. 67.

¹¹ Loh Wei Leng, The role of large-scale Western enterprise, *The Encyclopedia of Malaysia: Early Modern History 1800-1940*, hlm. 78 & 79. Lihat juga, *Taiping's Many Firsts Report*, hlm. 98.

¹² *Taiping's Many Firsts Report*, hlm. 75.

¹³ *Annual Report Perak 1877*, hlm. 11. Lihat juga, Khoo Salma & Abdur-Razzaq Lubis, *Perak Postcard 1800s-1940s*, hlm. 8. Pejabat Pos Taiping yang terdapat pada hari ini bukanlah pejabat pos pertama Negeri-negeri Melayu kerana bangunan tersebut dibina pada tahun 1885.

¹⁴ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 117 & 236.

¹⁵ Pada tahun 1901, sekolah ini dinamakan sebagai Sekolah King Edward VII.

¹⁶ Grid-Iron juga dikenali sebagai kekisi dalam reka bentuk bandar dalam bahasa Melayu.

¹⁷ Diperkenalkan oleh Kapten Francis Light setelah membuka bandar Georgetown pada 10 Ogos 1786.

¹⁸ *Annual Report Perak 1881*, hlm. 8.

¹⁹ Rathborne, *Camping & Tramping In Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1984, hlm. 222.

²⁰ Temubual bersama En. Anuar Isa di Kamunting, Perak, 2 Ogos 2015. Jalan utama Taiping yang terdapat pada hari ini dibina di atas tapak sebuah lombong bijih timah.

²¹ *Ibid.*, dan *Taiping's Many Firsts Report*, hlm. 85.

²² Raja Nazrin Shah, *Landmark of Perak*, hlm. 21 dan Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Ipoh, The city that Tin Built*.

²³ *Taiping's Many Firsts Report*, hlm. 85 & *Taiping, Life & Soul*, hlm. 55.

²⁴ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Ipoh The City that Tin Built*.

²⁵ *Taiping and other early tin-mining towns*, hlm. 72.

²⁶ *Taiping, Life & Soul*, hlm. 59.

²⁷ Abdul Ghafar Ahmad, *British Colonial Architecture in Malaysia 1800-1930*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Negara, 1997, hlm. 4.

²⁸ *Taiping, Life & Soul*, hlm. 83.

²⁹ *Taiping Many Firsts Report*, hlm. 89. *Taiping & other early tin-mining towns*, hlm. 72.

³⁰ Ho Weng Hin (Editor), *Encounters With Ipoh :Familiar Spaces Untoldstories*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2013, hlm. x.

³¹ Ho Weng Hin (Editor), *Encounters With Ipoh :Familiar Spaces Untoldstories*, hlm. x.





³²Kamalruddin Shamsudin, *Malaysian Townplan Volume 3, Issue 1*, Kuala Lumpur, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Januari 2006.

³³*Taiping Many Firsts Report*, hlm. 168.

³⁴Pejabat Ukur dan Topografi ini terletak di Jalan Stesen, Taiping dan dibina pada tahun 1891. Bangunan ini pernah dijadikan sebagai Pejabat Lembaga Perbandaran Taiping sejak tahun 1930. Pada tahun 2008, bangunan ini dipulihara semula oleh Jabatan Warisan Negara dan pernah menjadi Galeria Pertama Taiping pada tahun 2011 hingga 2015.

³⁵Senibina Neo-klasikal merupakan gaya senibina yang popular pada abad ke-18 hingga abad ke-19.

³⁶*Annual Report Perak 1885*, hlm. 8.

³⁷Raja Nazrin Shah, *Landmark of Perak*, hlm. 160 dan Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Perak Postcards 1890s-1940s*, hlm. 141.

³⁸*Senibina Malaysia : Warisan Dalam Kepelbagaian*, Kuala Lumpur, Jabatan Muzium Malaysia, 2014, hlm. 20. Lihat juga, Syed Zainol Abidin, *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar*, hlm. 34-37.

³⁹Dalam senibina, Eclectic bermaksud campuran lama dan baru dalam reka bentuk bangunan.

⁴⁰*Heritage Shophouse Styles*, Georgetown, Arts-Ed, 2003. Lihat juga, *Senibina Malaysia : Warisan Dalam Kepelbagaian*, hlm. 20 dan Syed Zainol Abidin, *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar*, hlm. 34-37.

⁴¹Definisi Art Deco ialah sejenis gaya reka bentuk yang popular pada tahun 1920-an dan 1930-an. Ia juga dikenali sebagai 'Style Moderne'.

⁴²*Heritage Shophouse Styles* dan Syed Zainol Abidin, *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar*, hlm. 37.

⁴³Menurut J.A. Furnival, masyarakat majmuk adalah satu masyarakat yang mengandungi dua atau lebih unsur atau peringkat sosial yang seiringan tetapi tidak bercampur. Unsur-unsur ini hidup dalam satu unit politik. Konsep ini juga berasal daripada istilah 'plural society' iaitu hidup berdampingan tetapi berasingan. Kamus Dewan pula mentakrifkannya pula sebagai masyarakat yang terdiri daripada beberapa kaum atau bangsa.

⁴⁴Kedua-dua sistem ini merupakan sistem feodal yang diamalkan ke atas penduduk di sesebuah unit politik untuk memberikan khidmat mereka kepada pemerintah seperti melakukan kerja awam. Ia juga dianggap sebagai satu lambang kesetiaan dan kekuasaan golongan pemerintah dalam masyarakat Melayu feodal.

⁴⁵Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 218 dan Aminuddin bin Baki, *The Andersonian*, Vol. IV, hlm. 39.

⁴⁶Nazirah Lee, Transformasi Fesyen Pakaian Muslim Di Semenanjung Tanah Melayu, 1930-1940, *Jurnal Perspektif* Jil. 6 Bil. 3, Tanjung Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014, hlm. 71.

⁴⁷*Ibid.*, hlm. 75.

⁴⁸Ragayah Eusoff, *Lord of Kinta, The Biography of Dato' Panglima Kinta Eusoff*. Kuala Lumpur : Pelanduk Publications, 1995, hlm. 41.

⁴⁹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, 218 & 219.

⁵⁰*Ibid.*, hlm. 206.

⁵¹*Ibid.*,

⁵²Isabella Bird, *The Golden Chersonese and the Way Thither*, hlm. 264. Lihat juga, Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu kota Perak*, hlm. 6.

⁵³'A Tin Mining Family', Ipoh, 12 Mei 2013.

⁵⁴*Perak Government Gazette 1893*, hlm. 64.

⁵⁵*Perak Government Gazette 1898*, hlm. 377.

⁵⁶Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 206.

⁵⁷Azharuddin Mohamed Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 2012, hlm. 4.

⁵⁸*Annual Report Perak 1884*, hlm. 23.

⁵⁹Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 222.

⁶⁰*Ibid.*, hlm. 224.

⁶¹Khoo Kay Kim, *Sejarah Pembentukan Masyarakat majmuk di Taiping*, hlm. 7.

⁶²Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 228.

⁶³*Ibid.*,

⁶⁴*Ibid.*,

⁶⁵Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, hlm. 22. Menurut K. Black, orang Eropah tidak mampu bertahan dengan iklim tropika dan memberikan kesan negatif kepada fizikal, mental dan moral. Cuaca panas di Tanah Melayu dikatakan menyebabkan gangguan saraf, lemah badan dan kurang daya tahan badan berlaku.

⁶⁶Khoo Kay Kim, *Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Taiping*, hlm. 11.





⁶⁷ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 145. Bagi mengekalkan tanggapan masyarakat tempatan terhadap ketuanan British, sistem *colour-bar* diperkenalkan dalam peringkat pentadbiran.

⁶⁸ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 248.

⁶⁹ Khoo Kay Kim, *Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Taiping*, hlm. 14.

⁷⁰ Nasionalisme bermaksud satu fenomena sejagat yang mengiktiraf hak setiap bangsa untuk menubuhkan negaranya sendiri, menegakkan kedaulatan rakyat dan menuntut kesetiaan ulung rakyat untuk disalurkan kepada negara bangsa. Keadaan ini digambarkan menerusi perasaan cinta dan taat setia yang mendalam kepada tanah air yang kemudian mendorong kepada lahirnya keinginan untuk berjuang membebaskan tanah air daripada pemerintahan kuasa asing.

⁷¹ Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 138 dan Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, hlm. 15.

⁷² *Ibid.*, hlm. 139 dan Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, hlm. 16.

⁷³ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 222.

⁷⁴ Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, hlm. 16.

⁷⁵ Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak*, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 26.

⁷⁶ Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 141 dan Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, hlm. 16.

⁷⁷ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 279.

⁷⁸ Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 142 dan Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, hlm. 17. Lihat juga, Insun Sony Mustapha, *Memoir Mustapha Hussein : Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 1999, hlm. 372-377.

⁷⁹ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 299.

⁸⁰ *Vicinity Perak*, September 2006, Vicinity Media Corporation (M) Sdn. Bhd, Ipoh, 2006, hlm. 18.

⁸¹ Sue Meng Chan, *Road to Revolution: Dr. Sun Yat Sen and His Comrades in Ipoh*, Singapore, 2011, hlm. 8 & 15.

⁸² Foong Thim Lim, Perak's former tin mining towns linked to Sun Yat Sen, *The Star*, 15 November 2010.

⁸³ Ho Tak Ming, *Ipoh When Tin Was King*, hlm. 237.

⁸⁴ Sue Meng Chan, *Road to Revolution: Dr. Sun Yat Sen and His Comrades in Ipoh*, hlm. 8.

⁸⁵ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 213.

⁸⁶ Sue Meng Chan, *Road to Revolution: Dr. Sun Yat Sen and His Comrades in Ipoh*, hlm. 9.

⁸⁷ *Ibid.*, hlm. 8 & 10.

⁸⁸ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 215.

⁸⁹ Foong Thim Lim, Perak's former tin mining towns linked to Sun Yat Sen, *The Star*, 15 November 2010.

⁹⁰ *Ibid.*,

⁹¹ Khoo Kay Kim, *Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Taiping*, hlm. 11.

⁹² Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 215

⁹³ Khoo Kay Kim, *Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Taiping*, hlm. 11.

⁹⁴ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 217.

⁹⁵ Taiping's Many Firsts Report, hlm. 133. Lihat juga, Mohd. Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 134, Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, hlm. 10 dan Azharuddin Mohamed Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, hlm. 25.

⁹⁶ Azharuddin Mohamed Dali, *Sejarah Perisikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014, hlm. 280. Lihat juga, Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 278.

⁹⁷ Fujiwara Kikan merupakan satu badan perisikan Jepun yang bertanggungjawab mengendalikan urusan perisikan di Tanah Melayu. Badan ini juga berkerjasama dan menjalinkan hubungan dengan pelbagai pihak yang dapat membantu Jepun dalam Perang Dunia Kedua. Penubuhannya dicituskan oleh Mejar Iwaichi Fujiwara pada tahun 1941.





⁹⁸Liga Kemerdekaan India ditubuhkan oleh Rash Behari Bose dan ia adalah satu pertubuhan anti-British yang radikal. Pertubuhan ini berjaya mengumpulkan golongan nasionalis India luar negara serta aktif beroperasi di Asia Tenggara dan Asia Timur.

⁹⁹Pangkalan pertama INA telah didirikan di bangunan Sekolah Anderson, Ipoh.

¹⁰⁰Azharuddin Mohamed Dali, *Sejarah Perisikan di Malaysia*, hlm. 280.





BAB 6

PENUTUP

Perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak bermula sejak zaman sebelum kewujudan pentadbiran British di negeri ini. Peningkatan aktiviti perlombongan bijih timah terutamanya di Larut mempengaruhi kepada kemunculan bandar dan pekan-pekan perlombongan bijih timah tersebut. Namun, perkembangan awal ini tidak berada dalam keadaan teratur malahan terjejas dengan situasi negeri Perak yang sering dilanda dengan kekacauan pada pertengahan abad ke-19. Misalnya Larut yang lahir daripada hasil perlombongan bijih timah sejak tahun 1850-an terjejas pembangunannya ekoran tercetusnya Perang Larut dan perebutan takhta yang berpanjangan sehingga tahun 1874. Keadaan yang sama turut memberi kesan kepada perkembangan beberapa kawasan perlombongan bijih timah di Perak seperti Kinta dan Batang Padang.

Berikutan kehadiran pentadbiran British di Perak pada tahun 1874, kawasan-kawasan petempatan bagi perlombongan bijih timah terus berkembang ke arah kewujudan bandar dan pekan-pekan yang lebih teratur dan sistematik. Kemunculan bandar Taiping menjadi contoh terbaik dalam perancangan bandar perlombongan bijih timah yang direncanakan oleh pihak British. Bandar ini juga menjadi asas dan panduan kepada



perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah yang lain di Perak. Secara tidak langsung, kewujudan pentadbiran British di Perak menjadi satu faktor pemangkin serta faktor utama dalam merangsang perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri ini. Maka tidak hairanlah, kajian ini meletakkan bahawa perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak bermula pada tahun 1874.

Selain itu, pentadbiran British sangat mempengaruhi perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak kerana sistem yang dibentuk oleh pihak kolonial British seperti Majlis Mesyuarat Negeri dan *Sanitary Board*. Meskipun tujuan utama pihak British adalah untuk kepentingan ekonomi mereka, sistem yang diwujudkan tersebut dapat mengubah petempatan di kawasan perlombongan bijih timah di Perak kepada bandar dan pekan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan infrastruktur. Tambahan usaha itu turut dijayakan dengan peranan yang dimainkan oleh para pegawai British seperti Sir Hugh

Low, Kapten Speedy dan Frank Swettenham.

Di samping dua faktor utama ini, beberapa faktor sampingan yang lain turut membantu dalam mempengaruhi perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak. Faktor-faktor ini terdiri daripada pengaruh para pembesar Melayu, peranan pelombong Cina dan kesan perkembangan sistem perhubungan. Andaian ini terbukti jelas menerusi kemunculan dan perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Kinta terutamanya Ipoh.

Berdasarkan kajian ini, perkembangan bandar Ipoh didapati agak unik kerana kurang menerima pengaruh pentadbiran kolonial British dan aktiviti perlombongan bijih timah tetapi lebih banyak dipengaruhi oleh faktor sampingan yang lain. Perkara ini kerana perkembangan bandar Ipoh dibangunkan sendiri oleh pembesar Melayu dan pelombong



Cina. Kebebasan ini membolehkan Ipoh berkembang maju hingga mengatasi pembangunan bandar Taiping dan setanding dengan Kuala Lumpur.

Sesuatu yang menarik ialah peranan awal pembesar Melayu dalam mencetuskan kemunculan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak. Kebanyakan penulisan awal sejarah mengenai kemunculan bandar dan pekan-pekan di negara kita sering kali dikaitkan dengan sumbangan yang diberikan oleh pihak kolonial mahupun imigran asing seperti pelombong Cina. Menerusi kajian ini, nama-nama seperti Menteri Ngah Ibrahim, Dato' Panglima Kinta, Raja Bilah dan beberapa orang lagi pemimpin masyarakat Melayu didapati dipinggirkan dalam sejarah sebagai pembuka dan peneroka bagi bandar dan pekan perlombongan bijih timah yang terdapat di Perak. Perkara ini teretus ekoran tindakan pihak kolonial British yang merampas sistem tradisional Melayu lalu memadam peranan penting yang diberikan oleh para pembesar Melayu.



Sebagai sebahagian daripada perkembangan sosioekonomi negara, perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak ini memiliki kepentingan yang tidak ternilai dalam lipatan sejarah setempat mahupun antarabangsa. Kepentingan yang dikenalpasti ialah bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak menjadi perintis dalam pembangunan ekonomi Negeri Melayu terutamanya dalam tempoh masa '*Protected Malay States*' (1874-1895).

Dalam tempoh masa tersebut, bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak berada di tahap hadapan berbanding dengan bandar di negeri-negeri Melayu lain. Perkara ini jelas digambarkan menerusi catatan-catatan kolonial dan rekod bergambar seperti perbezaan gambar bandar Taiping dan Kuala Lumpur pada tahun 1882. Bahkan, bandar dan pekan perlombongan bijih timah ini turut mempunyai hubungkait dengan pembangunan





pelabuhan Georgetown dan terpenting sekali berperanan sebagai penyumbang terhadap Revolusi Perindustrian di Eropah pada suatu ketika dahulu.

Kemudian, bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak mempunyai kepentingan dalam aspek sosio-politik yang mana menyaksikan petempatan ini menjadi pusat kemunculan masyarakat berbilang kaum dan transit gerakan politik. Bertitik tolak atas kekayaan hasil bumi yang terdapat, bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak ini menjadi tumpuan utama kepada kemasukan pelbagai kaum ke sini. Kehadiran pelbagai kaum ini menwarnai sosiobudaya setempat sehinggalah ke hari ini.

Selain itu, perkara tersebut turut mempengaruhi kepentingan bandar dan pekan bijih timah di Perak ini sebagai pusat transit gerakan politik terutamanya dalam gerakan kemerdekaan negara serta beberapa negara Asia. Bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri ini didapati berperanan penting dalam menjadi medan pertemuan golongan nasionalis dalam mereka mencapai objektif perjuangan. Misalnya, gerakan Revolusi China 1911 yang dipimpin oleh Dr. Sun Yat Sen mendapat sokongan tenaga dan kewangan utama dari kawasan bandar dan pekan-pekan bijih timah di Perak.

Menjelang tahun 1940-an, perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak mulai merosot. Perkara ini disebabkan oleh kebergantungan utama terhadap ekonomi perlombongan bijih timah yang menjadi nadi kepada kemakmuran bandar dan pekan-pekan kecil bijih timah di negeri Perak. Sejak Perang Dunia Pertama (1914-1918) hingga berlarutan ke Perang Dunia Kedua (1941-1945), keadaan tidak stabil melanda Tanah Melayu termasuk negeri Perak menjejaskan sektor perlombongan bijih timah. Perkara ini sekaligus memberi kesan terhadap perkembangan bandar dan pekan-pekan bijih timah juga.





Meksipun negeri Perak hari ini kembali pesat membangun semula menerusi pendekatan pelan Perak Amanjaya, nasib bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah tidak berubah dan masih kekal sebagai ‘pekan mati’ serta tidak dapat dibangunkan lagi. Sebaliknya, kebanyakan kawasan bekas perlombongan bijih timah yang berdekatan pekan-pekan bijih timah ini dahulunya terbiar dipulihkan semula sebagai kawasan pembangunan baharu seperti perumahan, pendidikan, rekreasi dan pertanian. Lahirlah bandar-bandar baru seperti Bandar Baru Kampar, Seri Iskandar di Tronoh, Manjoi, Falim, Bandar Baru Lahat, *Station 18* di Pasir Puteh, Bandar Sunway, Chemor, Behrang 2020, Kamunting dan Bandar Tasik Amanjaya di Siputeh.

Lebih menyedihkan sebahagian daripada pekan-pekan bijih timah di negeri Perak terbiar usang dan hingga menyembah bumi seperti pekan Papan dan Lahat. Tidak kurang juga terdapat pekan perlombongan bijih timah ini seperti Kampung Kepayang di Kinta yang dirobohkan bagi memberi laluan kepada pembangunan baharu. Oleh demikian, usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan perlu segera dilakukan oleh semua pihak terutamanya pihak kerajaan. Hal ini kerana pekan-pekan lama bijih timah ini bukan sahaja memiliki kepentingan sejarah tetapi turut mempunyai potensi besar dalam bidang pelancongan di negeri Perak sekaligus dapat menjana ekonomi setempat.

Kewujudan program jejak warisan di beberapa bandar dan pekan perlombongan bijih timah seperti Ipoh, Gopeng, Batu Gajah dan Taiping yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan merupakan langkah awal dalam mendedahkan kepentingan warisan sejarah ini. Namun, jejak warisan ini perlu ditambah baik dengan menghubungkan warisan-warisan terdapat dengan sejarah perlombongan bijih timah kerana rata-ratanya jejak warisan itu hanya memfokuskan penceritaan bangunan sahaja dan berkonsepkan pelancongan semata-mata. Usaha tersebut sahaja tidak cukup dan perlu dipergiatkan bagi memartabatkan warisan pekan bijih timah di negeri Perak ke persada negara mahupun





antarabangsa. Perkara sedemikian perlu dilakukan dengan penulisan semula sejarah diikuti dengan penceritaan yang akhirnya akan menyerlahkan potensi bandar dan pekan bijih timah di negeri Perak.

Berdasarkan kepentingan besar bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak terhadap perkembangan sejarah negara khasnya dan dunia amnya, warisan sejarah yang terdapat ini wajar diangkat sebagai warisan kebangsaan dan tidak salah untuk dicalonkan dalam Warisan Dunia UNESCO sebagai Bandar Warisan Bijih Timah seperti di Cornwall. Malahan bandar Phuket di Thailand yang memiliki sejarah perlombongan bijih timah turut berusaha mendapatkan gelaran tersebut.

Walaupun era kegemilangan perlombongan bijih timah telah lama berlalu, bandar dan pekan kecil perlombongan bijih timah di negeri Perak ini tidak wajar dilupakan dan dibiarkan musnah begitu sahaja. Bandar dan pekan kecil ini sebenarnya begitu penting terhadap perkembangan sejarah negeri Perak khususnya dan negara amnya. Ia merupakan satu simbol kemakmuran dan kekayaan negara pada masa suatu ketika dahulu serta bukti pemodenan awal tanah air yang terdapat sehingga hari ini. Akhir kata, perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di negeri Perak begitu penting dalam catatan sejarah kerana sangat mempengaruhi pembinaan negara bangsa Malaysia.





BIBLIOGRAFI

Sumber Primer

Annual Report of Perak 1877.

Annual Report of Perak 1880.

Annual Report of Perak 1884.

Annual Report of Perak 1885.

Annual Report of Perak 1886.

Annual Report of Perak 1887.

Annual Report of Perak 1892.

Annual Report of Perak 1893.

Annual Report of Perak 1896.

Annual Report on Public Works Department for The Year 1897.

Annual Report on Public Works Department for The Year 1898.

Birch's Report On Perak, 2 April 1875, Surat kepada Pejabat Setiausaha Kolonial, Singapura, bertarikh 29 April 1875.



CO273, 91/13286, 29E77 290 Proposed Presentation of Swords to Native States. 158/6802/76 GOV16233/81.

Instructions To The British Residents And Other Papers Relating To The The Protected Malay States, Parliament Paper, London, 1879.

Letter from Hugh Low to F.A. Swettenham Congratulating Him on His Administration In Perak While Serving As Acting Resident There, 11 January 1886.

Papers Relating To The Protected Malay States, Parliament Paper, London, 1881.

Perak Administration Report 1897

Perak Administration Report 1898

Perak Administration Report 1925

Perak Administration Report 1927

Perak Annual Report 1879-1885.

Perak Enquiry Paper, Vol. III, 24 January 1877.

Perak Government Gazzatte 1889

Perak Government Gazzatte 1890

Perak Government Gazzatte 1891





Perak Government Gazzatte 1892

Perak Government Gazzatte 1893

Perak Government Gazzatte 1894

Perak Government Gazzatte 1895

Perak Government Gazzatte 1897

Perak Government Gazzatte 1898

Perak Government Gazzatte 1899

Perak Government Gazzatte 1900

Perak Government Gazzatte 1901

Private Diary of F.A. Swettenham With Entries Relating To His Duties 1883, 31 December 1883. (2006/01545).

No. 83, Report of H. B. Mr's Resident at Perak to Colonial Secretary's Office, Singapore, *Straits Settlements Government Gazette* 1875.

Report of the Commissioners under clause xiii of the Perak Engagement & Journal of their expedition to Perak.

Report on the Kinta District 1898.



Report on the Revenue & Expenditure of the State of Perak, for the year 1879.

Report on the Revenue & Expenditure of the State of Perak, for the year 1881.

Revenue & Expenditure of the State of Perak for the Year 1877.

Salinan Perjanjian Pangkor (ANM2003/0008177W).

Statement of Revenue for 1877, Treasury, Kota, Taiping, 4 February 1878.

Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak, for year 1874, Government Printing, Singapore, 1874.

Straits Settlements Government Gazette 1875.

Straits Settlements Government Gazette 1887.

Swettenham Paper (SP12), Arkib Negara Malaysia.

Swettenham, F.A., *Diary of the Commission to Larut (23 Januari-27 February 1874)*, Manuskrip, Malaya House, London, 1975.

Artikeldan Kertas Kerja

Abdullah Lubis, Perkembangan sejarah di Larut, *Perak Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Negara Malaysia, 1988.





Abdullah Zakaria Ghazali, *Jejak Raja Abdullah, Sutan Puasa Dan Yap Ah Loy Dalam Sejarah Kuala Lumpur*, Majlis Polemik Sejarah Malaysia ke-28, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, 13 Disember 2012.

Aminuddin bin Baki, *The Andersonian*, Vol. IV.

Badriyah Haji Salleh, The development of urban centres, *The encyclopedia of Malaysia : Early Modern History*. Kuala Lumpur : Archipelago Press, 2001.

Cowan, Sir Hugh Low 1824-1905, *Journal of the Society of Bibliography of Natural History, Jilid. 4, Bhg. VII*, 1968.

Francis Loh Koh-Wah, Chinese immigration & tin mining, *Early Modern History*. Kuala Lumpur : Archipelago Press, 2001.

Gullick, J.M., *Captain Speedy of Larut*, JMBRAS, 1953.

_____The Economy of Perak in the Mid-1870s, *JMBRAS Volume 83 Part 2*, 2010.

Jean Francois Hennart, Internalization in Practice, *Journal of International Business Studies* Vol. 17, No. 2 , 1986).

J. Errington de La Cox, Some accounts of the mining district of Lower Perak, *JSBRAS*. Singapore, 1880.

Hale, A, On mines & miners in Kinta, *JSBRAS*. Singapore, 1885.



Leech, H.W.C, About Kinta, *JSBRAS*. Singapore, 1879.

Leong Yee Fong, The Rubber Industry and Indian Immigration, *The Eyclopedia Of Malaysia : Early Modern History 1800-1940*. Kuala Lumpur : Archipelago Press, 2001.

Loh Wei Leng, The role of large-scale Western enterprise, *The Encyclopedia of Malaysia : Early Modern History 1800-1940*. Kuala Lumpur : Archipelago Press, 2001.

L. Wray, Tin Mining In Perak, *Notes of Perak Museum*.

Khoo Kay Kim, Bijih timah dalam sejarah Perak, *Perak Dahulu & Sekarang*. Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia, 1988.

_____Taiping (Larut) : The early history of a mining settlement, *JMBRAS*, Volume 64, 1991.

_____ *Tanjong, Hilir Perak, Larut & Kinta The Penang-Perak Nexus in History*. Penang, The Penang Story –International Conference 2002.

_____ *Sejarah pembentukan masyarakat majmuk di Taiping*, Muzium Perak Taiping.

Mohd Hairy Ibrahim, Jamaluddin Md. Jahi etc., Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi Sebuah Bandaraya, *SARI- International Journal of the Malay World & Civilisation* 29(2). Bangi : Universiti Kebangsaan, 2011.





Mohd Zamberi Abdul Malek, Taiping Ibu Kota Perak sebelum Ipoh, dalam Talib Samat dan Zabidin Ismail, *Sejarah Pembukaan Bandar Raya Ipoh*. Tanjung Malim : Penerbit Mentari, 2016.

Nazirah Lee, Transformasi Fesyen Pakaian Muslim Di Semenanjung Tanah Melayu, 1930-1940, *Jurnal Perspektif* Jil. 6 Bil. 3. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014.

Nordin Husin, Larut Matang Dan Selama : Suatu Sorotan Sejarah, *Malaysia Dari Segi Sejarah* Bil. 12. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1992.

Patrick Sullivan, Social Relations of Dependence in a Malay State : Nineteenth Century Perak, *JMBRAS Monograph : 10*. Kuala Lumpur, 1982.

Nathan, R.S., Development of District Administration on Batang Padang, *Malaysia In History Vol. 13*. Kuala Lumpur : The Malaysian Historical Society, March 1970.

Sadka, Emily, The Journal of Sir Hugh Low Perak 1877, *JMBRAS Jilid. 27, Part IV*, 1954.

Suriati Ahmad, *The Important & Significance of Heritage Conservation of ex-tin Mining Landscape in Perak, Malaysia, the Abode of Grace*, The Asian Conference on Asian Studies 2013 Official Conference Proceedings 2013. Osaka, Japan.

Taiping & other early tin-mining towns, *The encyclopedia of Malaysia : Early Modern History*. Kuala Lumpur : Archipelago Press, 2001.

Victor T. King & Mohamed Halib, Perak and Kinta Valley, *Heritage Asia*, 7 March 2008.

Yap Keam Min, Tin mining in Malaysia-Is there any revival?, *Jurutera*, December 2007.

Zabidin Ismail, Ipoh: Tinjauan Ringkas Sejarah Pembukaan dan Kemunculan Akhbar Politik Pra Merdeka, dalam Talib Samat dan Zabidin Ismail, *Sejarah Pembukaan Bandar Raya Ipoh*. Tanjung Malim : Penerbit Mentari, 2016.

Makalah

Abdullah Zakaria Ghazali, *Ngah Ibrahim Orang Kaya Menteri Paduka Tuan*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Negara, 1993.

Abdul Ghafar Ahmad, *British Colonial Architecture in Malaysia 1800-1930*. Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Negara, 1997.

Abdul Talib Hj. Ahmad, *Riwayat Kinta*. Kuala Lumpur : Pustaka Rusna, 1959.

AbdurRazaq Lubis, Malcom Wade & Khoo Salma Nasution, *Perak Postcard 1890s-1940s*. Penang : Areca Book, 2010.

Abdur-Razaq Lubis & Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah & The Mandailings In Perak 1875-1911*. Ipoh : Perak Acedemy, 2003.

Ahmad Kamal Ariffin, *Sanitary Board Kuala Lumpur ; Peran dan Pentadbiran 1890-1914*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 2001.





ArmajitKaur, *SeabadKeretapi Di Malaysia*. Kuala Lumpur :PersatuanMuzium Negara, 1985.

AspirasiKebitaraan. TanjungMalim :UniversitiPendidikan Sultan Idris, 2003.

Azharuddin Mohamed Dali, *SejarahMasyarakat India di Malaysia*. Kuala Lumpur :PenerbitUniversiti Malaya, 2012.

_____, *SejarahPerisikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur :DewanBahasadanPustaka, 2014.

Azmah, *Sejarah Sosio Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors, 2001.

A KamarudinAriffin, *SejarahTapah*. Tapah : SK II Jalan Pahang, 1976.

Barlow, H.S., *Swettenham*. Kuala Lumpur : Southdene Sdn. Bhd., 1995.

Bilcher Bala, *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

Buku Data Asas Negeri Perak 2008. Ipoh : Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, 2008.

Batu Gajah Heritage Driving Trail. Perak Tourism, 2013.

Bird, Isabella, *The Golden Chersonese and the Way Thitcher*. London, 1883.

Burn, P.L, *TheJournal of J.W.W. Birch The British Resident To Perak 1874-1875*. Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1976.

Burn, P.L. & Cowan, C.D., *Sir Frank Swettenham's Malayan Journals 1874-1875*. Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1976.

Buyong Adil, *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1981.

Chean Jin Seng, *Perak 300 Early Postcards*. Kuala Lumpur : Editions Didier Millet, 2009.

Chen Voon Fee (Edit.), *The encyclopedia of Malaysia : Architecture*. Kuala Lumpur : Archipelago Press, 2001.

ChyeKooiLoong, *The British Battalion in the Malayan Campaign 1941-1942*. Kuala Lumpur :JabatanMuzium&Antikuiti Malaysia, 2002.

Cowan, C.D, *Nineteenth Century Malaya : The Origins of British Political Control*. London : Oxford University Press, 1987.

Ensiklopedia Malaysia Edisi 1996 Jilid 2. Kuala Lumpur : Anzagain Sdn. Bhd, 1996.

Ensiklopedia Dunia Jilid 3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 2003.

FawziBasri, *Cempaka Sari SejarahKesultananNegeri Perak*. Ipoh :Yayasan Perak, 1986.

_____*SejarahKeretapi Di Malaysia*. Kuala Lumpur :Keretapi Tanah MelayuBerhad, 1985.

Fifty Years of Railways, 1935.





GopengPekanWarisanPerlombonganBijihTimah.Ipoh :JabatanPerancang Bandar &Desa Perak, 2014.

Harrison, C.W., *An illustrated guides to the Federated Malay States*. Singapore, 1923.

Heritage Shophouse Styles. Georgetown : Arts-Ed, 2003.

Ho Ming Tak, *Ipoh When Tin Was King*. Ipoh : Perak Academy, 2012.

IndustriPerlombongan Malaysia 2012. Kuala Lumpur :Jabatan Mineral &Geosains Malaysia, 2012.

Insun Sony Mustapha, *Memoir Mustapha Hussein :KebangkitanNasionalismeMelayuSebelum UMNO*. Kuala Lumpur :DewanBahasa&Pustaka, 1999.

Ipoh, *The Town That Tin Built*, 1962.

Ishak Saat, *RadikalismeMelayu Perak*. PulauPinang :PenerbitUniversitiSains Malaysia, 2011.

JelaniHarun, *UmpamaSebuahBahtera, KajianNaskhahMelayuSejarahKesultananNegeri Perak*. Kuala Lumpur :Arkib Negara Malaysia, 2011.

Leon Comber , *Chinese Secret Societies in Malaya-A survey of the Triad society from 1800 to 1900*. New York : J.J. Augustin Incorporated, 1959.



Lim Heng Kow, *The Evolution Of The Urban System In Malaya*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 1978.

Kamalruddin Shamsudin, *Malaysian Townplan Volume 3, Issue 1*. Kuala Lumpur : Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Januari 2006.

Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 2010.

Kennedy, J., *A History of Malaya*. Kuala Lumpur : Macmillan, 1962.

Khoo Kay Kim, *Kuala Lumpur : The Formative Years*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996.

_____, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti,

_____, *Taiping, Ibukota Perak*. Kuala Lumpur :PersatuanMuzium Negara, 1981.

_____, *Taiping : The Vibrant Years*. Kuala Lumpur : OFA Desyne, 2003.

Khoo Salma Nasution&Abdur-RazzaqLubis, *Ipoh Perak, The City That Tin Built*. Ipoh : Perak State Government, 1999.

_____, *Kinta Valley, The Pioneering The Malaysia's Modern Development*. Ipoh : Perak Academy, 2005.

_____, *Taiping Town of everlasting peace*. Taiping : Majlis Perbandaran Taiping, 1997.





MalimGhazali, *Kampung-kampung Tersohor Di Sungai Perak*. Ipoh : Institut Darul Ridzuan, 2011.

McNair, J.F., *Perak & The Malays*. Kuala Lumpur : Penerbit Oxford University, 19

Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

_____, *Kapitan Chung KengKwee : Pahlawan Perang Larut*. Kuala Lumpur : Anjung Media Resources, 2013.

Panzer, N.M., *Tin Resource of The British Empire*. London : William Rider & Son Limited, 1921.

Papan Pekan Perlombongan Tertua Lembah Kinta. Ipoh : Jabatan Perancang Bandar & Desa Perak, 2014.

Patrick, Doyle, *The Mining in Larut*. London, 1879.

Ragayah Eusoff, *Lord of Kinta, The Biography of Dato' Panglima Kinta Eusoff*. Kuala Lumpur : Pelanduk Publications, 1995.

Raja Nazrin Shah, *Landmark of Perak*. Kuala Lumpur : RNS Publications, 2006.

Rathborne, *Camping & Tramping In Malaya*. Oxford : John Beaufey Publishing Ltd., 2011 (Reprint).

R. O. Winstedt & R. J. Wilkinson, *A History of Perak*. *JMBRAS*, 1974.

Sadka, Emily, *The Protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur : University of Malaya Press, 1968.

Senibina Malaysia : Warisan Dalam Kepelbagaian. Kuala Lumpur : Jabatan Muzium Malaysia, 2014.

Sue Meng Chan, *Road to Revolution: Dr. Sun Yat Sen and His Comrades in Ipoh*. Singapore, 2011.

Swettenham, F.A., *About Perak*. Singapore : Straits Times Press, 1893.

_____, *British Malaya*. London, 1948.

Syed Zainol Abidin, *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar*. Kuala Lumpur : Badan Warisan Malaysia, 1996.

S. Durai Raja Singam, *Malayan Place Names*. Kuala Lumpur : Liang Khoo Printing Company, 1962.

S. Robert Aiken etc, Sulung Muhamad (Penterj.), *Pembangunan & persekitaran di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1994.

Taiping Life & Soul, A Town Planning Perspective. Kuala Lumpur : Jabatan Perancang Bandar & Desa Malaysia, 2005.

Taiping's Many Firsts Reports. Taiping : Majlis Perbandaran Taiping, 2013.





Talib Samat dan Zabidin Ismail, *Sejarah Pembukaan Bandar Raya Ipoh*. Tanjung Malim : Penerbit Mentari, 2016.

The Encyclopedia Americana Volume 19. Danbury : Grolier Incorporated, 1997.

The New Encyclopedia Britannica Vol. 8. Chicago : Encyclopedia Britannica Incopration, 1988.

The Story of Ipoh, From feet to flight. Ipoh :MuziumDarulRidzuan, 2006.

Tin Story : Heritage of Malaysia. Kuala Lumpur : Kuala Lumpur Tin Market, 2010.

Tokoh-tokohBatu Gajah. Kuala Lumpur :Arkib Negara Malaysia, 2003.

Wilkinson, R.J., *Papers on Malay Subjects, History Part III : Council Minute Perak*. Kuala Lumpur, 1907.

_____, *Papers on Malay Subjects, History Part IV : Council Minute Perak*. Kuala Lumpur, 1907.

Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*. Tucson, 1965.

Wong, C.S., *A Gallery Of Chinese Kapitan*. Singapore : Ministry of Culture, 1963.

Wright, A. & Cartwright, H.A, *Twentieth Century Impressions of Malaya ; Its History, People, Commerce, Industries & Resource*. Singapore, 1908.

Vicinity Perak, September 2006. Ipoh : Vicinity Media Corporation (M) Sdn. Bhd, 2006.

Yahaya Ibrahim, *Pembandaran dan kejiranan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1995.

ZabidinHj. Ismail, *BiografiTokohRao, Sumbangan&JasaTerhadap Pembangunan Malaysia*.Ipoh :PersatuanKaryawan Perak, 2013.

Zainal Abidin Daud, *RiwayatTanjungMalim*. Kuala Pilah, Abdul Ghani Abdullah, 1993.

Tesis

Abdul Rahim B. Haji Bakar, *Perkembangan Penduduk Melayu Di Daerah Kinta (Perak) 1880-1930an*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1976-1977.

Ahmad Jefri B. Zulkafli, *Sejarah Perkembangan Sosial Ekonomi Kampar, 1945-1957*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2011.

Ernest Chew, *Sir Frank Swettenham's Malayan Career up to 1896*. Singapore : University of Singapore, 1966.

Lim Siew Leng, *Menteri Ngah Ibrahim, Peranan &sumbangannya dalam perusahaan perlombongan bijih timah di Larut*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990/91.





Shahrudin B. Mat Asik, *Pembukaan Kampar (Perak) dan Perkembangan Sosial & Ekonomi Hingga Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1974/1975.

Wee Choon Siang, *Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874*. Singapore : University Malaya, 1952.

Ceramah

Anuar Isa, *Ceramah Dari Larutke Taiping 1874-2014*, MajlisPerbandaran Taiping, 27 Ogos 2014.

Akhbar

Blueprint Perlombongan Lonjakkan Industri Bijih Timah. *Suara Perak*, (2) 09 2014.

Foong Thim Lim, Perak's former tin mining towns linked to Sun YatSen, *The Star*, 15 November 2010.

Ipoh Echo, 1-15 February 2013.

Ngah Ibrahim popularkan Matang. *Sinar Harian*, 18 Oktober 2014.

KhairulAbidinNuar, KegemilanganPerlombongan Perak. *Utusan Malaysia*, 17 September 2014.



Rohana Man, PekanHantuKampungKepayang. *Utusan Malaysia*, 10 Disember 2011.

SejarahTanjungMalim. *BeritaHarian*, 16 September 2012.

SitiNurazlinaJamaludin, Taiping Bandar Warisan. *Utusan Malaysia*, 13 Oktober 2012.

Suara Perak, Januari 2016.

Taiping Weekly Record, 17 Jun 1935.

Pameran

'A Tin Mining Family', Ipoh, 12 Mei 2013.

Dekad Pertama Taiping 1874-1884, 1 Jun – 31 September 2011, Galeria Pertama Taiping, Perak.

Siri Cerita Taiping : Dari Larut ke Taiping, 13 Januari – 31 Mac 2013, Galeria Pertama Taiping, Perak.

Temubual

Temubualdengan En.Anuar Isa di First Galleria,JalanStesen 34000 Taiping, Perakpada 11 April 2014.





Temubual dengan En. Anuar Isa di First Galleria, Jalan Stesen 34000 Taiping, Perak, 17 Jun 2014.

Temubual bersama En. Anuar Isa di No. 674, Lorong 1, Kamunting, Perak, 2 Ogos 2015.

Temubual dengan En. Hasnan Bin Saidi, Kampung Kepayang 31300 Perak, 19 Jun 2013.

Temubual dengan En. Mohammad Taib di 10, Persiaran Wira Jaya Barat 70, Taman Rapat Setia Baru 31350 Ipoh, Perak pada 23 Mei 2014.



LAMPIRAN 1 : Surat *Commission For The Pacifiction of Larut* kepada Gabenor Sir Andrew Clarke dan Perjanjian Persempadanan Larut yang ditandatangani pada 20 Februari 1874.

[Under article XIII of the Pangkor Engagement Commissioners were appointed to settle the disputes between the Chinese miners in Larut. Swettenham, who was one of the Commissioners, kept a journal which eventually was adopted as the official report of the Commission. It was later published as an unnumbered appendix to the *Proceedings of the Straits Settlements Legislative Council, 1874.*]

The Commissioners to Governor Sir Andrew Clarke²

Penang, 23rd February 1874.

Sir,—We have the honor to inform you that, in accordance with Your Excellency's orders, given to us at Pulo Pangkor on the 20th January last, we proceeded on the 23rd of that month to Larut, in the S.S. *Johore*, placed at our disposal for that purpose; and from that time until to-day we have been uninterruptedly engaged on the business of the Commission to which we were appointed.

During this time we have endeavored to carry out your instructions, namely, to disarm, and destroy all the stockades in Larut, to rescue as many women and children detained in Larut, and Perak as possible, and to arrange an amicable settlement of the Mines in Larut.

3. As a full account of all our proceedings would have entailed a very lengthy report, we determined to keep a Journal of them from day to day, and this we have the honor to forward with this letter.

4. In this Journal will be found everything we did, and almost everything we said, in the pursuit of our object, and therefore we refrain from recapitulating, in this letter, what we have already stated in our Journal.

5. Briefly, we have disarmed, and destroyed every stockade in Larut.

6. The Chinese here gave us the names of twenty-eight women and children, said to be detained in Larut and Perak; and we have succeeded in rescuing, and bringing to Penang, forty-five women and children, all belonging to the Si-Quan faction of Chinese; and we trust that we have arranged for the recovery of eight more.

7. Lastly, we have settled the Mine question, apparently to the satisfaction of those concerned, by drawing a Boundary line, which will in future divide the Si-Quan Mines from those of the Goh-Quans.

8. We attach a deed of Settlement signed by ourselves, the Mantri of Perak, and the Assistant Resident of Larut, which shows the exact position of this Boundary.

9. We feel that there is nothing further for us to do in this matter, but to forward to Your Excellency all the papers connected with our Commission.

We have, &c.,
Signed S. DUNLOP, *Captain*.
F. A. SWETTENHAM.
W. A. PICKERING.

Enclosure: The Deed of Settlement

We, the undersigned Commissioners appointed by His Excellency the Governor of the Straits Settlements to settle the occupation of the Larut Mines, the Orang Kaya Mantri of Perak, and the British Assistant Resident of Larut for the time being, have respectively settled, and approved of the settlement of, the Larut Mines to be as follows, i.e.

A living tree bearing from a fixed point, well defined, in Galien Bow, Larut, East by North $\frac{1}{4}$ North, and distant, on that point, on the one side, [blank] feet; and a dead tree bearing from the same point South South-west, and distant from that point, on the other side, [blank] feet; a fence joining these two trees to be the boundary between the Si-Quan and Goh-Quan Mines.

Now, in order to show our approval of, and acquiescence in, this decision, and in order that hereafter no doubt may arise as to the boundary which has been this day settled, we have hereunto put our hands and seals this twentieth day of February, one thousand eight hundred and seventy-four.


Signed S. DUNLOP, *Captain*
FRANK A. SWETTENHAM
W. A. PICKERING

Signatures in Chinese CHIN SENG YAM
CHENG KENG QUEE T. C. S. SPEEDY.
H.B.M. Assistant Resident, Perak

Done this 12th day of Thulkidah 1290


(Sumber : *Report of the Commissioners under Clause XIII of the "Perak Engagement" dated 20th January 1874.*)

LAMPIRAN 2 : Surat daripada Hugh Low kepada F.A. Swettenham atas perkhidmatan cemerlang sebagai Penolong Residen di Perak, 11 Januari 1886.



(Sumber : Arkib Negara Malaysia)


LAMPIRAN 3 : Surat asal peniaga-peniaga di Ipoh kepada Majistret Kinta.



(Sumber : Abdul Rahim B. Haji Bakar, *Perkembangan Penduduk Melayu Di Daerah Kinta (Perak) 1880-1930an*, Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1976-1977, hlm. 112)

LAMPIRAN 4 : GAMBAR BERSEJARAH BANDAR DAN PEKAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI PERAK

Pemandangan bandar Taiping yang dirakam daripada Rumah Penolong Residen pada tahun 1875 (gambar atas) dan 1882 (gambar bawah). Kedua-dua gambar ini menjadi bukti jelas memaparkan perkembangan bandar Taiping daripada bangunan binaan kayu kepada bangunan konkrit. Menariknya, rupa bandar Taiping ini kekal sehingga hari ini.



(Sumber : Arkib Negara Malaysia & First Galleria)

Suasana jalan utama di bandar Taiping pada awal tahun 1880-an (gambar atas) dan pada tahun 1890-an (gambar bawah).



(Sumber : Larut Daerah Terkaya dan Perak Postcard's 1880s-1940s, hlm. 29)

Stesen kereta api pertama di Taiping yang menghubungkan Taiping dengan Port Weld pada tahun 1885.



(Sumber : Arkib Negara Malaysia)

Akibat perkembangan landasan kereta api utara-selatan, stesen kereta api Taiping dipindahkan ke Assam Kumbang pada tahun 1890 dan kekal hingga sekarang.



(Sumber : Arkib Negara Malaysia)




Bangunan-bangunan yang dibina semasa era kegemilangan bandar Taiping (1874-1895). Dari kiri atas adalah gambar Pasar Besar Taiping yang dibina pada tahun 1884, Pejabat Pos dan Telegraf Taiping didirikan pada tahun 1885, Pejabat Kerajaan dan Dewan Bandaran Taiping yang dibina pada tahun 1881 dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Perak, Taiping (kini Pejabat Tanah dan Daerah Larut Matang Selama) yang didirikan pada tahun 1897.



(Sumber : First Galleria Taiping)


Kota, Taiping pada tahun 1880-an.



(Sumber : First Galleria Taiping)




Pusat pentadbiran British di Pengkalan Pegoh, 1879.



(Sumber: *Kinta Valley The Pioneering Malaysia's Modern Development*, hlm. 17.)

Permandangan bandar Gopeng dari Rumah Rehat, 1907.



(Sumber : Muzium Gopeng&Perak Postcard's 1880s-1940s, hlm. 245)

Jalan Hugh Low, Ipoh pada tahun 1887.



(Sumber : Perpustakaan Tun Razak, Ipoh)

Panorama bandar Ipoh dari tebing Sungai Kinta pada tahun 1894.




(Sumber : Arkib Negara Malaysia)

Bangunan Pejabat Daerah Kinta dan Mahkamah di Batu Gajah, 1892.



(Sumber : Perak Postcard's 1880s-1940s, hlm. 242)

Pejabat Pos Batu Gajah.



(Sumber : Perak Postcard's 1880s-1940s, hlm. 241)

Pekan Papan pada tahun 1900.



(Sumber : Raja Bilah & The Mandailingsin Perak 1875-1911)

Stesen Kereta Api Pusing.



(Sumber: Kinta Valley The Pioneering Malaysia's Modern Development, hlm. 169.)

Bandar Kampar pada tahun 1907.



(Sumber: Kinta Valley The Pioneering Malaysia's Modern Development, hlm. 143.)

Permandangan bandar Tapah dari Rumah Pegawai Daerah.



(Sumber : Perak Postcard's 1880s-1940s, hlm. 253)

Sultan Idris Mursyidul Azzam Shah, Sultan Perak ke-28 dan Sir Hugh Low, Residen British ke-3 merupakan perintis pembangunan negeri Perak.



(Sumber : Arkib Negara Malaysia)

Tokoh-tokoh yang bertanggungjawab dalam pembinaan bandar Taiping sejak tahun 1874. Dari kiri ialah Kapten Speedy, Menteri Ngah Ibrahim dan Kapitan Chung Keng Kwee.



(Sumber : Arkib Negara Malaysia & First Galleria Taiping)

Dato' Panglima Kinta Yusuf bersama pegawai British dan pengikutnya di Ipoh.



(Sumber : Persatuan Keturunan Dato' Panglima Kinta)

Sebahagian bandar dan pekan-pekan bijih timah yang terdapat di Perak pada hari ini. Dari kiri atas ialah Pekan Kampung Kepayang sedang dirobohkan, kedai-kedai lama terbiar di Tronoh, Pekan Papan yang sunyi, Pekan Pusing, Pekan Siputeh dan Bandar Tapah.



(Gambar diambil oleh pengkaji pada tahun 2014)

LAMPIRAN 5 : Peta Negeri Perak pada tahun 1910.



(Sumber : Harrison, C.W., *An Illustrated Guide to the Federated Malay States*, London, 1910)